

BAB 2

BAB 2 : KITAB *GHĀYAT AL-MARĀM* : NOTA DAN TRANSLITERASI

2.1 ANALISA KANDUNGAN TEKS *GHĀYAT AL-MARĀM*

Analisa kandungan teks *Għāyat al-Marām* meliputi sumber, kepentingan manuskrip, bahasa, kaedah penulisan, bentuk tulisan, pengaruh mazhab, bahagian terjemahan, isu-isu penting, perkataan klasik dan metod Syeikh Daud dalam petikan hadith-hadith dan doa.

2.1.1 Sumber

Manuskrip kitab *Għāyat al-Marām*¹ ini bernombor MSS 2838 di Perpustakaan Negara. Ia berukuran 24 sm. panjang dan 17 sm. lebar. Mengandungi 72 halaman dengan kulit hadapan yang agak keras dan lebih tebal berbanding halaman-halaman di dalamnya. Pada bahagian tengah muka hadapannya tercatat nama kitab ini berserta nama pengarang, iaitu Daud bin ‘Abdullah al-Faṭāñi. Pada hemat penulis, tahun tersebut ialah tahun manuskrip itu disalin oleh penyalin kerana kitab ini disiapkan pada tahun 1229H. berpandukan satu sumber.²

¹ Dalam transliterasi dan nota, penulis menggunakan manuskrip bernombor MSS 2838 di Perpustakaan Negara dan membandingkan dengan Kitab *Għāyat al-Marām* yang dicetak oleh Percetakan al-Miřiyyah, Makkah, (1332H).

² Berpandukan kepada catatan Wan Mohd. Shaghir Abdullah pada bahagian karya-karya Syeikh Daud al-Faṭāñi di dalam bukunya yang berjudul “Syeikh Daud Bin ‘Abdullah al-Faṭāñi, Ulama”

Dakwat yang digunakan berwarna hitam, namun ayat al-Qur'an, hadith dan sesetengah perkataan penting ditulis dengan dakwat merah untuk menarik perhatian pembaca. Dalam manuskrip yang dilampirkan, penulis menggariskannya dengan dakwat merah. Kesemua ayat al-Qur'an, hadith dan doa yang termuat di dalamnya tidak diletakkan baris kecuali doa panjang yang dibaca ketika *wuqūf* di Padang 'Arafah sahaja iaitu dari halaman 26 hingga 29.

Kitab ini terbahagi kepada empat *kurrās* (buku/juzuk/bahagian) dan kesemua perkataan *al-kurrās* itu ditulis di penjuru atas sebelah kiri. *Al-Kurrās al-Awwal* ditulis pada halaman 1, *al-Kurrās al-Thānī* pada halaman 19, *al-Kurrās al-Thālith* pada halaman 39 dan *al-Kurrās al-Rābi'* ditulis pada halaman 59. Setiap helai halaman dicatat nombor bilangan muka surat.

2.1.2 Kepentingan Manuskrip *Għāyat al-Marām*

2.1.2(a) Manuskrip *Għāyat al-Marām* merupakan sebuah kitab yang membicarakan mengenai ibadat haji dan 'umrah secara terperinci. Tiada karya lain dalam bahasa Melayu yang membincangkan perkara tersebut secara terperinci selain dari kitab ini. Ini menjadikan Kitab *Għāyat al-Marām*

Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara. Lihat Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 71.

sebagai kitab berbahasa Melayu yang paling lengkap dalam membincangkan mengenai ibadat haji dan ‘umrah berbanding kitab-kitab lain yang tidak menyentuh langsung mengenai *iḥṣār*. Begitu juga dengan tajuk-tajuk seperti perkara-perkara yang ditegah ketika berihrām, *dam*, al-Masy’ar al-Ḥarām dan melontar Jamrah dibincangkan tidak selengkap perbincangan Kitab *Għayat al-Marām*.

Syiekh Daud membicarakan persoalan haji dalam dua karya, dalam *Furū’ al-Masā’il* dan *Għayat al-Marām*. Dalam *Furū’ al-Masā’il*, ia disentuh secara ringkas sahaja yang dimuatkan dalam satu fasal setebal 8 halaman. Manakala dalam Kitab *Għayat al-Marām*, beliau membincangkannya setebal 71 halaman yang khusus membicarakan mengenai ibadat haji dan ‘umrah sahaja.

Kitab *Għayat al-Marām* adalah khusus membincangkan tentang ibadat haji dan ‘umrah secara terperinci, termasuk falsafah dan pengajarannya. Manakala penerangan terdahulu mengenai haji dan ‘umrah yang dimuatkan di dalam *Furū’ al-Masā’il* adalah berbentuk ringkas dan padat. Penerangannya dimulai dengan rukun haji dan rukun ‘umrah. Seterusnya diikuti dengan amalan *ṭawāf*, *sa’i*, *wuqūf* di ‘Arafah, jenis-jenis haji dan diakhiri dengan

ziarah ke Madinah. Kesemua perkara di atas dibicarakan dengan terperinci di dalam Kitab *Għayat al-Marām*.

Manakala persoalan *Miqāt*, perkara-perkara yang diharamkan ketika berihrām, *dam*, *iħsār* dan perkara-perkara sunat tidak dibincangkan di dalam fasal haji dan ‘umrah yang dimuatkan di dalam *Furū’ al-Masā’il*.

2.1.2(b) Oleh kerana Kitab *Għayat al-Marām* mengenai ibadat haji dan ‘umrah dalam bahasa Melayu yang paling lengkap, penulis telah memilih manuskrip ini sebagai bahan kajian. Pemilihan ini dibuat dengan harapan ia akan menjadi rujukan kepada mana-mana pihak yang terlibat dengan urusan haji, demi menyokong penulisan-penulisan mengenai ibadat haji dan ‘umrah yang terdapat di Malaysia dewasa ini dalam menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan dan menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan ibadat haji dan ‘umrah.

2.1.2(c) Cara orang Malaysia mengerjakan ibadat haji adalah sama dengan cara yang terdapat di dalam manuskrip ini. Pada halaman 142 dalam buku “Ibadat Haji, ‘Umrah dan Ziarah” terbitan Lembaga Tabung Haji, terdapat kebenaran kepada jama’ah haji pergi ke Makkah untuk melakukan *fawā’id*

ifādah dan *sa'ī* setelah selesai melontar Jamrah al-'Aqabah dan bercukur sekiranya ada kemudahan.

Namun demikian, adalah dinasihatkan supaya jama'ah haji Malaysia tidak melakukan kedua-dua rukun tersebut kerana pada pagi Hari Raya, Bandar Minā dan sepanjang jalan penuh sesak dengan manusia dan beratus-ratus ribu kenderaan mengangkut jama'ah haji dari Muzdalifah ke Minā. Di antara mereka ada yang terus ke Makkah untuk melakukan *ṭawāf* dan *sa'ī*.

Pada masa itu berbagai-bagai kemalangan boleh berlaku. Bagi menjauhkan diri dari kemalangan, kesusahan, kesesatan dan kehilangan, sebaik-baiknya duduk di khemah masing-masing sehingga selesai mengerjakan wajib-wajib haji iaitu bermalam di Minā dan melontar Jamrah pada ketiga-tiga Hari *Tasyriq* berikutnya.

Namun demikian, menurut Syeikh Daud al-Fatāñi di dalam manuskrip *Għayat al-Marām* halaman 55, penangguhan melakukan *ṭawāf ifādah* selepas hari kesepuluh Dhū al-Hijjah adalah makruh, lebih-lebih lagi sekiranya ditangguhkan sehingga berlalu ketiga-tiga Hari *Tasyriq*.

2.1.3 Bahasa

Kitab ini ditulis dengan tulisan jawi dengan strukturnya berbentuk bahasa Melayu klasik. Gaya bahasanya sangat terikat dengan gaya bahasa Arab. Ia tidak mempunyai paragraf, tidak diletakkan tanda “koma” dan tidak bernoktah bersesuaian dengan bentuk penulisan pada ketika itu.

Bab akhir (penutup), bahasanya klasik, kucar-kacir dan berbalik-balik berbanding bab-bab sebelumnya kerana ia merupakan terjemahan daripada Kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* mengenai falsafah haji yang mengaitkan amalan-amalan zahir ibadat haji dengan maksud sebenarnya di sisi Allah serta suasana pada Hari Akhirat menurut Imām al-Ghazzālī.

2.1.4 Kaedah Penulisan Transliterasi Dan Nota Kitab *Għayat al-Maram*

2.1.4(a) Transliterasi Dan Nota

Karya-karya seumpama *Għayat al-Marām* ini tidak begitu popular dan kurang digemari oleh generasi sekarang kerana struktur ayatnya agak sukar dibaca dan difahami kerana ditulis dengan tulisan jawi dan gaya bahasanya terlalu terikat dengan gaya bahasa Arab. Menyedari hakikat ini

penulis menggunakan antara lain, kaedah transliterasi iaitu menyalin semula teks kepada tulisan rumi dengan menjelaskan perkataan-perkataan penting, menerangkan nama-nama tempat, nama-nama orang, perkataan-perkataan yang jarang digunakan dan istilah-istilah.

Metod ini banyak digunakan dalam kajian ini. Sebagai contohnya, penulis menerangkan makna Makkah, ‘Arafah, Muzdalifah dan Tā’if, sebab dinamakan demikian serta kedudukan geografi masing-masing melalui lampiran peta.

2.1.4(b) Memodenkan Perkataan Klasik

Terdapat banyak perkataan klasik digunakan dalam kitab ini. Penulis telah berusaha untuk memodenkan perkataan-perkataan tersebut sama ada dengan mengubah sebutan atau dengan merujuk kamus. Antara contohnya perkataan “merdeheka,” dimodenkan sebutannya kepada “merdeka.” Manakala contoh merujuk kamus ialah perkataan “kaus,” bererti “kasut.”

2.1.4(c) Menambahkan Tanda Bacaan

Terdapat banyak kata kerja yang tidak berimbuhan seperti “hendak” dan “niat.” Perkataan “hendak” ditambahkan imbuhan “lah” menjadi “hendaklah” dan perkataan “niat” ditambahkan imbuhan “me” dan “kan” menjadi “meniatkan.”

Manakala pada tempat-tempat tertentu dalam struktur ayat, diletakkan tanda “koma” dan tanda “noktah” pada penghujung ayat. Seterusnya diletakkan tanda “kurungan / []” pada sesetengah perkataan atau pada tempat-tempat tertentu, menandakan terdapat penambahan daripada penulis (penyunting). Contohnya seperti perkataan “hendak”, ditambahkan imbuhan “lah”, menjadi “hendak[lah]” dan perkataan “melotar”, ditambahkan huruf “n”, menjadi “melo[n]tar”. Kesemua ini dilakukan bagi mengelokkan struktur ayat supaya mudah difahami.

Dalam teks yang diedit dituliskan halaman manuskrip supaya memudahkan pembaca membandingkan teks yang diedit dengan manuskrip dan memandu mereka merujuk kepadanya jika perlu.

2.1.5 Bentuk Tulisan

Hampir keseluruhan tulisan manuskrip ini ditulis menggunakan *khat nasakh*, cuma sebahagian kecil sahaja kedapatan *khat raq'ah* iaitu seperti huruf *sīn* (س) tidak bergigi dan huruf *tā'* (ت) di akhir perkataan tidak *marbūtah*. Manakala huruf *ga* (گ) tidak digunakan dalam tulisan tetapi disebut semasa pertuturan. Perbezaan di antara huruf *ga* (گ) dengan huruf *kāf* (ک) pada sesuatu perkataan boleh dikenalpasti serta boleh dibezakan melalui kedudukan perkataan itu dan mengikut kehendak konteks ayat.

2.1.6 Pengaruh Mazhab Fiqh Dalam Penulisan *Għayat al-Marām*

Kitab ini merupakan karya asli Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Faṭāñi³ yang terikat dengan fiqh Mazhab Syāfi’i⁴. Kajian penulis mendapati bahawa beliau banyak merujuk kepada kitab-kitab yang dikarang oleh ulamak-ulamak daripada Mazhab Syāfi’i iaitu Kitab *Tuḥfah* karangan Ibn Ḥajar al-Haytami³, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* karangan Imam al-Ghazzālī⁴, *al-Majmū’* karangan al-Nawawi⁵, *Mughni al-Muḥtaj*

³ Untuk keterangan ringkas biodata ini sila lihat notakaki no. 77.

⁴ Sila rujuk notakaki no. 293.

⁵ Sila lihat notakaki no. 242.

karangan al-Khaṭīb al-Syarbīnī⁶ dan *Nihāyat al-Muhtāj* karangan al-Ramli⁷

Kalau terdapat khilaf pada sesuatu masalah, beliau menerangkan pendapat-pendapat ulamak mengenainya tanpa menentukan mana-mana pendapat sebagai pilihan.

2.1.7 Bahagian Terjemahan

Bahagian akhir Kitab *Ghāyat al-Marām* memuatkan segmen “Falsafah Haji.” Kajian penulis mendapati keseluruhannya merupakan terjemahan daripada Kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* sebab isi dan doa-doanya yang dimuatkan boleh dirujuk kepada *Iḥyā’*.

2.1.8 Isu-Isu Penting

Setelah kajian dijalankan, penulis telah mengesan suatu kelebihan pada Kitab *Ghāyat al-Marām* yang tidak terdapat dalam kitab-kitab lain iaitu Syeikh Daud telah mengumpulkan empat martabat haji ke dalam satu perbincangan khusus dan dimuatkan pada bahagian awalnya. Martabat-martabat tersebut ialah martabat *sah muflaq*.

⁶ Sila lihat notakaki no. 548.

⁷ Sila lihat notakaki no. 78.

martabat *sah mubāsyarah*, martabat gugur fardu Islam dan martabat wajib haji ke atas seseorang individu.

Melalui penulisan Kitab *Għayat al-Marām* ini, Syeikh Daud al-Faṭānī telah memberi beberapa peringatan penting kepada jama'ah haji demi menjamin kesahihan dan kesempurnaan amalan ibadat yang dikerjakan. Antara peringatan-peringatan tersebut ialah:

- 2.1.8(a) Ketika mengerjakan ibadat haji, hendaklah sentiasa mengingati Allah dan selalu berzikir bermula dari keluar daripada rumah lagi. Ia tidak boleh dicampuradukkan dengan bersuka-sukaan atau sebarang perkara lagha dan sia-sia. Menyahut seruan Allah dengan mengunjungi *bayt Allāh* untuk menunaikan ibadat haji merupakan suatu keinsafan dan taubat kepada Allah ‘Azza wa Jalla. Justeru itu, hendaklah mengerjakan ibadat dengan perbelanjaan yang halal dan hati yang tulus ikhlas serta sentiasa bersabar menghadapi segala dugaan dan kesulitan agar diterima oleh Allah atau dengan kata lain, mendapat haji *mabrūr*.

- 2.1.8(b) Semasa mengakhiri *tawāfi* di *bayt Allāh*, tidak boleh terus pergi ke Hajar Aswad untuk mengucupnya. Hendaklah pastikan betul-betul telah sampai ke garisan penamat iaitu garisan yang merentang daripada Penjuru Aswad dengan

mencecahkan kaki ke garisan tersebut. Ia tidak boleh kurang walaupun satu langkah. Selepas itu barulah dipalingkan dada dan menuju ke *bayt Allāh* untuk mengucup Hajar Aswad. Peringatan ini bertujuan menjamin kesempurnaan *tawāf* dan seterusnya memastikan kesahihan ibadat haji yang dikerjakan.

- 2.1.8(c) Pada setiap hari melontar, iaitu pada hari ke 11, 12 dan 13 Dhū al-Hijjah, seseorang itu hendaklah membawa 21 biji anak batu untuk melontar di ketiga-tiga Jamrah, *al-Ūlā*, *al-Wuṣṭā* dan *al-'Aqabah*, masing-masing hendaklah dilontarkan sebanyak 7 biji. Sekiranya setelah selesai melontar di Jamrah *al-'Aqabah* didapati berbaki satu biji anak batu, Syeikh Daud berpendapat wajib mengulangi semula lontaran pada ketiga-tiga Jamrah sebagai langkah berjaga-jaga, iaitu menetapkan bahawa satu biji batu yang berbaki itu tertinggal di Jamrah *al-Ūlā*. Kewajipan ini adalah semata-mata bertujuan untuk mempastikan kesempurnaan perbuatan melontar Jamrah.
- 2.1.8(d) Selepas melontar di Jamrah *al-'Aqabah* pada hari ke 10 Dhū al-Hijjah dan seterusnya melakukan *tahālul awwal*, hendaklah terus pergi ke *bayt Allāh* untuk menunaikan *tawāf ifāḍah* agar mendapat fadilat yang besar. Tidak boleh dilewatkan hingga ke hari berikutnya atau

dilewatkan sehingga tamat tiga hari bermalam di Minā kerana penangguhan tersebut adalah makruh. Setelah melakukan *tawāf ifādah*, hendaklah kembali semula ke Minā untuk bermalam selama tiga hari di sana sebagai memenuhi tuntutan wajib haji. *Kayfiyyat* ini disarankan supaya seseorang itu akan mendapat sebesar-besar ganjaran pahala daripada Allah S.W.T. di atas amalan ibadat haji yang dikerjakan dengan penuh kesungguhan dan kesabaran. *Kayfiyyat* ini lebih mudah dilakukan pada masa sekarang kerana telah dibina terowong menembusi bukit sebagai jalan pintas dari Minā ke Makkah.

2.1.9 Perkataan Klasik

Terdapat banyak perkataan berupa klasik digunakan dalam kitab ini. Penulis telah menyenaraikan perkataan-perkataan tersebut serta menerangkan maksudnya.

Perkataan	Maksud	Halaman Disertasi
Seyogia	Seeloknya atau sebaik-baiknya	65
Taulan	Kawan, teman atau rakan	65
Merdeheka	Merdeka	69
Menu[n]tun	Memimpin	70

Picit [Picik]	Sempit, susah atau tidak luas	70
Helat	Helah	71
Berkendera	Menaiki kenderaan	76
Syahdan	Suatu bentuk pembuka kata	83
Kesumber [Kesumba]	Pencelup berwarna merah	86
Kaus	Kasut atau sepatu	87
Lambung	Rusuk atau tepi badan	98
Taruh	Meletakkan atau menempatkan	107
Menjerkah	Menengking atau mengherdik	126
Sahaya	Hamba	128
Menderas	Mengulang membaca al-Qur'an	162
Pending	Tali pinggang	165
Jinjak	Jejak atau pijak	167
Kemah	Kumis atau misai.	168
Digagahi	Dipaksa	168
Tamam (Ar.)	Sempurna, selesai atau tamat	180
Tak dapat tiada	Mesti	183
Sekedup	Pelana	186
Lutuk-lutuk	Terlalu usang	187
Ceritera	Riwayat	188
Jumud (Ar.)	Beku atau kaku.	191
Menyahaja	Sengaja	191
Tilik	Perhatikan betul-betul	201

2.1.10 Metod Syeikh Daud Dalam Petikan Hadith-Hadith Dan Doa Dalam Manuskrip *Għayat al-Marām*

Daripada penelitian penulis, didapati Syeikh Daud mempunyai metod tertentu dalam menentukan hadith-hadith dan doa. Kebanyakan hadith-hadith yang dipetik diberikan makna terjemahannya. Manakala doa-doa pula, beliau tidak memberi terjemahannya. Mungkin untuk mengelakkan kitab menjadi panjang atau tebal atau kerana adat orang Melayu berdoa dalam bahasa Arab tanpa menggunakan bahasa Melayu.

Hadith dan doa yang dipetik berjumlah 77 buah. Sebanyak 5 buah hadith sahaja dinyatakan sumbernya, antaranya dinyatakan perawi Sahabat iaitu riwayat ‘Abdullāh ibn ‘Umar, Ibn ‘Abbās dan Anas atau dinyatakan sumber takhrījnya iaitu Bukhārī, Muslim, Abū Dāwūd, al-Tayālīsī dan Ibn Razayn. Manakala baki, atau sebahagian besarnya tidak dinyatakan. Justeru itu, penulis telah berusaha menjelak atau mencari sumber-sumber hadith dan doa tersebut dalam kitab-kitab hadith yang muktabar seperti *sunan tis’ah* dan kitab-kitab fiqh.

Banyak hadith di bahagian akhir manuskrip boleh dirujuk kepada *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* karangan al-Ghazzālī kerana ia merupakan ambilan terus atau terjemahan dari kitab tersebut.

2.2 Kitab Ghāyat al-Marām

[Halaman 1]

داؤدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ فَطَانِيُّ. تَفَعَّلَ اللَّهُ بِهِ عَوْامُ الْمُسْلِمِينَ، يَأْمِنُ.

[Ini adalah risalah haji yang bernama *Għayat al-Marām* mengenai cara-cara menunaikan haji Islam. Disusun oleh hamba Allah Yang Maha Kaya, Daud bin ‘Abdullah [al-]Faṭānī. Semoga Allah memberi manfaat kepada umat Islam.
Āmīn.]

[Halaman 2]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ。 وَبِسْمِ اللَّهِ تَعَالَى تَعَالَى تَعَالَى

Ku mulai risalah ini dengan nama Allah, Tuhan Yang Amat [Pe]Murah lagi Amat Mengasihani.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْحَجَّ رُكُنًا مِنْ أَرْكَانِ الْإِسْلَامِ.

⁸ Huruf "باء" pada perkataan "بَاعَةٌ" adalah "حُرْفُ الْبَاءِ". Perkataan "yang bernama" adalah diterjemahkan daripada Bahasa Arab iaitu "الْمَسْمُوُّ" dan perkataan ini berfungsi dengan huruf "باء". Ayat sebenar di dalam Bahasa Arab berbunyi:

⁹ "Għāyat" bermaksud "sampai." Daripada kata kerja "الغاية" . Manakala perkataan "al-Marām" bermaksud "al-Maṭlab" iaitu "yang dituntut." Daripada kata kerja "المراة" . Lihat al-Munjid fī al-Lughah wa al- A'lām, (1986), op. cit., h. 565 dan 288. Oleh itu, perkataan Għāyat al-Marām bermaksud "Sampai Kepada Perkara Yang dituntut" atau dengan kata lain, "Sampai Matlamat."

Tanda kurungan “[]” merupakan tambahan daripada penyunting bagi menerangkan perkataan-perkataan yang lebih sesuai.

Segala puji[an] bagi Allah, Tuhan Yang Menjadikan haji itu satu rukun daripada Rukun[-Rukun] Islam yang lima.

وَأَفْرَضَهُ عَلَىٰ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا مِنْ أَهْلِ الإِيمَانِ وَالإِسْلَامِ.

Dan telah memfardukan dia [ke] atas mereka itu yang [ber]kuasa [ber]jalan kepadanya daripada orang yang beriman dan Islam.

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى الْقَائِلِ: "خُذُونَا عَنِّي مَنَاسِكُكُمْ".¹⁰

Rahmat Allah dan salam [ke]atas Penghulu kami yang berkata: "*Ambil olehmu daripadaku pekerjaan haji kamu*" dan [ke]atas segala Keluarganya dan Sahabat¹¹nya yang menyatakan¹² beberapa kesamaran agama Nabi kamu.

وَبَعْدُ، فَاعْلَمْ هَذِهِ تَعْلِيقَةً لَطِيفَةً فِيمَا تَعْلَمُ بِهِ الْحَجُّ.

Dan kemudian dari itu maka ketahui olehmu, inilah satu gantung¹³ yang kecil pada menyatakan barang yang bergantung dengan dia sah haji

مُسْتَعِينًا مِنَ اللَّهِ التَّوْفِيقَ لِلصَّوَابِ.

hal keadaannya mintak¹⁴ tolong aku daripada Allah Ta'ala memberi taufik bagi kebenarannya.

¹⁰ Al-Bayhaqī (t.t.), Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Atā (ed), *al-Sunan al-Kubrā*, j. 5, Kitāb al-Hajj, Bāb al-Idā’ fī Wādī Muḥassir, no. hadith 9524, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 204.

¹¹ Ialah orang yang sempat bertemu dengan Nabi S.A.W., beriman dengan Baginda, sentiasa bersama Baginda dan mengambil ilmu daripada Baginda serta meninggal dunia dalam iman seperti al-Khulafā’ al-Rāsyidin, isteri-isteri Nabi S.A.W., Abū Hurayrah, ‘Abdullāh bin Mas’ūd, ‘Abdullāh bin ‘Abbās, Zayd bin Thābit dan lain-lain. Lihat Muḥammad al-Sa’id ‘Alī ‘Abd Rabbī (1980), *Buhāth fī al-Adillat al-Mukhtalaf fīhā ‘ind al-Uṣūlīyān*, Kaherah: Maṭba’ah al-Sā’ādah, h. 134.

¹² (menerangkan).

¹³ Terjemahan bagi perkataan “تعليق”. Maknanya yang tepat ialah “huraian.” Dari kata kerja “*‘allaqā yu’alliqu ta’liq*.” Lihat *al-Munjid*, (1986), *op. cit.*, h. 526.

¹⁴ (meminta).

[2.3] *Kitāb al-Hajj wa al-'Umrah*

Ini suatu kitab pada menyatakan haji dan 'umrah. Ketahui olehmu [wa]hai *fālib*¹⁵ yang diberi taufik bahawasanya haji dan 'umrah itu satu rukun daripada Rukun-[Rukun] Islam dan fardunya amat nyata [ke] atas orang Islam. Maka wajib [ke] atas orang yang '*āqil*,¹⁶ *bāligh*,¹⁷ [dan] yang [ber]kuasa ia mengerjakan[nya] di dalam seumur hidup sekali. Demikian lagi 'umrah seperti haji jua. Maka erti haji dan 'umrah itu mengga&shdikan¹⁸ *bayt Allāh* hendak mengerjakan beberapa perbuatan yang lagi akan datang sebutnya. Maka apabila *jazam*¹⁹ hati [se]seorang hendak ia naik haji, maka seyogianya²⁰ ia [ber]taubat daripada dosanya [dan] membawa bekal yang halal atau yang kurang *syubhatnya*.²¹ Jika jika²² ada dilebihkan sedikit supaya dapat ia mengerjakan kebajikan seperti ia memberi makan akan orang haji dan taulannya²³ yang keputusan [bekalan]. Dan jangan ia

¹⁵ Bererti "penuntut". Lihat *al-Munjid*, (1986), *op. cit.*, h. 468.

¹⁶ Bermakna "orang yang berakal dan boleh memahami arahan." Berasal dari kata kerja "*'aqila ya'qilu 'aqil fa huwa 'aqil*." Lihat al-Fayyūmī (t.t.), *al-Misbāh al-Munīr*, j. 2, Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 423.

¹⁷ Bermakna "sampai umur" iaitu kanak-kanak yang telah bermimpi. Berasal dari kata kerja "*balagha yablughu bulāgh fa huwa bāligh*." Lihat al-Fayyūmī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 61. Seseorang yang sudah baligh dituntut melakukan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Syarak seperti sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain. Segala perbuatan yang dilakukan dipertanggungjawabkan sepenuhnya dan dikenakan hukum hudud sekiranya dia melakukan zina, minum arak dan sebagainya. Tanda-tanda *bāligh* pada budak lelaki ialah bermimpi dan pada budak perempuan, keluar haid. Jika fenomena-fenomena ini tidak berlaku, dikira *bāligh* dengan bilangan maksima umur. Jumhūr ulamak menghadkan umur *bāligh* dengan lima belas tahun, manakala al-Imām Abū Ḥanīfah mengatakan lapan belas tahun bagi budak lelaki dan tujuh belas tahun bagi budak perempuan. Lihat 'Abbās Muṭawallī Ḥammādah (1968), *Uṣūl al-Fiqh*, c. 2, Kaherah: Dār al-Ta'līf, h. 371 – 372.

¹⁸ *Qaṣad* bermakna "mencari sesuatu dan pergi kepadanya." Dalam Bahasa Arab, "*qaṣada yaqṣidu qaṣad*." Al-Fayyūmī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 504.

¹⁹ Bermakna "memutuskan atau menetapkan untuk melakukan sesuatu dan tidak berganjak lagi." Dalam Bahasa Arab, "*jazama yajzimu jazm*." Lihat al-Fayyūmī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 100; "Memutuskan atau menentukan." Lihat *Kamus Dewan* (1998), c. 3, Kuala Lumpur: DBP, h. 524.

²⁰ (sebaik-baiknya).

²¹ Bermakna "bercampur-aduk antara yang benar dan yang salah serta tidak boleh dibezakan dan tidak nyata." Berasal dari kata kerja "*asybahā yusyibū syubhah*." Lihat al-Fayyūmī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 304; "Kesamaran (kerana tidak jelas hukumnya antara halal dan haram). *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 1334.

²² Diulang perkataan "jika" dua kali, silap salin [penyunting].

²³ Bermakna "kawan, teman, sahabat, rakan dan handai." *Kamus Dewan* (1998), *ibid.*, h. 1383.

membawak²⁴ sertanya dagang ngan²⁵ karana²⁶ yang demikian itu mengurangkan pahala haji dan jangan ia *qasad* melainkan menujung titah Allah dan menyempurnakan rukun[-rukun] Islam. Dan ia mencari taulan yang tahu yang dapat mengajarkan dia, orang yang kepercayaan²⁷

[Halaman 3]

pada agamanya. Dan sunat ia membawak²⁸ surat²⁹ yang menyatakan haji dan ia takut akan Allah pada perjalannya dengan ia mengerjakan yang fardu dan sunat dan menjauh[i] segala yang ditegah dan segala yang munkar dan ia [me]minta izin kepada kedua ibubapanya jika ada [jika masih hidup] dan ia tinggal³⁰ nafkah isterinya yang cukup pergi [dan] datangnya dan membanyakkan taat akan Allah pada perjalannya. Maka segala perkara yang tersebut itu [akan membawa kepada] kesempurnaan haji lagi diharap[kan] akan haji *mabrūr*,³¹ seperti sabda Nabi S.A.W.:

الْحَجُّ الْمَبُرُورُ لَيْسَ لَهُ جَرَاءٌ إِلَّا حَنَّةً. رَوَاهُ الشَّيْخُانُ.³²

²⁴ (membawa).

²⁵ (dagangan).

²⁶ (kerana).

²⁷ (dipercayai).

²⁸ (membawa).

²⁹ Buku panduan haji.

³⁰ (meninggalkan).

³¹ Bermaksud "haji yang ditunaikan itu tidak bercampur dengan sebarang perbuatan dosa atau semasa mengerjakan haji sentiasa mengeluarkan percakapan yang baik atau sentiasa memberi makanan kepada orang-orang yang memerlukan atau selalu memberi salam kepada sesiapa sahaja yang ditemui atau ibadat haji yang diterima oleh Allah S.W.T. kerana melakukan kebajikan dan haji bersebut merupakan suatu ganjaran pahala yang membawa kepada terhapusnya dosa-dosa yang telah dilakukan." Lihat Ibn Manzūr (t.t.), *Lisān al-'Arab*, Kaherah: Louis Thomas, j. 5, h. 117; Al-Syawkānī (t.t.), *Nayl al-Awṣāf*, j. 4, Kaherah: Maktabah al-Da'wah al-Islāmiyyah, h. 283; Al-Mundhiri (t.t.), *al-Targhib wa al-Tarhib*, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 162. Haji yang sempurna segala hukumnya dan menepati perkara-perkara yang dituntut daripada mukallaf untuk melakukannya dengan sempurna. Lihat Ibn Ḥajar (1978), *Fatḥ al-Bārī*, j. 7, Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azharīyah, h. 153.

³² Lihat *Ibid.*, j. 8, Kitāb al-Ḥajj, Bāb Wujūb al-'Umrah wa Faḍliha, no. 1773, h. 82; Al-Nawawī (t.t.), *Saḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, j. 9, Kitāb al-Ḥajj, Bāb Faḍl al-Ḥajj wa al-'Umrah (t.no.), Kaherah: Al-Μaṭba'ah al-Miṣriyyah, h. 118.

[Maksudnya]: Bermula haji yang *mabrūr* itu tiada balas[annya] melainkan Syurga. Riwayat al-Syeikhān [Bukhārī³³ dan Muslim³⁴]. Dan adalah bagi haji itu empat martabat.

Pertama, martabat *ṣah mūṭlaq* namanya. Maka syaratnya hendak[lah] ada ia Islam. Maka sah hajinya jikalau daripada kanak-kanak yang kecil sekalipun. Maka sah bagi *wali al-māl*³⁵ yakni wali yang memagang³⁶ [h]artanya me[ng]*iḥrāmkan*³⁷ anak yang kecil seperti katanya: “Aku jadikan anak ini [ber]*iḥrām* dengan haji.” Maka jadi [ber]*iḥrām*lah kanak-kanak itu. Maka wajib atas walinya mengerjakan bagi kanak-kanak itu barang yang dituntut bagi orang yang [mengerjakan] haji daripada ia menghadirkan kanak-kanak itu pada segala tempat haji dan ia kerjakan ganti jika tiada dapat kanak-kanak itu mengerjakan sendirinya, tetapi dengan syarat kemudian daripada ia mengerjakan bagi dirinya

³³ Beliau ialah Abū ‘Abdillāh Muhammad bin Ismail bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah. Dilahirkan di Bukhārī pada hari Jumaat, 13 Syawal, 194H/809M. Bapanya meninggal sejak beliau masih kecil. Mula mendengar hadith pada tahun 205H. Setelah mempelajari hadith daripada ulamak di tempat kelahirannya, pada tahun 210H beliau mula berhijrah untuk mendengar hadith ke Balkh, Marw, Naysābūr, Rayy, Baghdād, Baṣrah, Kūfah, Makkah, Madinah, Wāsit, Mesir, Damsyiq, Qayṣariyyah, ‘Asqalān dan Hūmṣ, sehingga beliau membuat pengakuan bahawa beliau telah menulis hadith daripada 1,080 orang perawi. Keilmuan beliau pada zamannya seumpama ‘Umar pada zaman Sahabat. Kitabnya, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ* merupakan kitab yang terunggul dan paling utama selepas al-Qur'an. Beliau meninggal dunia di Samarkand pada malam Sabtu, malam Idilfitri 256H/869M, ketika berusia 62 tahun. Lihat Ibn Hajar (1978), *op. cit.*, j. 1, h. 9-11.

³⁴ Beliau ialah al-Imām Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim bin Ward bin Kawsyaz al-Qusyayrī al-Naysābūrī. Dilahirkan di Naysābūr pada tahun 206H dan meninggal dunia pada tahun 261H. Beliau sangat tekun dalam penerokaan ilmu sehingga ketokohnya telah menarik perhatian umum dengan kemunculan *Ṣaḥīḥnya* yang menjadi gabungan kepada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Lihat al-Suyūtī (1987), *Uqūd al-Zabarjad ‘alā Musnad al-Imām Ahmad*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 17.

³⁵ (yakni bapa dan nenek dan *wāsi* bagi kedua[-dua]nya dan sultan atau naibnya). Tercatat pada tepi sebelah kiri manuskrip, h. 3.

³⁶ (memegang).

³⁷ Nama terbitan bagi perbuatan *abra*ma *yuhrimu iḥrām* iaitu apabila seseorang itu mengucapkan *talbīyah* untuk mengerjakan haji atau ‘umrah. *Iḥrām* bererti mengikat diri kepada Allah S.W.T. dalam keadaan beribadat dan mematuhi roh ibadat itu serta menjauhi segala tegahanNya. Hendaklah menjaga syarat-syaratnya seperti tidak memakai pakaian berjahit, tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang ditegah oleh Syarak seperti memakai bau-bauan, bernikah, berburu dan lain-lain. Makna asalnya ialah tegahan iaitu orang yang berihram menegah dirinya dari melakukan perkara-perkara tersebut. Tegahan-tegahan tersebut hendaklah dipelihara sehingga selesai *tahallul*. Jika terlenggar, ia wajib membayar *dam* atau *fidyah* sebagai pengganti atau pencukup kepada ibadat. Ini adalah untuk mengukuhkan kembali ikatan dalam ibadat umrah dan haji itu. Bagi menghormati pantang larang *iḥrām*, kita digalakkan supaya perbanyakkan membaca *talbīyah* secara berulang kali semasa di dalam perjalanan. Lihat Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, h. 846; Md. Daud Che Ngah (1999), *Panduan Haji Dan Umrah*, h. 77.

[sendiri]. Jika ada wali itu pula [ber]ihrām, maka wajib ia bersucikan kanak-kanak itu dan menutup auratnya tatkala hendak membawak³⁸ [nya] *tawāfi*³⁹ dan disembahyangkan baginya dan menghadir[kannya] [ke] ‘Arafah⁴⁰ dan Muzdalifah⁴¹ dan Minā⁴² dan dibawak⁴³ kepada melo[n]tar Jamrah,⁴⁴ tetapi

³⁸ (membawa).

³⁹ *Tawāfi* bermaksud “mengelilingi Bayt Allāh.” Berasal dari kata kerja “*tāfa yaṭif tawf*.” Lihat Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, h. 2722. *Tawāfi* terbahagi kepada tiga jenis iaitu *tawāfi al-qudūm*, *al-ifādah* dan *al-widā*. Bagi ‘umrah, sunat melakukan *tawāfi* yang keempat iaitu *tawāfi mutaṭawwi’* atau *tawāfi* sukarela. *Tawāfi al-qudūm* mempunyai lima nama iaitu *tawāfi al-qudūm*, *al-qādim*, *al-wurūd*, *al-wārid* dan *al-taḥiyah*. *Tawāfi al-ifādah* juga mempunyai lima nama iaitu *tawāfi al-ifādah*, *al-ziyārah*, *al-fard*, *al-rukn* dan *al-sadr*. Manakala *tawāfi al-widā* disebut juga dengan nama *tawāfi al-sadr*. *Tawāfi al-qudūm* dilakukan ketika sampai ke Bayt Allāh, *tawāfi al-ifādah* pula dilakukan selepas *wuqūf* di ‘Arafah dan separuh malam hari kesepuluh Dhū al-Hijjah, manakala masa melakukan *tawāfi al-widā* ialah ketika hendak musafir meninggalkan Makkah selepas menuaikan kesemua kerja ibadah haji. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 12.

⁴⁰ Sempadan ‘Arafah ialah dari sebuah bukit di tengah-tengah ‘Uranah sehingga bukit ‘Arafah iaitu sejauh 25 km. di tenggara Makkah. Berada pada ketinggian 225 meter dari paras permukaan laut. Di utaranya terletak Jabal al-Rahmah iaitu tempat *wuqūf* Rasulullah S.A.W. pada tahun ke 10H ketika menuaikan haji *wadā’* dan semasa itulah turunnya ayat ke-3, Surah al-Mā’idah: *الْيَوْمَ أَكْتُلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْتُمْ عَلَيْكُمْ تَعْنِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا*.

Dinamakan ‘Arafah kerana Jibril a.s. telah menunjukkan kepada Nabi Ibrāhīm a.s. kerja-kerja haji. Apabila Jibril a.s. memberhentikan baginda di ‘Arafah, beliau bertanya kepada Ibrāhīm a.s.: ‘Arafa? Jawab Ibrāhīm a.s.: Ya! Maka dinamakan ‘Arafah. Ada yang mengatakan kerana Adam dan Hawa bertemu di sana selepas turun daripada Syurga. Pendapat lain mengatakan kerana semua manusia mengiktiraf segala dosa mereka di tempat *wuqūf* itu. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *Mu’jam al-Buldān*, j. 4, Beirut: Dār Ṣādir, h. 104; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, *op. cit.*, j. 3, h. 332.

⁴¹ Muzdalifah diambil dari perkataan *izdilāf* yang bermakna (i) “berkumpul”; (ii) hampir iaitu hampir dengan Allah; (iii) jamaah haji turun ke Minā selepas *wuqūf* di ‘Arafah; (iv) Adam dan Hawa bertemu di sana; (v) semua jamaah haji berkumpul di sana selama sebahagian malam (*zalīf*); (vi) *zalīf* bermakna hampir kerana jamaah haji sedang menghampiri Tanah Ḥarām Makkah. Muzdalifah juga dinamakan Jam’ kerana di situ merupakan tempat bermalam jamaah haji dan tempat mereka menjamakkan Sembahyang Maghrib dan Isyak apabila mereka tiba daripada ‘Arafah. Ia terletak di antara Wādī Muḥassir dan Ma’zimayn. Di sana terletaknya al-Masy’ar al-Ḥarām dan tempat sembahyang Imam untuk menuaikan sembahyang Maghrib, Isyak dan Subuh. Dinamakan juga dengan Muzdalifah kerana semua manusia pergi ke sana dalam keadaan *zulfiyah wāhidah* atau beramai-ramai. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 5, h. 120.

⁴² Terletak 7 km. dari Makkah. Jamaah haji pergi ke sana untuk melontar tiga Jamrah iaitu al-Ṣughrā, al-Wuṣṭā dan al-Kubrā. Di sana terdapat Masjid al-Kabsy, sempena nama kambing yang dijadikan korban dalam peristiwa penyembelihan Nabi Ibrāhīm dan putera baginda, Ismā’īl a.h.m.s., Di sana terdapat Masjid al-Khayf dan Masjid al-Bay’ah, sempena mengingati sejarah penduduk Madinah membay’ah Rasulullah S.A.W. Dinamakan demikian kerana dialirkkan darah sembelihan (*yummāj*) atau kerana dikatakan bahawa Nabi Adam a.s. dikeluarkan (*yummāj*) di sana setelah turun daripada Syurga. Minā terletak di kawasan antara ‘Aqabah dan Muḥassir, iaitu satu lereng bukit yang memanjang di antara Bukit Thubayr dan Bukit al-Ṣāni’. Sementara Muzdalifah di antara Muḥassir dan bukit-bukit Tanah Ḥarām, manakala tempat *wuqūf* di ‘Arafah adalah di tanah halal, bukannya di Tanah Ḥarām. Dinamakan Minā juga kerana kambing disembelih (*muniya*) di situ; Atau diambil daripada perkataan al-Manāyah iaitu sebuah kampung yang jaraknya satu *farsakh* dari Makkah, luasnya dua batu dan orang ramai berkumpul di situ pada musim-musim tertentu. Di hujung Minā menghala ke Makkah terletaknya ‘Aqabah yang dilontarkan Jamrah pada Hari Nahr. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 5, h. 198; Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 117; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 332.

walinya melo[n]tarkan ganti jika tiada dapat kanak-kanak itu mengerjakan sendirinya.

Dan kedua, martabat *sah mubāsyarah* dengan sendirinya. Maka disyaratkan padanya dua [syarat], pertama Islam dan kedua *tamyīz*.⁴⁵ Maka sah bagi kanak-kanak yang Islam lagi *mumayyiz* itu mengerjakan haji dengan sendirinya, tetapi⁴⁶ jika diizinkan oleh walinya atau walinya meniatkan dia.

Dan ketiga, martabat jatuh fardu Islam.⁴⁷ Maka syaratnya Islam dan *tamyīz* dan '*āqil* dan *bāligh* dan merdeheka⁴⁸. Maka sah orang fakir itu ia mengerjakan haji, maka jatuh fardu Islam baginya.

Dan keempat, martabat wajib haji atasnya. Maka syaratnya, Islam lagi *tamyīz* lagi '*āqil* lagi *bāligh* lagi merdeheka⁴⁹ lagi ada kuasa atasnya. Maka makna [ber]kuasa itu iaitu yang ada bekal[an] dan kenderaan yang dapat pergi ke Makkah⁵⁰ dan cukup ia pergi [dan] datangnya.⁵¹ Maka adalah

⁴³ (dibawa).

⁴⁴ Jamrah bermaksud "anak batu." Tempat melontar di Minā dinamakan Jamrah kerana ia dilontarkan dengan anak batu atau kerana ia merupakan tempat terkumpul anak-anak batu yang dilontarkan. Lihat Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, h. 676.

⁴⁵ Bermakna "kanak-kanak yang boleh memahami dan membezakan sesuatu." Berasal dari kata kerja "*mayyaza yumayyizu tamyīz fa huwa mumayyiz*." Lihat *al-Munjid*, *op. cit.*, h. 781. Bermula dari kanak-kanak berumur tujuh tahun atau boleh jadi sebelum itu atau selepas tujuh tahun. Dikategorikan sebagai *mumayyiz* sehingga mencapai umur *baligh*. Sebarang bentuk ibadat tidak diwajibkan ke atasnya tetapi sah sekiranya dilakukan mengikut syarat-syarat dan rukun-rukunnya. Lihat 'Abbās Mutawalli Ḥammādah (1968), *op. cit.*, h. 370 – 371.

⁴⁶ Perkataan "tetapi" elok dibuangkan bagi membetulkan ayat.

⁴⁷ Iaitu gugur tanggungjawab menuaikan fardu haji iaitu hajinya sah.

⁴⁸ (merdeka).

⁴⁹ (merdeka).

⁵⁰ Dinamakan Makkah kerana hilang (*tamukku*) sifat sompong dan takabbur daripada orang-orang yang bongkak. Ada pendapat yang mengatakan kerana terlalu ramai manusia berhimpun di situ, diambil dari kata-kata mereka: "Anak unta *imitakka* iaitu sangat gelojoh menghisap susu ibunya." Pendapat lain mengatakan kerana orang-orang Arab pada zaman jahiliah berkata: "Haji kita tidak akan sempurna sehingga kita datang ke tempat Ka'bah, maka kita *namukku*", iaitu bersiul-siul seperti siulan burung makkā' sekeliling Ka'bah. Mereka bersiul-siul dan bertepuk-tepuk tangan ketika melakukan *fawāfi*. Burung makkā' adalah sejenis burung yang selalu bersiul-siul di taman-taman. Perbuatan mereka seolah-olah menyamai suara burung tersebut. Lihat al-Baghdādī (1957),

[Halaman 4]

bagi yang [ber]kuasa terbahagi atas dua bahagi[an].

Pertama, [ber]kuasa ia dengan sendirinya. Maka disyaratkan baginya itu tujuh syarat. Hendak[lah] ada bekal[an] dan [per]belanja[an]nya pergi [dan] datang⁵² yang layak dengan halnya. Dan ada kenderaan yang patut dengan dia bagi orang yang jauh dari Makkah dua *marjalah*⁵³ atau tiada kuasa berjalan jika ada ia hampir sekalipun. Dan hendak[lah] ada aman yakni sentosa atas dirinya dan anggotanya dan [h]artanya dan farajnya⁵⁴ pada jalan pergi [dan] datangnya. Dan hendak[lah] ada makanan dan air pada segala tempat berhenti yang adat ada padanya. Dan ada u[m]pama suami keluar sertanya⁵⁵ jika perempuan. Dan ada orang menu[n]tun⁵⁶ dia jika orang buta jikalau dengan upah mithal⁵⁷ sekalipun. Dan hendak[lah] ada orang itu dapat tetap di atas kenderaan dengan tiada memberi mudarat yang sangat.⁵⁸ Dan hendak[lah] ada masa itu dapat ia pergi ke Makkah itu dengan sehari [bagi orang yang tinggal berhampiran dengan Makkah] adat orang berjalan. Maka jika picit⁵⁹ waktu tiada dapat haji melainkan dengan

⁵¹ *op. cit.*, j. 5, h. 181.

⁵² (balik).

⁵³ (balik).

⁵⁴ Dua *marjalah* bermaksud “jarak yang diharuskan kepada orang musafir untuk mengqaşarkan sembahyang,” iaitu 88.704 k.m. Lihat Wahbah al-Zuhayli (1989), *op. cit.*, j. 1, h. 75.

⁵⁵ Kehormatan diri.

⁵⁶ (ditemani oleh suami).

⁵⁷ Bermakna “menolong orang lain berjalan dengan memegang tangannya atau memimpin.” *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 1496.

⁵⁸ (misalnya dengan memberi upah sekalipun).

⁵⁹ Seseorang itu hendaklah merasa selesa ketika berada di atas kenderaan. Kalau dirasakan tidak selesa atau menyakitkan badan kerana tua atau sebagainya, dia tidak dikira berkuasa. Lihat al-Ramli (1967), *Nihāyat al-Muhtāj*, j. 3, Kaherah: Muṣṭafā al-Halabī, h. 251.

⁵⁹ (picik). Bermakna “tidak lebar atau tidak luas, sempit dan susah” iaitu kesuntukan masa. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 1034.

memutuskan jalan yang dua hari dijadikan sehari u[m]pamanya maka tiada wajib haji [ke]atasnya.

Dan keduanya, [ber]kuasa ia mengerjakan haji dengan orang lain iaitu terbahagi atas dua orang. **Pertama**, orang itu *ma'dūb* iaitu yang lemah ia daripada mengerjakan haji dengan sendirinya sekira-kira tiada tetap di atas kenderaan sekali-kali atau tetap tetapi tiada ditanggung oleh adat sebab tuhanya⁶⁰ atau muda tetapi sakit-sakit yang seperti itu jua, maka tiada diharap[kan] akan sembah sakitnya.⁶¹ Maka disyaratkan baginya itu ada kuasa mengupah orang [untuk] menghajikan dia dengan upah sehari adat atau ada orang yang hendak mengerjakan haji baginya dengan tiada upah. Maka sah tiap-tiap orang yang hendak menghajikan dia jika orang helat⁶² sekalipun dengan ada izinnya, maka tiada dihajikan baginya dengan tiada diizinnya, bersalahan orang mati.

Dan kedua, orang yang sudah mati yang ada fardu haji pada *dhimmahnya*⁶³ tatkala lagi hidup, maka diupahkan orang menghajikan dia. Jika ada peninggalannya, diambil daripada kepala [h]arta⁶⁴ atau ada yang hendak mengerjakan [haji untuknya] dengan tiada upah. Dan harus dihajikan baginya jikalau tiada wasiatnya sekalipun, tetapi tiada dihajikan. Demikian lagi tiada dikorbankan [untuk] orang mati yang sudah ia haji dan tiada wasiatnya. Maka jika

⁶⁰ (tuanya).

⁶¹ Termasuk juga di dalam pengertian *ma'dūb* (مَذْهُوبٌ) wanita yang tidak mempunyai *mafrām*. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*j. 3, h. 43.

⁶² Bermakna "helah." *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 449; "Helah, dalih, tipu muslihat." Maksudnya ialah tidak memberitahu secara berterus terang. Haji Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Petaling Jaya: KUM. Sdn. Bhd., 1995, h. 605.

⁶³ Bermaksud "tanggungannya". Lihat Mahmud Yunus (1991), *Kamus Arab - Indonesia*, Selangor: P.N. Klang, h. 135.

⁶⁴ Kepala harta ialah harta peninggalan orang meninggal dunia yang belum dibahagikan kepada warithnya.

ada wasiatnya, sah dikerjakan yang diwasiat[kan]nya daripada haji atau korban, tetapi sunat lagi *afdal*⁶⁵ bagi warith itu ia mengerjakan baginya dengan tiada mengambil upah karana⁶⁶ mengamalkan yang disebut di dalam ḥadīth dan pahalanya tiada kurang daripada

[Halaman 5]

ia mengerjakan sendirinya dan lepas fardu mayat. Maka dapat ganda sepuluh kali haji. Demikianlah tersebut pada setengah ḥadīth.⁶⁷ Maka manakala ia menghajikan orang, maka wajib orang yang [mengerjakan] haji itu ia [ber]*iḥrām* pada miqāt⁶⁸ orang [yang] dihajikan,⁶⁹ bukan miqāt dirinya, atas *qawl*⁷⁰ yang muktamad. Kata *qīl*,⁷¹ sah miqāt orang yang menghajikan,⁷² pula tiada *dam*⁷³ [ke]

⁶⁵ Bermakna “lebih utama.” *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 11.

⁶⁶ (kerana).

⁶⁷ ḥadīth yang dimaksudkan adalah riwayat al-Dāruquṭnī dari Jābir : مَنْ حَجَّ عَنْ أُبَيِّ أَوْ أَمْهَ فَقَدْ قَصَىْ حَجَّهُ وَكَانَ لَهُ فَضْلٌ عَشَرَ حَجَّاً . Lihat al-Dāruquṭnī (1966), *Sunan*, ‘Abd Allāh Hāsyim Yamānī al-Madani (ed), j. 1, Kitāb al-Hajj, Bāb al-Mawāqīt, no. hadīth 112, Beirut:Dār al-Ma’rifah, h. 261; Al-Hindī (1985), *Kanz al-‘Ummāl*, j. 16, c. 5. Bāb Fī Birr al-Wālidayn – al-Umm, no. hadīth 45484, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 468; Abdul Majid bin Mohd. Noor (1997), “Badal Haji”, (*Kertas Kerja 1, Muzakarah Haji, Peringkat Kebangsaan Kali Ke- 13*, di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya, Selangor D.E., 25 – 27 Ogos 1997) h. 39.

⁶⁸ Miqāt pada bahasa bererti had. Iaitu masa dan tempat untuk mengerjakan ibadat haji. Lihat al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *Mughnī al-Mujtāy*, j. 1, Kaherah: Muṣṭafā al-Halabī, h. 471; *Miqāt* juga bermakna waktu. Digunakan waktu untuk menentukan tempat, maka miqāt haji bermaksud “tempat ber*iḥrām*.” Lihat Al-Fayyūmī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 667.

⁶⁹ Kenyataan ini ditegaskan oleh al-Ramlī dan al-Syarbīnī. Lihat keterangannya dalam al-Ramlī (1976). *op. cit.*, j. 3, h. 260; Al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 473; Lihat juga Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 709.

⁷⁰ Bererti “perkataan”. Maksud di sini ialah pendapat. Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 361.

⁷¹ Bererti “percakapan” atau dalam Bahasa Arab disebut *qawl da’ī*. Maksudnya ialah percakapan atau pendapat yang tidak diketahui individu yang berpendapat demikian. *Ibid.*

⁷² Sah ber*iḥrām* di miqāt orang yang menghajikan dengan syarat miqāt tersebut lebih jauh daripada Makkah berbanding miqāt orang yang dihajikan. Lihat keterangannya dalam al-Ramlī (1976). *op. cit.*, j. 3, h. 260; Al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 473; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 709.

⁷³ *Dam* bermaksud binatang atau pengantinya dari makanan atau puasa yang wajib ditunaikan oleh orang yang mengerjakan haji atau ‘umrah jika dia meninggalkan satu atau lebih daripada perkara-perkara yang wajib di dalam ibadat haji atau ‘umrah atau melakukan perkara-perkara larangan semasa ber*iḥrām* atau menunaikan haji *tamattu’* dan *gīrān* dengan syarat-syaratnya. Lihat Lembaga Tabung Haji (1995), *Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah*, c. 12. Kuala Lumpur, Maziza Sdn. Bhd., h. 98.

atasnya. Maka yang muktamadnya jika bukan miqāt orang yang dihajikan, maka jika kurang daripadanya maka wajib *dam*.⁷⁴

MASAELAH:⁷⁵ Maka wajib orang [yang] menghajikan orang itu ia memeliharaikan segala *qawl* yang *khilāf*⁷⁶ dan ia meniatkan segala perbuatan haji yang ia kerjakan diniatkan mengerjakan baginya. Diniatkan *tawāfi* baginya dan *sa'i* dan *wuqūf* dan *mabūt* dan melo[n]tar dan bercukur diniatkan baginya. Dan hendaklah ia *muwālatkan* antara *tawāfi* dengan sembahyang sunat *tawāfi* dan *muwālatkan* antaranya dan antara *sa'i* dan antara kalinya yang tujuh pada *tawāfi* dan me[ng]himpunkan antara malam dan siang di ‘Arafah dan bermalam hingga [ke] Subuh di Muzdalifah dan diniatkan *tawāfi widā* baginya. Demikianlah yang dimuktamad[kan] oleh Syeikh Ibn Hajar⁷⁷ [al-Haytamī] *khilāf* bagi Syeikh [al-Ramlī]⁷⁸ jika ia musafir kemudian daripada haji dengan segera.⁷⁹

⁷⁴ Al-Isnawī berkata bahawa sekiranya dia tidak kembali ke miqāt orang yang dihajikan kerana keuzuran atau lainnya, diwajibkan *dam* ke atasnya kerana ia tidak berihrām di miqāt, berdasarkan kepada kata-kata Ibn ‘Abbās: "مَنْ نَسِيَ مِنْ نُسُكِهِ شَيْئًا أَوْ تَرَكَهُ فَلَيَهُرِقْ دَمًا". Lihat al-Ramlī (1976), *op. cit.*, j. 3, h. 262.

⁷⁵ (Masalah).

⁷⁶ Bertujuan supaya bersedia memberi ruang dan menghormati pendapat lain, kemungkinan pendapat itu lebih betul.

⁷⁷ Beliau ialah Syihāb al-Dīn, Syaikh al-Islam, Abu al-‘Abbās Ahmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Hajar al-Haytamī al-Sa’dī al-Anṣārī. Dilahirkan pada tahun 909H/1504M di Mahallah Abi al-Haytam iaitu suatu daerah di Mesir Barat dan nama beliau dinisbahkan kepada daerah tersebut. Seorang faqih dan pengkaji hukum-hukum Fiqh. Manakala al-Sa’dī adalah dinisbahkan kepada Banī Sa’d iaitu seorang yang berbangsa Arab dan berasal daripada Mesir Timur. Menimba ilmu di al-Azhar dan meninggal dunia di Makkah pada tahun 974H/1567M. Beliau banyak mengarang, di antaranya ialah *al-Sawāfiq al-Mujriyah ‘Alā Ahl al-Bida’ Wa al-Zandaqah*, *Tulufat al-Muhtāj Li Syarh al-Minhāj Fī Fiqh al-Syāfi’i*, *al-Fatāwā al-Haytamīyah*, *Syarh al-Arba’īn al-Nawawīyah* dan *Khalāṣat al-A’immah al-Arba’ah*. Lihat al-Ziriklī (1979) *op. cit.*, j. 1, h. 234.

⁷⁸ Beliau ialah Ahmad bin Ḥamzah al-Ramlī, Syihāb al-Dīn. Seorang faqih bermazhab Syāfi’ī. Berasal dari Ramlah al-Munūfiyyah, Mesir. Beliau meninggal dunia di Kaherah pada tahun 957H/1550M. Lihat al-Ziriklī (1979), *op. cit.*, j. 1, h. 120.

⁷⁹ Syeikh al-Ramlī berpendapat bahawa *tawāfi widā* bukan sebahagian daripada ibadat haji, oleh itu tidak dikira sebagai wajib-wajib haji. Lihat al-Ramlī (1976). *op. cit.*, j. 3, h. 322.

[2.4] *Bāb al-Mawāqit*

Ini satu bab pada menyatakan *mīqāt*. Maka adalah bagi haji dan ‘umrah itu dua *mīqāt*, satu *zamānī* dan kedua *makānī*. Maka *mīqāt zamānī* itu [ialah Bulan] Syawwāl dan Dhū al-Qā’idah dan sepuluh malam Dhū al-Hijjah. Maka manakala [ber]*iḥrām* [se]seorang pada masa itu barang tempat ada ia jika tiada lulus ia pada adat datang ke Makkah sekalipun maka jadilah *iḥrāmnya* itu *iḥrām* haji. Dan *mīqāt* ‘umrah itu sepanjang tahun. Sah ia [ber]*iḥrām* bagi ‘umrah melainkan orang haji, jika sudah *taħallul awwal*⁸⁰ sekalipun, tiada sah ia [ber]*iḥrām* ‘umrah padanya. Maka *mīqāt makānī* bagi orang yang haji dan ‘umrah itu jika orang di luar Makkah, jika orang datang dari pihak Yaman,⁸¹ jalan laut, Yalamlam⁸² atau Juddah,⁸³ dan yang datang dari jalan darat Yaman atau yang dari Ḥijāz,⁸⁴ Qarn,⁸⁵

⁸⁰ *Taħallul awwal* ialah melakukan dua daripada tiga perkara iaitu melontar Jamrah al-‘Aqabah, bercukur dan *tawāf ifādah*. Oleh itu, menjadi halal perkara-perkara yang ditegah semasa *iḥrām* kecuali akad nikah, jimak dan perbuatan-perbuatan yang membangkitkan jimak. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 229.

⁸¹ Dinamakan Yaman kerana ramai manusia bertayārunn atau pergi beramai-ramai ke sana. Pendapat lain mengatakan Bangsa Arab telah berpecah, maka sesiapa yang pergi ke sana dinamakan Yaman; Atau kerana manusia terlalu ramai di Makkah sehingga Makkah tidak dapat menanggung mereka, maka Banū Yaman berpindah ke *yaman* iaitu ke kanan atau ke bumi yang di sebelah kanan, lalu dinamakan Yaman. Yaman terletak di antara ‘Ummān ke Najrān, seterusnya merentang di sepanjang Laut Arab ke ‘Adn hingga bertemu ‘Ummān. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 5, h. 447.

⁸² Satu tempat yang mengambil masa dua malam berjalan kaki dari Makkah dan merupakan *mīqāt* penduduk Yaman, India, dan negara-negara di sebelah Timur termasuk Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia yang datang dengan kapal laut. Jaraknya dengan Makkah lebih kurang 89 km. Di sana terdapat masjid Mu’ādh bin Jabal. Pendapat lain mengatakan, Yalamlam ialah sebuah bukit yang memakan masa dua atau tiga malam berjalan kaki dari Tā’if, manakala satu pendapat lagi ialah sebuah *wādī* di sana. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 5, h. 441 dan Misbāha (1994), *Teman Anda Ke Tanah Suci*, c. 5, Kuala Lumpur: Times Books International, h. 49.

⁸³ Terletak di tepi pantai dan bersentang dengan Bukit Dhāt ‘Irq. Pada asalnya *juddah* bererti jalan atau garisan di sepanjang belakang kaldai dan ia berlainan dari warna badannya. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 2, h. 115.

⁸⁴ Ḥijāz ialah banjaran bukit yang merentang daripada al-‘Abalā’ dan Nabālah di Ṣan’ā’ hingga ke Syām. Dinamakan Ḥijāz kerana banjaran itu memisahkan antara Tihāmah dan Najd. Makkah terletak di bahagian Tihāmah, manakala Madinah dan Tā’if di sebelah Najd. Lihat *Ibid.*, j. 2, h. 219.

⁸⁵ *Mīqāt* penduduk Najd dan Kuwait. Al-qarn bererti bukit kecil. Lihat *al-Munjid* (1986), *op. cit.*, h. 625. Nama penuhnya ialah Qarn al-Manāzil iaitu perkataan jamak bagi *al-manzil*, bererti “rumah-rumah”. Ia dikenali juga dengan nama Qarn al-Thā’lib. Ia merupakan sebuah bukit kecil yang memanjang dan terasing dari bukit yang besar. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 4, h. 332. Dinamakan Qarn al-Thā’lib kerana terlalu banyak serigala datang ke situ dan menyalak-nyalak. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 7, h. 159. Dikenali juga dengan nama Qarn al-Mabārik iaitu perkataan jamak bagi *mabrik*, bererti “tempat berehat binatang

dan yang datang daripada masyriq⁸⁶ dan *ahl 'Irāq*,⁸⁷ Dhāt 'Irq.⁸⁸ Maka adalah tiga miqāt jauhnya dari Makkah dua *marhalah*. Dan yang datang dari Madinah⁸⁹ dan

tunggangan seperti unta, kuda dan sebagainya.” Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 174. Jaraknya dengan Makkah lebih kurang 94 km. Lihat Misbaha (1994), *op. cit.*, h. 48.

⁸⁶ *Masyriq* bererti “Timur”. Lihat Mahmud Yunus (1989), *op. cit.*, h. 196.

⁸⁷ *Al-'irāq* bererti “pantai.” Dinamakan ‘Irāq kerana ia berada di tebing Sungai Dajlah dan Furāt serta memanjang sehingga bersambung terus dengan laut. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 4, h. 93.

⁸⁸ Miqāt penduduk ‘Irāq dan ia merupakan sempadan di antara Najd dan Tihāmah. Lihat *Ibid.*, j. 4, h. 107. Jaraknya dengan Makkah lebih kurang 94 km. Lihat Misbaha (1994), *op. cit.*, h. 49.

⁸⁹ Madinat Yathrib atau Madinat al-Rasūl adalah satu lagi Tanah Ḥarām selain Makkah iaitu merentang dari Bukit ‘Ayr yang terletak berhampiran Dhū al-Ḥulayfah ke Bukit Thawr iaitu sebuah bukit kecil yang terletak di sebelah Utara Bukit Uhud. Madinah merupakan sebuah bandar yang penting dalam sejarah perkembangan agama Islam. Setiap tahun para jamaah haji dari seluruh dunia akan bertumpu ke Madinah baik sebelum mengerjakan haji atau sesudahnya atau ketika mengerjakan ‘umrah, walaupun menziarinya bukan sebahagian dari pekerjaan haji lantaran adanya hadith-hadith yang menyatakan kelebihan menziarahi makam Rasulullah S.A.W. dan kelebihan mendirikan sembahyang di dalam Masjid Nabawī. Madinah terletak kira-kira 400 km. dari Makkah. Lebih raya yang menghubungkan dua bandar besar Islam itu kini dibina dengan teknologi tinggi dan dijaga sepanjang masa dengan perbelanjaan yang besar. Keutamaan kota Madinah di sisi Nabi Muhammad S.A.W. memang amat ketara sekali kerana di sanalah Islam mendapat asasnya yang kuat dan dari sanalah Islam berkembang ke seluruh Tanah Arab dan akhirnya ke seluruh dunia.

Al-Madīnah al-Munawwarah juga adalah kota suci Islam yang terpenting selepas Makkah al-Musyrafaḥ kerana Rasulullah S.A.W. memilih Madinah sebagai tempat tinggal Baginda yang tetap walaupun Baginda diputerakan, dibesarkan dan menerima wahyu di Makkah. Rasulullah S.A.W. juga memilih Madinah sebagai Ibu Kota Islam yang pertama hingga Baginda wafat. Di tengah-tengah Madinah terdirinya Masjid Nabi dan kubur Nabi S.A.W. berada di sebelah Timurnya. Di sebelah Baginda S.A.W. pula bersemadi kubur Abū Bakr dan ‘Umar r.a.h. Di dalam masjid itu juga terdapat Minbar yang Nabi S.A.W. berkutubat di atasnya. Al-Rawdah berada di antara Mimbar dan Kubur Nabi S.A.W. Seseorang yang menuaikan sembahyang berturut-turut 40 waktu di Masjid Nabawī, ia akan dibebaskan daripada api neraka, azab dan kemunafikan. Manakala Muṣallā Nabi, yang Baginda S.A.W. bersembahyang Hari Raya di sana, terletak di sebelah Barat. Satu lagi keistimewaan Kota Madinah ialah suhu udaranya yang lebih dingin dan nyaman daripada suhu di Kota Makkah, terutama pada waktu malam. Madinah juga terkenal dengan dusun tamarnya yang luas dan buahnya yang beraneka jenis. Para jamaah haji biasanya akan membeli buah tamar Madinah yang bermutu tinggi untuk dibawa pulang sebagai cenderahati. Menggambarkan betapa cintanya Rasulullah S.A.W. terhadap Madinah, Baginda berdoa:

اللَّهُمَّ مَنْ فِي الْمَدِينَةِ وَأَخْرَجُوهُ فَاجْعُلْهُ لَعْنَةً اللَّهِ وَأَنْلَبْنَاهُ وَالْتَّائِبُ أَجْمَعُونَ وَلَا يَقْلُلْ مِنْهُ حَرَفٌ وَلَا عَدُولٌ.

Lihat al-Hindi (1985), *op. cit.*, j. 12. Kitāb al-Hajj, Bāb Faḍā'il al-Madīnah wa mā Hawlahā 'alā Sākinihā, no. hadith 34884, h. 246.

Madinah merupakan salah satu dari dua kota suci Islam yang dikawal oleh para Malaikat sepanjang masa. Kawalan itu ialah bagi menghindari penyakit taun dan serangan dajjāl. Seperti yang diketahui umum bahawa pada akhir zaman kelak, dajjāl akan muncul di setiap kota dan desa. Namun begitu, Madinah dan Makkah tidak dapat dimasuki dajjāl kerana ia dikawal oleh para Malaikat yang diutus Allah S.W.T. bagi tujuan tersebut. Salah satu keistimewaan Madinah ialah merupakan satu-satunya kota yang dimenangi Islam tanpa perpeperangan. Madinah juga dianggap istimewa kerana ia merupakan kota terakhir daripada kota-kota Islam yang musnah apabila berlakunya Hari Kiamat. Lihat al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 5, h. 82; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 333; Al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 529; Al-Mundhīrī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 232; Abdul Aziz Hussin (1997,) *Nostalgia Masjid Nabawi*, Kuala

*ahl*⁹⁰ Syām,⁹¹ Dhū al-Hulayfah,⁹² maka dinamakan Bir ‘Alī.⁹³ Maka *afḍal* ia [ber]*iḥrām* pada masjid yang pada tempat Nabi S.A.W. [ber]*iḥrām*. Dan yang datang dari *maghrib*⁹⁴ dan *ahl* Mesir,⁹⁵ *Juhfah*⁹⁶ atau *Rābi'* [*Rābigh*.⁹⁷] Dan jika tiada ada pada jalannya itu miqāt maka hendaklah ia [ber]*iḥrām* pada tempat yang berbetulan dengan miqāt pada kanannya

[Halaman 6]

atau kirinya. Maka jika tiada ada berbetulan dengan miqāt sekali-kali maka ia [ber]*iḥrām* daripada dua *marhalah* dari Makkah. Dan orang yang kediamannya antara miqāt dan Makkah, maka pada tempat kediamannya. Dan jika ia ada di

Terengganu: ASPIRASI TERAS SDN. BHD., h. 2 – 11; 30.

⁹⁰ Ahl bermaksud “anggota” (pertubuhan, persatuan, golongan dan lain-lain); Kaum, orangnya atau penduduk (terutama dalam rangkaian kata Arab). *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 14.

⁹¹ Sempadannya adalah dari Furāt ke ‘Arisy di Mesir dan luasnya dari Bukit Tayy dari arah Kiblat ke Laut Rom. Di sana terletak bandar-bandar besar seperti Manbah, Halb, Ḥamāh, Ḥims dan Dimasyq, manakala bandar-bandar yang terletak di tepi pantai pula ialah Anṭākiyah, Tarablos, ‘Akka, Ṣūr dan ‘Asqalān. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.* j. 3, h. 312.

⁹² Sebuah kampung, jauhnya dari Madinah enam atau tujuh batu atau lebih kurang 10 km. dari Madinah iaitu lebih kurang 450 km. ke Makkah. Ia adalah miqāt penduduk Madinah. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.* h. 2, h. 295; Misbaha (1994), *op. cit.*, h. 48; Lembaga Tabung Haji (1995), *op. cit.*, h. 86.

Di sana terdapat sebuah masjid, dikenali sebagai Masjid al-Syajarah dan sebuah telaga iaitu Bi'r ‘Alī.. Mengikut al-Qaḍī ‘Iyād, Rasulullah S.A.W. bermalam di situ ketika pergi ke Makkah dan ketika pulang. Ia adalah miqāt yang paling jauh dari Makkah. Ada pendapat menyatakan, hikmatnya supaya penduduk Madinah mendapat pahala yang besar lantaran paling lama berada dalam *iḥrām* sebelum tiba ke Makkah dan sebagai tanda rapatnya hubungan Makkah dengan penduduk al-Āṣfāq kerana penduduk Madinah adalah orang yang paling rapat dengan Makkah. Lihat Ibn Hajar (1978), *op. cit.*, j. 7, h. 158, 159; 166. Penduduk al-Āṣfāq bermaksud orang-orang yang rumah mereka berada di luar miqāt yang lima, yang telah ditentukan oleh Rasulullah S.A.W. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 70.

⁹³ Telaga (*Bir*) ini adalah sempena nama ‘Alī bin Abī Ṭālib r.a. Lihat al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 472.

⁹⁴ (sebelah Barat).

⁹⁵ Terletak di Afrika Utara dan bersempadan dengan Laut Mediterranean. Mesir adalah sempena nama Miṣr bin Miṣrāyim bin Ḥām bin Nuh a.s. Ia adalah di antara negara-negara yang dibuka oleh ‘Amrū bin al-‘Āṣ pada zaman pemerintahan ‘Umar al-Khaṭṭāb. Sebelum itu dikenali dengan nama al-Fistāt. Lihat al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 5, h. 137.

⁹⁶ Sebuah perkampungan besar berdekatan Rābigh, di sana terdapat sebuah mimbar di pertengahan jalan dari Makkah menuju ke Madinah dan jaraknya ke Makkah sejauh empat *marhalah* atau lebih kurang 187 km. Ia adalah miqāt penduduk Mesir, Syām, Morocco, Sepanyol dan negara-negara dari arah Barat, sekiranya tidak melalui Madinah. Dinamakan Juhfah kerana banjir telah menenggelaminya (*ijtahafa*) dan menghanyutkan penduduknya buat beberapa tahun. Di antara Juhfah dan Madinah sejauh enam *marhalah*. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.* j. 2, h. 111 dan Misbaha (1994), *op. cit.*, h. 48.

⁹⁷ Sebutan yang tepat ialah Rābigh. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 71. Terletak di antara Juhfah dan Waddān. Ia adalah sebuah *wādī* sejauh 10 batu dari Juhfah. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.* j. 3, h. 11.

Makkah sama ada ia *ahl* Makkah atau tiada maka adalah miqāt hajinya itu di Makkah. Maka yang *afdalnya* pada pintu rumah dirinya tatkala ia naik kenderaannya jika yang berkendara⁹⁸ atau ia [meng]hadap ke jalan jika ia berjalan. Dan miqāt ‘umrahnya pada orang yang di dalam Makkah itu, keluar ia ke tanah halal barang pihak yang kehendakinya jikalau selangkah sekalipun, tetapi yang terlebih *afdal* bagi orang yang hendak [mengerjakan] ‘umrah itu ia pergi kepada Ji'rānah⁹⁹ karana¹⁰⁰ adalah Nabi kita dan Nabi[-Nabi] yang dahulu-dahulu daripadanya [ber]*ihrām* ‘umrah di sana. Maka adalah antara Makkah enam *farsakh*.¹⁰¹ Kemudian maka Tan'īm,¹⁰² pada Masjid Siti 'Ā'isyah r.a.h.¹⁰³ Maka adalah jauhkan¹⁰⁴ dari Makkah satu *farsakh*. Kemudian maka Ḥudaybiyyah,¹⁰⁵ maka jauhnya dengan Makkah seperti Ji'rānah.

⁹⁸ Bermakna “menaiki sesuatu jenis kendaraan atau menunggang kuda, gajah dan lain-lain.” Kamus Dewan (1998), *op. cit.*, h. 635.

⁹⁹ Terletak di antara Tā'if dan Makkah, tetapi lebih dekat dengan Makkah iaitu lebih kurang 22 km. dari Masjid Ḥarām. Nabi S.A.W. singgah di sana untuk membahagikan harta rampasan perang kepada Bani Hawāzin, sekembalinya dari Peperangan Hunayn dan Baginda S.A.W. ber*ihrām* di situ. Di sana terdapat sebuah Masjid Nabi S.A.W. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.* j. 2, h. 142 dan Misbaha (1994), *op. cit.*, h. 51. Lihat juga sebutannya “al-Ji'rānah” dalam Ibn Hajar (1978), *op. cit.*, j. 8, h. 86; 87; Al-Syawkānī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 298.

¹⁰⁰(kerana).

¹⁰¹ Satu *farsakh* bersamaan 3 batu atau 4.8 km. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 1, h. 75.

¹⁰² Satu tempat di Makkah, tetapi terletak di tanah halal iaitu di antara Makkah dan Ṣarīf. Jaraknya dua *farsakh* dari Makkah atau lebih kurang 5 km. dari Masjid Ḥarām. Penduduk Makkah ber*ihrām* ‘umrah dari sana. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.* j. 2, h. 49 dan Misbaha (1994), *op. cit.*, h. 51.

¹⁰³ Beliau ialah Umm al-Mu'minīn 'Ā'isyah al-Siddiqah Bint Abī Bakr al-Ṣiddiq r.a.h.m. Rasulullah S.A.W. berkahwin dengannya di Makkah ketika beliau berumur enam tahun iaitu tiga tahun sebelum Hijrah. Pertama kali Baginda S.A.W. menidurinya ialah pada bulan Syawal, ketika pulang dari Peperangan Badar iaitu pada tahun ke-2H dan beliau pada masa itu berusia sembilan tahun. Rasulullah S.A.W. wafat ketika beliau berumur lapan belas tahun dan beliau hidup selepas itu selama empat puluh tahun. Beliau meninggal dunia pada tahun 58H. Lihat Muhammad bin 'Allān al-Ṣiddiqī al-Asy'ārī (1977), *Dalīl al-Fā'ilīn*, j. 1. Kaherah: Muṣṭafā al-Ḥalabī, h. 48 - 49.

¹⁰⁴ (jauhnya).

¹⁰⁵ Al-Imām al-Syāfi'i mengatakan bahawa sebutan yang betul adalah ditasydiķan huruf *yā'*. Ia merupakan sebuah kampung yang sederhana besar. Dinamakan demikian sempena nama sebuah telaga di sana berhampiran sebuah masjid dan sepohon pokok, yang mana Baginda S.A.W. telah bermubāya'ah di bawah bayangnya. Di antara Ḥudaybiyyah dengan Makkah sejauh satu *marhalah* atau lebih kurang 29 km. dari Masjid Ḥarām dan di antaranya dengan Madīnah sembilan *marhalah*. Ḥudaybiyyah adalah Tanah Ḥarām yang paling jauh dari Baytullāh kerana ia terletak di hujung sudut Tanah Ḥarām. Lantaran itu, pejalan kaki mengambil masa lebih dari satu hari untuk sampai ke Makkah. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.* j. 2, h. 229 dan Misbaha (1994), *op. cit.*, h. 51.

[2.5] Fasal *Iḥrām*

Ini satu fasal pada menyatakan [maksud] *iḥrām*. Maka erti *iḥrām* itu ia niat masuk mengerjakan ibadat yang lagi akan datang sebutnya. Dinamakan dia karana¹⁰⁶ ia me[ng]haramkan barang yang halal dahulunya. Maka orang yang hendak [mengerjakan] haji atau ‘umrah itu terbahagi ia atas empat bahagi[an].

Pertama: *Iḥrām muṭlaq* namanya iaitu ia meniatkan *iḥrām* hanya seperti dikatanya:

نَوْيَتُ الْإِحْرَامَ لِلَّهِ تَعَالَى.

[Maksudnya]: Sahaja aku [ber]*iḥrām* karana¹⁰⁷ Allah Ta’ala. Maka yang *afḍal*nya hendak[lah] ia menentukan dengan *iḥrām*nya haji atau ‘umrah atau kedua-duanya. Kata *qīl*, *īṭlāq*¹⁰⁸ itu *afḍal*. Barangkali kedadangan uzur [kerana] sakit atau lainnya, maka dapat [di]palingkan sekehendaknya. Maka tiada sah ia mengerjakan yang [ber]*iḥrām muṭlaq* melainkan kemudian daripada ia palingkan salah satu daripada kedua[-dua]nya. Maka sah ia kerjakan amalnya dan sah pula ia [ber]*iḥrām* seperti *iḥrām* si Zayd u[m]pamanya. Maka jika si Zayd itu [ber]*iḥrām* maka jatuh *iḥrām*nya sepertinya dan jika si Zayd itu tiada [ber]*iḥrām* maka jatuh *iḥrām*nya itu *muṭlaq*. Dan jika kesukaran mengetahui akan *iḥrām*nya sebab sakit atau gila maka hendaklah dijadikan *iḥrām*nya itu *qirān*, maka jadilah

¹⁰⁶(kerana).

¹⁰⁷(kerana).

¹⁰⁸ *Īṭlāq* bermaksud seseorang itu berniat *iḥrām* di miqāt tanpa menentukannya untuk haji atau ‘umrah. Ada pendapat yang mengatakan *īṭlāq* itu afdal kerana orang yang ber*iḥrām muṭlaq* itu boleh memalingkan *iḥrām*nya kepada ‘umrah atau *qirān*, mengikut jenis yang paling sesuai untuknya. Pendapat ini dikemukakan oleh al-Isnawī, al-Qādī ‘Iyād, al-Nawawī dan al-Baghawī. Lihat al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 477. Pendapat ini juga dipilih oleh al-Ramlī, kerana kemungkinan berlaku sesuatu perkara yang tidak diduga secara tiba-tiba, sakit dan sebagainya. Lihat al-Ramlī (1976). *op. cit.*, j. 3, h. 265.

hajinya akan haji Islam, tiada ‘umrahnya. Maka hendaklah ia [mengerjakan] ‘umrah yang lain. Maka yang *ta'yin*¹⁰⁹ pada *ihrām*nya itu iaitu seperti dikatanya:

نَوْيِتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى.

[Maksudnya]: Sahaja aku [menunaikan] haji dan [ber]*ihrām*lah aku dengan dia karana¹¹⁰ Allah Ta’ala. Dan jika ia hajikan orang, demikian lafaz niatnya,

نَوْيِتُ

[Halaman 7]

الْحَجَّ عَنْ فَرْضٍ فُلَانٍ بْنِ فُلَانٍ وَأَحْرَمْتُ بِهِ عَنْهُ

jika laki-laki atau عَنْهَا jika perempuan *mahjūj*nya.¹¹¹ Ertinya: Sahaja aku [mengerjakan] haji daripada membayar akan fardu Si anu anak Si anu, maka disebutkan namanya dan nama bapanya dan [ber]*ihrām*lah aku dengan dia kepadanya karana¹¹² Allah Ta’ala. Dan jika ‘umrah, demikian lafaz niatnya:

نَوْيِتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

[Maksudnya]: Sahaja aku [mengerjakan] ‘umrah dan [ber]*ihrām*lah aku dengan dia karana¹¹³ Allah Ta’ala. Dan jika ia ‘umrahkan orang, demikian lafaz niatnya:

نَوْيِتُ الْعُمْرَةَ عَنْ فَرْضٍ فُلَانٍ بْنِ فُلَانٍ وَأَحْرَمْتُ بِهَا عَنْهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

¹⁰⁹ Bererti “penentuan” atau “yang ditentukan”. Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 289.

¹¹⁰ (kerana).

¹¹¹ Bererti “orang yang dihajikan untuknya”. *Ibid.*, h. 97.

¹¹² (kerana).

¹¹³ (kerana).

[Maksudnya]: Sahaja aku [mengerjakan] ‘umrah daripada membayar fardu Si anu anak Si anu dan [ber]*ihrāmlah* aku dengan dia kepadanya karana¹¹⁴ Allah Ta’ala. Dan jika kedua[-dua]nya, demikian lafaz niatnya:

تَوَبَّتُ إِلَّا حَجَّ وَالْعُمْرَةَ وَأَخْرَمْتُ بِهِمَا لِلَّهِ تَعَالَى.

[Maksudnya]: Sahaja aku [mengerjakan] haji dan ‘umrah dan [ber]*ihrāmlah* aku dengan kedua[-dua]nya karana¹¹⁵ Allah Ta’ala. Dan sunat ia mengucap[kan] *talbīyyah* dengan bersegera kemudian daripada niat itu supaya mengeluar[kan] *khilāf* Imām Abū Ḥanīfah¹¹⁶ yang mengata[kan] tiada jadi *ihrām* [kecuali] dengan niat jua.¹¹⁷ Permulaan [ber]*talbīyyah* itu dengan perlahan-lahan [se]kadar kedengaran dirinya jua serta disunatkan barang yang di*ihrām*kannya daripada haji atau ‘umrah atau kedua[-dua]nya bagi dirinya atau bagi orang lain seperti katanya:

لَبِّيْكَ اللَّهُمَّ بِحَجَّ

jika haji atau

¹¹⁴ (kerana).

¹¹⁵ (kerana).

¹¹⁶ Beliau ialah al-Nu’mān bin Thābit al-Taymī al-Kūfī, Imām Mazhab Ḥanafī. Salah satu daripada Imām yang empat di kalangan *Ahl al-Sunnah*. Beliau dikatakan berketurunan Parsi. Dilahirkan di Kūfah pada tahun 80H/699M. Beliau bermiaga kain sutera dan menuntut ilmu sejak kecil lagi, kemudian meninggalkan bidang perniagaan untuk mengajar dan memberi fatwa. Lihat al-Suyū’i (1987), *op. cit.*, j. 1, h. 6. Amir ‘Irāq, ‘Umar bin Ḥubayrah ingin melantiknya menjadi kadi, tetapi dengan waraknya beliau menolak. Selepas itu al-Manṣūr, Khalīfah Bani ‘Abbāsiyyah pula benar-benar ingin melantiknya menjadi Kadi di Baghdād, tetapi ditolak juga oleh beliau. Lantaran itu beliau dipenjarakan sehingga meninggal dunia di dalam penjara. Beliau seorang yang pintar berhujah dan sangat mahir dalam Ilmu Mantik. Meninggal dunia di Bagdad pada tahun 150H/767M. Lihat al-Ziriklī (1979), *op. cit.*, j. 8, h. 36.

¹¹⁷ Pendapat yang masyhur dalam Mazhab al-Syāfi’ī ialah sah *ihrām* dengan niat sahaja tanpa *talbīyyah* dan tidak sah dengan *talbīyyah* sahaja tanpa niat. Dawūd al-Zāhirī dan pengikut-pengikutnya pula mengatakan sah *ihrām* dengan *talbīyyah* sahaja, niat sahaja tidak memadai, bahkan hendaklah dengan *talbīyyah* serta mengangkat suara. Manakala al-Imām Abū Ḥanīfah berpendapat tidak sah *ihrām* kecuali dengan niat berserta *talbīyyah*. Beliau berhujah dengan mengatakan bahawa Nabi S.A.W. telah bertalbīyyah dan bersabda: "لَسْتَ أَحْدُوا عَنِّي مَنْ اسْكَنَكُمْ".

Lihat *al-Kutub al-Sittah* (1981), Muhammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī (ed), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 1, c. 2. İstanbul: CAGRI YAYINLARI, Kitāb al-Hajj, Bāb Istīḥbāb Ramy Jamrat al-‘Aqabah Yawm al-Nahr Rākib, no. hadith 310, h. 943; Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 206.

jika 'umrah atau

بِحَجَّ عَنْ فُلَانْ بْنِ فُلَانْ

atau

بِعُمْرَةِ عَنْ فُلَانْ بْنِ فُلَانْ

jika ia hajikan atau 'umrahkan orang atau

بِحَجَّ وَعُمْرَةِ

jika ia *iḥrāmkan* dengan kedua[-dua]nya. Kemudian maka dihubungkan dengan [ber]kata:

لَيْكَ لَيْكَ لَأْ شَرِيكَ لَيْكَ¹¹⁸

hingga akhirnya. Dan sunat ia membanyakkan mengucap *talbiyyah* tiga-tiga kali berturut-turut. Kemudian maka ia berselawat akan Nabi sekali dan memohonkan Syurga dan mintak¹¹⁹ [di]jauh[kan] daripada api neraka.

Kedua bahagi[an]nya, *ifrād* namanya, iaitu ia [ber]*iḥrām* haji daripada miqātnya pada bulan haji. Maka apabila selesai ia daripada [mengerjakan] hajinya maka ia [ber]*iḥrām* 'umrah pada tahun itu jua. Maka ia yang terlebih *afḍal* daripada sekeliannya, lagi tiada wajib *fidyah*¹²⁰ [ke atasnya].

¹¹⁸Lihat al-Ramli (1976), *op. cit.*, j. 3, h. 273.

¹¹⁹(meminta).

¹²⁰Bermaksud "denda sebab tidak mengerjakan sesuatu fardu; denda atau ganti rugi yang mesti dibayar kerana melukakan atau membunuh orang; diyat." Kamus Dewan (1998), *op. cit.*, h. 351; Juga bermaksud "ganti." Al-Fayyūmī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 465; Maksud *fidyah* dalam ibadat haji ialah menyembelih seekor kambing yang boleh dibuat ibadat qurban atau memberi makan kepada enam orang miskin atau berpuasa selama tiga hari.

Ketiga bahagi[an], *tamattu'* namanya, iaitu ia [ber]*iḥrām* ‘umrah pada bulan haji, maka ia mengerjakan amalnya ‘umrah. Maka apabila datang ketika haji, ia [ber]*iḥrām* haji pula pada tahun itu jua. Maka adalah bagi orang [yang mengerjakan haji] *tamattu'* ini *dam*, dengan empat syarat. **Pertama**, hendak[lah] ada ‘umrahnya pada bulan haji dan **kedua**, ia [menunaikan] haji pada tahun itu jua dan **ketiga**, jangan ada orang *hāqīr*¹²¹ Masjid al-Harām dan **keempat**, jangan ia kembali ke miqātnya.

[Halaman 8]

Keempat bahagi[an], *qirān* namanya iaitu ia [ber]*iḥrām* haji dan ‘umrah kedua-duanya sekali. Maka dikerjakan dengan amal haji jua maka [ber]hasil kedua-duanya, maka memada[i]lah¹²² hajinya dan ‘umrahnya, tetapi kata Syeikh [al-]Ramlī, sunat ia *fawāf* dua [kali] *fawāf* dan dua [kali] *sa'i*¹²³ karana¹²⁴ memeliharakannya¹²⁵ Imām Abū Ḥanīfah.¹²⁶ *Khilāf* bagi Syeikh Ibn Hajar [al-]

Diwajibkan *fidyah* kerana beberapa perkara, antaranya kerana memakai bau-bauan semasa di dalam *iḥrām*, memakai kemeja, seluar, kasut, serban dan sebagainya daripada pakaian yang berjahir atau bersarung, mencukur rambut atau memotong kuku, melakukan pendahuluan jimak, mengeluarkan mani dengan tangan dan menyapu minyak pada rambut, jambang, janggut dan misai. Lihat keterangannya dalam ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī (t.t.), *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhbāh al-‘Arbā’ah*, j. 1, c. 3. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, h. 678 – 679.

¹²¹ Bermaksud “penduduk Makkah”. Lihat Ibn al-‘Arabi (t.t.), ‘Alī Muḥammad al-Bijāwī (ed), *Aḥkām al-Qur’ān*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 129.

¹²² Bermaksud “mencukupi, dapat mengisi atau memenuhi (kehendak, peraturan dan lain-lain).” Kamus Dewan (1998), *op. cit.*, h. 952.

¹²³ Beliau berkata: لَأَنَّ لَكُمْ وَجْهًا بِاسْتِحْيَابٍ إِغْدَاهُ بَعْدَهُ Maksudnya, sunat mengulanginya iaitu *sa'i* selepas *fawāf ifādah*. Lihat keterangannya di dalam al-Ramlī (1976). *op. cit.*, j. 3, h. 293 dan al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 494.

¹²⁴ (kerana).

¹²⁵ (meraikan pendapat).

¹²⁶ Al-Imām Abū Ḥanīfah dan ramai lagi, di antara mereka ialah al-Syu’ābī, al-Nakha’ī, Jābir bin Zayd, ‘Abd al-Rahmān bin al-Aswad, Sufyān al-Thawrī dan al-Hasan bin Ṣalīh mengatakan orang yang mengerjakan haji *qirān* wajib melakukan dua *fawāf* dan dua *sa'i*. Lihat Ibn Hajar (1978), *op. cit.*, j. 7, h. 211; Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 65.

Haytami⁷], katanya tiada sunat diraikan *khi'lāf*²²⁷ karana¹²⁸ menyalahi ḥadīth yang *zāhir*.¹²⁹ Dan adalah bagi [orang yang mengerjakan haji] *qirān* itu *dam*, dengan syarat jangan ada ia orang *hādīr*¹³⁰ Masjid al-Ḥarām dan jangan kembali ke *mīqāt*.

SYAH DAN: Tiada harus bagi orang yang berkehendak[kan] [mengerjakan] haji ia masuk [ke] Makkah melainkan ia [ber]*iḥrām* pada *mīqāt*nya. Maka jika ia masuk ke Makkah pada hal tiada berkehendak[kan] akan haji pada tahun itu atas yang dii'timādkan¹³¹ oleh Syeikh [al-]Ramlī atau beberapa tahun lagi sekalipun atas yang dii'timādkan oleh Syeikh Ibn Ḥajar [al-Haytami]. Kemudian tatkala melalui *mīqāt* maka berhendak[kan] haji, maka wajib ia [ber]*iḥrām* pada tempat berkehendak[kan]nya. Dan jika dilalu[i]nya maka ia [ber]*iḥrām* kemudian daripada dilalu[i] daripada *mīqāt*nya atau daripada tempat berkehendak[kan] haji, maka berdosalah ia dan wajib ia kembali ke *mīqāt*nya. Maka jika tiada kembali maka berdosa ia lagi wajib atasnya *dam*, melainkan jika ada uzurnya sebab takut pada jalan atau sakit atau picit¹³² waktu, maka tiada berdosa, maka wajib *damnya*

¹²⁷ Ibn Ḥajar al-Haytami menegaskan: "وَمِنْ سَعْيِ بَعْدِ طَوَافِ قُدُومٍ لَمْ يَعْدُهُ أَيُّ لَمْ يُنْذَبْ لَهُ إِعْدَادَتُهُ بَعْدَ طَوَافِ الْإِفْاضَةِ تِلْكَ يُكَرِّهُ لَأَنَّ اللَّهَ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاصْحَاحَهُ لَمْ يَسْعَوْ إِلَّا بَعْدَ طَوَافِ الْقُدُومِ. وَمِنْ تَمْ لَمْ يُسْسِنْ لِلْقَارِنِ رِغَابَةً حَلْفَ مُوجِّهِهِ". Lihat Al-Syarawānī (t.t.), *Ḩawāṣyī' alā Tūhfat al-Muḥtaṭī bi Syarḥ al-Minhāj li Ibn Ḥajar al-Haytami*, j. 4. Beirut: Dār Ṣādir, h. 100.

¹²⁸ (kerana).

¹²⁹ Hadith daripada 'Ā'isyah: "... فَطَافَ الْذِينَ أَهْلُوا بِالْعُمَرَةِ ثُمَّ حَلُوا ثُمَّ طَافُوا طَافُوا آخرَ بَعْدَ أَنْ رَجَعُوا مِنْ مَنِي. وَأَمَّا الْذِينَ جَمِيعُوا بَيْنَ الْحَجَّ وَالْعُمَرَةِ فَإِنَّمَا طَافُوا طَافُوا وَاحِدًا". Lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1978), Muhammad 'Abd al-Mu'tī et al. (ed.), *Faṭḥ al-Bārī*, j. 7. Kitāb al-Hājj, Bāb Tawāf al-Qārin, no. hadith 1638. Kaherah: Maktabah al-Kulliyyāt al-Azharīyah, h. 292. Lihat juga ḥadīth yang diriwayatkan dan disahkan oleh al-Turムudhī bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: "مَنْ أَخْرَمَ بِالْحَجَّ وَالْعُمَرَةِ أَجْزَاهُ طَوَافَ وَاحِدَ وَسَقَى وَاحِدَ عَنْهُمَا حَتَّى يَحْلِ مِنْهُمَا حَمِيقًا".

Al-Kutub al-Sittah (1981), *Sunan al-Turムudhī*, op. cit., j. 3. Kitāb al-Hājj, Bāb Mā Jā'a anna al-Qārin Yaťūf Tawāf Wāhid, no. hadith 948, h. 284; Al-Syarbīni al-Khaťīb (1958), op. cit., j. 1, h. 514.

¹³⁰ (penduduk).

¹³¹ Makna *i'timād* ialah pegangan. Lihat *al-Munjid* (1986), op. cit., h. 529.

¹³² (picik).

atau kembali ia kemudian daripada masuk kepada pekerjaan haji seperti *fawāfi*, maka tiada lagi gugur lagi *damnya*. Maka jika kembali dahulu daripada mengerjakan sesuatu, maka gugur *damnya* atau ia masuk ke Makkah pada hal ia hendak [mengerjakan] haji, maka tiada ia [ber]*iḥrām* sekali-kali maka berdosalah tetapi tiada wajib atasnya *dam* karana¹³³ *dam* itu menjabarkan¹³⁴ *iḥrāmnya* yang *nāqis*¹³⁵ maka ia tiada [ber]*iḥrām*. Dan sunat bagi orang yang tiada berkehendak[kan] haji itu jangan ia masuk [ke] Makkah melainkan dengan [ber]*iḥrām* karana¹³⁶ *iḥrām* itu *taḥiyat*¹³⁷ bagi Ka'bah¹³⁸ melainkan sangat

¹³³ (kerana).

¹³⁴ Bererti “menampung”. Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 83.

¹³⁵ (tidak sempurna). *Ibid.*, h. 466.

¹³⁶ (kerana).

¹³⁷ (penghormatan). Lihat *Ibid.*, h. 112.

¹³⁸ Pada bahasa bererti “rumah yang berbentuk empat segi.” Maksud di sini ialah al-Bayt al-Harām. Dinamakan Ka'bah kerana ketinggiannya dan bentuknya empat segi. Ketinggiannya mencapai 15 meter, manakala luasnya 120 meter persegi. Dinding sebelah Barat berukuran 12.15 meter, dinding sebelah Timur berukuran 11.88 meter, dinding sebelah Utara berukuran 9.92 meter dan dinding sebelah Selatan berukuran 12.25 meter. Ka'bah terletak di tengah-tengah Masjid Harām.

Kesucian Ka'bah itu dibuktikan oleh peranan pentingnya dalam berbagai ibadat Islam, di antaranya menjadi kiblat sembahyang bagi umat Islam, tempat orang Islam melakukan *fawāfi* dan lain-lain ibadat yang berhubung rapat dengan ibadat haji, ‘umrah dan sebagainya. Ka'bah juga merupakan suatu juzuk yang penting dari Masjid Harām itu seluruhnya hingga adanya Masjid Harām itu ialah kerana adanya Ka'bah di situ. Ka'bah itu dibina sebagai tempat menghadapkan diri semasa berbuat ibadat kepada Allah S.W.T.

Ka'bah dibina daripada ketulan batu-batu besar berwarna biru tua yang diambil dari gunung-ganang di sekitar Kota Makkah. Namun ia sentiasa kelihatan hitam kerana seluruh dindingnya ditutup dengan kain hitam yang dipanggil Kelambu Ka'bah (Kiswah). Seperti di dinding luar juga, dinding bahagian dalam Ka'bah ditutup dengan Kiswah hitam juga, bahkan Kiswah di bahagian dalam itu dihiasi dengan sulaman ayat-ayat al-Qur'an seperti di luar juga.

Ka'bah menjadi suatu manifestasi tunggak kekuatan dan pengekalan agama Islam. Ia juga disebut al-Bayt al-'Atiq yang bererti “Rumah Bebas.” Dengan demikian Ka'bah itu boleh dilihat sebagai manifestasi betapa kukuhnya agama Islam dipelihara oleh Allah S.W.T. sebagaimana Dia memelihara Ka'bah. Dari segi sosial pula, Ka'bah menjadi tempat umat Islam berkumpul yang terdiri daripada berbilang bangsa, warna kulit, adat budaya, fahaman politik, kedudukan, derajat dan taraf kewangan.

Dari sudut sejarah, pada tahun 10H Nabi Muhammad S.A.W. telah memimpin seramai lebih kurang 90,000 jamaah dari Madinah mengerjakan haji iaitu haji *wadā'*. Pada tahun-tahun 1990an ini, lebih kurang 2 juta jamaah mengerjakan haji setiap tahun dan akan bertambah dari tahun ke tahun. Jumlah yang disebutkan ini belum lagi mengambil kira orang yang mengerjakan ‘umrah pada setiap tahun. Lihat Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, h. 3888; Mustafiz Suhaimi (1996), *Sejarah Tanah Suci Dan Hikmah Ibadat Haji*, Petaling Jaya: Pustaka Jaya, h. 37 – 42; Suhaimee Yassin (1995), *Panduan Haji*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, h. 92 – 96; Abdul Aziz Hussin (1998), *Suatu Tempat Bernama Ka'bah*, Rawang: NOHAZ CETAK SDN. BHD., h. 3 – 14.

berulang-ulang pada tiap-tiap hari u[m]pamanya seperti orang jual kayu¹³⁹ dan berburu-buruan.¹⁴⁰ Dan sunat bagi orang yang masuk [ke] Tanah Ḥarām atau masuk [ke] Makkah itu mandi. Maka ia mandi pada telaga yang bernama Dhi Tuwā¹⁴¹ dan sunat ia mandi pula tatkala ia hendak [ber]*iḥrām*. Dan sunat dahulu daripada mandinya itu, mencabut atau [men]cukur bulu ari-arinya dan bulu ketiak dan mengandam¹⁴² misainya. Kemudian ia mandi sunat *iḥrām*, demikian lafadz niatnya:

تَوَبَّتُ إِلَيْكُمْ مُّسْتَحْيِي الْأَخْرَامِ لِلَّهِ تَعَالَى .

[Maksudnya]: Sahaja aku mandi sunat *iḥrām* karana¹⁴³ Allah Ta'ala. Dan sunat mandi pula karana¹⁴⁴

[Halaman 9]

wuqūf di 'Arafah dan masuk waktunya daripada fajar dan *wuqūf* di Masy'ar al-Ḥarām¹⁴⁵ pada hal¹⁴⁶ pagi-pagi dan masuk waktunya pada setengah malam dan karana¹⁴⁷ melo[n]tar Hari *Tasyriq*. Maka hendak[lah] ia mandi *ba'd al-zawāj*¹⁴⁸

¹³⁹(penjual).

¹⁴⁰(pemburu).

¹⁴¹ Sebuah wādī berhampiran Makkah. Sekarang dikenali dengan nama Bi'r al-Zāhir. Lihat Ibn Ḥajar (1978), *op. cit.*, j.7, h. 193. Dinamakan demikian kerana telaga tersebut dibina dengan batu (*mawiyah*). Lihat al-Ramlī (1976), *op. cit.*, j. 3, h. 275.

¹⁴²Maknanya “memepat dan menjadikan kemas (rambut, janggut dan lain-lain). Kamus Dewan (1998), *op. cit.*, h. 43.

¹⁴³(kerana).

¹⁴⁴(kerana).

¹⁴⁵Sebuah bukit kecil bernama Quzah yang terletak di akhir Muzdalifah. Dinamakan al-Masy'ar kerana di sana terdapat berbagai-bagai syiar sebagai petunjuk-petunjuk bagi Agama Islam. Manakala al-Ḥarām bermaksud “al-Muharram” iaitu tempat diharamkan perburuan dan sebagainya, tambahan pula ia terletak di Tanah Ḥarām. Lihat Al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 501; Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 118.

¹⁴⁶(pada waktu awal pagi).

¹⁴⁷(kerana).

¹⁴⁸(selepas gelincir matahari).

itu *af'dal* dan karana¹⁴⁹ masuk [ke] *bayt Allāh*. Maka segala mandi yang tersebut itu jika tiada didapat[i]nya air maka ia [ber]tayammum [sebagai] gantinya.

MASAELAH:¹⁵⁰ Manakala ia berkehendak[kan] *iḥrām*, sunat ia memakai kemudian daripada mandi bau-bauan pada tubuhnya. Maka yang terlebih utama bau-bauan itu [ialah] kesturi¹⁵¹ dicampur[kan] dengan mawar. Maka tiada mengapa berkekalan bau-bauannya tatkala [ber]*iḥrām*, tetapi jika ia mengambil daripadanya dengan tangannya maka dipindah[kannya] kepada lainnya atau kepada tangan itu jua nescaya wajib *fidyah* melainkan ia berpindah sendirinya dengan sebab terpalit, maka tiada [me]ngapa. Dan tiada sunat ia memakai pada kainnya. Dan demikian lagi sunat bagi perempuan ia mencelup¹⁵² pada kedua tangannya dan mukanya dengan hinai,¹⁵³ tetapi haram pada laki-laki memakai hinai¹⁵⁴ melainkan kepada janggut dan rambut kepala dan jika sakit seperti kudis, harus dipakainya karana¹⁵⁵ [dibuat] hubat.¹⁵⁶ Dan wajib ia sunyikan¹⁵⁷ daripada [memakai] segala kain yang meliputi¹⁵⁸ dan daripada menutup kepalanya dahulu daripada [ber]*iḥrām*. Kata *qīl*, tiada wajib karana¹⁵⁹ yang mewajibkan meninggal[kannya] itu [iaitu] *iḥrām*, belum lagi ada, maka sunat jua ia tinggalkan dahulu daripada [ber]*iḥrām*, tetapi manakala diakhirkannya jikalau sedikit sekalipun

¹⁴⁹ (kerana).

¹⁵⁰ (Masalah).

¹⁵¹ Kesturi ialah sejenis tumbuhan yang harum kayunya. Lihat *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 665.

¹⁵² (mencelup).

¹⁵³ (inai).

¹⁵⁴ (inai).

¹⁵⁵ (kerana).

¹⁵⁶ (ubat).

¹⁵⁷ (hindarkan).

¹⁵⁸ (bersarung).

¹⁵⁹ (kerana).

daripada niatnya maka lazimlah¹⁶⁰ *dam*. Dan sunat ia memakai dua helai kain yang putih kedua[-dua]nya lagi baharu, satu pada pinggangnya dan satu [lagi sebagai] selendangnya. Maka jika tiada, maka yang dibasuh. Dan makruh memakai kain yang bercalup,¹⁶¹ maka haram jika calup¹⁶² dengan kasumba¹⁶³ dan kumkuma.¹⁶⁴ Dan sunat bahawa ada ia dua kausnya¹⁶⁵ itu baharu kedua[-dua]nya. Kemudian sembahyang dua rak'at jika bukan waktu *taibrām*,¹⁶⁶ demikian lafadz niatnya:

أَصْلَنِي سُنَّةَ الْإِخْرَامِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

[Maksudnya]: Sahaja aku sembahyang dua rak'at sunat *ihrām* karana¹⁶⁷ Allah Ta'ala. Maka [hendaklah] dibacakan ayat:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافَرُونَ

dan

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ.

¹⁶⁰ Bererti "wajib". Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 395.

¹⁶¹ (bercelup).

¹⁶² (dicelupkan).

¹⁶³ (kesumba). Kesumba ialah sejenis tumbuhan yang menghasilkan cat atau pencelup merah. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 665. Dalam Bahasa Arab disebut *za'farān* iaitu sejenis tumbuhan bebawang dan bunganya berwarna merah kekuningan. Digunakan untuk menyedapkan rasa kuah atau manisan. Satu jenis daripadanya berwarna kuning. Lihat *al-Munjid* (1986), *op. cit.*, h. 299.

¹⁶⁴ (*kurkum*). Dalam Bahasa Arab disebut *wars* (ورس) iaitu sejenis tumbuhan berwarna kuning. Ditanam di negara Yaman dan dibuat pencelup kain. Ia adalah spesis *kurkum* (kunyit). Lihat *Al-Fayyūmī* (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 655.

¹⁶⁵ Kasut atau sepatu. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 588.

¹⁶⁶ Waktu-waktu yang diharamkan sembahyang ialah selepas Sembahyang Subuh sehingga matahari naik sekadar segalah kerana ketika itu syaitan sedang menundukkan kepala mereka ke arah matahari dan orang-orang kafir sujud kepadanya, ketika matahari tegak di atas kepala (kecuali pada Hari Juma'at, mengikut Mazhab al-Syāfi'i') kerana ketika itu neraka jahannam dinyalakan dengan sebesar-besarnya nyalaan dan pada waktu senja sehingga terbenam matahari kerana ketika itu syaitan dan orang-orang kafir melakukan perbuatan sebagaimana yang mereka lakukan pada waktu matahari terbit. Lihat *al-Nawawi* (t.t.), *op. cit.*, j. 6, h. 112 dan 116 – 117.

¹⁶⁷ (kerana).

Kemudian maka ia [ber]*iḥrām* tatkala berhadap ia hendak berjalan dan tatkala bangun kenderaan berhadap kepada jalan. Dan jika ada ia di Makkah, ia sembahyang dua rak'at itu di Masjid¹⁶⁸ al-Harām.¹⁶⁹ Kemudian kembali ia [ber]*iḥrām* pada pintu rumahnya, kemudian ia pergi ke Masjid, *fawāf' widā'* karana¹⁷⁰ sunat ia *fawāf'* bagi orang [yang] hendak pergi kepada perjalanan yang

[Halaman 10]

kurang daripada dua *marhalah*. Dan sunat ia membanyakkan *talbiyyah* dan mengangkatkan suaranya istimewa pula tatkala berubah kelakuan seperti naik kenderaan dan turunnya dan naik tanah tinggi dan turun daripadanya dan tatkala bercampur dengan orang banyak dan tatkala masuk malam dan siang dan

¹⁶⁸ Dinamakan Masjid Harām kerana ia terletak di pusat kawasan ḥarām atau kawasan larangan. Ka'bah berada ditengah-tengahnya dan di sekelilingnya adalah kawasan larangan. Masjid Ḥarām adalah masjid yang pertama sekali dibina di atas dunia, diikuti dengan al-Masjid al-Aqṣā dan jarak pembinaan kedua-duanya ialah selama 40 tahun. Pada masa dahulu malah pada zaman Rasulullah S.A.W. dan Khalifah Abū Bakar r.a., Masjid Ḥarām tidak berdinding. Pada tahun 17H., Khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. mula membuat dinding yang rendah, tidak pun setinggi badan manusia. Beliau telah membeli bangunan-bangunan dan rumah-rumah di sekeliling Masjid Ḥarām untuk meluaskan bangunan masjid dan membina dindingnya. Seterusnya pada tahun 28H., Khalifah 'Uthmān meluaskannya lagi. Begitulah seterusnya, khalifah demi khalifah kemudiannya terus berusaha meluaskan Masjid Ḥarām hingga pada tahun 979H di mana Sultan Sulaym telah memagarinya menjadi seperti bentuk sekarang ini. Usaha baginda itu diteruskan oleh putera baginda, Sultan Murād Khān. Pada tahun 1375H., pemerintah Arab Saudi telah meluaskan kawasan Masjid Ḥarām dan memasukkan tempat *sa'i* ke dalam Masjid Ḥarām, sebelumnya ia merupakan tempat perdagangan.

Pembesaran Masjid Ḥarām terus berjalan mengikut perkembangan zaman. Bermula sekitar tahun 1982 lagi, kerja-kerja pembesaran dan pemberkannya telah dijalankan. Anggaran belanjawan bagi seluruh kerja pembesaran, pembaikan dan mencantikkan Masjid Ḥarām ini adalah lebih kurang SR 10 ribu juta. Pada sebahagian Barat Masjid Ḥarām yang dikenali sebagai kawasan al-Sūq al-Ṣaghīr telah diperluaskan bahagian bawah dan tingkat atasnya termasuk bumbung yang merangkumi kawasan seluas 76,000 meter persegi. Pembinaan itu sendiri melibatkan pembinaan satu pintu utama, 14 pintu kecil, 2 pintu bahagian bawah dan sebanyak 294 tiang yang setiap satu lebarnya 71 cm. Dua buah menara besar yang tingginya 89 meter turut dibina. Dengan bertambahnya menara-menara ini maka kini terdapat 9 menara besar di Masjid Ḥarām. Pembinaan ini dijangka memberi ruang kepada seramai lebih kurang 140,000 jamaah. Bahagian atap Masjid Ḥarām juga turut diubahsuai bagi dijadikan tempat sembahyang yang dapat menampung 70,000 jamaah. Enam jambatan mini juga dibina di kawasan Mas'ā bagi memudahkan jamaah melintasi kawasan *sa'i* tanpa mengganggu orang yang sedang melakukan *sa'i*. Dua escalator turut diadakan di sini bagi memudahkan jamaah naik ke tingkat atas. 54 pintu Masjid Ḥarām juga turut diperbaharui. Lantai bahagian kawasan *fawāf'* di sekeliling Ka'bah iaitu kawasan terbuka juga telah ditukar kepada marmar serap haba. Terdapat 27 unit sistem penyejuk disediakan di kawasan Mas'ā. Pada masa ini, Masjid Ḥarām mempunyai 8,000 kipas angin bagi tujuan pengedaran udara. Pada keseluruhannya, projek pembesaran Masjid Ḥarām ini dapat menampung lebih 500,000 jamaah pada satu-satu masa. Lihat Suhaimee Yassin (1995), *op. cit.*, h. 98 dan Abdul Aziz Hussin (1998), *op. cit.*, h. 81 – 91.

¹⁶⁹ Ḥarām dengan sebab Allah Ta'ālā mengharamkannya. Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, h. 850.

¹⁷⁰ (kerana).

kemudian daripada sembahyang¹⁷¹ dan waktu sahur, tetapi tiada sunat di dalam *tawâf qudâm* dan *sa'î*. Dan lafadz yang masyhur itu iaitu:

لَبِّيْكَ اللَّهُمَّ لَبِّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبِّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَالْعَمَّةَ لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ.¹⁷²

Dan sunat ia berhenti sedikit pada "وَالْمُلْكَ" itu dan jika dilebihkan tiada sunat dan tiada makruh pula karana¹⁷³ adalah Sayyidinā 'Abdullâh Ibn 'Umar¹⁷⁴ ditambahnya dengan:

لَبِّيْكَ وَسَعْدَيْكَ وَالْخَيْرُ بِيَدِيْكَ وَالرَّغْبَاءِ إِلَيْكَ.¹⁷⁵

Dan satu riwayat daripada Anas¹⁷⁶ lebih lagi dengan:

¹⁷¹ (sembahyang fardu).

¹⁷² Lihat Ibn Hajar al-'Asqalâni (1978), *op. cit.*, j.7. Kitâb al-Hajj, Bâb al-Talbiyyah, no. hadith 1549, h. 187; Al-Nawawî (t.t.), *op. cit.*, j. 8. Kitâb al-Hajj, Bâb al-Talbiyyah wa Sifatuhâ wa Waqtuhâ, (t.no.), h. 87.

¹⁷³ (kerana).

¹⁷⁴ Beliau ialah Abû 'Abd al-Râhîmân 'Abdullâh bin 'Umar bin al-Khaṭâb r.a.h. Dilahirkan setahun sebelum Nabi S.A.W. menjadi Rasul. Memeluk Islam dan berhijrah ke Madînah bersama bapanya semasa beliau masih kecil. Semasa berlakunya Peperangan Uhud, beliau baru berumur 14 tahun. Lantaran itu, beliau tidak dibenarkan oleh Rasulullah S.A.W. untuk menyertainya kerana usianya masih kecil. Beliau mencapai umur baligh iaitu 15 tahun pada tahun berlakunya Peperangan Khandaq, lantas diizinkan oleh Baginda S.A.W. untuk menyertainya. Selepas itu beliau tidak pernah ketinggalan menyertai setiap peperangan bersama Rasulullah S.A.W. Kuat beribadat dan sentiasa menunaikan *qiyâm al-layl*. Beliau adalah seorang Sahabat yang faqih dan seorang Mufti.

Beliau tidak pernah menyertai sebarang pemberontakan dan tidak berperang bersama 'Ali dan tidak juga bersama Mu'âwiyah. Kerap mengerjakan haji pada tahun-tahun berlakunya huru-hara dan tahun-tahun selepasnya dan beliau merupakan scorang yang paling mahir mengenai ibadat haji. Dikatakan bahawa beliau menunaikan 60 kali haji, 1,000 kali umrah, memberi fatwa selama 60 tahun dan menyediakan 1,000 ekor kuda untuk digunakan di dalam peperangan *Fî Sa'bâlillâh*. Beliau meninggal dunia di Makkah pada tahun 73H ketika berusia 86 tahun. Beliau dibunuh oleh seorang lelaki suruhan al-Hajjâj dengan melontarkan lembing yang berasun ke kakinya ketika beliau sedang *tawâf*. Lantas beliau sakit buat beberapa hari lalu meninggal dan dikebumikan di Dhi Tuwâh iaitu di perkuburan Muhâjirin. Lihat Muhammad bin 'Allân al-Şiddîqî al-Asy'âri (1977), *op. cit.*, j. 1, h. 71.

¹⁷⁵ Lihat Ibn Hajar al-'Asqalâni (1978), *op. cit.*, j.7. Kitâb al-Hajj, Bâb al-Talbiyyah, (t.no.), h. 188; Al-Nawawî (t.t.), *op. cit.*, j. 8. Kitâb al-Hajj, Bâb al-Talbiyyah wa Sifatuhâ wa Waqtuhâ, (t.no.), h. 88.

¹⁷⁶ Abû Thumâmah atau Abû Hamzah Anas bin Mâlik bin al-Nâdr al-Bukhârî al-Khazrajî al-Ansârî. Sahabat Rasulullah S.A.W. dan juga khadam Baginda. Periwayat-periwayat meriwayatkan hadith daripadanya sebanyak 2,286 hadith. Beliau dilahirkan di Madinah pada tahun ke-10 sebelum Hijrah bersamaan 612M, memeluk agama Islam sejak kecil dan sentiasa berkhidmat kepada Nabi S.A.W. Beliau telah berpindah ke Damsyiq, seterusnya ke Bašrah dan

Dan ia [mengucapkan] *talbiyyah* tiga-tiga kali berturut-turut. Kemudian ia [ber]selawat akan [ke atas] Nabi S.A.W. dengan suara yang kurang daripadanya, demikian yang pada *tasyahhud akhir* dan sekurang[-kurang]nya:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ.¹⁷⁸

Dan sunat ia mengucap[kan] pula:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ رِضْانَكَ وَالْجَنَّةَ وَأَغُوذُ بِكَ مِنْ سَخْطِكَ وَالنَّارِ.¹⁷⁹

Dan sunat tatkala ia melihat yang dicengangkan¹⁸⁰ sama ada ia suka[kan]nya atau dibencinya [ia berkata]:

لَبِيْكَ إِنَّ الْعَيْشَ عَيْشُ الْآخِرَةِ.¹⁸¹

[Maksudnya]: Bahkan hai Tuhanku! Ku ju[n]jungkan titahMu bahawasanya kehidupan yang sebenar dan kesukaan dan selama-lamanya itu [ialah] hidup di dalam Akhirat. Dan sunat bahawa membanyak[kan] doa barang yang dikehendakinya [di] dunia dan [di] akhirat. Dan sunat membaca kemudian daripada [ber]selawat doa ini iaitu:

meninggal dunia di sana pada tahun 93H/712M. Beliau merupakan Sahabat yang terakhir sekali meninggal dunia di Baṣrah. Lihat al-Ziriklī (1979), *op. cit.*, j. 2, h. 24 – 25.

¹⁷⁷ Al-Haythamī (1994), Ḥusān al-Dīn al-Qudsī (ed), *Majma‘ al-Zawā‘id*, j. 3. Kitāb al-Hajj, Bāb al-Ihlāl wa al-Talbiyyah, (t.no.), Kaherah: Maktabah al-Qudsī, h. 223.

¹⁷⁸ *Al-Kutub al-Sittah* (1981), *Sunan Abī Dāwūd*, *op. cit.*, j. 1. Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Ṣalāh ‘alā al-Nabi S.A.W. ba’d al-Tasyahhud, no. hadith 976, h. 599; *Musnad Aḥmad Ibn Ḥanbal*, *ibid.*, j. 4, h. 244.

¹⁷⁹ Al-Ramlī (1967), *op. cit.*, j. 3. Kitab al-Hajj, Bāb al-Iḥrām, Faṣl Fī Rukn al-Iḥrām wa mā Yūṭlab li al-Muhrim, h. 274.

¹⁸⁰ (menarik perhatian).

¹⁸¹ Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8. Kitāb al-Hajj, Bāb al-Talbiyyah wa Ṣifatuhā wa Waqtuhā, (t.no.), h. 91.

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ الَّذِينَ اسْتَحْيُونَا لَكَ وَلِرَسُولِكَ وَاعْمَلُوا بِكَ وَوَقُرُوا بِوَعْدِكَ وَوَفُرُوا بِعَهْدِكَ وَأَبْيَغُوا
أَمْرَكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنْ وَفْدِكَ الَّذِي رَضِيْتَ وَأَرْتَضَيْتَ، اللَّهُمَّ يَسِّرْلِي إِذَا مَا نَوَيْتُ وَتَقْبِلْ مِنِّي يَا
كَرِيمُ¹⁸². اللَّهُمَّ قَدْ أَخْرَمَ لَكَ شَعْرِي وَبَشَرِي وَلَحْمِي وَدَمِي وَعَصِيْنِي وَمُخْنِي وَعِظَامِي وَحَرَّمْتُ
عَلَى نَفْسِي انسا¹⁸³ وَالطَّيْبَ وَلَيْسَ الْمَحِيطُ ابْتِغَاءً وَجْهَكَ وَالدَّارُ الْآخِرَةَ.

Hendaklah dibacanya doa ini kemudian daripada [ber]selawat.

[2.6] Bab *Sifat Nusuk* (Ibadat Hajji)

Ini satu bab pada menyatakan sifat *nusuk*.¹⁸⁵ Bermula rukun haji itu enam perkara. **Pertama** *iḥrām*, **kedua** *tawāf* dan **ketiga** *sa'ī*, **keempatnya** *wuqūf* di ‘Arafah dan **kelima** *halaq* yakni bercukur atau bergu[n]ting

[Halaman 11]

dan **keenamnya** tertib pada kebanyakannya. Dan rukun ‘umrah lima perkara, **pertama** *iḥrām* dan **kedua** *tawāf* dan **ketiga** *sa'ī* dan **keempat** bercukur dan **kelima** tertib. Dan wajib haji itu enam perkara, **pertama** [ber]*iḥrām* ia pada miqāt, **kedua** *mabīd* di Muzdalifah dan **ketiga** *mabīd* di Minā dan **keempat** melo[n]tar Jamrah dan **kelima** meninggalkan barang yang haram atas orang yang [ber]*iḥrām*, yang lagi akan datang. Maka *tawāf widā'* itu wajib sendiri jika jatuh ia tiada kemudian daripada haji dan jika jatuh kemudian daripada haji lagi mengiringi bakinya, ada padanya *khilāf* ulamak padanya. Setengah daripada

¹⁸² Al-Ghazzālī (t.t.), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, j. 3, Kaherah: Dār al-Sya'b, h. 453; Al-Ramlī (1967), *op. cit.*, j. 3, h. 274.

¹⁸³ Penyalin manuskrip silap tulis, perkataan yang sebenarnya ialah "الْكَسَاءُ" "الْكَسَاءُ".

¹⁸⁴ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 453; 'Abd al-Rahmān al-Jazīrī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 643.

¹⁸⁵ (ibadat haji).

ulamak, wajib haji dan kata setengah [ulamak] bukan ia daripada wajib haji.¹⁸⁶ Maka ketahui olehmu, selesailah daripada mengerjakan *ihrām* daripada miqātnya maka berkehendak[kan] masuk ke Makkah maka yang terlebih *afḍal* ia masuk ke Makkah itu dahulu daripada *wuqūf* di ‘Arafah supaya dapat beberapa kelebihan ia mengerjakan padanya seperti ia *tawāfi qudum* dan dapat ia hadir¹⁸⁷ khutbah pada hari ke tujuh [bulan Dhū al-Hijjah] dan lainnya. Maka sunat bagi orang yang hendak masuk [ke] Tanah Ḥarām ia mandi seperti telah terdahulu sebutnya dan ia membaca tatkala masuk:

اللَّهُمَّ هَذَا حَرَمْكَ وَأَمْتَنَكَ فَحَرَمْ لَحْمِيْ وَدَمِيْ وَبَشَرِيْ عَلَى التَّارِ وَأَمِنِيْ مِنْ عَذَابِكَ يَوْمَ تَبْعَثُ

عِبَادَكَ وَاجْعَلْنِيْ مِنْ أُولَئِنَّكَ وَأَهْلِ طَاعَتِكَ.¹⁸⁸

Maka apabila sampai ke Makkah, maka sunat mandi pada Dhī Tuwā. Dan ia masuk daripada pihak yang tinggi iaitu daripada Thaniyyat al-‘Ulyā¹⁸⁹ iaitu jalan

¹⁸⁶ Imām al-Haramayn dan al-Ghazzālī mengatakan bahawa *tawāfi widā'* adalah wajib dan dikategorikan sebagai sebahagian daripada ibadat haji. Ia berdasarkan riwayat daripada Ibn ‘Abbās r.a., Rasūlullāh S.A.W. bersabda: " لَا يَقْرَنُ أَحَدٌ حَتَّى يَكُونَ أَخْرَ عَهْدِهِ بِالْبَيْتِ ". Lihat *al-Kutub al-Sittah* (1981), *Sahīh Muslim*, op. cit., j. 1. Kitāb al-Hajj, Bāb Wujūb Tawāfi al-Widā' wa Suqūt ‘an al-Hā’id, no. hadith 379, h. 963; *Sunan Abī Dāwūd*, ibid., j. 2. Kitāb al-Manāsik, Bāb al-Widā', no. hadith 2002, h. 510. Manakala al-Baghawī dan al-Mutawallī, mengatakan *tawāfi widā'* adalah sunat dan bukan sebahagian daripada ibadat haji, bahkan ia merupakan ibadat yang berasingan, diperintahkan kepada orang yang hendak meninggalkan Makkah sejauh jarak yang diharuskan *qaṣar*. Pendapat yang kedua ini lebih *sahīh* pada pandangan al-Imām al-Rāfi‘ī, sebagai menghormati Tanah Ḥarām. Al-Rāfi‘ī berkata: "Fuqahak mazhab bersepakat bahawa orang yang tinggal di Makkah, apabila dia mengerjakan haji dan bermiat untuk bermukim di sana, tidak diperintah supaya mengerjakan *tawāfi widā'*. Perkataan al-Rāfi‘ī ini berasaskan kepada sabda Nabi S.A.W.: " يَعْمِلُ الْهَاجِرُ بِمَا كَفِيْهُ بَعْدَ قَضَاءِ سَعْكِ ثَلَاثَاتٍ ". Lihat *al-Kutub al-Sittah* (1981), *Sahīh Muslim*, op. cit., j. 1. Kitāb al-Hajj, Bāb Jawāz al-Iqāmah bi Makkah li al-Muhājir minhā ba’d Farāgh al-Hajj wa al-‘Umrah Thalāthat Ayyām bilā Ziyādah, no. hadith 442, h. 985. Maksudnya, bahawa *tawāfi widā'* dilakukan ketika pulang, bukan ketika bermukim di Makkah. Lihat al-Nawawi (t.t.), op. cit., j. 8, h. 186; 189. Di dalam *Fatḥ al-Bārī* terdapat keterangan bahawa al-Imām al-Nawawi serta kebanyakan ulamak berpendapat hukum *tawāfi widā'* adalah wajib dan kalau meninggalkannya dikenakan *dam*. Manakala pada al-Imām Mālik, Dāwūd dan Ibn al-Munzir hukumnya sunat dan tidak dikenakan *dam* kalau meninggalkannya. Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalāni (1978), op. cit., j.8, h. 66.

¹⁸⁷ (mendengar).

¹⁸⁸ Lihat al-Nawawi (t.t.), op. cit., j. 8, h. 5; Al-Ghazzālī (t.t.), op. cit., j. 3, h. 454.

yang picit,¹⁹⁰ yang tinggi iaitu Jalan Ma'lā,¹⁹¹ memberi ketahui tempat yang diqasadnya amat mulia lagi tinggi. Dan apabila ia hendak keluar, maka ia keluar daripada Thaniyyat al-Suflā¹⁹² iaitu jalan yang rendah iaitu Jalan Syeikh Mahmūd, memberi ketahui akan tempat yang ia hendak pergi itu rendah dan kurang, sama ada ia [ber]iħrān atau halal. Dan sunat ia masuk [pada] pagi-pagi hari lagi, berjalan kaki lagi sangat me[n]ta'zīm[kan] bagi qadarnya dan tiada pada muka bumi yang terlebih *afdal* kepada Allah daripadanya melainkan bumi yang mengandung Nabi S.A.W. Dan sunat ia duduk padanya jika kuasa mendirikan adabnya. Maka seyogianya¹⁹³ bagi orang yang duduk itu mengingatkan perhatiannya banyak[-banyak] akan ayat yang disebut di dalam [al-]Qur'an.

Firman Allah Ta'ala:

وَمَنْ يُرِدُ فِيهِ بِالْحَادِيظَلْمٍ ثُنْكَةٌ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ.¹⁹⁴

[Maksudnya]: Dan barang siapa berkehendak[kan] padanya dengan cenderung hati dengan mengerjakan [ke]zalim[an] maka kami rasakan dia daripada syeksa¹⁹⁵ yang amat pedih. Maka dijanjikan [kepada] orang yang hendak

¹⁸⁹ *Al-thaniyyah* bererti jalan sempit di antara dua buah bukit. Jalan ini berada di sebelah atas Makkah. Lihat Al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 483. Merentasi berhampiran dengan al-Muhaṣṣab dan melandai hingga ke Tanah Perkuburan Makkah, al-Ma'lā. Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 9, h. 4 dan Al-Sywakānī (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 36. Jalan ini dikenali juga dengan nama al-Hajūn dan sukar direntasi. Lihat Ibn Ḥajar al-Asqalānī (1978), *op. cit.*, j.7, h. 222.

¹⁹⁰ (picik). Jalan yang sukar dilalui.

¹⁹¹ Tanah perkuburan penduduk Makkah. Lihat Ibn Ḥajar (1978), *op. cit.*, j.7, h. 222. Dikenali juga dengan nama al-Mu'allāh. Letaknya di Timur Laut Makkah, iaitu satu kawasan lapang di antara dua buah bukit. Dari Utara dan Barat, jaraknya lebih kurang 2 kilometer dari Masjid Ḥarām. Di perkuburan inilah telah dimakamkan Sayyidatinā Khadijah bint Khuwaylid r.a.h., isteri Rasūllāh S.A.W., kubur bonda Baginda, al-Sayyidah Aminah, kubur Sayyidinā 'Abdullāh bin al-Zubayr serta bondanya Asmā' bint Abī Bakr, kubur Bani Hāsyim, datuk nenek Rasūllāh S.A.W. iaitu 'Abd Manāf, 'Abd al-Muṭtalib, bapa saudara Baginda, Abū Tālib serta ramai lagi para Sahabat dan Tabi'iin. Lihat Wahbah al-Zuḥaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 332; Misbāh (1994), *op. cit.*, h. 90.

¹⁹² Jalan ini terletak di sebelah bawah Makkah iaitu di Bukit Qu'ayqi'ān. Lihat al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, hlm 483. Jalan ini merupakan jalan keluar ke Yaman. Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 9, h. 4.

¹⁹³ (sebaik-baiknya).

¹⁹⁴ Surah al-Hajj (22): 25.

[Halaman 12]

mengerjakan [ke]zalim[an] itu jikalau dosa kecil sekalipun akan syeksa¹⁹⁶ yang dijanjikan bagi orang kafir Makkah. Yang demikian itu tertentu bagi Tanah Ḥarām Makkah ini juga. Kata Ibn ‘Abbās, diambil daripada ayat ini: “Kejahatan berganda-ganda pula padanya seperti kebijakan. Maka bahawa adalah diganda[kan] satu kebijakan itu padanya dengan seratus ribu kebijakan di negeri yang lain.”¹⁹⁷ Dan kata Syeikh Ibn Hajar [al-Haytami]: “Satu rak’at sembahyang padanya lebih daripada negeri yang lain dengan seratus ribu ribu ribu, tiga kali”.¹⁹⁸ Dengan sebab itulah sangat banyak namanya, maka setengahnya Makkah dan Bakkah dan Balad dan al-Bayt al-‘Atīq dan al-Bayt al-Ḥarām dan Umm Raḥm dan Umm al-Qurā dan al-‘Arsy dan al-Muqaddasah dan al-Ḥāfiyah dan beberapa banyak lagi. Dan apabila sampai kepada tempat yang kelihatan *bayt Allāh* hal keadaannya, diangkat kedua-dua tangannya mengadap kiblat maka dibacanya:

اللَّهُمَّ زِدْ هَذَا الْبَيْتَ شَرْفَنَا وَتَعْظِيمَنَا وَتَكْرِيمَنَا وَمَهَابَةَ وَزَدْ مِنْ شَرْفَةَ وَعَظَمَةَ مِمْنَ حَجَّةَ أَوْ اعْتَصَرَ
شَرِيفًا وَتَعْظِيمًا وَبِرًّا، اللَّهُمَّ أَتَتَ السَّلَامَ وَمَنْتَ السَّلَامُ فَجِئْنَا رَبِّنَا بِالسَّلَامِ.

199

¹⁹⁵ (seksa).

¹⁹⁶ (seksa).

¹⁹⁷ أوصى عبد الله بن عباس رضي الله عنهما بنيه عند موته فقال: ”يا بني حجوا مثناة فإن للحجاج الماشي بكل خطوة يخطوها سبعمائة حسنة من حسناوات الحرام، قيل: وما حسناوات الحرام؟ قال: الحسنة بمائة ألف.“ Lihat al-Ghazzali (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 477; Al-Mundhiri (t.t.), *al-Targhib wa al-Tarhib*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 166.

¹⁹⁸ (seratus billion). Lihat al-Syarawani (t.t.), *Hawâsyîl 'alâ Tulyfat al-Muhtâj bi Syârîh al-Minhâj li Ibn Hajar al-Haytami*, j. 4, Beirut: Dâr Shâdir, h. 65.

¹⁹⁹ Al-Bayhaqi (t.t.), *al-Sunan al-Kubrâ*, j. 5. Kitâb al-Hajj, Bâb al-Qawl 'ind Ru'yat al-Bayt, (t.no.), Beirut: Dâr al-Mârifah, h. 73.

Kemudian maka masuk ke Masjid pada pintu yang bernama Bani Syaybah²⁰⁰ iaitu Bāb al-Salām,²⁰¹ maka dibacanya:

بِسْمِ اللَّهِ وَبِاللَّهِ إِلَى اللَّهِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَعَلَى مِلَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.²⁰²

Maka apabila hampir kepada *bayt Allāh* maka [hendaklah] dibaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فِي مَقَامِي هَذَا فِي أَوَّلِ مَنَاسِكِي أَنْ تَقْبِلَ تَوْبَتِي وَتَتَحَوَّرَ عَنْ حَطَبِتِي وَتَضَعَ

عَنِّي وَرِزْيِي. الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَلَغَنِي بِيَتَهُ الْحَرَامُ الَّذِي جَعَلَهُ مَنَاءً لِلنَّاسِ وَأَمَّا وَجَعَلَهُ مُبَارَكًا

وَهُدًى لِلْعَالَمِينَ.²⁰³

Kemudian maka sunat ia *fawāf qudūm* sebelum lagi menanggalkan kainnya dan dahulu daripada ia menyewakan rumah, jika ada uzurnya seperti didapat[i] sesak²⁰⁴ atau ada jemaah berdiri sembahyang atau lainnya, maka hendak[lah] ia sembahyang serta jamaah atau ia sembahyang *tahiyat al-Masjid*. Dan tiada luput *fawāf qudūm* itu jika berhenti beberapa lama sekalipun jika belum lagi ia *wuqūf* di ‘Arafah dan manakala *wuqūf* maka luput baginya *fawāf qudūm*. Dan sunat bagi perempuan itu ia *ta’khīr*[kan] *fawāf qudūm* hingga [ke] malam jika tiada ia takut kedatangan uzurnya. Dan tertentu *fawāf qudūm* itu bagi orang yang masuk [ke] Makkah orang halal atau orang [ber]iibrām haji yang masuk [ke] Makkah dahulu

²⁰⁰ Salah satu daripada Pintu-Pintu al-Masjid al-Harām dan merupakan arah yang paling mulia dari keempat-empat arah kerana Pintu Ka’bah dan al-Hajar al-Aswad berhadapan dengan pintu ini. Syaybah adalah nama seorang lelaki iaitu Ibn ‘Uthmān bin Talhah al-Hajāmī, yang mana kunci Ka’bah dipegang oleh anaknya. Lihat Al-Syarbīn al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 484. Diriwayatkan bahawa Nabi S.A.W. masuk melalui pintu ini semasa mengerjakan ‘umrah *qadā* walaupun bukan pada arah Baginda datang tetapi kerana ia adalah Pintu Ibrāhim. Lihat al-Ramlī (1976), *op. cit.*, j. 3, h. 276.

²⁰¹ Lihat kedudukannya pada lampiran 12.

²⁰² Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 454.

²⁰³ *Ibid.*

²⁰⁴ Jama’ah haji terlalu ramai dan bersesak-sesak.

daripada *wuqūf* di ‘Arafah. Adapun orang yang [ber]iḥrām ‘umrah maka tiada *fawāfi’ qudūm* padanya kerana²⁰⁵ telah masuk

[Halaman 13]

waktu *fawāfi’* rukun padanya. Maka manakala ia *fawāfi’* rukun maka [ter]masuk[lah] *fawāfi’ qudūm* sertanya. Maka apabila ia hendak *fawāfi’*, maka sunat ia mengqasadkan Ḥajar Aswad. Maka disapunya dengan tangan kanan, kemudian dikucupnya, maka dibacanya:

اللَّهُمَّ أَمَانِتِي أَدْعُهَا وَمِثْاقِي وَفِيتِهِ اشْهَدُ لِي بِالْمُوْافَةِ.²⁰⁶

Kemudian ia *fawāfi’*.

[2.7] Fasal Wajib-Wajib *Tawāfi’* Dan Sunat-Sunatnya

Ini suatu fasal pada menyatakan beberapa wajib *fawāfi’* dan beberapa sunatnya. Maka wajib *fawāfi’* itu delapan²⁰⁷ perkara.

Pertama: Menutup aurat.

Kedua: suci daripada hadas kecil dan besar dan cuci²⁰⁸ daripada najis pada badannya dan pada kainnya dan pada tempat *fawāfi’*nya melainkan pada ketika musim haji, maka dimaafkan barang yang ada ‘umām balwā²⁰⁹ padanya. Maka jikalau kedatangan hadas atau [ter]kena najis atau terbuka aurat maka hendak[lah]

²⁰⁵ (kerana).

²⁰⁶ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 455.

²⁰⁷ (lapan).

²⁰⁸ (bersih).

²⁰⁹ Bermaksud kesusahan yang sangat sukar dilakukan seperti mendirikan sembahyang dengan najis yang dimaafkan umpama darah pepijat, tanah jalan, kesan najis yang payah dihilangkan, tahi burung yang sangat banyak di dalam masjid atau di tempat *fawāfi’* dan sebagainya. Lihat al-Suyū’i (1998), *al-Asybāh wa al-Nazā’ir*, c. 4. Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, h. 164.

ia mengambil air sembahyang dan menyucikan najis, maka dihubungkan *tawāfi*nya karana²¹⁰ *muwālāt* itu tiada disyaratkan tetapi sunat jua bahkan melainkan orang yang mengambil upah haji, maka wajib meraikan orang yang mengata[kan] wajib *muwālāt*, maka dimulai *tawāf* lain.²¹¹ Dan demikian lagi pada terbuka auratnya maka hendak[lah] ditutup dengan bersegera, maka sahlah *tawāfi*nya dan jika lemah ia daripada menutup auratnya, maka harus ia *tawāf* jikalau *tawāf* rukun sekalipun, sah *tawāfi*nya. Dan jikalau tiada didapat[i] air akan bertahārah maka tiada harus ia *tawāf* dengan [ber]tayammum melainkan jika ia [ber]azam akan musāfir, harus ia *tawāf* rukun karana²¹² kesukaran ia [ber]sabar dengan [ber]*iḥrām*. Maka ia [ber]*taḥallul* dengan dia dan apabila ia datang [semula] ke Makkah maka wajib ia *tawāf* lain.²¹³ Dan tiada wajib mengerjakan dia ia meninggal²¹⁴ akan segala kain yang meliputi,²¹⁵ maka harus ia mengerjakan dengan memakai[nya].²¹⁶ Maka jika ia mati tiada didapat²¹⁷ ia datang ke Makkah maka dihajikan lain baginya.

²¹⁰ (kerana).

²¹¹ Imām al-Ḥaramayn, al-Ghazzālī, al-Māwardī, al-Qādī Abū al-Ṭayyib, Ibn al-Sibāgh dan sebahagian daripada ulamak ‘Iraq dalam *qawl qadīm*, mengatakan sekiranya terputus *muwālāt* terlalu lama, maka terbatallah *tawāf* dan hendaklah dimulakan *tawāf* lain, tetapi kalau sekejap, ia tidak membatalkan *tawāf* dan perlu menyambung *tawāf* tersebut. Begitu juga terbatil *tawāf* jika berlaku *ḥadāth* dan dikehendaki memulakan *tawāf* lain, mengikut *qawl qadīm* bagi satu kumpulan daripada ulamak ‘Iraq. Manakala mengikut *qawl jadīd*, tidak membatalkan *tawāf*. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 51 – 52.

²¹² (kerana).

²¹³ Menurut al-Juwainī dan al-Ramlī, dia wajib *tawāf* lain apabila datang semula ke Makkah kerana keadaan darurat yang memaksa dia bertayammum telah tiada lagi dan dia boleh bertahārah dengan berwuduk. Lihat al-Ramlī (1976). *op. cit.*, j. 3, h. 278 – 279.

²¹⁴ (menanggalkan). Boleh memakai pakaian yang bersarung, tidak wajib menanggalkannya.

²¹⁵ (bersarung).

²¹⁶ Harus memakai kain yang berjahit ketika mengerjakan *tawāf* kecuali *tawāf* ‘umrah. Seseorang yang telah bertaḥallul *awwal* iaitu dengan mengerjakan dua daripada tiga perkara iaitu melontar, bercukur dan *tawāf* harus melakukan perkara-perkara yang ditegah kecuali akad nikah, jimat dan perbuatan yang mendahuluiinya. Tidak harus memakai kain yang berjahit ketika mengerjakan *tawāf* ‘umrah kerana *tawāf* merupakan rukun ‘umrah yang kedua selepas *iḥrām*. Namun demikian, terdapat pandangan daripada Imām al-Syāfi’ī dan ramai lagi termasuk Imām Ahmad Ibn Ḥanbal, ‘Atā’, ‘Ikrimah, al-Thawrī dan Ishāq yang mengatakan harus memakai seluar tanpa dibedah jahitannya, berdasarkan kepada ḥadith Ibn ‘Abbās r.a. Beliau telah berkata: Nabi S.A.W. pernah

Dan ketiga menjadikan *bayt Allāh* dengan lambung²¹⁸ kirinya pada segala keliling tujuh itu lagi berjalan ia ke hadapan pihak Hajar.²¹⁹ Maka wajib ia *fawā'if* itu di luar *bayt Allāh* dan Syādharwān²²⁰ sekelian badannya yakni jangan masuk

berkhutbah di 'Arafah dengan sabda Baginda: "مَنْ لَمْ يَجِدِ الْإِزْأَرَ فَلْيَلْبِسِ السَّرَّاوِيلَ، وَمَنْ لَمْ يَجِدِ التَّعْلِيَنَ فَلْيَلْبِسِ الْخُفْفَيْنَ". Lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 8. Kitāb al-Hajj, Bāb Lubṣ al-Khuffayn li al-Muhrim idhā lam Yajid al-Na'lāyin, no. hadith 1843, h. 181. Manakala Imām Mālik dan Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa orang yang memakai seluar dikenakan *fidyah*, berdasarkan kepada riwayat Ibn 'Umar r.a.h. daripada Nabi S.A.W., Baginda bersabada:

"فَمَنْ لَمْ يَجِدْ تَعْلِيَنَ فَلْيَلْبِسِ الْخُفْفَيْنَ وَلَا يَقْطَعُهُمَا حَتَّى يَكُونَا أَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنَ". Lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 8. Kitāb al-Hajj, Bāb Lubṣ al-Khuffayn li al-Muhrim idhā lam Yajid al-Na'lāyin, no. hadith 1842, h. 181.

²¹⁷ (tidak dapat).

²¹⁸ Lambung ialah rusuk atau tepi badan. Lihat *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 753.

²¹⁹ Berada di dinding Ka'bah setinggi 2% hasta atau 1.2 meter dari permukaan bumi iaitu di sudut sebelah Utara yang dinamakan Penjuru Hajar Aswad. Ukuran garis pusat lebarnya adalah lebih kurang 11 inci dan garis pusat tingginya ialah 15 inci. Jika kita mengadap ke arah Hajar Aswad, maka kita akan dapat di kanan kita terdapat pintu Ka'bah. Ibn 'Abbās berkata: "Tidak ada di atas permukaan bumi ini sesuatu daripada Syurga kecuali Hajar Aswad dan Maqām, kedua-duanya merupakan *jawhar* Syurga. Kalauolah orang-orang musyrikin tidak menyentuhnya nescaya setiap sentuhan orang sakit disembuhkan oleh Allah S.W.T. akan penyakitnya."

Batu ini sentiasa dihormati, disanjung dan dimuliakan sejak daripada zaman jahiliah sehingga kepada zaman Islam sekarang, mereka mengambil berkat dengannya dan mengucupnya. Ketika Nabi Ibrāhīm a.s. dan Nabi Ismā'il a.h.m.s. membina Ka'bah, Nabi Ibrāhīm a.s. telah meminta anaknya itu mencari seketul batu untuk diletakkan sebagai satu tanda permulaan *fawā'if* di Ka'bah. Semasa Nabi Ismā'il a.s. sedang mencari-cari batu yang sesuai bagi tujuan itu maka datanglah Malaikat Jibril membawa sebijik batu teramat putih berkilau dan batu itu diserahkan kepada Nabi Ismā'il a.s. Lalu dibawanya batu itu kepada Nabi Ibrāhīm a.s. yang sedang membina Ka'bah. Jibril kemudiannya telah meletakkan batu itu di sudut Ka'bah yang sedang dibina oleh Nabi Ibrāhīm a.s. Batu itulah digelar kini Hajar Aswad.

Pada masa pemerintahan kaum Quraysy, bangunan Ka'bah telah mengalami kerosakan kerana *Kiswahnya* terbakar. Mereka telah mendirikan semula dinding-dinding Ka'bah. Pada masa pembinaan semula itu timbul perbualan mengenai siapa yang akan meletakkan semula Hajar Aswad di tempat asalnya. Qabilah-qabilah dalam kaum Quraysy tidak dapat menyelesaikan persoalan itu kerana masing-masing mahu meletakkan Hajar Aswad itu sebagai tanda penghormatan. Mereka hampir-hampir berperang sesama sendiri, tetapi dapat diselamatkan dengan satu cadangan Abū Umayyah Ibn al-Mughirah al-Makhzūmī bahawa orang yang mula-mula masuk ke kawasan Ka'bah pada hari itu, maka dia lah yang akan diberi penghormatan meletakkan semula Hajar Aswad ke tempatnya. Ditakdirkan Allah S.W.T., orang yang mula-mula masuk melalui pintu al-Ṣafā ialah Nabi Muhammad S.A.W. Lalu Baginda pun diberikan penghormatan meletakkan kembali Hajar Aswad. Baginda S.A.W. telah membuka kain serbannya dan meletakkan Hajar Aswad di tengah-tengahnya. Baginda kemudiannya meminta empat orang ketua qabilah suku kaum Quraysy mengangkat bersama-sama, seorang di setiap penjurut serban dan masing-masing membawanya ke Ka'bah. Apabila tiba di situ, Nabi Muhammad S.A.W. sendiri mengambil Hajar Aswad itu dan meletakkannya ke tempat asalnya di penjurut dinding Ka'bah. Lihat Yāqūt al-Hamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 2, h. 223; Abdul Aziz Hussin (1998), *op. cit.*, h. 59 – 64.

²²⁰ Ialah binaan yang ditinggikan daripada permukaan tapak Ka'bah, lebih besar dari saiz dindingnya dan menonjol di atas permukaan bumi sekadar dua per tiga hasta. Ia adalah sebahagian daripada Baytullāh dan kelihatan di sekelilingnya, tetapi tidak kelihatan di bahagian Hajar Aswad supaya orang yang melakukan *fawā'if* senang melakukan *istilām*. Sekarang,

di dalam *hawā*²²¹ *bayt Allāh* pada Syādharwānnya dan jangan bersentuh pula dengan tubuhnya dan dengan kainnya atas *qawl* yang muktamad oleh Syeikh Ibn Hajar [al-Haytami].²²² *Khilāf* bagi kata Syeikh [al-]Ramlī, dimaafkan jika ia bersentuh kainnya juga, tiada badannya, disahkan *tawāfi*nya.²²³ Maka jika ia *tawāfi* dengan berhadap[kan] dadanya ke *bayt Allāh* atau dikanangkan atau memberi

[Halaman 14]

belakang maka tiada sah *tawāfi*nya. Maka wajib memeliharaan perjalanannya orang yang me[ng]*istilāmkan*²²⁴ Hajar Aswad atau Rukun²²⁵ Yamāni,²²⁶ maka jangan ia berjalan melainkan kemudian daripada ia kirikan *bayt Allāh* sebelum lagi ia melangkah satu langkah karana²²⁷ masuk tubuhnya di dalam *Hawā* Syādharwān tatkala ia [melakukan] *istilām*.

Syādharwān di bahagian Hajar Aswad telah diubah iaitu diratakan. Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 26 dan al-Ramlī (1976). *op. cit.*, j. 3, h. 281 – 282.

²²¹ Sebutan yang sebenar ialah *hawā'* iaitu ruang kosong di sekeliling Ka'bah. Lihat al-Fayyūmī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 643 dan al-Ramlī (1976). *op. cit.*, j. 3, h. 282.

²²² "وَلَوْ مَسَّى عَلَى الشَّادِرْوَانِ أَوْ مَسَّ الْجِدَارَ فِي مُؤَازَّاتِهِ أَوْ دَخَلَ مِنْ إِحْدَى فَتْحَتَيِ الْحَجَرِ وَخَرَجَ مِنَ الْأُخْرَى لَمْ تَصْحُ طَرْفَتُهُ." Lihat al-Syarawānī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 79 – 80.

²²³ "أَنْ مُرْوَزٌ بَعْضُ تِبَابِهِ لَا يَصْرُّ وَهُوَ كَلَلُكُ، وَلَوْ مَسَّ الْجِدَارَ الَّذِي فِي جَهَةِ الْبَابِ لَمْ يَصْرُ لِأَنَّهُ لَا يُؤَازِّي شَادِرْوَانَ، وَيَلْحَقُ بِذَلِكَ كُلُّ جَدَارٍ لَا شَادِرْوَانَ يَهُ. وَفِي مَسَّاتِهِ الْمَسْ وَجَهَةٌ، بِصَحَّةٍ الطَّوَافُ لَأَنْ مُعْظَمَ بَدْنِهِ خَارِجٌ فَيَصْدِقُ أَنَّهُ طَائِفٌ بِالْبَيْتِ." Lihat al-Ramlī (1976). *op. cit.*, h. 282.

²²⁴ Nama terbitan bagi perbuatan *istalama yastalimu istilām*, bermaksud menyentuh, sama ada dengan mengucup atau menyapu dengan tapak tangan. Lihat Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, h. 2082.

²²⁵ Jika dibuat garisan lurus dari tengah Ka'bah ke empat sudutnya, garisan itu akan mengarah ke empat mata angin, iaitu ke Timur Laut, Barat Laut, Barat Daya dan Tenggara. Sudut Timur Laut yang hampir ke Utara dipanggil al-Rukn al-Irāqī, di Barat Laut yang hampir ke Barat dipanggil al-Rukn al-Syāmī, di Barat Daya yang hampir ke Selatan dipanggil al-Rukn al-Yamāni dan sudut yang di sebelah Tenggara, yang hampir ke Timur dipanggil al-Rukn al-Aswadi. Pada sudut yang akhir iaitu al-Rukn al-Aswadi itulah letaknya batu hitam yang dipanggil Hajar Aswad. Lihat Mustaffa Suhaimi (1996), *op. cit.*, h. 38.

²²⁶ Rukun atau penjuru yang menghala ke Yaman atau ke Barat Daya, hampir ke Selatan. Disunatkan melakukan *istilām* padanya ketika mengerjakan *tawāfi* berdasarkan kepada hadith Ibn 'Umar r.a.h.m.: "لَمْ أَرِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَلِمُ مِنَ الْبَيْتِ إِلَى الرُّكْنَيْنِ الْمَعَاصِيْنِ." Lihat Ibn Hajar al-'Asqalānī (1978), *op. cit.*, j.7, h. 268. Lebar antara Penjuru Syāmī hingga ke Penjuru Yamāni lebih kurang 12½ meter. Lihat Lembaga Tabung Haji (1995), *op. cit.*, h. 72.

²²⁷ (kerana).

MASAELAH:²²⁸ Terkadang dituntut mengadapkan *bayt Allāh*, maka iaitu pada permulaan *tawāfi*nya, maka sunat ia mengerjakan[nya] jika ada lapang tempat. Maka *kayfiyyatnya*, ia hadapkan dadanya ke *bayt Allāh* serta dibetulkan bahu kanannya dengan Hajar Aswad. Maka ia berniat, maka diistihārkan niatnya serta ia berjalan dengan kelakuannya hingga berbetulan dadanya dengan Hajar Aswad, ia palingkan serta kirikan *bayt Allāh*, membetulkan dia sekelian pihak kirinya dengan Hajar Aswad. Maka ia berjalan *tawāfi*, maka adalah *istihārkan* niat yang tersebut itu hingga ia kirikan *bayt Allāh* dan berjalan *tawāfi* ia. Maka adalah *kayfiyyat* ini kata setengah ulamak, wajib, tetapi yang muktamadnya sunat jika ada sesuatu tempat *tawāfi* itu daripada bersesak-sesak orang banyak.²²⁹ Demikian lagi dihukumkan *bayt Allāh*, jika bersentuh orang yang *tawāfi* dengan Hijr,²³⁰ maka daripada *bayt Allāh* dan dinamakan *Hajīm*²³¹ pula, iaitu jidār²³² yang rendah meliputi antara Rukun ‘Irāq²³³ dan Rukun Syām²³⁴ dan adalah antara kedua[-

²²⁸ (Masalah).

²²⁹ Lihat keterangannya dalam al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 34 – 35.

²³⁰ Binaan yang ditinggalkan oleh Kaum Quraysy daripada asas yang dibina oleh Nabi Ibrāhīm a.s. Dikepung tempat tersebut untuk memberitahu bahawa ianya adalah sebahagian daripada Ka’bah, lalu dengan sebab itu dinamakan al-Hijr. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 2, h. 221. Ia diketahui umum dengan bentuknya separuh bulat iaitu suatu lengkaran tembok yang bengkok seperti bulan sabit, berukuran tiga puluh sembilan hasta, diperbuat dari batu marmar dengan ketinggian kira-kira satu meter dari lantai dan tebalnya kira-kira setengah meter. Lihat Ibn Hajar (1978), *op. cit.*, j.7, h. 229; Mustaffa Suhaimi (1996), *op. cit.*, h. 45. Ia merentang dari Rukun ‘Irāqi hingga ke Rukun Syāmi. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 25. Di dalamnya bersemadi kubur Nabi Ismā’īl a.s. dan bondanya Hajar. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 331.

²³¹ Bahagian yang berada di antara Rukun Yamāni, Maqām Ibrāhīm, Telaga Zamzam dan Hijr. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 5, h. 190. Mengikut al-Tabarī, Hajīm terletak di antara Rukun Aswad dan pintu Ka’bah. Ibn Habīb pula mengatakan, ia berada di antara Hajar Aswad, Pintu Ka’bah dan Maqām Ibrāhīm. Ada pendapat, Hajīm itu ialah Syāzarwān dan ada juga yang mengatakan Hajar Aswad. Manakala ulamak Hanafī pula mengatakan Hajīm itu merupakan tempat yang mempunyai Mizāb. Lihat al-Syawkānī (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 86.

²³² (dinding).

²³³ Rukun atau penjuru yang menghalak ke ‘Irāq atau ke Timur Laut, hampir ke Utara. Rukun yang pertama di lalui oleh seseorang yang mengerjakan *tawāfi* dari arah kiri Baytullah. Tidak disunatkan melakukan *istilām* pada rukun ini kerana ia tidak terbina di atas qawā’id Ibrāhīm.

dua]nya lapang. Kata setengah ulamak, dinamakan *Haṭīm* itu iaitu antara Pintu²³⁵ *bayt Allāh* dan Zamzam²³⁶ dan Maqām.²³⁷ Maka adalah di sana kubur tujuh puluh

Lihat al-Nawawi^{t.t.}, *op. cit.*, j. 8, h. 37; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 114. Lebar di antara Penjuru al-Hajar al-Aswad ke Penjuru al-'Irāqī lebih kurang 12 meter. Di sebelah sinilah terletaknya Pintu Ka'bah dan Multazam. Lihat Lembaga Tabung Haji (1995), *op. cit.*, h. 71.

²³⁴ Rukun yang menghala ke Syām atau ke Barat Laut, hampir ke Barat. Merupakan rukun kedua dilalui oleh orang yang mengerjakan *fawāfī*. Tidak disunatkan melakukan *istilām* pada rukun ini kerana ia tidak terbina di atas qawā'id Ibrāhīm sebagaimana Rukun 'Iraqī. Lihat al-Nawawi^{t.t.}, *op. cit.*, j. 8, h. 37; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 114. Lebar antara Penjuru 'Iraqī ke Penjuru Syāmī lebih kurang 11 meter dan di sebelah inilah terletaknya Hijr Ismā'īl. Lihat Lembaga Tabung Haji (1995), *op. cit.*, h. 71.

²³⁵ Terletak pada dinding yang mengadap ke Timur Laut, di sebelah kiri, hampir dengan al-Rukn Al-Aswad. Digunakan untuk masuk ke dalam Ka'bah. Dinding yang mengandungi pintu itu dikenali sebagai hadapan Ka'bah dan dinding yang di belakangnya dipanggil belakang Ka'bah. Pintu Ka'bah mempunyai tabirnya sendiri. Tabir di Pintu Ka'bah disulam dengan kalimah dari ayat-ayat al-Qur'an yang ditekat dengan benang emas. Sulaman itu dipanggil *al-burk* atau selendang. Ia dibuat dari kayu pejal yang disalut dengan kepingan emas dan perak bertatahkan ayat-ayat al-Qur'an yang menyebut tentang Ka'bah, amalan haji, sembahyang dan kalimah tauhid. Lihat Mustaffa Suhaimi (1996), *op. cit.*, h. 38 – 41.

²³⁶ Perkataan zamzam pada bahasa bererti banyak. Oleh kerana airnya sentiasa banyak, maka ia dinamakan Zamzam. Ada pendapat mengatakan kerana air ini berkumpul, berasal dari perkataan *zamzamah*, yang bererti "satu kumpulan manusia seramai lima puluh orang atau lebih." Mengikut Mujāhid, dinamakan Zamzam kerana diambil dari perkataan *hazmah*, bermaksud "menghentak bumi dengan tumit." Lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 7, h. 291.

Telaga Zamzam terletak di dalam kawasan Masjid Ḥarām kira-kira di bahagian Tenggara Ka'bah dan bertentangan dengan Sudut Hajar Aswad. Ia sangat terkenal di kalangan umat Islam di seluruh dunia sebagai suatu mukjizat Allah yang dianugerahkan kepada keluarga Nabi Ibrāhīm a.s. Air Zamzam bukan sahaja berperanan mengurangkan kesan panas terik matahari kepada kaum muslimin yang sedang mengerjakan haji, bahkan dipercaya mempunyai berkat dan khasiat yang tersendiri. Ia bukan sahaja menjadi salah satu sumber air minuman penghuni dan pengunjung Makkah tetapi ia juga dapat dihantarkan ke Masjid Nabawi, Madinah setiap hari lebih kurang 40 tan. Terdapat pada dinding bangunan telaga tulisan-tulisan mengenai keistimewaan Air Zamzam, di antaranya: Air Zamzam ubat bagi segala penyakit; Sebaik-baik air di atas permukaan bumi ini ialah Air Zamzam; Ketika Nabi Muhammad S.A.W. dibedah oleh Jibril a.s., basuhannya dilakukan dengan Air Zamzam; Perbezaan di antara kita dengan orang munafik ialah mereka tidak meminum Air Zamzam.

Oleh kerana banyak sekali kenyataan mengenai manfaat dan keistimewaan Air Zamzam, para jamaah haji dikatakan sering membasuh atau mencelup kain *iḥrām* mereka dengan Air Zamzam. Kain yang kering itu dibawa pulang untuk dijadikan kain kapan mereka, mungkin dengan kepercayaan kain yang pernah dibasahi Air Zamzam itu akan menjadi saksi bagi mereka bahawa mereka telah menuaikan fardū haji, Rukun Islam yang kelima.

Rasa airnya yang unik tidak berubah sejak dahulu hingga sekarang. Rasanya yang payau dikatakan kerana ia mengandungi zat garam pada ukuran tertentu, menurut para pakar perubatan sangat besar faedahnya bagi penduduk yang hidup di bawah iklim panas seperti di Makkah. Dikatakan bahawa ukuran dalamnya Telaga Zamzam itu dari paras bumi ke bawah ialah 42 meter, dindingnya dibuat dari batu marmor, begitu juga lantai di bahagian bawahnya yang separas dengan mulut telaga itu. Lantai sebelah atasnya juga dibuat dari batu marmor. Air Zamzam disedut ke atas dengan menggunakan jentera pengepam air. Pam itu mengalirkannya melalui saluran paip yang disediakan di keliling kawasan telaga. Para jamaah haji hanya perlu membuka paip-paip air itu untuk minum atau berwuduk atau untuk dibawa pulang ke rumah atau ke tanah air masing-masing. Pada tahun-tahun 1990an, purata penggunaan Air Zamzam oleh jamaah haji ialah 10,000 meter padu sehari. Ia dipam keluar atas kadar 765 meter padu sejam.

Telaga Zamzam itu terletak pada pengaliran airnya yang tidak habis-habis walaupun diambil oleh jutaan manusia serentak sepanjang musim haji. Ia mempunyai beberapa sumber mata air di mana mata air utama berada lebih kurang satu pertiga dari permukaan atas Perigi Zamzam. Ketika berlaku banjir besar disebabkan oleh hujan lebat yang turun di Kota Makkah, dikatakan bahawa air

Nabi dan kubur Hūd dan Šālih dan Ismā'īl dan Syu'ayb padanya, tetapi harus berjalan di atasnya kerana²³⁸ ketiadaan tertentu lagi tempatnya. Maka wajib orang yang *fawāfī* itu memeliharakan daripada bersentuh dengan tubuhnya dan kainnya akan ḥiqr dan memasukkan tangannya dan kakinya akan *hawānya*.

Keempat: Memulai *fawāfī*nya pada Ḥajar Aswad. Membetulkan lambung kiri dengan Ḥajar al-Aswad pada segala *fawāfī*, maka hendak[lah] ia me[ng]qarīnahkan²³⁹ niat *fawāfī* padanya, jika ada *fawāfī* itu sunat, wajib niatnya dan jika ada *fawāfī*nya *fawāfī*rukun maka niatnya itu sunat juga, demikian bunyinya:

dari telaga itu juga keluar membuaik-buak hingga air banjir dari luar tidak dapat masuk ke dalam telaga itu. Dengan kejadian itu Air Zamzam dipercayai tidak pernah bercampur dengan air lain, dengan taqdir Allah. Keluarga al-'Abbās Ibn 'Abd al-Muṭṭalib iaitu bapa saudara Nabi S.A.W. pada awalnya diberi keistimewaan untuk mengagih-agihkan Air Zamzam secara percuma kepada jamaah haji. Ia masih dilakukan oleh keturunan beliau hingga ke hari ini. Lihat Mustaffa Suhaimi (1996), *op. cit.*, h. 116 – 124; Abdul Aziz Hussin (1998), *op. cit.*, h. 67 – 72.

²³⁷ Maqām Ibrāhīm ialah batu yang mempunyai kesan kedua-dua tapak kakinya dan masih ada hingga sekarang. Lihat Ibn Ḥajar (1978), *op. cit.*, j.3, h. 55; Menurut ukuran yang dibuat oleh ahli sejarah, Muhammad Tāhir al-Kurdī pada 27 Sya'ban 1367H., batu itu sebesar 35 X 35 cm. dan bekas tapak kaki Nabi Ibrāhīm a.s. sedalam 10 dan 9 cm. Panjang tapak 27 cm. dan lintangnya 14 cm. Manakala jarak antara dua tapak kaki itu ialah 1 cm. Al-Sywakkānī (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 49; Suhaimee Yassin (1995), *op. cit.*, h. 99 – 100.

Batu itu merupakan tempat berdiri Nabi Ibrāhīm a.s. setelah menaikinya untuk mengangkat batu semasa membina Ka'bah bersama anaknya Ismā'īl. Ia telah dipindahkan oleh 'Umar r.a. ke tempat yang ada sekarang iaitu 27 hasta dari Ḥajar Aswad atau lebih kurang 9 meter ke Timur Ka'bah, bertentangan dengan Pintu Ka'bah di kawasan *fawāfī*. Diletakkan di dalam sebuah binaan kecil berbentuk 6 segi, dibuat dari tembaga dan pada bumbungnya dibina sebuah kubah kecil. Para jamaah boleh melihat dari luar acuan bekas tapak kaki Nabi Ibrāhīm a.s. itu lebih jelas kerana kaca tebal yang menyekupnya menjadikan ia kelihatan lebih besar.

Pada tahun 256H dilakukan kerja membaiki Maqām Ibrāhīm sesudah diterima laporan dari penjaga Ka'bah bahawa batu yang tersimpan di dalam Maqām itu telah retak. Batu itu kemudian dibalut dengan emas dan perak dan pembalut yang mahal itu dikatakan kekal hingga sekarang. Ruang yang berhampiran dengan Maqām Ibrāhīm itu adalah salah suatu tempat yang sentiasa dipenuhi para jamaah untuk mengerjakan sembahyang dan berdoa menurut sunnah Nabi Ibrāhīm a.s. kerana di situ merupakan tempat yang sangat dimustajabkan doa.

Dengan adanya Maqām Ibrāhīm di sisi Ka'bah itu terbukti dengan jelas bahawa Ka'bah adalah Rumah Suci yang pertama di sisi Allah, bukan sebarang rumah suci lain termasuk Masjid al-Aqṣā di Bayt al-Maqdis. Sebagai kesimpulan, Nabi Ibrāhīm A.S. sentiasa mengubah kedudukan batu itu ketika membina Ka'bah dari satu tempat ke tempat lain, tidak tetap pada sesuatu tempat dan Baginda berdiri di atasnya. Ada kenyataan mengatakan Maqām yang terletak batu itu sekarang adalah rumah Nabi Ibrāhīm a.s. Baginda memindahkannya setelah selesai kerja-kerja pembinaan dan selepas Baginda wafat, ia diletakkan di dalam Ka'bah. Lihat al-Alūsi (t.t.), *Tafsīr Rūḥ al-Ma'āni*, j. 1, Beirüt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 381 – 382; Lembaga Tabung Haji (1995), *op. cit.*, h. 71; Mustaffa Suhaimi (1996), *op. cit.*, h. 46 – 47, 109 – 114.

²³⁸ (kerana).

²³⁹ Bererti "menghubungkan". Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 339.

لَوْيَتْ أَنْ أَطْوُفَ بِهَذَا الْبَيْتِ الْعَتِيقِ سَبْعًا كَامِلًا لِلَّهِ تَعَالَى.

[Maksudnya]: Sahaja aku *tawâf* pada Rumah yang merdeheka²⁴⁰ ini tujuh keliling yang sempurna kerana²⁴¹ Allah Ta'ala. Kata Imâm [al-]Nawawi,²⁴² sunat ia niat ia berhadap kepada *bayt Allâh*,²⁴³ ia berdiri [pada] pihak Rukun Yamâni seperti yang tersebut *kayfiyyatnya* dahulu hampir. Maka jika memulai *tawâf*nya itu tiada

[Halaman 15]

pada Hajar al-Aswad seperti ia memulai pada bâb²⁴⁴ atau pada Rukun Yamâni atau pada antara Rukun Yamâni dan Hajar Aswad maka tiada dihisabkan [dikira] *tawâf*nya. Maka apabila sampai ia kepadanya serta ada ia *istibâdârkan* niatnya dimulai padanya. Dan jika ditinggalkan Hajar Aswad itu daripada tempatnya maka dimulai pada tempat itu juga dan sunat ia [meng]istilâm dan mengucup dan sujud pada tempatnya juga.

Dan kelima: Ada[lah] *tawâf*nya itu tujuh kali dengan yakin, jangan kurang [walaupun] satu langkah. Maka hendaklah ia amat-amati pada akhir *tawâf*nya daripada kurang satu langkah. Maka wajib ia sudahi pada tempat ia mulai kerana²⁴⁵ kebanyakan orang yang awam itu manakala sampai hampir ia dengan Hajar Aswad pada sangka[an]nya sudah cukup, maka tiada lagi ia

²⁴⁰ (merdeka).

²⁴¹ (kerana).

²⁴² Beliau ialah Abû Zakariyyâ Muhy al-Dîn Yahyâ bin Syarâf bin Mûriy bin Hasan al-Jazâmî al-Hawrâni al-Nawawî al-Syâfi'i. Sangat alim dalam Fiqh dan hadith. Dilahirkan pada tahun 631H/1233M dan meninggal dunia pada tahun 676H/1277M di Nawâ iaitu sebuah kampung di daerah Hawrân, Syria. Nama al-Nawawî dinisbahkan kepada kampung tersebut. Beliau menuntut ilmu di Damsyiq dan tinggal di sana dalam jangka masa yang lama. Lihat al-Ziriklî (1979), *op. cit.*, j. 8, h. 149 - 150.

²⁴³ Lihat keterangannya dalam al-Nawawî (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 14.

²⁴⁴ (Pintu Ka'bâh).

²⁴⁵ (kerana).

me[ng]istih²⁴⁶arkan pada hatinya perjalanan *tawāf* dan ia berjalan ke Hajar al-Aswad karana²⁴⁷ hendak kucup akan dia jua. Maka jika me[ng]khabarkan orang kurangnya daripada tujuh kali, maka wajib ia mengambil akan kurangnya atau akan lebih. Maka tiada diterima akan lebihnya. Maka jika syak maka diambil akan kurangnya karana²⁴⁸ mengambil yakin itu wajib. Maka jika kurang selangkah daripadanya maka tiada sah *tawāf*nya.

Dan keenam: Hendak[lah] ada ia *tawāf* di dalam Masjid. Jikalau di atas sutuhnya²⁴⁸ atau yang terlebih tinggi daripadanya sekalipun sahlah *tawāf*nya. Dan jikalau ada yang menyelangi antaranya itu jidār atau rumah atau lainnya sekalipun, tetapi makruh ia *tawāf* di luar daripada tempat *tawāf*. Dan disyarat[kan] pula ada Masjid itu di dalam Tanah Harām.²⁴⁹ Maka jika luas Masjid hingga keluar daripada Tanah Harām maka tiada sah ia *tawāf* pada tanah halalnya.

Dan ketujuh: Niat *tawāf*, jika ada *tawāf* itu sunat yakni *tawāf* yang tiada mengandung[i] di dalam *iḥrām* haji dan ‘umrah, maka sunat jua.

Dan kedelapan:²⁵⁰ Ketiadaan²⁵¹ dipalingkan pada segala perjalanan *tawāf* itu bagi lainnya, maka jika dipalingkan bagi lainnya maka tiada sah *tawāf*nya seperti ia mengqasad[kan] menuntut orang ber[h]utang atau orang yang mengajar doa

²⁴⁶ (kerana).

²⁴⁷ (kerana).

²⁴⁸ (bumbung).

²⁴⁹ Lihat kawasan Tanah Harām pada lampiran 8.

²⁵⁰ (kelapan).

²⁵¹ (Tidak).

atau menuntut air atau lainnya, tetapi jika tidur atas kelakuan yang tiada membatalkan wuduknya seperti tetap kedudukannya seperti duduk di atas *sarir*²⁵² maka ditanggung orang akan dia, maka sah *fawāfi*nya sertanya ia tidur. Adapun sunat *fawāfi*, maka hendaklah ia *fawāfi* dengan berjalan kaki dengan tiada berkaus²⁵³ kerana²⁵⁴ berjalan itu terlebih layak bagi *tawadhu'* dan adab dan makruh ia berkesot²⁵⁵ dan merangkak dan *khilaf awla'*²⁵⁶ jika berkenderaan. Dan ia [meng]*istilām* akan Hajar

[Halaman 16]

Aswad dengan tangannya dan mekucup²⁵⁷ akan dia dan me[ng]hantarkan dahi [ke] atasnya pada permulaan *fawāfi*nya. Maka tiada sunat pada perempuan melainkan sunyi tempat *fawāfi* daripada laki-laki sama ada pada malam atau siang hari. Jika lemah daripadanya maka hendaklah ia [meng]*istilām* dengan tangannya yang kanan, maka jika lemah maka dengan [tangan] kiri, maka jika lemah dengan tangan, maka dengan kayu, kemudian maka dikucupkan akan dia, maka jika lemah maka diisyaratkan dengan tangannya, kemudian dikucupnya akan tangannya. Dan makruh ia isyarat[kan] dengan mulut. Dan sunat mengerjakan yang tersebut itu tiga-tiga kali. Dan sunat ia [meng]*istilām* akan Rukun Yamāni. Maka jika lemah, maka diisyaratkan dengan tangannya, maka sunat dikucup akan

²⁵² Bererti "tempat tidur". Maksud di sini ialah katil atau usungan. Lihat Mahmus Yunus (1991), *op. cit.*, h. 166.

²⁵³ (berkasut).

²⁵⁴ (kerana).

²⁵⁵ Bermakna "bergerak (beralih) dengan menggeserkan atau mengengsotkan punggung; berengsot. Lihat *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 665.

²⁵⁶ (berlawanan dengan yang sepatutnya).

²⁵⁷ (mengucup).

dia pada kedua *sūrah*²⁵⁸ itu dan sunat pula ia membaca tatkala [meng]istilānnya atau tatkala [meng]isyarat[kannya] pada awal *qawāfi*nya:

بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ . اللَّهُمَّ إِنَّمَا يَكُونُ وَصْدِيقًا بِكَتَابِكَ وَوَفَاءً بِعَهْدِكَ وَاتِّبَاعًا لِسُنْنَةِ رَبِّكَ مُحَمَّدٍ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.²⁵⁹

Dan apabila berbetulan dengan Bāb²⁶⁰ dibacanya:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا الْبَيْتَ يَبْتَلِكَ وَالْحَرَمَ حَرَمُكَ وَالْأَمْنَ أَمْنُكَ وَهَذَا مَقَامُ الْعَادِيْدِ يَكُونُ مِنَ النَّارِ.²⁶¹

Dan hendaklah ia me[ng]isyaratkan dengan katanya: **وهَذَا** itu kepada Maqāim Ibrāhīm. Dan dibacanya maka Rukun ‘Irāq:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ وَالشَّرِكِ وَالنَّفَاقِ وَالشَّقَاقِ وَسُوءِ الْأَخْلَاقِ وَسُوءِ الْمَنْظَرِ فِي الْأَهْلِ

وَالْمَالِ وَالْوَلَدِ.²⁶²

Dan tatkala berbetulan dengan bawah Mizāb²⁶³ maka dibacanya:

²⁵⁸ Bererti “keadaan atau bentuk”. Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 223, laitu ketika dapat menyentuh Rukun Yamāni dan ketika tidak dapat menyentuhnya.

²⁵⁹ Al-Haythami (1994), *op. cit.*, j. 3. Kitāb al-Hajj, Bāb fī al-Tawāf wa al-Ramal wa al-Istilām, (L.no.), h. 240.

²⁶⁰ (Pintu Ka'bah).

²⁶¹ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 454; Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 175; Al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 489; Al-Syarawāñī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 87.

²⁶² Al-Kutub al-Sittah (1981), *Sunan al-Nasā’i*, *op. cit.*, j. 8. Kitāb al-Isti’ādhah, Bāb al-Isti’ādhah min al-Syiqāq wa al-Nifāq wa Sū’ al-Akhlāq, no. hadith 21, h. 264; Al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t.), *op. cit.*, j. 9. Bāb al-‘Ayn, no. hadith 4963, h. 382.

²⁶³ Mizāb ialah Saluran Emas iaitu sebuah saluran air yang menganjur keluar dari bumbung Ka'bah di dinding sebelah utara. Bila hujan turun lebat, air hujan yang bertakung di atas bumbung Ka'bah akan mengalir turun melalui saluran itu. Ia berfungsi mengalirkan air hujan yang jarang-jarang turun supaya bumbung Ka'bah itu sentiasa kering. Bila hujan turun para jamaah haji biasanya akan berpusu-pusu di bawah Saluran Ka'bah itu untuk menadah air yang meleleh turun dengan tangan atau serban masing-masing dengan tujuan mendapatkan berkatnya. Lihat Mustaffa Suhaimi (1996), *op. cit.*, h. 43 – 44.

اللَّهُمَّ أَظْلِنِنِي فِي ظِلِّكَ يَوْمَ لَا ظِلٌّ إِلَّا ظِلُّكَ. وَأَسْقِنِنِي بِكَأسِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَرَابًا

هَبِّيًّا لَا نَظِمًا بَعْدَهُ أَبْدًا يَا ذَا الْحَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.²⁶⁴

Dan dibacanya pada Rukun Syām, pada ketika ia berlari-lari tiga kali itu:

اللَّهُمَّ اجْعِلْنِي حَاجًا مَبْرُورًا وَذَبِيْتَنِي مَغْفُورًا وَسَعَيْتَنِي مَشْكُورًا وَتَحْجَارَةً لَنْ تَبُورَ يَا عَرِيزًا يَا غَافِرًا.²⁶⁵

Dan dibacanya pada empat kali yang akhirnya atau akan *tawāfi* yang bukan *tawāfi* haji atau ‘umrah:

رَبُّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَتَحَاجُّ عَمَّا تَعْلَمُ إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ.²⁶⁶

atau dibacanya:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ.²⁶⁷ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ

الْعَظِيمِ.²⁶⁸

Dan dibacanya pada Rukun Yamani,

اللَّهُمَّ رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.²⁶⁹

Dan sunat pada laki-laki ia *iqtibā'*²⁷⁰ pada tiap-tiap *tawāfi* [yang] ada kemudiannya *sa'i* iaitu bahawa ditaruh²⁷¹ tengah jadar²⁷² di bawah ketiak yang

²⁶⁴ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 456; Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 175.

²⁶⁵ Al-Bayhaqī (t.t.), *al-Sunan al-Kubrā*, *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hajj, Bāb Ramy al-Jamrah min Baṭn al-Wādi wa Kayfīyyat al-Wuqūf li al-Ramy, (t. no.), h. 129.

²⁶⁶ Al-Nawawī (1413H), *al-Adhkār*, j. 1, h. 503; Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 176; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 456.

²⁶⁷ *Al-Kutub al-Sittah* (1981), *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, *op. cit.*, j. 5, h. 20.

²⁶⁸ *Al-Kutub al-Sittah* (1981), *Sahīḥ Muslim*, *Ibid.*, j. 3. Kitāb al-Dhikr wa al-Du'ā' wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb Faḍl al-Tahilīl wa al-Tasbīh wa al-Du'ā', no. hadith 33, h. 2072.

²⁶⁹ *Al-Kutub al-Sittah* (1981), *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, *Ibid.*, j. 3, h. 101.

²⁷⁰ Lihat maksud *iqtibā'* pada baris berikutnya.

²⁷¹ Meletakkan atau menempatkan. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 1380.

kanan dan dua tepi jadar sebelah kiri.²⁷³ Demikian lagi dikerjakan pada *sa'ī*nya seperti itu jua, maka adalah yang demikian

[Halaman 17]

itu kelakuan [se]orang pahlawan. Tetapi tiada sunat dikerjakan di dalam dua rak'at sunat *tawāfi*, makruh ia jika dibukakan dadanya. Dan sunat ia *tawāfi* hampir dengan *bayt Allāh* jika laki-laki karana²⁷⁴ mengambil *tabarruk*²⁷⁵ dan lagi mudah ia [meng]*istilām* bahkan melainkan jika ada sesak atau ada ia menyakiti orang atau orang menyakiti dia, maka jauh itu *awlā*²⁷⁶. Maka sunat ia berlari-lari²⁷⁷ dengan hampir,²⁷⁸ maka ia berlari dengan jauh, maka jika jauh [di]takut[i] ia akan bersentuh dengan perempuan maka ditinggal[kan] berlari tatkala itu. Dan demikian lagi sunat *muwālāt*²⁷⁹ pada tiap-tiap kali daripada tujuh keliling dan antara sembahyang sunat *tawāfi* dan antaranya dan *sa'i* dan tiap-tiap kali daripada tujuhnya. Maka sekelian itu sunat *muwālāt*. Dan demikian lagi sunat *tawāfi* itu ia sembahyang dua rak'at di belakang Maqām Ibrāhīm, sekira-kira dinamakan dia

²⁷² (selendang).

²⁷³ (di atas bahu sebelah kiri).

²⁷⁴ (kerana).

²⁷⁵ Bererti "mengambil berkat". Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 63.

²⁷⁶ Bererti "lebih baik". *Ibid.*, h. 53.

²⁷⁷ Hikmat disunatkan *al-raml* atau berlari-lari anak iaitu dengan memendekkan langkah ketika *tawāfi* pada tiga pusingan yang pertama kerana Nabi S.A.W. berserta Sahabat-Sahabat Baginda semasa tiba ke Makkah merasa lemah-lemah badan akibat "demam Yathrib." Kaum kafir berkata: "Sesungguhnya pada besok hari suatu puak yang sangat lemah akibat diserang demam akan tiba." Mereka pun duduk di bahagian selepas Hijr. Allah Ta'ālā telah memberitahu NabiNya apa yang mereka katakan. Lalu Nabi S.A.W. memerintahkan Sahabat-Sahabat Baginda supaya berlari-lari anak pada tiga pusingan *tawāfi* yang pertama dan berjalan pada empat pusingan yang kedua, iaitu daripada Hajar Aswad ke Hajar Aswad tanpa berhenti kecuali melakukan *istilām*, mengucup dan sujud pada Hajar Aswad. Pendapat kedua iaitu riwayat daripada Ibn 'Abbās r.a., tidak melakukan *raml* di antara dua Rukun Yamāni iaitu Rukun Yamāni dan Rukun Aswad, bahkan berjalan seperti biasa sahaja supaya kaum musyrikin dapat melihat dengan jelas kulit atau kekuatan mereka, maka mereka berkata: "Inikah orang-orang yang kamu katakan bahawa demam telah melemahkan mereka? Mereka lebih kuat dari kita." Makruh meninggalkan *al-raml* dan juga berlari. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 45 dan Al-Khaṭīb al-Syarbī (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 490.

²⁷⁸ (hampir dengan Bayt Allāh).

²⁷⁹ Bermaksud "berturutan". Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 507.

pada ‘uruf²⁸⁰ orang banyak. Maka jika tiada didapat[i]nya padanya maka dibawah Mizāb, maka di dalam Masjid. Maka jika tiada didapat[i] maka di rumah²⁸¹ Siti Khadijah,²⁸² maka jika tiada didapat[i] maka daripada segala Tanah Harām, maka jika tiada didapat[i] maka barang tempat yang dikehendak[i]nya. Maka tiada luput dengan lama perceraian antaranya tetapi memadai tuntutannya jua ia sembahyang barang apa sembahyang, fardu atau sunat. Maka jika ia niatkan kedua[-duanya] maka [ter]hasil[lah] kedua[-duanya], maka jika ia satu lepas tuntutannya, hasil satu yang diniatnya itu jua, demikian lafaz niatnya:

اَحَصَّلِي سُنَّةَ الطَّوَافِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

[Maksudnya]: Sahaja aku sembahyang dua rak’at sunat *tawāfi* karana²⁸³ Allah Ta’ala. Maka [hendaklah] dibaca ayatnya:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ

dan

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

²⁸⁰ Sesuatu yang diketahui oleh umum masyarakat Islam. Lihat al-Baghhdādī (1957), *op. cit.*, j. 4, h. 104; Kebiasaan umum masyarakat Islam yang tidak bertentangan dengan al-Qurān, al-Sunnah atau amalan para Sahabat. Lihat Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid, (1988), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, c. 2, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h. 148; Mereka menerima, sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan. Perkara tersebut sentiasa berlaku dan berulang-ulang sehingga meresap ke dalam jiwa mereka serta pemikiran mereka yang sihat dan sempurna merasa senang dengannya, seterusnya tidak bertentangan dengan dalil dan kaedah Syarak. Lihat Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān (t.t.), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*, Iskandariyyah: Mu’assasah Syabāb al-Jāmi’ah, h. 224.

²⁸¹ Dikenali dengan nama Mawlid Fātimah. Lihat Misbaha (1994), *op. cit.*, h. 88.

²⁸² Khadijah Umm al-Mu’mīnīn dan ketua wanita pada zamannya. Beliau ialah Umm al-Qāsim Khadijah bint Khuwaylid bin Asad bin ‘Abd al-Uzzā bin Quṣay bin Kilāb al-Qurasyīyyah al-Asadiyyah. Ibu kepada anak-anak Rasulullah S.A.W. dan orang yang pertama beriman dan membenarkan Baginda. Beliau telah menenangkan Nabi S.A.W. yang sedang gembatar dan membawa Baginda berjumpa sepupunya, Waraqah. Beliau adalah seorang yang pintar, cergas, kuat agama, mulia dan penghuni Syurga. Nabi S.A.W. sentiasa memuji dan mengutamakan beliau berbanding Ummahāt al-Mu’mīnīn yang lain serta amat bersungguh-sungguh memuliakannya. Lihat al-Dhahabī (1991), *Tahdhīb Siyar A’lām al-Nubalā’*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, j. 1, h. 53.

²⁸³ (kerana).

dinyaringkan pada malam-malam, [di]perlahangkan pada siang. Kemudian mintak²⁸⁴ doa padaNya serta diangkatkan dua tapak tangannya, maka dibacanya:

اللَّهُمَّ هَذَا بَلْدُكَ الْحَرَامُ وَمَسْجِدُكَ الْحَرَامُ وَبَيْتُكَ الْحَرَامُ وَأَنَا عَبْدُكَ بْنُ عَبْدِكَ ابْنُ أَمْتِكَ。 أَتَيْتَ بِذُنُوبِ كَثِيرَةٍ وَحَطَاطِيًّا جَمِيعَهُ وَأَعْمَالٍ سَيِّئَةٍ。 وَهَذَا مَقَامُ الْعَائِدِ بْنٍ مِنَ النَّارِ، فَاغْفِرْ لِي إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。 اللَّهُمَّ إِنِّي دَعَوْتُ إِلَى عِبَادِكَ إِلَى بَيْتِكَ الْحَرَامِ。 وَقَدْ جِئْتُ طَالِبًا رَحْمَتِكَ مُبِعِي رِضْأَكَ وَأَنْتَ عَامَّتَ عَلَيَّ بِذَلِكَ، فَاغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي، إِنِّي عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ。

atau dibacanya:

اللَّهُمَّ يَسِّرْ لِي الْيُسْرَ وَجَنِّبْنِي الْعُسْرَ وَاغْفِرْ لِي فِي الْآخِرَةِ وَالْأُولَى بِالظَّافِنِ حَتَّى لَا أَعْصِيْكَ وَأَعْيُّ عَلَى طَاعَتِكَ بِتَوْفِيقِكَ وَجَنِّبْنِي مَعَاصِيْكَ وَاجْعَلْنِي مِمْنُ يُحِبُّكَ وَيُحِبُّ مَلَائِكَتَكَ وَرَسُولَكَ وَيُحِبُّ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ。 اللَّهُمَّ حَبِّبْنِي إِلَى مَلَائِكَتِكَ وَرَسُولِكَ وَإِلَى عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ

اللَّهُمَّ فَكَمَا هَدَيْتَنِي إِلَى الإِسْلَامِ فَكَشِّفْ عَلَيَّكَ بِالظَّافِنِ وَوَلَائِكَ وَتَوْفِيقِكَ وَدِلَالِكَ وَاسْتَعْمَلْنِي بِطَاعَتِكَ وَطَاعَةَ رَسُولِكَ وَأَجِرْنِي مِنْ مُضِلَّاتِ الْفَنِّ

Maka apabila selesai daripada [ber]doa maka ia pergi kepada Hajar al-Aswad, maka [meng]*istilām* ia akan dia supaya kembali berkatnya kepada yang tinggal dari pekerjaan haji atau ‘umrahnya. Dan kata Syeikh Ibn Hajar [al-Haytami]:

²⁸⁴ (meminta).

²⁸⁵ Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 59 – 60; *Al-Adhkār*, *op. cit.*, j. 1, h. 504.

²⁸⁶ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 458; Ibn Qudāmah (1972), *al-Mughnī*, j. 3, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, h. 404.

"Difaham[i] daripada kalam itu tiada ia datang kemudian daripada *fawāf* dan kemudian daripada sembahyang dua rak'at sunat *fawāf* kepada Multazam.²⁸⁷ Maka adalah hukum demikianlah tiada dituntut datang kepada Multazam mintak²⁸⁸ doa padanya karana²⁸⁹ menanti segera bagi *sa'i* karana²⁹⁰ *muwālāt* antaranya dituntut."²⁹¹ Dan menyalahi Imām [al-]Māwardī²⁹² dan lainnya seperti Imām [al-]Ghazzālī²⁹³ pada *Iḥyā'* [*'Ulūm al-Dīn*] bahawa ia me[n]*jazamkan* sunat datang kepada Multazam dan [me]minta doa padanya.²⁹⁴ Itu menyalahi *qiyās*²⁹⁵ seperti yang disebut [oleh] Imām [al-]Nawawī pada *Majmū'*nya, katanya:

²⁸⁷ Dinamakan sebagai tempat berdoa dan tempat berlindung kerana setiap jamaah haji yang datang ke situ *beriltizām* meminta doa dan perlindungan. Ia berada di antara Hajar Aswad dengan Pintu Ka'bah dan lebarnya empat hasta. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 5, h. 190; Al-Sywākānī (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 86.

²⁸⁸ (meminta).

²⁸⁹ (kerana).

²⁹⁰ (kerana).

²⁹¹ Beliau berkata: **أَلْهُ لَا يَأْتِي الْمُلْتَزِمُ وَلَا الْمُبِيزَابَ قَبْلَ صَلَاةِ الرَّكْعَيْتَنِ وَلَا بَعْدَهُمَا وَهُوَ كَذَلِكَ مُبَارَدَةٌ لِلْسَّنْفِيِّ...** Lihat al-Syārawānī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 97.

²⁹² Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī. Seorang faqih dan ulamak Usūl bermazhab Syāfi'i. Menjawat jawatan Kadi di beberapa buah negeri. Dia mendapat tempat di kalangan Raja-Raja Bani Buwayh dan mereka selalu mengutuskannya ke beberapa tempat. Beliau meninggal dunia di Baghdad pada tahun 450H dan disembahyangkan oleh muridnya al-Khaṭīb al-Baghdādī. Lihat al-Suyū'ī (1998), *al-Asybāb wa al-Naṣū'ir*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi, h. 59.

²⁹³ Beliau ialah Abū Ḥāmid Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ghazzālī al-Asfarāyīnī. Seorang alim bermazhab Syāfi'i. Dilahirkan pada 344H/955M di Asfarāyīn – berhampiran dengan Naysābūr. Berpindah ke Baghdad, belajar di sana dan telah menjadi seorang alim yang masyhur kerana banyak mengarang kitab. Beliau meninggal dunia di Baghdad pada tahun 406H/1016M. Lihat Al-Ziriklī (1979), *op. cit.*, j. 1, h. 211.

²⁹⁴ Setelah selesai menuaikan dua rak'at sunat *fawāf*, hendaklah kembali ke Hajar Aswad. Al-Māwardī berkata: "Setelah selesai mengucup Hajar Aswad, disunatkan pergi ke Multazam dan berdoa di sana, seterusnya masuk ke dalam Hijr serta berdoa di bawah Mizāb. Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, hlm 71 – 72; Al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 493.

Al-Ghazzālī pula menulis di dalam Kitab *Iḥyā'*: "Apabila selesai *fawāf* tujuh keliling, hendaklah datang ke Multazam iaitu terletak di antara Hajar Aswad dan Pintu Ka'bah dan ia adalah di antara tempat-tempat yang diperkenankan doa." Pada bahagian lain beliau menegaskan "... Apabila selesai menuaikan sembahyang dua rak'at sunat *fawāf* di belakang Maqām dan meminum Air Zamzam, hendaklah pergi ke Multazam dan berdoa di sana..." Lihat al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 457; 469.

²⁹⁵ *Qiyās* digunakan apabila tidak ada hukum dari al-Qur'an atau al-Sunnah atau pendapat Sahabat. Ia bermaksud penentuan hukum dalam perkara yang tidak dinaskan berdasarkan hukum perkara yang dinaskan kerana kesesuaian antara kedua-duanya. Dalam kata lain, ia bererti pengelusasan hukum yang dinaskan bagi sesuatu kes untuk mencakupi kes-kes serupa yang tidak dinaskan hukumnya. Lihat Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid (1992), *op. cit.*, h. 148.

“Sebab menyalahi²⁹⁶ ḥadith yang *sahīḥ*.²⁹⁷ Maka ia membenarkan bahawasanya tiada dituntut mengerjakan[nya] kemudian daripada dua rak’at melainkan [untuk melakukan] *istilām*. Kemudian ia keluar ke *Safā*²⁹⁸ karana²⁹⁹ [melakukan] *sa’i*. Kemudian maka katanya pula: “Tetapi menyalahi perkataan itu barang yang disahkan bahawasanya Nabi S.A.W. tatkala selesai daripada *fawāfi*nya dikucup Hajar Aswad dan dihantarkan tangannya pada Hajar Aswad, kemudian disapu dengan dia ke muka dan bahawasanya tatkala selesai pula daripada sembahyang dua rak’at, kembali kepada Hajar Aswad. Kemudian ia pergi ke [Telaga] Zamzam, maka diminumnya air Zamzam dan dituangkan [ke] atas kepalanya, kemudian maka pergi [meng]*istilām* akan Hajar Aswad. Kemudian keluar ia ke *Safā*,³⁰⁰ maka bersabda ia: “*Mulailah olehmu dengan barang yang dimulai Allah Ta’ālā*.”³⁰¹ Kemudian kata [al-]Zarkasyi:³⁰² “Maka seyogianya³⁰³ kita amalkan

²⁹⁶ Al-Nawawi menegaskan bahawa semua pendapat yang menyatakan sunat datang ke Multazam selepas menuaikan sunat *fawāfi* adalah *syādhdh* kerana bertentangan dengan ḥadith sahih. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 72.

²⁹⁷ قَالَ عُمَرُ بْنُ دِينَارٍ : سَمِعْتُ أَبْنَى عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ : قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَافَ بِالْبَيْتِ سَبْعًا، وَصَلَّى خَلْفَ الْمَقَامِ رَكْعَيْنِ، ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّفَّةِ。 وَقَدْ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : "لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَنْسُرَةً حَسَنَةً." Lihat Ibn Ḥajar al-Asqalānī (1978), *op. cit.*, j.7. Kitāb al-Hajj, Bāb Man Ṣallā Rak’atay al-Tawāf Khalf al-Maqām, no. hadith 1627, h. 284 – 285.

²⁹⁸ Pada bahasa *al-safā* bererti batu pejal. Maksudnya di sini, Bukit *Safā* yang terletak di hujung Bukit Abī Qubays. Lihat Al-Khaṭīb al-Syarbī (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 493. Jarak di antara *Safā* dan Marwah 777 hasta. Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 171.

²⁹⁹ (kerana).

³⁰⁰ Hadith riwayat Jābir bin ‘Abdullāh iaitu: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَافَ سَبْعًا وَصَلَّى رَكْعَيْنِ " dan riwayat Ibn ‘Umar r.a.h.m. iaitu لَمَّا قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَافَ بِالْبَيْتِ سَبْعًا وَصَلَّى خَلْفَ الْمَقَامِ رَكْعَيْنِ ثُمَّ طَافَ بَيْنَ الصَّفَّةِ وَالْمَرْوَةِ سَبْعًا, menunjukkan bahawa Nabi S.A.W. tidak pergi ke Multazam sebelum keluar ke *Safā*. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 54; 68.

³⁰¹ "ابدأوا بمن يد الله به". Lihat Ibn Ḥajar al-Asqalānī (1978), *op. cit.*, j.7. Kitāb al-Hajj, Bāb mā Jā' fī al-Sa'y bayn al-Ṣafā wa al-Marwah, (t.no.), h. 304; al-Kaħlānī (1960), *Subul al- Salām*, j. 1, c. 4. Kitāb al-Tahārah, Bāb al-Wudū', no. hadith 16, Kaherah: Muṣṭafā al-Ḥalabī, h. 52.

pula demikian itu.” Dan ada ḥadīth pula yang menunjukkan sunat datang ke Multazam dan iaitu diamalkan pada *faḍā'il*.³⁰⁴ Maka kata Syeikh Ibn Ḥajar [al-Haytamī]: “Maka seyogianya³⁰⁵ kita tanggungkan sunat pergi ke Multazam jika tiada ada *sa'i* yang mengiringi *tawāf* itu, maka sunat ia datang kepadanya tetapi kemudian daripada sembahyang dua rak'at.”³⁰⁶ Maka adalah *kayfiyyat*[nya] bahawa hendak[lah] ia pergi ke Multazam iaitu antara Ḥajar Aswad dan Bāb.³⁰⁷ Maka adalah ia setengah daripada tempat yang *maqbiṭ*. Maka lekatkan dada dan perutnya dengan *bayt Allāh* dan ia bergantung dengan dua tangan kepada tirainya³⁰⁸ dan

³⁰² Beliau ialah Abū ‘Abdillāh Badr al-Dīn Muhammād bin Bahādūr bin ‘Abdullāh al-Zarkasyī. Seorang alim Fiqh dan Usul yang bermazhab Syāfi’ī. Keturunannya berasal dari Turki. Dilahirkan dan meninggal dunia di Mesir, (745H/1344M – 794H/1392M). Lihat al-Ziriklī (1979), *op. cit.*, j. 6, h. 60.

³⁰³ Bermaksud “sepatutnya; selayaknya; semestinya.” *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 1556.

³⁰⁴ Kata al-Zarkasyī: فَيُبَيِّنُ فَعْلَ ذَلِكَ كُلُّهُ. وَفِي حَدِيثِ ضَعِيفٍ مَا يَدُلُّ عَلَى كُلُّ بَنْبُ إِيمَانِ الْمُشْرِقِ وَهُوَ

³⁰⁵ لِحَلَاقَةِ عَلَى رَدِّهِ بِأَنَّهُ ضَعِيفٌ... Lihat Al-Syarawānī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 97.

³⁰⁶ (sebaik-baiknya).

³⁰⁷ لِتَصْرِيْحِهِمْ بِأَنَّ الْأَكْمَلَ فِيهِمَا أَنْ يَكُونُ عَقْبَ الطُّوَافِ. Lihat *Ibid.*

³⁰⁸ (Pintu Ka'bah).

Tirai atau Kelambu Ka'bah berwarna hitam dan digantung dari bumbung Ka'bah hingga ke lantai. Di hujung kain yang di sebelah bawah sekali disangkutkan gelang-gelang tembaga pada cangkul-cangkul besi pada lantai yang dipanggil Syādhārwān. Kiswah yang lama biasanya ditanggalkan pada setiap 25 Dhulqa'idah. Seterusnya, pada 10 Dhulhijjah, ketika kebanyakan jamaah haji masih berada di Minā untuk melontar Jamrah, kerja menanggalkan dan menukar Kiswah itu dilakukan. Pada beberapa bahagian Kiswah yang berwarna hitam itu disulam *kalimah syahādah* dengan benang emas, ditambah di sana sini dengan *kalimah* "اللَّهُ حَلْ جَلَالُهُ" dan "لَا إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ، مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ".

Kira-kira satu pertiga dari paras bumbung Kelambu itu disulam pula dengan ayat-ayat al-Qur'an memanjang di keliling Ka'bah. Ayat-ayat itu dipagar dengan dua garisan berbentuk awan larat menurut panjang ayat-ayat itu. Ayat-ayat bersulam yang mengelilingi Ka'bah itu dikenal sebagai tali pinggang Kiswah atau al-Hizām. Kelambu lama yang sudah ditanggalkan dari Ka'bah itu biasanya dipotong menjadi berkeping-keping dan dihadiahkan kepada para jamaah kehormat atau dijual kepada orang ramai sebagai kenangan atau untuk mengambil berkat dari Ka'bah. Orang ramai diharamkan mengambil sebahagian dari Kiswah itu ketika ia masih tergantung pada Ka'bah. Ketika Kiswah akan diganti dengan yang baru, diadakan juga upacara membersih dan membersih Ka'bah. Upacara itu pernah juga diadakan pada setiap 10 Muḥarram. Selain daripada para pekerja yang ditugaskan, upacara membersih Ka'bah itu disertai juga oleh para jamaah kehormat yang diundang khas seperti para pembesar dari negara-negara Islam, Raja Saudi sendiri dan para

[Halaman 19]

menghantarkan pipi yang kanan kepadanya dan dihampir[kan] dua tangannya dan dua sikunya, maka dibacanya:

اللَّهُمَّ يَا رَبَّ الْبَيْتِ الْعَيْنِ، أَعْنِقْ رَقْبَتِي مِنَ التَّارِ وَأَعِذْنِي مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَعِذْنِي مِنْ كُلِّ سُوءٍ وَفَعْنَى بِمَا رَزَقْتِنِي وَبَارِكْ عَلَيَّ فِيمَا آتَيْتِنِي. اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا الْبَيْتَ يَنْكُ وَالْعَبْدُ عَبْدُكَ وَهَذَا

مَقَامُ الْعَائِدِ بِكَ مِنَ التَّارِ. اللَّهُمَّ احْعَلْنِي مِنْ أَكْرَمِ وَفْدِكَ.³⁰⁹

Dan dibacanya pula doa yang *wārid*³¹⁰ daripada Nabi Adam a.s.:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ سِرِّيْ وَعَلَانِيَّتِيْ فَاقْبِلْ مَعْذِرَتِيْ وَتَعْلَمُ حَاجَتِيْ فَاعْطِنِيْ سُؤْالِيْ وَتَعْلَمُ مَا عِنْدِيْ فَاغْفِرْ لِيْ ذُنُوبِيْ. اللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ إِيمَانًا يُبَاشِرُ قَلْبِيْ وَيَقِنَّا صَادِقًا حَتَّىْ أَعْلَمَ أَنَّهُ لَا يُصِيبِنِيْ إِلَّا مَا كَبَثْتَ لِيْ وَالرُّضَى بِمَا قَضَيْتَهُ عَلَيَّ.³¹¹

MASAELAH:³¹² Jikalau [sc]seorang [itu] menanggung *tawāfi* akan orang [yang ber]*iḥrām* sama ada orang yang menanggung itu orang halal atau orang [yang ber]*iḥrām*, maka jika belum masuk waktu *tawāfi* orang yang menanggung dan tiada pula ia meniatkan bagi dirinya, demikian lagi orang yang halal jika tiada ia bertahārah atau tiada meniatkan bagi dirinya, maka jatuh tatkala itu kepada orang yang ditanggungnya pada segala *ṣūrah*³¹³ itu, bersalahan jika sudah masuk waktu

pegawai tinggi. Lihat Mustaffa Suhaimi (1996), *op. cit.*, h. 39 – 41.

³⁰⁹ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 457.

³¹⁰ Bererti “datang”. Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 496.

³¹¹ Al-Zubaydī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 358.

³¹² (Masalah).

³¹³ Bererti “rupa; bentuk; keadaan”. Lihat Mahmud Yunus (1981), *op. cit.*, h. 223.

*tawāfi*nya pada *sūrah*³¹⁴ yang menanggung itu ia [ber]*iḥrām* atau ia ber*tahārah*, maka diniatkan bagi diri kedua[-dua]nya yakni yang halal atau yang [ber]*iḥrām* itu atau diniatkan bagi dirinya dan bagi orang yang ditanggungnya, maka jatuh kepada yang menanggungnya.

[2.8] Fasal *Sa'i*

Ini suatu fasal pada menyatakan *sa'i*. Maka apabila selesai ia daripada *tawāfi*nya maka sunat ia [meng]*istilām* akan Hajar Aswad seperti yang telah tersebut. Ia keluar pada Bāb al-Ṣafā.³¹⁵ Maka sunat ia bersegerakan antara *tawāfi*. Maka wajib pada *sa'i* itu empat perkara.

Pertama: Bahawa dimulai *sa'i*nya itu pada Ṣafā dan disudahinya pada Marwah.³¹⁶ Maka jika dimulai pada Marwah dan disudahinya pada Ṣafā maka tiada dihisabkan mulanya yakni pertamanya, maka dihisabkan enam kali jua.

Kedua: Bahawa *sa'i* tujuh kali dengan yakin, dari Ṣafā ke Marwah sekali dan dari Marwah ke Ṣafā keduanya dan ketiganya dari Ṣafā ke Marwah, keempatnya dari Marwah ke Ṣafā, kelimanya dari Ṣafā ke Marwah, keenamnya dari Marwah ke Ṣafā, ketujuhnya dari Ṣafā ke Marwah, serta diputus[kan] akan segala perjalanan dari Ṣafā ke Marwah dengan dihubungkan tumitnya daripada tempat ia

³¹⁴ Bererti “rupa; bentuk; keadaan”. *Ibid.*

³¹⁵ Pintu yang berhadapan antara kedua-dua Rukun Yamānī dan Rukun Aswad iaitu rukun yang paling mulia di kalangan Rukun-Rukun Ka'bah yang empat itu. Pintu ini pada masa dahulu dikenali dengan nama Bāb Bani Makhzūm. Lihat al-Syarbīnī al-Khaṭīb, (1958), *op. cit.*, j. 1, hlm. 484 dan 493.

³¹⁶ Pada bahasa bererti batu pejal yang lapang. Maksud di sini ialah Bukit Marwah yang terletak di hujung Bukit Qu'ayqī'an. Lihat al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 493.

[Halaman 20]

berjalan daripadanya dan dihubungkan anak jari kepada tempat yang ia pergi kepadanya. Dan disyarat[kan] akan perjalanan tujuh kali itu jangan diqasadkan yang lain daripada *sa'i* atas yang dimuktamadkan oleh Syeikh Ibn Ḥajar [al-Haytami], seperti *fawāf*. Dan *khilāf* bagi Syeikh [al-]Ramlī, katanya tiada disyaratkan yang demikian itu, maka ia seperti *wuqūf* di ‘Arafah.

Ketiga: Bahawa ada jatuh *sa'i* itu pada tempat *sa'i*. Maka jika keluar daripada tempat *sa'i* jika selangkah sekalipun maka tiada sah *sa'i*nya. Maka adalah tempat *sa'i* itu *ma'rūf*³¹⁷ yakni diketahui tanda iaitu barang yang membetuli antara ‘Alam³¹⁸ Ṣafā dan Marwah.

Keempatnya: Hendak[lah] ada *sa'i*nya itu jatuh kemudian daripada *fawāf* rukun atau *fawāf qudūm* jika tiada menyelangi antara kedua[-dua]nya dengan *wuqūf* di ‘Arafah. *Khilāf* bagi yang disebut [oleh] Imām [al-]Ghazzālī pada *Iḥyā' [Ulūm al-Dīn]*, memadai ia *fawāf* barang *fawāf* jikalau *fawāf* sunat sekalipun, sah ia *sa'i* kemudian daripadanya.³¹⁹ Dan tiada sunat ia [meng]ulang[i] *sa'i* kemudian daripada *fawāf qudūm*, jikalau orang yang *qārin*³²⁰ sekalipun atas yang dii'timād[kan] oleh Syeikh Ibn Ḥajar [al-Haytami]. *Khilāf* bagi Syeikh [al-]Ramlī, sunat bagi orang *qārin* itu ia

³¹⁷ Bererti “masyhur atau dikenali”. Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 263.

³¹⁸ Bererti “bukit”. Lihat *al-Munjid* (1986), *op. cit.*, h. 526.

^{319 320} Al-Ghazzālī berkata: ”شَرْطٌ كُلُّ سَعْيٍ أَنْ يَقْعُدْ بَعْدَ طَوَافِ أَيِّ طَوَافٍ كَيْفَ؟...” Lihat al-Ghazzali (t.t.), *op. cit.*, hlm. 460.

³²⁰ (orang yang mengerjakan haji *qirān*).

fawāf dua *fawāf* dan dua *sa'i*³²¹ kerana³²² merai[kan] ia bagi Imām Abī Ḥanīfah. Adapun sunat *sa'i* itu amat banyak, setengahnya bahawa ia naik di atas tangga Ṣafā kadar seperdirian bagi laki-laki. Demikian lagi dinaik[i] pada Marwah demikian juga. Dan sunat berniat *sa'i*, demikian lafadz niatnya:

تَوَيَّتُ أَنْ أَسْعَى بَيْنَ الصَّفَّا وَالْمَرْوَةِ سَبْعًا كَامِلًا لِلَّهِ تَعَالَى.

[Maksudnya]: Sahaja aku *sa'i* antara Ṣafā dan Marwah tujuh kali yang sempurna kerana³²³ Allah Ta'ala. Maka [hendaklah] dibacanya kemudian daripadanya:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهِ الْحَمْدُ. اللَّهُ أَكْبَرُ عَلَى مَا هَدَانَا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى مَا أَوْلَانَا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، يُحْبِّي وَيُمِيّزُ، بِيَدِهِ الْخَيْرُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعْزَزَ جُنْدَهُ وَهَرَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا تَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُحَلِّصِينَ لَهُ الدِّينَ. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.³²⁴ فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسِكُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ. وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِّاً وَحِينَ تُظْهِرُونَ. يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيْتِ وَيُخْرِجُ الْمَيْتَ مِنَ الْحَيِّ وَيُحْبِّي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذِيلَكَ تُخْرِجُونَ.

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ إِذَا أَنْتُمْ بَشَرٌ

³²¹ Al-Ramli berkata: "لَأَنْ لَكُمْ وَجْهًا بِاسْتِحْيَابٍ إِغْرَاءً لَهُ بَعْدَهُ". Bermaksud, sunat mengulangi *sa'i* selepasnya iaitu selepas *fawāf ifādah*. Lihat al-Ramli (1967), *op. cit.*, j. 3, hlm. 293.

³²² (kerana).

³²³ (kerana).

³²⁴ *Al-Kutub al-Sittah* (1981), *al-Muwatta'*, *op. cit.*, j. 1. Kitāb al-Hajj, Bāb Jāmi' al-Hajj, no. hadith 243, h. 421; *Sahīh Muslim*, *Ibid.*, j. 1. Kitāb al-Hajj, Bāb mā Yaqūl idhā Qafala min Safar al-Hajj wa Ghayrih, no. hadith 428, h. 980.

تَسْتَشِرُونَ.³²⁵ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ إِيمَانًا دَائِمًا وَيَقِينًا صَادِقًا وَعِلْمًا تَافِعًا وَقَلْبًا حَانِثًا وَلِسْتَانًا ذَاهِرًا.

وَأَسْأَلُكَ الْعَفْرَ وَالْعَافِيَةَ وَالْمَعْافَةَ الدَّائِمَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ قُلْتَ: "اذْعُونِي أَسْتَجِبْ

لَكُمْ."³²⁶ وَأَنْتَ لَا تُحَلِّفُ الْمِيَاعَدَ. وَإِنِّي أَسْأَلُكَ كَمَا هَدَيْتَنِي لِلإِسْلَامِ لَا تُنْزِعَنِي مِنْهُ حَتَّى

تَتَوَفَّنِي وَأَنَا مُسْلِمٌ.³²⁷

Maka apabila sampai kepada Mayl al-Akhḍar³²⁸ yakni tanda yang pada jidār³²⁹ Masjid yang pada penjuru menara, maka hendaklah ia berlari-lari dahulu daripada sampai kepadanya [se]kadar enam hasta. Maka hendaklah ia berlari-lari bagi laki-laki serta hampirkan langkah hingga sampai kepada tanda yang dua, satu pada jidār Sayyidinā ‘Abbās³³⁰ dan satu pada jidār Masjid, maka [hendaklah] dibacanya:

رَبُّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَتَحَاوِرْ عَمَّا تَعْلَمْ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ. اللَّهُمَّ رَبِّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً

وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَفِنَا عَذَابُ التَّارِ.³³¹

Maka diulang-ulangi akan doa itu, kemudian maka ia berjalan seperti kelakuannya dahulu dan hendak[lah] dibacanya doa pada barang yang dikehendak[i]nya dunia atau *dīm*³³² dan diulang-ulangi doanya dan zikirnya tiga-tiga kali. Demikian lagi

³²⁵ Surah al-Rūm (30): 17 – 20.

³²⁶ Surah Ghāfir (40): 60.

³²⁷ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 459.

³²⁸ Tiang yang dibina pada penjuru Masjid al-Harām. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 71.

³²⁹ Bererti “dinding”. Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 85.

³³⁰ Dinding atau tembok rumah al-‘Abbās. Beliau ialah Abū al-Faḍl al-‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭṭalib, bapa saudara Nabi S.A.W. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 71.

³³¹ Al-Zubaydī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 71; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 459.

³³² Bermaksud “Hari Pembalasan atau Hari Akhirat”. Lihat Ibn Manzur (t.t.), *op. cit.*, h. 1468.

[hendaklah] dibacanya doa yang pada Ṣafā itu dibacakan pada Marwah pula. Dan sunat ia ber fajrārah , lagi menutup aurat, lagi berjalan kaki dengan tiada berkaus³³³ jika tiada ditakut[i] [ter]kena najis. Dan jangan ia berhenti [se]hingga selesai, lagi *muwālāt* antaranya dan [hendaklah] ia membanyakkan akan doa pada Ṣafā dan Marwah karana³³⁴ ia adalah ia setengah daripada tempat yang *mustajāb* doa. Maka dibacanya doa yang kemudian daripada sembahyang [sunat] *tawāfi* atau doa yang pada Multazam atau lainnya.

[2.9] Fasal *Wuqūf* Dan Perkara-Perkara Yang Berkaitan

Ini suatu fasal pada menyatakan *wuqūf* di ‘Arafah dan barang yang bergantung dengan dia. Maka ‘Arafah itu nama bagi tempat *wuqūf*. Sebab dinamakan dia karana³³⁵ dirupa[kan] bagi [Nabi] Ibrāhīm, maka tatkala ia lihat diketahuinya. Kata *qāl*, sebab dinamakan ‘Arafah kerana Jibril me[mper]lihat[kan] akan Nabi Ibrāhīm sekelian tempat haji, maka tatkala dilihatnya dikenal[i]nya. Dan kata *qāl*, adalah Adam dan Hawa berkenal-kenalan antara kedua[-dua]nya. Maka adalah *wuqūf* di ‘Arafah itu *afḍal* dari segala rukun haji dan terlebih *afḍal* daripada *tawāfi* atas kata Syeikh Ibn Ḥajar [al-Haytamī] karana³³⁶ ḥadīth Nabi S.A.W.:

الْحَجَّ عَرْفَةُ.³³⁷

[Maksudnya]: Bermula yang terlebih besar rukun haji itu [ialah] *wuqūf* di ‘Arafah. Kata [al-]Ramlī: “Bermula *tawāfi* itu terlebih [*afḍal*] daripada *wuqūf*³³⁸

³³³ (berkasut).

³³⁴ (kerana).

³³⁵ (kerana).

³³⁶ (kerana).

³³⁷ Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 7. Kitāb al-Ḥajj, Bāb al-Kalām fī al-Tawāfi, (t.no), h. 277.

[Halaman 22]

di ‘Arafah’. Maka terlebih *afdal* *wuqūf* di ‘Arafah itu jika ada hari *wuqūf* itu Hari Juma’at. Sabda Nabi S.A.W.:

أَفْضَلُ الْأَيَّامِ يَوْمٌ عَرَفَةَ وَإِذَا وَقَفَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَهُوَ أَفْضَلُ مِنْ سَبْعِينَ حَجَّةً فِي عَيْرِ يَوْمٍ
الْجُمُعَةِ.

³³⁹ خَرَجَهُ ابْنُ رَزَّيْنَ.
³⁴⁰

[Maksudnya]: Terlebih *afdal* hari itu Hari ‘Arafah dan apabila *wuqūf* pada Hari Juma’at maka iaitu terlebih *afdal* daripada tujuh puluh *hajjah*³⁴¹ pada lain daripada Hari Juma’at. Telah mengeluarkan ḥadīth ini Ibn Razayn. Dan lagi sabda Nabi S.A.W.:

إِذَا كَانَ يَوْمُ الْجُمُعَةِ غَفَرَ اللَّهُ لِجَمِيعِ أَهْلِ الْمَوْقِفِ.

[Maksudnya]: Apabila ada pada Hari ‘Arafah itu Hari Juma’at, telah mengampun[i] Allah Ta’ala bagi sekelian isi ‘Arafah, yakni dengan tiada *wāsiṭah*³⁴³ [wali] *Abdāl* yang enam orang,³⁴⁴ bersalahan jika bukan ia Hari

³³⁸ Beliau berkata: ”وَالطَّرَافُ أَفْضَلُ أَرْكَانِ الْحَجَّ حَتَّى الْوُقُوفِ.” Lihat al-Ramlī (1967), *op. cit.*, j. 3, h. 292. Manakala ḥadīth masyhur daripada Ibn ‘Abbas: ”وَالطَّرَافُ بِالْتَّيْتِ صَلَةٌ إِلَّا أَنَّ اللَّهَ أَبْيَحَ فِيهِ” Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 7. Kitāb al-Hajj, Bāb al-Kalām fī al-Tawāf, (t.no), h. 277.

³³⁹ Al-Zubaydī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 274.

³⁴⁰ Beliau ialah Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin ‘Isā bin Ibrāhīm bin Razayn al-Taymī al-Āṣbāḥānī. Imām *qirā’at* dan ‘ālim dalam Bahasa Arab. Keturunannya berasal dari Āṣbāḥān dan beliau dilahirkan di Rayy. Meninggal dunia pada tahun 253H/867M. Al-Ziriklī (1989), *op.cit.*, j. 6, h. 322.

³⁴¹ (haji).

³⁴² Al-Syarbīnī al-Khaṭīb mencatatkan: ”وَقَبْلَ إِذَا وَاقَنَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ يَوْمَ عَرَفَةَ غَفَرَ اللَّهُ عَالَى لِكُلِّ أَهْلِ الْمَوْقِفِ” Lihat al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 497. Manakala Al-Ghazzālī pula menyatakan: ”وَقَالَ يَعْصُمُ السَّلَفُ: إِذَا وَاقَنَ يَوْمَ عَرَفَةَ يَوْمَ جُمُعَةَ غَفَرَ لِكُلِّ أَهْلِ عَرَفَةَ، وَهُوَ أَفْضَلُ يَوْمٍ فِي الدِّينِ.” Lihat Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 439. Penulis tidak menemui hadith ini di dalam kitab hadith.

³⁴³ (perantaraan).

Juma'at, maka tiada dengan *wāsiṭah* orang enam itu.³⁴⁵ Maka adalah Nabi S.A.W. [menunaikan] haji pada Haji *Wadā'*,³⁴⁶ *wuqūf* ia pada Hari Juma'at. Maka padanya diturunkan ayat:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِينًا.

Maka sunat bagi Imam bahawa ia membaca khutbah di mimbar atau di Pintu Ka'abah jika tiada mimbar pada Masjid al-Harām pada hari yang ketujuh [Dhū al-Hijjah] atau Naib Imam. Maka dinamakan hari itu Hari *Zīmah* yakni me[ng]hiasi karana³⁴⁸ orang haji itu ia me[ng]hiasi akan tempat kenderaannya. Dan hari yang kedelapan³⁴⁹ daripada Bulan Dhū al-Hijjah dinamakan Hari *Tarwīyah* karana³⁵⁰ adalah hari itu tiap-tiap orang yang memuaskan [me]minum air dan memenuhi[kan] *girbahnya*³⁵¹ karana³⁵² tiada ada airnya di 'Arafah akan bekalan. Dan hari yang kesembilan dinamakan Hari 'Arafah karana³⁵³ segala manusia ada ia di 'Arafah duduk *wuqūf*. Dan hari yang kesepuluh dinamakan Hari *Naḥr* karana³⁵⁴ tiap-tiap orang menyembelih korban itu di Minā pada hari itu. Dan hari kesebelas dinamakan Hari *Qarr* karana³⁵⁵ segala manusia tetap pada Minā. Dan

³⁴⁴ Lihat nota kaki no. 401 – 406.

³⁴⁵ Lihat nota kaki no. 401 – 406.

³⁴⁶ Haji yang terakhir bagi Nabi S.A.W. dan tidak berapa lama selepas itu Baginda wafat. Lihat al-Siddiqi (1977), *op. cit.*, j. 1, h. 517. Dinamakan demikian kerana Nabi S.A.W. mengucapkan selamat tinggal kepada umat Islam semasa mengerjakan haji tersebut dan Baginda S.A.W. tidak lagi mengerjakan haji setelah berhijrah ke Madinah selepas daripada haji itu. Peristiwa itu berlaku pada tahun ke 10H. Lihat al-Nawawi^t (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 134.

³⁴⁷ Surah al-Mā'idah (5): 3.

³⁴⁸ (kerana).

³⁴⁹ (kelapan).

³⁵⁰ (kerana).

³⁵¹ Bekas air. Lihat *al-Munjid* (1986), *op. cit.*, h. 617.

³⁵² (kerana).

³⁵³ (kerana).

³⁵⁴ (kerana).

³⁵⁵ (kerana).

hari yang kedua belas dinamakan Hari *Nafar al-Awwal*³⁵⁶ karana³⁵⁷ harus ia kembali berjalan ke Makkah. Dan hari yang ketiga belas Hari *Nafar al-Thāni*.³⁵⁸ Maka dinamakan ketiga-tiganya itu Hari *Tasyriq* pula karana³⁵⁹ kebanyakan orang menjemur dan [meng]keringkan daging dan karana³⁶⁰ terang ia harinya dengan matahari dan malamnya dengan bulan, tiada ada gelapnya. Maka adalah khutbahnya itu kemudian daripada Sembahyang Zohor dan sunat bagi Imam itu ia [ber]*iḥrām* dengan satu khutbah jua. Maka menyuruh ia akan segala orang yang hendak [mengerjakan] haji atau orang yang sudah [ber]*iḥrām* haji atau *qārin* dengan berpakaipakaia ia pada hari yang kedelapan³⁶¹ jika bukan Hari Juma'at. Maka jika

[Halaman 23]

Hari Juma'at maka kemudian daripada Sembahyang Juma'at, pergi ke Minā. Dan sunat pula disebutnya di dalam khutbah barang yang berkehendak[kan] mengerjakan³⁶² oleh orang haji hingga kepada khutbah Hari 'Arafah. Maka disuruh akan mereka itu *tawāf widā'* yakni akan orang Makkah dan orang yang [mengerjakan haji] *tamattu'* ia *tawāf widā'* kemudian daripada *iḥrām* mereka itu. Dan bahawa keluar ia serta segala *ḥujjāj*³⁶³ daripada pagi-pagi kemudian daripada [Sembahyang] Subuh ke Minā maka [hendaklah] membanyakkan [pengucapan] *talbiyyah* pada jalannya hingga sampai ke Minā, maka sunat dibacanya:

³⁵⁶ *Nafar al-awwal* bermaksud keluar dari Minā dan pergi ke Makkah selepas melontar hari kedua daripada Hari-Hari *Tasyriq* iaitu hari kedua belas Dhulhijjah setelah gelincir matahari tanpa melontar pada hari ketiga. Lihat Wahbah al-Zuḥaylī (1989), *op. cit.*, h. 195 –196.

³⁵⁷ (kerana).

³⁵⁸ *Nafar al-thāni* bermaksud meninggalkan Minā dan pergi ke Makkah pada akhir Hari *Tasyriq* iaitu hari ketiga belas Dhulhijjah dengan menyempurnakan lontaran sehingga ke hari ketiga daripada Hari-Hari *Tasyriq*. *Ibid.*

³⁵⁹ (kerana).

³⁶⁰ (kerana).

³⁶¹ (kelapan).

³⁶² (hendak dikerjakan).

³⁶³ (*jama'ah haji*). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 97.

اللَّهُمَّ هَذَا مِنْ فَاعْلَمْ عَلَيْ بِمَا مَنَّتْ بِهِ عَلَى أُولَئِكَ وَأَهْلِ طَاغِيَّةٍ.³⁶⁴

Maka hendaklah berhenti di Minā, ia sembahyang Zohor dan ‘Asar dan Maghrib dan ‘Isyak dan Subuh padanya dan bermalam mereka itu di Minā. Maka apabila selesai mereka itu sembahyang Subuh, kira-kira terang matahari kepada Jabal Thubayr³⁶⁵ maka berjalan menggasad akan ‘Arafah. Maka dibacanya tatkala itu:

اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا خَيْرًا غَدَوْنَاهَا قَطُّ وَأَفْرَبْهَا مِنْ رِضْوَانِكَ وَأَبْعَدْهَا مِنْ سَخْطِكَ. اللَّهُمَّ إِلَيْكَ

غَدَوْتُ وَإِلَيْكَ رَحْوَتُ وَعَلَيْكَ اعْتَمَدْتُ وَوَجْهَكَ أَرَدْتُ فَاجْعَلْنِي مِمَّنْ تُبَاهِي بِهِ لِيَوْمٌ مَّنْ هُوَ خَيْرٌ

³⁶⁶ مِنْ وَأَفْضَلُ.

Dan sunat ia berjalan ke ‘Arafah itu [melalui] Jalan Dabb³⁶⁷ iaitu jalan sebelah kanan kita pergi ke ‘Arafah dan apabila kembali maka di jalannya Tariq Ma’zimayn³⁶⁸ iaitu jalan kiri pergi ke ‘Arafah.

FAEDAH:³⁶⁹ Bermula berkenderaan ke ‘Arafah itu *terafḍal* daripada berjalan kaki, yang dii’timādkan oleh Imām [al-]Nawawī dan menjazamkan *kalām* itu

³⁶⁴ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 460. Penulis tidak menemui hadith ini di dalam kitab hadith.

³⁶⁵ Terletak di Minā, di sebelah kiri jalan ke ‘Arafah. Di bukit inilah dikatakan Nabi Ibrāhīm a.s. menunaikan perintah Allah S.W.T. untuk mengorbankan putera baginda, Ismā’īl a.s., tetapi putera baginda itu telah digantikan oleh Allah S.W.T. dengan seekor kibasy. Kawasan ini sekarang dikenali dengan nama Majrā al-Kabsy dan merupakan bukit yang terbesar di kawasan itu. Lihat Al-Nawawī (1985), *Rawḍah al-Tālibīn*, c. 2, j. 3. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, h. 92; Al-Syawkānī (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 64.

³⁶⁶ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 460.

³⁶⁷ Bukit yang memanjang ke arah Minā dan berada di sebelah kanan jalan menuju ke ‘Arafah. Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.* j. 8, h. 89; Al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 496.

³⁶⁸ Al-ma’zim bererti jalan di antara dua buah bukit dan merupakan jalan pulang dari ‘Arafah menuju ke Muzdalifah. Lihat Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 89; 119; Al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 496.

³⁶⁹ Bermaksud “suatu pengajaran yang perlu diberi perhatian”.

Syeikh Ibn Hajar [al-Haytami] dan [al-]Ramlī³⁷⁰ dan [al-]Khaṭīb [al-]Syarbīnī³⁷¹ karana³⁷² mengikut Nabi S.A.W..³⁷³ Maka Nabi [mengerjakan] haji [dengan] berkenderaan.³⁷⁴ Kata Imām [al-]Rāfi'i:³⁷⁵ "Berjalan bagi orang yang [ber]kuasa itu *afḍal* karana³⁷⁶ haji berjalan itu disuratkannya tiap-tiap satu langkah seratus ribu kebaikan daripada kebaikan Tanah Ḥarām"³⁷⁷ dan tersebut pula pada satu riwayat yang haji berkenderaan memberi salam Malaikat akan dia dan jika berkenderaan ḥimār³⁷⁸ atau baghal³⁷⁹ berjabat tangan dan jika berjalan kaki maka berpeluk-peluk[an] antara kedua[-dua]nya.³⁸⁰

³⁷⁰ Al-Ramlī berpendapat sunat berjalan kaki dari Makkah untuk mengerjakan haji. Beliau menyatakan: "قَالَ الرَّعْفُرَانِيُّ: يُسَنُّ الْمَسْتَبُ مِنْ مَكَّةَ إِلَى الْمَنَاسِكِ كُلُّهَا إِلَى اِنْقُضَاءِ الْحَجَّ لِمَنْ قَدَرَ عَلَيْهِ". Lihat Al-Ramlī (1967), *op. cit.*, j. 3, h. 295.

³⁷¹ Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Syarbīnī. Mufassir dan faqih bermazhab Syāfi'i. Berasal dari Kaherah. Beliau meninggal dunia pada tahun 977M/1570M. Al-Ziriklī (1989), *op. cit.*, j. 6, h. 6.

³⁷² (kerana).

³⁷³ Al-Khaṭīb al-Syarbīnī juga berpendapat sunat berjalan kaki dari Makkah untuk mengerjakan haji. Beliau, sebagaimana al-Ramlī, mengemukakan dalil yang sama iaitu:

"فَقَالَ أَبُو الْحَسَنِ الرَّعْفُرَانِيُّ: يُسَنُّ الْمَسْتَبُ مِنْ مَكَّةَ إِلَى الْمَنَاسِكِ كُلُّهَا إِلَى اِنْقُضَاءِ الْحَجَّ لِمَنْ قَدَرَ عَلَيْهِ". Lihat Al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 496.

³⁷⁴ Lebih afdal *wuqūf* di atas kenderaan, sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi S.A.W. Imām Ahmad, apabila ditanya mengenai *wuqūf* di atas kenderaan, beliau menjawab: "الَّذِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَفَ عَلَى رَاحِلَتِهِ". Lihat Ibn Qudamah (1972), *op. cit.*, j. 3, h. 428.

³⁷⁵ Abū al-Qāsim 'Abd al-Karīm bin Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Rāfi'i al-Qazwīnī. Dilahirkan pada tahun 557H/1162M. Faqih dan 'ālim bermazhab Syāfi'i. Beliau memimpin majlis ilmu di Qazwīn untuk mengajar Tafsīr dan Hadīth, meninggal di sana dalam tahun 623H/1226M. Nama beliau "al-Rāfi'i" adalah disandarkan kepada Rāfi' bin Khudayj, seorang Sahabat. Lihat al-Ziriklī (1989), *op. cit.*, j. 4, h. 55.

³⁷⁶ (kerana).

³⁷⁷ Daripada Ibn 'Abbās, Rasūlullāh S.A.W. bersabda: "مَنْ حَجَّ مِنْ مَكَّةَ مَا شِئَ حَتَّى رَجَعَ إِلَيْهَا كُتِبَ لَهُ بِكُلِّ حُطْرَةٍ سَعْيَهُ حَسْنَةٌ مِنْ حَسْنَاتِ الْحَرَمَ، وَحَسْنَاتُ الْحَرَمِ الْحَسْنَةُ بِمِائَةِ أَلْفِ حَسْنَةٍ". Lihat al-Bayhaqī (t.t.), *op. cit.*, j. 4. Kitāb al-Hajj, Bāb al-Rajul Yajid Zād wā rāhilah, (t.no.), h. 331; al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 66.

³⁷⁸ (kal dai). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, 108.

³⁷⁹ (kacukan antara kuda dengan kal dai). Lihat *al-Munjid* (1986), *op. cit.*, h. 44.

³⁸⁰ "إِنَّ الْحَجَّاجَ إِذَا قَدِمُوا مَكَّةَ ثَلَقُتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ فَسَلَّمُوا عَلَى رَكْبَانِ الْإِيلِ وَصَافَّحُوْ رَكْبَانَ الْحُمْرِ وَاعْتَنَقُوْا الْمُسْنَةَ اعْتِنَاقًا". Lihat al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 439.

FAEDAH YANG KEDUA: Makruh lagi bid'ah tiada berhenti di Minā pada malam yang kesembilan. Dan berhenti di ‘Arafah, istimewa pula jika ia membanyakkan membakarkan qindil³⁸¹ dan lilin di ‘Arafah. Maka adalah yang demikian itu jumlah daripada dituntut ingkarkan, maka jika tiada [ber]kuasa maka diingkarkan dengan hati juar. Dan apabila sampai kepada Namirah³⁸² maka berhenti ia

[Halaman 24]

di sana hingga gelincir matahari, maka jangan ia lalu [terus pergi] ke ‘Arafah. Maka sunat ia mandi, maka masuk waktunya daripada fajar dan dita ‘khīrkan³⁸³ daripada gelincir [matahari] itu *afḍal*. Demikian lafaz niatnya:

تَوَسَّلْتُ إِلَيْكُمْ مُسْلِمٌ سَنَةً الْوُقُوفِ لِلَّهِ تَعَالَى.

[Maksudnya]: Sahaja aku mandi sunat *wuqīf* karana³⁸⁴ Allah Ta’ala. Kemudian ia pergi ke Masjid Ibrāhīm³⁸⁵ sembahyang Zohor, maka hendak[lah] membaca oleh Imam atau Naibnya dahulu daripada Sembahyang Zohor akan dua khutbah, maka diajarkan di dalam khutbah yang pertama akan mereka itu barang yang di hadapan mereka itu daripada pekerjaan haji pada ‘Arafah dan pada perjalanan kembali ke Muzdalifah hingga kepada hukum hari yang kesepuluh. Dan menyuruh akan mereka itu membanyakkan doa dan tahlil dan *talbīyah* tatkala

³⁸¹ (pelita). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 358.

³⁸² Terletak berhampiran dengan ‘Arafah, di luar Tanah Ḥarām iaitu di antara hujung Tanah Ḥarām dan hujung ‘Arafah. Disunatkan mandi di sana sebelum melakukan *wuqīf* di ‘Arafah iaitu berhampiran batu besar yang jatuh di kaki bukit di sebelah kanan jalan menuju ke ‘Arafah. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 85, 89; 105; Al-Ramli (1967), *op. cit.*, j. 3, h. 296.

³⁸³ (dilewatkan).

³⁸⁴ (kerana).

³⁸⁵ Terletak di luar ‘Arafah. Menurut al-Imām al-Syāfi‘ī, al-Māwardī dan al-Mutawallī, sesiapa yang *wuqīf* di sana, tidak sah. Al-Juwainī, al-Qādī Husayn, Imām al-Ḥaramayn dan al-Rāfi‘ī berkata bahawa bahagian permulaan masjid ini berada di Wādī ‘Uranah iaitu berhampiran ‘Arafah dan bahagian akhirnya berada di ‘Arafah. Sesiapa yang *wuqīf* di bahagian permulaannya, tidak sah dan sesiapa yang *wuqīf* di bahagian akhirnya juga sah. Yang membezakan kedua-dua bahagian itu ialah hamparan batu-batu besar yang terletak di tengah-tengahnya. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 105; Al-Ramli (1967), *op. cit.*, j. 3, h. 296.

wuqūf di ‘Arafah. Maka apabila selesai daripada khutbah yang pertama, sunat duduk antara kedua[-dua]nya [se]kadar [membaca] sūrah al-Ikhlāṣ. Kemudian maka berdiri ia kepada khutbah yang kedua. Maka sunat *mu’adhdhin* itu bang, maka sunat disudah[kan] khutbah dengan sudah *mu’adhdhin* bangnya, maka qamat, kemudian sembahyang dengan mereka itu di dalam masjid [Sembahyang] Zohor dan ‘Asar dengan *jama’ taqdīm* jika ada segala mereka itu kaum musafir yang belum lagi putus *safarnya* serta *qaṣar*. Adapun orang Makkah dan orang yang putus *safarnya* maka tiada harus ia *jama’* dan *qaṣar* dan hanya disembahyang Zohor juga, kemudian ia *wuqūf* di ‘Arafah. Maka yang terutamanya pada tempat *wuqūf* Nabi S.A.W. iaitu yang di bawah Jabal Rahmah,³⁸⁶ pada batu yang terhampar. Maka sunat [bagi] laki-laki ia masuk ke dalamnya dan perempuan ia duduk di luar sisi Masjid itu hingga jatuh matahari.

MASAELAH:³⁸⁷ Adalah Masjid Ibrāhīm itu setengahnya daripada bumi ‘Arafah dan setengah[nya] bukan bumi ‘Arafah, maka antaranya itu ada batu yang terhampar di tengahnya. Maka jika *wuqūf* di sebelah ‘Arafahnya maka memada[i]lah *wuqūfnya* tetapi ia pergi kepada tempat Nabi *wuqūf* itu terlebih *awlā*. Maka adalah tempatnya *ma’rūf* di sana, di bawah Jabal Rahmah. Dan makruh ia naik kepada Jabal Rahmah lagi bid’ah. Maka hendak[lah] ia membanyakkan menyebut Allah dengan berzikir dan [ber]doa dan [ber]tahlil dan

³⁸⁶ Terletak di tengah-tengah ‘Arafah, lebih kurang 25 km. dari Makkah. Menurut setengah riwayat, Jabal Rahmah ini adalah sebuah bukit yang sangat bersejarah kerana di sinilah tempat pertemuan Nabi Adam a.s. dengan Siti Hawa setelah mereka berpisah ketika diperintahkan keluar dari Syurga dan turun ke bumi. Bagi mereka yang ingin berziarah ke Jabal Rahmah, eloklah dilakukan sebelum waktu *wuqūf* atau selepasnya. Jangan dilakukan ziarah ke Jabal Rahmah ini sambil mengerjakan *wuqūf* di ‘Arafah pada 9 Dhulhijjah kerana di situ merupakan lautan manusia dan boleh menyebabkan sesat, tidak dapat kembali ke tempat perkhemahan. Semasa *wuqūf* tumpukanlah sepenuh masa dengan berdoa, beristighfar, berzikir, bertasbih dan bertalbiyyah kerana di sinilah tempatnya segala permohonan dimagbulkan oleh Allah S.W.T. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h 105; Suhaimee Yassin (1995), *op. cit.*, h. 331.

³⁸⁷ (Masalah). Bermaksud “perkara penting yang perlu dijelaskan”.

jangan ia memutuskan *talbiyyah* pada harinya, tetapi yang terlebih dikasih [paling baik] itu ia [mengucapkan] *talbiyyah* pada setengah ketika dan berdoa [pada] setengah ketika [yang lain] dan [ber]zikir dan [ber]tahlil dan [ber]selawat [pada] setengah ketika [yang lain pula] dan membaca [al-]Qur'an dan dibaca:

سُورَةُ الْحَمْدٍ

dan

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ.

Dan sunat ia berbuka puasa karana³⁸⁸ mengikut bagi Nabi S.A.W. dan karana³⁸⁹ mengkuatkan³⁹⁰ mintak³⁹¹

[Halaman 25]

doa. Maka seyogianya³⁹² bahawa mengekalkan *berfahārah* dan mengadap kiblat dan jangan banyak ia berteduh melainkan karana³⁹³ uzur sebab takut sakit kepalanya atau lainnya dan menjauhkan pula seboleh-bolehnya daripada memakan [makanan] yang haram dan *syubhat* pada makanannya dan minuman dan pakaian. Dan [me]minta doa bagi dua ibubapanya dan kepada segala guru-gurunya dan kepada segala keluarganya dan segala sahabatnya dan kepada segala orang yang membaikkan dia dan kepada segala orang muslimin karana³⁹⁴ sabda Nabi S.A.W.:

³⁸⁸ (kerana).

³⁸⁹ (kerana).

³⁹⁰ (menguatkan).

³⁹¹ (meminta).

³⁹² (seeloknya).

³⁹³ (kerana).

³⁹⁴ (kerana).

[Maksudnya]: Hai Tuhanmu, ampun olehMu bagi [orang yang mengerjakan] haji dan bagi orang yang [ber]istighfār³⁹⁶ baginya oleh orang [yang mengerjakan] haji. Dan bersungguh-sungguh ia mintak³⁹⁷ doa karana³⁹⁸ adalah orang yang *mahrūm*³⁹⁹ itu orang yang diharamkan meminta doa pada hari itu, maka tiada ada banyak pemerdehekaan⁴⁰⁰ Allah akan hambanya daripada api Neraka daripada seu[m]pama Hari ‘Arafah. Lagi adalah pada hari itu Allah Ta’ala memegahkan⁴⁰¹ orang yang *wuqūf* di ‘Arafah dengan Malaikat. Maka bahawasanya adalah ia terlebih *afḍal* hari setahun dan perhimpunannya terlebih banyak, lagi terlebih besar dan kasih perhimpunan kepada Allah Ta’ala karana⁴⁰² ada di dalamnya *Awtād*⁴⁰³ dan *Ghawth*⁴⁰⁴ dan *Qutb*⁴⁰⁵ dan *Abdāl*⁴⁰⁶ dan *Nuqabā*⁴⁰⁷ dan *Nujabā*⁴⁰⁸

³⁹⁵ Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 167; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 439.

³⁹⁶ (meminta ampun). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 298.

³⁹⁷ (meminta).

³⁹⁸ (kerana).

³⁹⁹ (orang yang tidak diperkenankan doanya). *Ibid.*, h. 101.

⁴⁰⁰ (pemerdekaan).

⁴⁰¹ (mengurnikan kelebihan).

⁴⁰² (kerana).

⁴⁰³ *Al-Awtād* berasal dari perkataan tunggal “*al-Watad*.” Bilangan wali yang sampai kepada martabat ini cuma 4 orang sahaja. Dengan adanya mereka, Allah menjaga 4 bahagian di atas muka bumi ini. Digambarkan mereka itu sebagai bukit, yang mana bukit berfungsi meneguhkan bumi dari bergoncang. Lihat Su’ād al-Hakim (1981), *al-Mu’jam al-Sāfi*, Beirut: Percetakan Dandarah, h. 189 – 191.

⁴⁰⁴ *Al-Ghawth* berasal dari perkataan *al-Ighāthah*, bererti “Pertolongan ketika menghadapi kesusahan.” *Al-Ghawth* juga disebut *al-Qutb*. *Ibid.*, h. 484.

⁴⁰⁵ *Al-Qutb* ialah seorang utusan Allah yang hidup di dunia ini. Cuma seorang *Qutb* sahaja daripada Nabi Adam hingga ke Hari Kiamat. Apabila *Qutb* tersebut meninggal dunia dan berpindah ke alam lain, wali lain yang sampai kepada martabat *al-Qutbīyah* mengambil alih tempatnya. Cuma seorang *Qutb* sahaja bagi setiap zaman dan dia bertukar ganti mengikut peredaran zaman. Dia bukan utusan Allah, bahkan amnya daripada golongan wali-wali dan khasnya daripada individu-individu tertentu. *Al-Qutb* juga dipanggil *al-Ghawth* dan *Sāhib al-Waqt* atau “Penjaga masa.” *Qutb* ini bukan *Qutb* yang sebenarnya, bahkan Naibnya dan dia mengetahui kedudukannya sebagai Naib. Adapun *Qutb* yang sebenarnya ialah *Qutb* utusan Allah daripada Adam hingga ke Hari Kiamat, sebagaimana yang telah diterangkan di atas. *Ibid.*, h. 910 – 911.

⁴⁰⁶ *Al-Abdāl* berasal dari kata tunggal “*al-Badal*,” bererti “Ganti.” Mereka seramai 7 orang. Dengan adanya mereka, Allah Ta’āla menjaga bumi ini yang terbahagi kepada 7 buah daerah, setiap orang berada di satu daerah. *Badal* yang pertama di bawah pengawasan al-Khalil a.s., *Badal* yang kedua di bawah pengawasan al-Kalīm a.s., *Badal* yang ketiga di bawah pengawasan

dan segala *Awliyā'* dan *Sāliḥīn*. Dan jangan ia berbantah-bantah[an] dengan [se]seorang dan memaki dan menjerkahkan⁴⁰⁹ [se]seorang yang meminta-minta dan dengan perkataan yang jahat, tetapi hendaklah ia memeliharaikan pula daripada perkataan yang harus sedapatnya. Dan sunat memberi makan akan makanan kepada orang [yang mengerjakan] haji dan melemah lembut kelakuan serta mereka itu dan perkataannya dan memberi salam akan tiap-tiap orang yang berjumpa [dengannya] dan hendak[lah] memerdekehakan⁴¹⁰ sahaya⁴¹¹ jika kuasa dan terkaya⁴¹² daripada segala manusia seboleh-bolehnya pada hari itu. Dan jangan ia berhadap kepada yang lain daripada Allah karana⁴¹³ adalah pekerjaanNya atau rahmatNya atau Malaikat disuruhNya daripada turun kepada langit dunia,⁴¹⁴ maka menyeru: "Siapa-siapa yang berhajat maka aku sampaikan hajatnya dan siapa-siapa yang berdosa maka Aku ampun akan dia dan siapa-siapa

Hārūn a.s., *Badal* yang keempat di bawah pengawasan Idris a.s., *Badal* yang kelima di bawah pengawasan Yūsuf a.s., *Badal* yang keenam di bawah pengawasan Yāsīn a.s. dan *Badal* yang ketujuh di bawah pengawasan Adam a.s.

Mereka semua dinamakan "*Abdāl*" kerana: Pertama: Apabila mereka meninggalkan sesuatu tempat dan mereka ingin menggantikan seorang pengganti di tempat tersebut, lantaran sesuatu perkara yang mereka rasa berupa kebaikan dan menghampirkan diri kepada Allah Ta'ala, mereka meninggalkan di tempat itu orang lain yang menyerupainya. Sesiapa sahaja yang melihat penggantinya itu, dia tidak mengesyaki apa-apa, dia mengatakan itulah dia orangnya, sebenarnya bukan dia, bahkan orang itu ialah seorang *rūhāni*' yang ditinggalkannya sebagai *Badal*nya. Maka sesiapa yang mempunyai kekuatan tersebut, dia adalah *Badal*. Kedua: Kerana apabila salah seorang daripada mereka meninggal dunia, ada *Badal* yang lain menggantikannya. Ketiga: Kerana mereka dianugerahkan kekuatan oleh Allah Ta'ala untuk meninggalkan *Badal* mereka mengikut yang mereka kehendaki untuk melakukan sesuatu perkara yang mereka ketahui. Manakala wali-wali yang menjaga planet-planet pula, juga seramai 7 orang iaitu Ibrāhīm, menjaga Zuhrah, Mūsā menjaga Musytari, Dāwūd menjaga Marikh, Idris menjaga Matahari, Yūsuf menjaga Zuhrah, Isā menjaga Utarid dan Adam menjaga Bulan. *Ibid*, h. 520; 1127.

⁴⁰⁷ *Al-Nuqabā'* berasal dari perkataan tunggal "*al-Naqib*." Bilangan *al-Nuqabā'* ialah seramai 12 orang pada setiap zaman. Mereka dianugerahkan oleh Allah untuk mengerti sedalam-dalamnya perbendaharaan *ma'rifat Allāh* dan mengeluarkannya daripada dalam dirinya. *Ibid*, h. 1068.

⁴⁰⁸ *Al-Nujabā'* berasal dari perkataan tunggal "*al-Najib*." Bilangan mereka adalah seramai 8 orang sahaja bagi sesuatu masa. Keadaan mereka dari segenap segi sentiasa menggambarkan penerimaan Allah. Seseorang Wali *Najib* tidak menyedari bahawa dirinya wali, sebaliknya yang mengetahui dia itu wali ialah wali yang lebih tinggi daripadanya. *Ibid*, h. 1053.

⁴⁰⁹ (menengking atau mengherdik).

⁴¹⁰ (memerdehakan).

⁴¹¹ (hamba).

⁴¹² (tidak mengharapkan).

⁴¹³ (kerana).

⁴¹⁴ (langit rendah).

yang meminta-minta maka Aku perkenankan dia.”⁴¹⁵ Berkekalan daripada Hari ‘Arafah hingga [terbit] fajar. Maka malu orang yang mempunyai akal berhadapan kepada yang lain daripadaNya dengan menuntut hajatnya karana⁴¹⁶ Allah Ta’ala, Tuhan yang terlebih *Akram*⁴¹⁷ bagi segala *Kuramā’* menyatakan diriNya dengan kemurahan. Dan lagi ia fikirkan jikalau

[Halaman 26]

ada seu[m]pama banyak makhluk itu memintak⁴¹⁸ kepada seseorang akan mereka itu adakah ditegahkan daripada pemberianNya, maka tiada ditegahkan segala-segala[nya]. Maka tetap ia berhimpun sekelian mereka itu kepada ⁴¹⁹ كَرَمُ الْكَرِمَاءِ

dan Yang [Maha] Suci daripada segala *istiḥyā’*⁴²⁰ dan la Yang menjadikan dia.

⁴²¹ حَاسِنًا لِلَّهِ daripada yang demikian itu. Maka doa yang terlebih *afdal* pada Hari

‘Arafah itu [ialah] doa yang datang daripada Nabi S.A.W. dan datang daripada Sahabat dan datang daripada orang yang *sāliḥīn* itu *afdal*. Maka setengah

⁴¹⁵ عن أبي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: يَتَرَبَّلُ رُبُّعًا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلُّ لَيْلٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا حِينَ يَقْنَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الْآخِرِ يَقُولُ: مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبُ لَهُ، مَنْ يَسْأَلُنِي فَأَعْطِيهِ، مَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرُ لَهُ. Lihat Ibn Hajar al-Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 6. Kitāb al-Tahajjud, Bāb al-Du’ā’ wa al-Šalāh min Ākhir al-Layl, h. 36.

⁴¹⁶ (kerana).

⁴¹⁷ (Tuhan Yang Amat Pemurah). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 372.

⁴¹⁸ (meminta).

⁴¹⁹ (Tuhan Yang Maha Pemurah).

⁴²⁰ (perasaan malu). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 112.

⁴²¹ حَاسِنًا bererti “kecuali”. Lihat ‘Abduh al-Rājihī (1983), *al-Taṭbiq al-Naḥwī*, Beirūt: Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah, h. 309. Ungkapan ini bermaksud “bukan sifat Allah S.W.T. kehabisan kurniaNya jikalau terlalu ramai makhlukNya meminta-minta”.

daripada doa[-doa] yang datang daripada Nabi S.A.W. iaitu seperti sabda Nabi S.A.W.:

أَفْضَلُ مَا قُلْتُ أَنَا وَالْئِبِيُّونَ مِنْ قَبْلِي،

[Maksudnya] yakni yang terlebih *afdal* barang yang aku berkata dan segala Nabi yang dahulu itu:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْسِنُ وَيُمْسِيْ وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ بِيَدِهِ

الْخَيْرُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.⁴²² اللَّهُمَّ اجْعَلْ فِي قَلْبِي نُورًا وَفِي سَمْعِي نُورًا وَفِي بَصَرِي نُورًا

وَفِي لِسَانِي نُورًا. اللَّهُمَّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي. اللَّهُمَّ رَبِّي لَكَ الْحَمْدُ كَمَا تَقُولُ

وَخَيْرٌ مِمَّا تَقُولُ، لَكَ صَلَاتِي وَسُكْنِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي، وَإِلَيْكَ مَا يِبَرِّ وَإِلَيْكَ تُوَابِيْ. اللَّهُمَّ إِنِّي

أَعُوذُ بِكَ مِنْ وَسَاسِ الصَّدْرِ وَشَثَاثِ الْأَمْرِ وَعَذَابِ الْغَيْرِ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا يَلْجُ

فِي الظَّلَلِ وَمِنْ شَرِّ مَا يَلْجُ فِي النَّهَارِ وَمِنْ شَرِّ مَا تَهْبُطُ بِهِ الرِّيَاحُ وَمِنْ شَرِّ بَوَانِقِ الدَّهْرِ.⁴²³ اللَّهُمَّ

إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ تَحْوُلِ عَاقِبَتِكَ وَفَجَاهَةِ تَقْمِتَكَ وَجَمِيعِ سَخَطِكَ. اللَّهُمَّ اهْدِنِي بِالْهُدَى وَاغْفِرْ

لِي فِي الْآخِرَةِ وَالْأُولَى يَا خَيْرَ مَقْصُودِ إِلَيْهِ وَأَشْرَفِ مَنْزُولِ عَلَيْهِ وَأَكْرَمِ مَسْتُوْلِ مَا لَدَيْهِ، أَعْطِنِي

الْعُسْنِيَّةَ أَفْضَلَ مَا أَعْطَيْتَ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ وَحَجَاجَ بَيْتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ يَا رَافِعَ

الدَّرَجَاتِ وَمُنْزِلَ الْبَرَكَاتِ وَيَا فَاطِرَ الْأَرْضِينَ وَالسَّمَوَاتِ ضَحَّتْ إِلَيْكَ الْأَصْوَاتُ بِصُنُوفِ

⁴²² Al-Kutub al-Sittah (1981), Sunan al-Turmudhi, op. cit., j. 5. Kitāb al-Da'awāt, Bāb fī Du'a' Yawm 'Arafah, no. hadith 3585, h. 572.

⁴²³ Al-Bayhaqi (t.t.), op. cit., j. 5. Kitāb al-Hajj, Bāb Afḍal al-Du'a' Du'a' Yawm 'Arafah, (t.no.), h. 117.

اللُّغَاتِ يَسْأَلُوكَ الْحَاجَاتِ، وَحَاجَتِي إِلَيْكَ أَنْ لَا تَسْتَأْنِي فِي دَارِ الْبَلَاءِ إِذَا سَيَّنِي أَهْلُ الدُّنْيَا.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْمِعُ كَلَامِي وَتَرَى مَكَانِي وَتَعْلَمُ سِرِّي وَعَلَانِيَّتي وَلَا يَخْفَى عَلَيْكَ شَيْءٌ مِّنْ أُمْرِي.

أَنَّ الْبَائِسَ الْفَقِيرَ الْمُسْتَغْاثَ الْمُسْتَجِيرَ الْوَجْلَ الْمُشْفِقَ الْمُعْتَرِفَ بِدِينِهِ، أَسْأَلُكَ مَسَأَةً

[Halaman 27]

الْمِسْكِينِ وَأَبْتَهِلُ إِلَيْكَ ابْتَهَالَ الْمُدْنِيبِ الدَّلِيلِ، وَأَغْوُدُ بِكَ مِنْ كُلِّ سُوءٍ وَأَدْعُوكَ دُعَاءَ الْحَانِفِ

الْفَصِّرِيرِ دُعَاءَ مَنْ خَضَعَتْ لَكَ رَفِيقَتُهُ وَفَاضَتْ لَكَ عِبْرَتُهُ وَذَلَّ لَكَ جَسَدُهُ وَرَغَمَ لَكَ أَنْفُهُ. اللَّهُمَّ

لَا تَحْعِنِي بِدُعَائِكَ رَبُّ شَقِيقٍ وَسَكُنْ بِي رَأْفَا رَحِيمًا يَا حَيْرَ الْمَسْتُوْنِينَ وَأَكْرَمَ الْمُعْطِينَ. إِلَهِي مَنْ

مَدَحَ إِلَيْكَ نَفْسُهُ فَإِنِّي لَا شَمْنِي. إِلَهِي أَخْرَسْتِ الْمَعَاصِي لِسَانِي فَمَالِي وَسِيلَةٌ مِّنْ عَمَلٍ وَلَا

شَفِيعٌ سِوَى الْأَمْلِ. إِلَهِي إِنِّي أَعْلَمُ أَنْ ذُنُوبِي لَمْ تَبْقَ لِي عِنْدَكَ جَاهِلًا وَلَا لِلَاعْتِدَارِ وَجْهًا وَلَكِنَّكَ

أَكْرَمُ الْأَكْرَمِينَ. إِلَهِي إِنْ لَمْ أَكُنْ أَهْلاً أَنْ أَبْلُغَ رَحْمَتَكَ فَإِنْ رَحْمَتَكَ أَهْلٌ أَنْ تَبْلُغَنِي وَرَحْمَتَكَ

وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ وَأَنَا شَيْءٌ فَارْحَمْنِي. إِلَهِي إِنْ ذُنُوبِي وَإِنْ كَاتَ عِظَالَمًا وَلَكِنَّهُ صِغَارًا فِي

حَسْبٍ عَفْرِوكَ فَاغْفِرْهَا لِي يَا كَرِيمُ. إِلَهِي أَتَتَ أَتَتَ وَأَنَا أَنَا. أَنَا الْعَوْادُ إِلَى الذُّنُوبِ وَأَتَتَ الْعَوْادُ

إِلَى الْمَعْفَرَةِ. إِلَهِي إِنْ كُنْتَ لَا تَرْحَمُ إِلَّا أَهْلَ طَاعَتِكَ فَإِلَى مَنْ يَغْرُغُ الْمُدْنِيبُونَ. إِلَهِي تَحْتَكُ

عَنْ طَاعَتِكَ عَمْدًا وَتَوَحَّهْتُ إِلَى مَعْصِيَتِكَ قَصْدًا فَسُبْحَانِكَ مَا أَعْظَمَ شَانِكَ وَأَقْوَى حُجَّتَكَ عَلَيَّ

وَأَكْرَمَ عَفْوَكَ عَنِّي، فَبِوْحُوبِ حُجَّتَكَ عَلَيَّ وَأَقْطَاعَ حُجَّتِي عَنِّكَ وَفَقْرِي إِلَيْكَ وَغِنَاكَ عَنِّي إِلَّا

غَفَرْتَ لِي يَا خَيْرَ مَنْ دَعَاهُ دَاعٍ وَأَفْضَلَ مَنْ رَجَاهُ رَاجٍ بِحُرْمَةِ الإِسْلَامِ وَبِذِمَّةِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتُوَسِّلُ إِلَيْكَ فَاغْفِرْ لِي حَمِيعَ ذُنُوبِيْ وَاصْرِفْنِي مِنْ مَوْقِفِيْ هَذَا مَقْضَى الْحَوَائِجِ وَهَبْ لِي مَا سَأَلْتُ وَحَقِّنَ رَجَاهِنِي فِيمَا تَمَّيَّتُ. إِلَيْنِي دَعَوْتُكَ بِالْدُّعَاءِ الَّذِي عَلِمْتُنِي فَلَا تَحْرِمْنِي الرُّجَاهُ الَّذِي عَرَفْتُنِي. إِلَهِي أَلْتَ صَانِعَ الْعَشَيْةِ يَعْدُ مُقْرِنَ لَكَ بِذِلِّيْهِ خَاسِعَ لَكَ بِذِلِّيْهِ مُشْتَكِيْنَ لَكَ بِحَرَمِهِ مَتَضَرِّعُ إِلَيْكَ مِنْ عَمَلِهِ تَائِبٌ إِلَيْكَ مِنْ افْرَافِهِ مُسْتَغْفِرُ لَكَ مِنْ ظُلْمِهِ مَبْتَهِلٌ إِلَيْكَ فِي الْعَوْنَى عَنْهُ طَالِبٌ إِلَيْكَ فِي نَجَاحِ حَوَائِجِهِ إِلَيْكَ فِي مَوْقِفِهِ مَعَ كَثْرَةِ ذُنُوبِهِ. فَيَا مَلِحًا كُلُّ حَيٍّ وَوَلِيٍّ كُلُّ مُؤْمِنٍ.

[Halaman 28]

مَنْ أَحْسَنَ فِي رَحْمَتِكَ يَفْوُزُ وَمَنْ أَسَأَ فِي خَطِيْبِتِكَ يَهْلِكُ. اللَّهُمَّ إِلَيْكَ حَرَجْنَا وَيَعْنَاكَ أَنْخَنَا وَإِلَيْكَ أَمْلَنَا وَمَا عِنْدِكَ طَلَبْنَا وَلَا إِخْسَانِكَ تَعْرَضْنَا وَرَحْمَتِكَ رَجَوْنَا وَمَنْ عَذَابِكَ أَشْفَقْنَا وَإِلَيْكَ بِاِنْتَهَى الْذُنُوبِ هُوَيْنَا وَلِبَيْنِكَ الْحَرَامِ حَجَحْنَا، يَا مَنْ يَمْلِكُ حَوَائِجَ السَّائِلِينَ وَيَعْلَمُ ضَمَائِرَ الصَّائِمِينَ يَا مَنْ لَيْسَ مَعَهُ رَبٌّ يُدْعَى وَيَا مَنْ لَيْسَ فَوْقَهُ خَالِقٌ يُخْشَى وَيَا مَنْ لَيْسَ لَهُ وَزِيرٌ يُوتَى وَلَا حَاجِبٌ يُرْشَى، يَا مَنْ لَا يَزِدُّ أَدْعَى عَلَى كَثْرَةِ السُّؤَالِ إِلَّا جُوَدًا وَكَرَمًا وَعَلَى كَثْرَةِ الْحَوَائِجِ إِلَّا تَفَضُّلاً وَإِحْسَانًا. اللَّهُمَّ جَعَلْتَ لِكُلِّ ضَيْفٍ قُرْبًا وَنَحْنُ أَضْيَافُكَ فَاجْعَلْ قُرَآنًا مِنْكَ الْحَجَّةَ. اللَّهُمَّ إِنْ لِكُلِّ وَفَدٍ حَازِمَةً وَلِكُلِّ زَانِيْرٍ كَرَامَةً وَلِكُلِّ سَائِلٍ عَطْلَةً وَلِكُلِّ رَاجِ ثَوْبَانِيْا وَلِكُلِّ مُلْتَقِيسٍ لِمَا عِنْدَكَ

حَرَاءٌ وَلِكُلِّ مُسْتَرِحٍ عِنْدَكَ رَحْمَةٌ وَلِكُلِّ رَاغِبٍ إِلَيْكَ رُلْفَةٌ وَلِكُلِّ مُتَوَسِّلٍ إِلَيْكَ عَفْوًا. وَقَدْ
 وَقَدْنَا إِلَى بَيْنَكَ الْحَرَامِ وَوَقَنَا بِهَذِهِ الْمَسَاخِرِ الْعِظَامِ وَشَهِدْنَا هَذِهِ الْمَشَاهِدَ الْكِرَامَ رَحَاءً لِنَا
 عِنْدَكَ فَلَا تَحْبَبَ رَجَانَا. إِلَهَنَا ثَابَتَ النَّعَمَ حَتَّى اطْمَأَنَّ الْأَنْفُسُ يَتَابُعُ نِعْمَتَكَ وَأَظْهَرَتِ الْعِبَرَ
 حَتَّى تَلَقَّتِ الصَّوَامِتُ بِحُجَّكَ وَظَاهَرَتِ الْمِنَ حَتَّى اعْتَرَفَ أُولَئِكُوْكَ التَّقْصِيرَ عَنْ حَفْكَ
 وَأَظْهَرَتِ الْآيَاتِ حَتَّى أَفْصَحَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُونَ بِأَدِيلَتِكَ وَفَهَرَتِ يَقْدِرَتِكَ حَتَّى خَصَعَ كُلُّ
 شَيْءٌ لِعِزَّتِكَ وَعَنَتِ الْوُجُوهُ لِعَظَمَتِكَ. إِذَا أَسَأْتَ عِبَادُكَ حَلِمْتَ وَأَمْهَلْتَ فَإِذَا أَحْسَنْتَ تَعَصَّلْتَ
 وَقَبِيلْتَ وَإِذَا عَصَوْا سَرْتَ وَإِنْ أَذْبَوْا عَفْوَتَ وَغَفَرْتَ وَإِذَا دَعَوْنَا أَجْبَتَ وَإِذَا نَادَيْنَا سَيَعْتَ وَإِذَا
 أَفْبَلْتَ إِلَيْكَ قَرَبَتَ وَإِذَا وَلَيْتَ عَنْكَ دَعَوْتَ. إِلَهَنَا إِلَكَ قُلْتَ فِي كِتَابِكَ الْمُبِينِ الْمُنَزَّلِ لِمُحَمَّدٍ
 حَاسِمِ الْثَّبِيْبِينَ: "فُلْ لِلَّدِينِ كَفَرُوا إِنْ يَتَهَوَّ يُغْفَرُ لَهُمْ مَا قَدْ سَلَّ".⁴²⁴ فَأَرْضَادَكَ عَنْهُمُ الْإِفْرَارُ
 بِكَلِمَةِ التَّوْحِيدِ بَعْدَ الْجُحُودِ وَإِنَّا نَشَهُدُ لَكَ بِالتَّوْحِيدِ مُخْبِتِينَ وَلِمُحَمَّدٍ بِالرَّسَالَةِ مُخْلِصِينَ فَاغْفِرْ
 لَنَا بِهَذِهِ الشَّهَادَةِ سَوَالِفِ الْأَجْرَامِ وَلَا تَجْعَلْ حَطْنَا مِنْهَا أَنْقَصَ مِنْ حَظَّ مَنْ دَخَلَ فِي الإِسْلَامِ.

إِلَهَنَا

⁴²⁴ Surah al-Anfāl (8): 38.

إِنَّكَ أَحْبَبْتَ التَّقْرُبَ إِلَيْكَ يَعْنِي مَا مَلَكْتَ أَيْمَانًا وَتَخْرُجْ عَبْدُكَ وَأَنْتَ أَوْلَى بِالْفَضْلِ فَاعْتَقْنَا وَإِنَّكَ
أَمْرَنَا أَنْ تَتَصَدِّقَ عَلَى فُقَرَائِنَا وَتَخْرُجْ فُقَرَائِكَ وَأَنْتَ أَحَقُّ بِالنَّطْوُلِ فَتَصَدِّقَ عَلَيْنَا وَوَصَّيْنَا بِالْعَفْرِ
عَمَّنْ ظَلَمْنَا وَقَدْ ظَلَمْنَا أَفْسَنَا وَأَنْتَ أَحَقُّ بِالْكَرْمِ فَاعْفُ عَنْ رَبِّنَا اغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا
رَبِّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا بِرَحْمَتِكَ عَذَابَ النَّارِ.

425

Kemudian maka hendaklah membanyakkan membaca doa Nabi Khidr dan iaitu:

يَا مَنْ لَا يَشْعُلُهُ شَاءَ عَنْ شَاءَ وَلَا يَشْعُلُهُ سَمْعٌ عَنْ سَمْعٍ وَلَا يَشْتِئُهُ عَلَيْهِ الْأَصْوَاتُ.
يَا مَنْ لَا يُلْطِعُهُ الْمُسَائِلُ وَلَا يَخْتَلِفُ عَلَيْهِ الْلُّغَاتُ.
يَا مَنْ لَا يُرِمُّهُ الْحَاجُ الْمُلْجَيْنَ وَلَا يَضْحِرُهُ مَسَالَةً
السَّائِلِينَ أَدْقِنَا بَرْدَ عَفْوَكَ وَحَلَوْةَ مُنْجَاتِكَ.

426

Dan ia membesar[kan] akan mintak,⁴²⁷ maka bahawasanya tiada besar pemintak⁴²⁸ kamu akan sesuatu kepada Allah Ta'ala seperti kata Mu'tarrif anak [bin] 'Abdullah⁴²⁹ pada hal ia di 'Arafah: "Hai Tuhanmu, jangan Kamu tolakkan sekelian hambaMu yang *wuqūf* di 'Arafah itu keranaku."⁴³⁰ Dan kata Abū Bakr al-Muzanni:⁴³¹ "Kata seorang laki-laki: Aku tilik kepada isi 'Arafah maka aku

⁴²⁵ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 461 – 464. Penulis tidak menemui hadith ini di dalam kitab hadith.

⁴²⁶ Ibid.

⁴²⁷ (permintaan).

⁴²⁸ (permintaan).

⁴²⁹ Abū 'Abdillāh Mu'tarrif bin 'Abdullāh bin al-Syikhkhīr al-Harāṣī al-'Āmīrī. Seorang zāhid dari peringkat Tābi'iin dan perawi hadith yang *thiqah*. Dilahirkan pada zaman Nabi S.A.W. Beliau menetap di Baṣrah dan meninggal dunia di sana pada tahun 87H/706M. Lihat Al-Ziriklī (1989), *op.cit.*, j. 7, h. 250.

⁴³⁰ اللَّهُمَّ لَا تُرِدْ الْحَمِيمَ مِنْ أَحْلِنِي. " Lihat Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 464.

⁴³¹ Abū Bakr Ismā'il bin Yahyā bin Ismā'il al-Muzanni. Seorang sahabat Imām Syāfi'i. Berasal dari Mesir dan dilahirkan pada tahun 175H/791M. Seorang zāhid, 'ālim, *mujtahid* serta

sangka bahawa mereka itu diampun[kan] bagi mereka itu jikalau tiada ada aku [ber]serta mereka itu.”⁴³²

SYAHIDAN: Bermula wajib *wuqūf* di ‘Arafah, ada hadir pada bumi ‘Arafah oleh orang *muḥrim*⁴³³ itu satu saat dan jikalau ia lalu mencari sahaya⁴³⁴ yang lari atau mencari orang yang ber[h]utang, jikalau tiada ia berhenti dan jikalau ia di atas kenderaan atau di atas pohon kayu yang pohnnya pada bumi ‘Arafah dan tiada diketahui ia akan bumi ‘Arafah, daripada gelincir matahari hari kesembilan daripada bulan Dhū al-Hijjah hingga fajar Subuh Hari Raya [al-Adhā] dan jikalau ia tidur sekalipun sama ada pada harinya atau malamnya, jika ada ia ahli bagi ibadat, maka jika baligh kanak-kanak atau merdeheka⁴³⁵ sahaya,⁴³⁶ maka dapat lagi zaman *wuqūf* itu dan *kamāl*⁴³⁷ kedua[-dua]nya pada bumi ‘Arafah maka jadilah hajinya itu حَجَّةُ الْإِسْلَامِ dan lepaslah fardunya. Maka kanak-kanak atau orang gila atau sahaya jadi baligh atau siuman orang gila atau jadi merdeheka,⁴³⁸ maka tiada didapat[i]nya masa *wuqūf*nya maka jadi haji sunat juu pada ketika *ṣūrah*⁴³⁹ itu.

pemimpin di kalangan ulamak bermazhab Syāfi’ī. Namanya “al-Muzannī” disandarkan kepada Muzaynah – sebuah kampung di Mesir. Imām Syāfi’ī berkata: “Al-Muzannī adalah pendokong mazhabku.” Al-Syāfi’ī berkata lagi mengenai kekuatan hujahnya: “Kafau dia berdialog dengan syaitan, nescaya dia menang.” Lihat Al-Ziriklī (1989), *op. cit.*, j. 1, h. 329.

⁴³² قال رَجُلٌ : لَمَّا نَظَرْتُ إِلَى أَهْلِ عَرَفَاتٍ طَنَثْتُ أَنْهُمْ قَدْ غُفرَ لَهُمْ لَوْلَا أَنِّي كُنْتُ فِيهِمْ . Lihat Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 464.

⁴³³ (orang yang sedang ber*ihram*).

⁴³⁴ (hamba).

⁴³⁵ (merdeka).

⁴³⁶ (hamba).

⁴³⁷ (sempurna). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 383.

⁴³⁸ (merdeka).

⁴³⁹ (keadaan).

MASAELAH:⁴⁴⁰ Sunat me[ng]himpunkan malam dan siang⁴⁴¹ dan kata *qālī*, wajib.⁴⁴² Maka atas *qawl* yang muktamad jika tiada

[Halaman 30]

me[ng]himpunkan malam dan siang maka sunat memberi *dam* iaitu *tartīb* dan *taqdīr*.⁴⁴³

MASAELAH:⁴⁴⁴ Jikalau *wuqūf* orang haji pada hari yang kesepuluh atau malam yang kesebelas tersalah, maka memadai *wuqūfnya* jika adalah pada tahun banyak orang haji karana⁴⁴⁵ *masyaqqaḥ*⁴⁴⁶ yang am atas orang yang banyak melainkan sedikit menyalahi adat pada tahun itu. Maka wajib mereka itu *qadā'* atas *fawr* yakni bersegera. Dan jika *wuqūf* ia pada hari delapan⁴⁴⁷ maka jika ia mengetahui akan salahnya sebelum lagi [ber]lalu Hari 'Arafah maka wajib ia *wuqūf* yang lain

⁴⁴⁰ (Masalah).

⁴⁴¹ Riwayat 'Ali k.w., beliau berkata: "وَقَفَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعِرَفَةَ ثُمَّ أَفَاضَ حِينَ غَائِبٍ".
الْمُعْتَمَدُ فِي الْوَقْوفِ بِعِرَفَةِ هُوَ اللَّيْلُ، فَإِنْ لَمْ يُدْرِكْ شَيْئًا مِنَ اللَّيْلِ فَقَدْ فَانَّتِ الْحَجَّ. وَاحْتَجَ مَالِكٌ بَأْنَ الْبَيِّنِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "وَقَفَ حَتَّى غَيَّبَ الشَّمْسُ"، وَقَالَ: "لَا تَخْدُوا عَيْنَيْ مَنْأَسَ كُوكُمْ". Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 98.

⁴⁴² Imām Mālik mengatakan wajib menghimpunkan siang dan malam. Satu riwayat daripada Ahmad bahawa Mālik telah berkata: "الْمُعْتَمَدُ فِي الْوَقْوفِ بِعِرَفَةِ هُوَ اللَّيْلُ، فَإِنْ لَمْ يُدْرِكْ شَيْئًا مِنَ اللَّيْلِ فَقَدْ فَانَّتِ الْحَجَّ. وَاحْتَجَ مَالِكٌ بَأْنَ الْبَيِّنِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "وَقَفَ حَتَّى غَيَّبَ الشَّمْسُ"، وَقَالَ: "لَا تَخْدُوا عَيْنَيْ مَنْأَسَ كُوكُمْ". Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 112. Lihat juga riwayat daripada Ibn 'Abbās r.a., beliau berkata: "كَانَ الْمُشْرِكُونَ يَفِيظُونَ مِنْ عِرَفَةَ قَبْلَ غَرُوبِ الشَّمْسِ فَخَالَهُمُ الْشَّيْءُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَنَفَعَ مِنْ عِرَفَةَ بَعْدَ غَرُوبِ الشَّمْسِ حِينَ أَفْطَرَ الصَّاَمِ". Lihat al-Hindī (1985), *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hajj, Faṣl Fi Wuqūf 'Arafah, no. hadīth 12555, hlm. 187.

⁴⁴³ Sunat membayar *dam* kerana dia telah berwuqūf pada salah satu daripada dua zaman *wuqūf*, maka tidak diwajibkan *dam* pada zaman yang satu lagi, sebagaimana kalau dia berwuqūf pada waktu malam sahaja, iaitu tidak berwuqūf pada waktu siang. Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 102.

⁴⁴⁴ (Masalah).

⁴⁴⁵ (kerana).

⁴⁴⁶ (kesusahan). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 201.

⁴⁴⁷ (kelapan).

karana⁴⁴⁸ waktunya belum lagi lepas dan jika [dia] mengetahui[nya] pada hal sudah habis waktu *wuqūf* maka wajib ia *qadā'* pada tahun di hadapan. *وَاللَّهُ الْمُوْفِقُ.*

[2.10] Bermalam Di Muzdalifah Dan Kerja-Kerja Haji Yang Masih Tinggal

Ini suatu fasal pada menyatakan bermalam di Muzdalifah dan yang tinggal daripada pekerjaan haji. Maka apabila jatuh matahari maka hendaklah ia me[ng]*qasad*[kan] akan Muzdalifah. Maka sebab dinamakan Muzdalifah karana⁴⁴⁹ diambil daripada *izdilāf*,⁴⁵⁰ maka makna[nya] berhimpun, sebab berhimpun segala orang haji di sana kemudian daripada turun di ‘Arafah. Kata *qīl*, karana⁴⁵¹ dihimpunkan Sembahyang Maghrib dan ‘Isyak dengan *jama*’ *ta’khir*.⁴⁵² Kata *qīl*, sebab berhimpun Adam dan Hawa padanya.⁴⁵³ Maka sunat ia *ta’khirkān*⁴⁵⁴ Maghrib dijamakkan dengan ‘Isyak, *jama*’ *ta’khir* di Muzdalifah jika ada ia orang musafir karana⁴⁵⁵ adalah Nabi S.A.W. menta’*khirkān*⁴⁵⁶ Maghrib disembahyang[kan] dengan ‘Isyak di Muzdalifah. Maka hendaklah membanyakkan *talbiyyah* pada jalannya. Maka hendaklah ia me[ng]*qasad*kan Jalan Ma’zimayn iaitu jalan yang antara dua bukit pihak kanan yang datang daripada ‘Arafah serta kelakuan yang tetap. Dan jika didapat[i]nya lapang,

⁴⁴⁸ (kerana).

⁴⁴⁹ (kerana).

⁴⁵⁰ Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 116. Pendapat lain mengatakan daripada perkataan *al-tazalluf* bererti *al-taqarrub* iaitu “menghampiri”, kerana apabila jamaah haji bertolak daripada ‘Arafah, mereka menuju ke sana dan menghampiri tempat itu. *Ibid.*

⁴⁵¹ (kerana).

⁴⁵² Lihat al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 498; Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 115.

⁴⁵³ Lihat al-Kahlānī (1960), *op. cit.*, j. 2, h. 207.

⁴⁵⁴ (lewatkan). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 36.

⁴⁵⁵ (kerana).

⁴⁵⁶ (melewatkhan).

bersegera ia akan perjalanannya. Kata [al-]Qaflāl:⁴⁵⁷ “Maka ia [ber]talbiyyah pada setengah ketika dan [ber]takbir pada setengah ketika [yang lain] karana⁴⁵⁸ ia malam Hari Raya.⁴⁵⁹ Maka apabila sampai ke Muzdalifah maka sunat ia membaca:

اللَّهُمَّ هَذِهِ مَرْدَلْفَةٌ جَمِعْتَ فِيهَا الْسِنَةَ مُخْتَلِفَةً. تَسْأَلُكَ حَوَائِجَ مُؤْتَنِفَةً فَاجْعَلْنِي مِمْنَ دَعَائِكَ

فَاسْتَجِبْ لَهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْكَ فَكَفِيْتُهُ.

Dan sunat ia mandi kemudian daripada setengah malam karana⁴⁶¹ *wuqīf* di Masy'ar al-Harām dan karana⁴⁶² Hari Raya, tetapi *dita'khīr[kan]*⁴⁶³ hingga fajar itu *afḍal*. Demikian lafaz niatnya:

تَوَبَّتُ إِلَيْكُمْ سُنَّةُ الْوُقُوفِ وَالْعِيدِ.

[Maksudnya]: Sahaja aku mandi sunat *wuqīf* dan Hari Raya. Maka sekurang-kurang wajib *mabīt* di Muzdalifah itu sesaat, jikalau ia lalu karana⁴⁶⁴ menuntut sahaya⁴⁶⁵

⁴⁵⁷ Beliau ialah Muhammad bin 'Ali bin Ismā'il al-Syāsyī, Al-Qaflāl, Abū Bakr. Di antara ulamak terkenal pada zamannya dalam bidang Fiqh, Hadith, Bahasa dan Sastera Arab. Dilahirkan di al-Syāsyī iaitu di Utara Sungai Sīhūn pada tahun 291H/904M. Dalam pengembaraannya menuntut ilmu beliau telah mengunjungi Khurāsān, Iraq, Hijaz dan Syam. Beliau telah menyebarkan Mazhab Syāfi'i di negerinya. Karya beliau yang masyhur ialah *Syarḥ Risālat al-Syāfi'i*. Beliau meninggal dunia di al-Syāsyī pada tahun 365H/976M. Lihat al-Ziriklī (1989), *op. cit.*, j. 6, h. 274.

⁴⁵⁸ (kerana).

⁴⁵⁹ "إِذَا رَحَلُوا مِنْ مَرْدَلْفَةٍ حَلَطُوا التَّلِيَّةَ بِالثَّكِيرِ فِي مَسِيرِهِمْ، فَإِذَا افْتَحُوا الرَّمَيْ مَحْضُوا الثَّكِيرَ." Lihat Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 135; Al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1958), *op. cit.*, h. 501.

⁴⁶⁰ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 465. Penulis tidak menemui hadith ini di dalam kitab hadith.

⁴⁶¹ (kerana).

⁴⁶² (kerana).

⁴⁶³ (dilewatkan).

⁴⁶⁴ (kerana).

⁴⁶⁵ (hamba).

[Halaman 31]

yang lari dan tiada mengetahui ia akan Muzdalifah atau ia tidur sekalipun, manakala ada ia kemudian daripada setengah malam dan ada ia sudah *wuqūf* di ‘Arafah, tetapi sunat ia bermalam di sana hingga Subuh.⁴⁶⁶ Kata *qālī*, wajib ia bermalam hingga Subuh,⁴⁶⁷ maka barang siapa turun ke Minā belum lagi setengah malam maka wajib atasnya *dam*. Maka sunat mendahulukan ke Minā manakala sudah masuk setengah malam segala orang yang daif seperti perempuan dan orang tuha-tuha⁴⁶⁸ dan orang sakit dan kanak-kanak sebelum lagi bersesak dan sunat tinggal yang lain hingga Subuh. Dan sunat mengambil batu pelo[n]tar di Muzdalifah pada malam itu kemudian daripada Subuh tujuh biji atau tujuh puluh atas *khilāf* ulamak padanya.⁴⁶⁹ Maka hendaklah berpagi-pagi ia sembahyang Subuh, kemudian ia pergi *wuqūf* di Masy’ar al-Harām. Kata Syeikh Ibn Ḥajar [al-Haytami] iaitu masjid yang ada sekarang dan kata Syeikh [al-]Ramlī iaitu satu bukit di akhir Muzdalifah, namanya Quzah.⁴⁷⁰ Maka sunat ia berhenti padanya

⁴⁶⁶ Ini adalah pendapat al-Syāfi’iyyah, Imām Mālik dan Aḥmad. Lihat al-Nawawī, (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 130.

⁴⁶⁷ Pendapat al-Imām Abū Ḥanīfah. *Ibid.*

⁴⁶⁸ (tua-tua).

⁴⁶⁹ Al-Imām al-Syāfi’ī dan pengikut-pengikutnya mengatakan sunat mengambil 7 biji anak batu di Muzdalifah untuk melontar di Jamrah al-‘Aqabah pada Hari *Naḥr* dan hendaklah mengambil lebih, sebagai langkah berjaga-jaga kerana ditakuti ada yang tercincir. Mengikut al-Imām al-Syāfi’ī dalam *al-Mukhtaṣar*, ditegaskan oleh Ibn al-Qāṣ dalam *al-Miftāḥ*, al-Qāḍī Husayn dan al-Baghawī, sunat juga mengambil anak batu untuk lontaran pada Hari-Hari *Tasyriq*, kesemuanya berjumlah 70 biji iaitu 7 biji untuk Jamrah al-‘Aqabah dan 63 biji untuk lontaran ketiga-tiga Jamrah pada ketigatiga Hari *Tasyriq*. Pendapat yang kedua dan yang masyhur, sunat mengambil 7 biji sahaja untuk melontar di Jamrah al-‘Aqabah. Ini adalah pendapat al-Nawawī, al-Ghazzālī, al-Sumayrī, al-Māwardī, al-Qāḍī Abū al-Ṭayyib di dalam kedua-dua kitabnya *al-Ta’līq* dan *al-Mujarrad*, al-Muhibbī di dalam ketiga-tiga bukunya *al-Majmū’*, *al-Tajrīd* dan *al-Muqni’*, Jumhur Ulamak, pendapat al-Imām al-Syāfi’ī di dalam *al-Umm* dan al-Rāfi’ī. Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 123.

⁴⁷⁰ Lihat al-Ramlī (1967), *op. cit.*, j. 3, h. 302. Quzah adalah sebuah bukit kecil iaitu tempat *wuqūf* imam di Muzdalifah. Disebelah kanannya adalah tempat yang dinyalakan api pada zaman *jāhiliyyah* dan merupakan tempat *wuqūf* kaum Quraysy pada zaman *jāhiliyyah* kerana mereka tidak *wuqūf* di ‘Arafah. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 4, h. 341.

dan mintak⁴⁷¹ doa dan [ber]zikir dan [ber]tahlil dan [ber]*talbiyyah* hingga putih-putih hari yakni hingga terang dan dibacanya:

اللَّهُمَّ يَحْقِّقُ الْمَسْتَعْرُ الْحَرَامُ وَالْبَيْتُ الْحَرَامُ وَالشَّهْرُ الْحَرَامُ وَالرُّكْنُ وَالْمَقَامُ، تَلْغُ رُوحَ مُحَمَّدٍ مِّنَ

الثَّوْبَةِ وَالسَّلَامُ وَأَذْهَلْنَا دَارَ السَّلَامِ يَا ذَا الْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ.⁴⁷²

Dan sunat dibacanya:

اللَّهُمَّ كَمَا وَفَقَنَا فِيهِ وَأَرَيْنَا إِيَّاهُ فَوَفَقْنَا لِذِكْرِكَ كَمَا هَدَيْنَا وَأَغْفَرْنَا كَمَا وَعَدْنَا

يَقُولُكَ وَقَوْلُكَ الْحَقُّ: "إِذَا أَفْضَلْتِ مِنْ عَرَفَاتٍ فَادْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَسْتَعْرِ الْحَرَامِ وَادْكُرُوهُ كَمَا

هَدَأْكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الضَّالِّينَ. ثُمَّ أَفْيَضُوكُمْ مِنْ حَيْثُ أَفْاضَ النَّاسُ وَاسْتَغْفِرُوكُمْ اللَّهُ، إِنْ

اللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ."⁴⁷³ اللَّهُمَّ هَذَا جَمْعُ أَسْأَلَكَ أَنْ تَرْزُقَنِي جَوَامِعَ الْخَيْرِ كُلُّهُ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ. وَأَسْأَلُكَ الْخَيْرَ كُلُّهُ عَاجِلًا وَإِجْلًا. اللَّهُمَّ هَذَا الْمَسْتَعْرُ الْحَرَامُ فَاعْتَنِقْنِي وَأَوْسِعْ عَلَيَّ مِنْ

رِزْقِكَ الْحَلَالِ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَالِيهِ وَصَاحِبِهِ وَسَلَّمَ.⁴⁷⁴

Kemudian maka berjalan ia ke Minā atas kelakuan yang tetap dan lemah lembut serta membanyakkan *talbiyyah* dan zikir dan takbir pada ketika itu karana⁴⁷⁵ pagi-pagi Hari Raya, demikianlah disebutkan oleh Imām al-Ghazzālī Rahimahullāhu Ta’ālā.⁴⁷⁶ Maka apabila didapat[i]nya lapang maka bersegera ia berjalan. Maka

⁴⁷¹(meminta).

⁴⁷² Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 465.

⁴⁷³ Surah al-Baqarah (1): 198.

⁴⁷⁴ Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 126.

⁴⁷⁵ (kerana).

⁴⁷⁶ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 465.

apabila sampai kepada Wādī Muḥassir⁴⁷⁷ maka sunat ia segerakan perjalanannya dengan berlari-lari. Maka adalah kadar jauhnya sekadar sepelο[n]tar batu. Tandanya [ialah] tempat lalu air dan jika ia

[Halaman 32]

berkenderaan digerak-gerak[kan] kenderaannya serta dibacanya:

إِلَيْكَ تَعْدُوْ قَلْقًا وَضَيْهَا، مُعْتَرِضاً فِي بَطْلِهَا حَبَّنِهَا، مُحَالِّاً دِينَ النَّصَارَى دِيهَا، قَدْ ذَهَبَ الشَّخْمُ الَّذِي يُزَيْنِهَا.⁴⁷⁸

Maka apabila sampai ke Minā kemudian daripada naik matahari [sekadar] segalah maka hendaklah ia memulai melo[n]tar kepada Jamrah al-‘Aqabah dan dinamakan pula Jamrah al-Kubrā dahulu daripada ia berhenti. Maka sunat yang berkendera⁴⁷⁹ di atas kenderaannya karana⁴⁸⁰ haluan Minā. Maka hendaklah ia mengadap kepada Jamrah, memberi kanan ke Minā dan kirikan Makkah. Maka dilempar[kan] kepada *Marmā* yakni tempat pelo[n]tar dengan batu yang ia ambil di Muzdalifah, maka dibacanya maka tiap-tiap kali lo[n]tar itu:

الله أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.⁴⁸¹

Atau dibacanya:

⁴⁷⁷ Dinamakan Muḥassir kerana gajah (tentera bergajah) penat dan tidak bermaya (*fasira*) apabila sampai ke situ. Ia merupakan pemisah di antara Miñā dan Muzdalifah. Luasnya kira-kira 545 hasta atau 277 meter. Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 116.

Nama itu juga adalah kerana tentera bergajah yang hendak meruntuhkan Ka'bah itu ditimpakan azab oleh Allah di tempat itu. Seterusnya kerana orang-orang Yahudi melakukan *wuqūf* di situ dan kita umat Islam diperintahkan supaya menyalahi mereka. Wadi itu juga dinamakan Wādī al-Nār atau "Wadi Api." Dikatakan seorang lelaki telah memburu binatang di situ, lalu dia dipanah petir dan terus terbakar. Disematkan kepada sesiapa yang melalui wadi itu membaca syair tersebut, yang telah diucapkan oleh ‘Umar al-Khaṭṭāb. Selepas sahaja melintasi wadi itu, berjalanlah seperti biasa dan dalam keadaan tenang. Lihat al-Khaṭṭāb al-Syarbīnī (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 501.

⁴⁷⁸ Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 127; Al-Syarbīnī al-Khaṭṭāb (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 501; Ibn Qudāmah (1972), *op. cit.*, j. 3, h. 444.

⁴⁷⁹ (menaiki kenderaan)

⁴⁸⁰ (kerana).

⁴⁸¹ Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 176.

اللَّهُ أَكْبَرُ عَلَى طَاعَةِ الرَّحْمَنِ وَإِرْغَامًا لِلشَّيْطَانِ。 اللَّهُمَّ تَصْدِيقًا بِكَتَابِكَ وَأَتَيْعًا لِسُنْنَةِ نَبِيِّكَ.⁴⁸²

Maka apabila selesai daripada melo[n]tar maka jangan lagi ia berhenti mintak⁴⁸³ doa, tetapi sunat ia mintak⁴⁸⁴ doa pada tempatnya. Kemudian maka menyembelih korban atau *hadyah*⁴⁸⁵ atau *dam*. Maka yang terlebih utama ia menyembelih sendirinya. Maka dibacanya:

بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ。 اللَّهُمَّ مِنْكَ وَبِكَ تَعَالَى كَمَا تَقَبَّلَ مِنْ خَلِيلِكَ إِبْرَاهِيمَ。⁴⁸⁶

Maka ia menyembelih unta itu terlebih *afdal* daripada lembu, maka ia *afdal* pada tujuh kibasy, maka tujuh kambing satu seorang *afdal* daripada bersekutu daripada satu unta. Maka yang bertanduk itu *afdal*, lagi putih terlebih daripada kelabu dan terlebih lagi daripada berta[m]pung⁴⁸⁷ atau hitam. Maka sunat ia makan daripada hatinya sesuap [atau] dua suap. Kemudian maka ia bercukur atau bergu[n]ting. Maka sekurang-kurang[nya] bercukur itu tiga urat rambut daripada rambut kepala. Maka yang terlebih *afdal* pada laki-laki bercukur sekelian kepalanya dan perempuan bergu[n]ting. Maka diambil pada hujung rambut kadar seruas jari. Maka sunat ia tatkala bercukur itu mengadap ke kiblat, dimulai pada pihak kanannya hingga belakang, kemudian dicukur sekelian kepalanya. Maka dibacanya tatkala hendak bercukur itu:

اللَّهُمَّ أَثِبْ لِي بِكُلِّ شَعْرَةٍ عِنْدَكَ حَسَنَةً وَامْجُ عَنِّي بِهَا سَيِّئَةً وَارْفَعْ لِي بِهَا عِنْدَكَ دَرَجَةً。⁴⁸⁸

⁴⁸² Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 465.

⁴⁸³ (meminta).

⁴⁸⁴ (meminta).

⁴⁸⁵ (sembelihan). Lihat al-Fayyūmī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 636.

⁴⁸⁶ Al-Zubaydī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 398; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 466.

⁴⁸⁷ Tampung bermakna “belang [atau tombok] pada kuda, lembu dan lain-lain.” *Kamus Dewan*, *op. cit.*, h. 1361.

⁴⁸⁸ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 466.

Maka jika lau tiada ada rambut pada kepalanya maka sunat ia melalukan penyukur padanya karana⁴⁸⁹ menyerupa[i] dengan orang bercukur. Maka manakala melo[n]tar maka diputus[kan] *talbiyyahnya* dan takbir melainkan *takbir muqayyad*, yang kemudian daripada sembahyang, maka dituntut kemudian daripada sembahyang. Maka adalah bercukur itu rukun haji yakni me[ng]hilangkan rambut kepala

[Halaman 33]

sama ada dengan cukur atau kerat atau cabut atau bakar atau lainnya. Dan masuklah waktu bercukur dan melo[n]tar dan *fawāf* dan *sa'i* itu [setelah] setengah malam Hari Raya dan waktu *hady*⁴⁹⁰ dengan naik matahari [sekadar] segalah dan tiada akhir bagi bercukur, barang ketika dan barang tempat memada[i]lah. Tetapi terhenti *taħallul thām*⁴⁹¹ dengan dia. Maka yang terlebih *afḍal* itu ia melo[n]tar kemudian ia *hadyah*.⁴⁹² Jika ada kemudian ia bercukur [bolehlah] kemudian[nya] maka memakai kain dan segala pakaianya dan memakai bau-bauan, kemudian turun ke Makkah karana⁴⁹³ [mengerjakan] *fawāf ifādah*⁴⁹⁴ dan *sa'i*. Kemudian ia kembali ke Minā, ia sembahyang Zohor di Minā. Dan berkekalan waktu *ikhtiyār*⁴⁹⁵ [untuk] melo[n]tar hingga jatuh matahari dan waktu *jawāz*⁴⁹⁶ hingga akhir Hari *Tasyriq* dan tiada akhir bagi waktu *fawāf* dan *sa'i*, tetapi makruh

⁴⁸⁹ (kerana).

⁴⁹⁰ (menyembelih korban). Lihat al-Fayyūmī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 636.

⁴⁹¹ Bererti “*taħallul* kedua atau *taħallul akbar*”. Berlaku setelah melakukan perkara yang ketiga daripada tiga perkara iaitu melontar Jamrah al-‘Aqabah, bercukur dan *fawāf ifādah*. Apabila seseorang itu telah melontar Jamrah al-‘Aqabah dan bercukur, seterusnya melakukan *fawāf ifādah* maka menjadi halal segala perkara yang diharamkan dan bererti ia keluar sepenuhnya daripada *iħrām*. Namun demikian dia wajib melontar Jamrah dan bermalam di Minā, tetapi tidak memakai *iħrām*. Lihat Wahbah al-Zuhayli (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 229.

⁴⁹² (menyembelih korban).

⁴⁹³ (kerana).

⁴⁹⁴ (*fawāf* rukun).

⁴⁹⁵ (waktu pilihan). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 123.

⁴⁹⁶ (waktu harus). *Ibid.*, h. 94.

dita' *khūrkan*⁴⁹⁷ daripada Hari Raya, dan terlebih makruh pula jika kemudian daripada Hari *Taysrīq* dan terlebih lagi pula kemudian daripada bulan Dhū al-Hijjah dan terlebih lagi jika ia keluar dari Makkah [se]belum *fawāf*. Dan berkekalan waktu korban dan *hadyah*⁴⁹⁸ itu hingga akhir Hari *Tasyrīq*. Maka apabila ia kerjakan dua daripada tiga [perkara] iaitu melo[n]tar dan bercukur dan *fawāf* serta *sa'i* jika belum *sa'i*, maka [ter]hasillah *taḥallul awwal*.⁴⁹⁹ Maka harus ia memakai dan mengerat segala bulu-bulu dan mengerat kuku dan memakai [ber]bagai-bagai bau-bauan dan minyak kepada kepalanya dan lainnya dan berburu-buruan melainkan akad nikah dan jimak dan yang mendahului dia. Maka manakala dikerjakan ketiga-tiganya maka halallah sekelian yang haram di dalam *iḥrām* tetapi sunat ia [men]ta' *khūrkan*⁵⁰⁰ jimak hingga sampai kepada *nafar* dari Minā.

MASAELAH:⁵⁰¹ Maka jika luput melo[n]tar maka terhenti *taḥallul* [di] atas mengerjakan gantinya iaitu menyembelih⁵⁰² atau puasa.⁵⁰³ Kata *qālī*, tiada terhenti [di] atasnya, adalah ia seperti orang yang kena *ḥasr*⁵⁰⁴ yang tiada didapat[i]

⁴⁹⁷ (dilewatkan). *Ibid.*, h. 36.

⁴⁹⁸ (waktu menyembelih binatang korban).

⁴⁹⁹ (*taḥallul* pertama). Lihat no. 71.

⁵⁰⁰ (melewatkannya). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 36.

⁵⁰¹ (Masalah).

⁵⁰² Menyembelih bererti membayar *dam* iaitu menyembelih seekor kambing. Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 415.

⁵⁰³ Berpuasa selama 3 hari semasa haji dan 7 hari setelah pulang ke kediamannya. Tidak harus berpuasa sebelum ber*iḥrām* haji, pada Hari *Naḥr* iaitu hari ke-10 Dhū al-Hijjah dan pada Hari-Hari *Tasyrīq* iaitu hari ke-11, 12 dan 13 Dhū al-Hijjah, bahkan disunatkan tidak berpuasa pada Hari 'Arafah iaitu hari ke-9 Dhū al-Hijjah. Oleh itu hendaklah dia ber*iḥrām* haji sebelum hari ke-6 Dhū al-Hijjah supaya dia boleh berpuasa selama 3 hari sebelum Hari *Naḥr*. Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 164, 165 dan 415.

⁵⁰⁴ (kena kepung atau ditahan dari terus mengerjakan haji). Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 286.

fidyahnya.⁵⁰⁵ Kata *qīl* pula, jika ia hendak menyembelih maka terhenti [di] atasnya dan jika ia hendak puasa tiada terhenti [di] atasnya.

[2.11] Melontar Di Tiga Jamrah, Bermalam Di Minā Dan Perkara-Perkara Yang Berkaitan Dengan Kedua-duanya

Ini suatu fasal pada menyatakan melo[n]tar kepada Jamrah yang tiga dan menyatakan pula hukum bermalam di Minā dan barang yang bergantung dengan kedua[-dua]nya. Maka apabila kembali ia daripada *jawāf* dari Makkah ke Minā pada Hari Raya itu maka sunat ia sembahyang Zohor di Minā dan ‘Asar dan Maghrib dan ‘Isyak padanya. Maka hendaklah ia mengerjakan[nya] pada Masjid

[Halaman 34]

Khayf,⁵⁰⁶ pada tempat Nabi S.A.W. Maka sembahyang ia di sana selama ia di Minā. Dan sunat bagi Imam itu membaca khutbah pada Hari Raya pada Masjid Khayf kemudian daripada Sembahyang Zohor satu khutbah, mengajar segala orang yang [menunaikan] haji daripada pekerjaan yang disuruh daripada Zohor Hari Raya itu hingga kepada hari yang kedua belas. Maka sunat pula pada hari yang kedua belas membaca khutbah pula, dinyatakan hukum *nafar al-awwal* dan lainnya kemudian daripada Sembahyang Zohor satu khutbah. Dan masuk *takbir muqayyad*⁵⁰⁷ itu daripada Zohornya, demikian lafadz takbir:

الله أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ . لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ . اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

Tiga kali berturut-turut. Maka sunat ditambahi kemudiannya dengan:

⁵⁰⁵ Hendaklah membayar *dam* iaitu menyembelih seekor kambing. Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 416.

⁵⁰⁶ Al-Khayf bererti kawasan yang terletak di lereng bukit dan berada di atas laluan air. Sebab itulah dinamakan Masjid al-Khayf dan merupakan sebuah masjid yang besar, yang mempunyai dua puluh pintu. Lihat *Ibid.*, j. 8, h. 168.

⁵⁰⁷ (*takbir Hari Raya dan Hari-Hari Tasyrīq*).

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا تَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ
مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ حَدَقَ وَعَدَهُ وَتَصَرَّ عَبْدَهُ وَأَعْزَ حُنْدَهُ
وَهُنْمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.⁵⁰⁸

Maka hendak[lah] ia [ber]takbir tiap-tiap kemudian daripada sembahyang pada segala Hari *Tasyriq* hingga akhir Hari *Tasyriq*. Dan wajib ia bermalam pada Minā tiga malam Hari *Tasyriq* jika tiada *nafar awwal* dan jika *nafar* maka dua malam juga. Maka diuzurkan daripada bermalam dan tiada di[kenakan] *dam* [ke atasnya jika ada ia memberi minum air Zamzam atau lainnya di Makkah atau ada ia [pen]gembala unta.⁵⁰⁹ Maka apabila gelincir matahari⁵¹⁰ [pada] hari yang kesebelas maka sunat ia mandi dan jika tiada didapat[i] air maka [hendaklah ber]tayammum. Kemudian hendaklah ia melo[n]tar dahulu daripada Sembahyang Zohor. Maka dilo[n]tarkan] akan Jamrah al-Ūlā iaitu yang pihak ‘Arafah mengiringi Masjid al-Khayf mengadap akan kiblat tujuh biji batu. Kemudian maka mintak⁵¹¹ doa di sana [se]kadar membaca Sūrah al-Baqarah jika kuasa, maka jika tiada kuasa, apa yang kuasanya karana⁵¹² adalah tempat *mustajāb* doa. Kemudian maka pergi pula melo[n]tar akan Jamrah al-Wuṣṭā, demikian juga

⁵⁰⁸ Al-Ghazzali (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 466; Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 176.

⁵⁰⁹ Ibn ‘Umar r.a.h.m. telah berkata: "إِسْتَادَنَ الْعَبَاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَلِّبِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَبْيَثَ بِمَكَّةَ لَيَالِي مَيَّ مِنْ أَحْلِ سَقَائِهِ فَادْنَ لَهُ". Imām al-Syāfi‘ī menegaskan bahawa termasuk juga orang yang dikecualikan bermalam di Minā, orang yang takut kecurian hartanya atau kehilangan sesuatu perkara atau sakit. Manakala Jumhur Ulamak mengatakan, termasuk juga pengembala unta. Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 7, h. 288; j. 8, h. 58 – 59.

⁵¹⁰ عَنِ ابْنِ عَثَمَيْنِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى الْجِمَارَ عِنْدَ رَوَّالِ الشَّمْسِ، أَوْ بَعْدَ رَوَّالِ الشَّمْسِ". Lihat al-Sayyid Sābiq (1985), *Fiqh al-Sunnah*, j. 1, c. 7. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, h. 733.

⁵¹¹ (meminta).

⁵¹² (kerana).

dikerjakan. Kemudian maka dilo[n]tarkan Jamrah al-'Aqabah. Maka sunat ia mengadap kepada Jamrah [dengan] me[ng]kirikan⁵¹³ kepada Makkah dan kanan[kan] Minā karana⁵¹⁴ Jamrah al-'Aqabah itu sesuatu [satu] pihak jua. Maka tiada disunat[kan] berhenti mintak⁵¹⁵ doa padanya karana⁵¹⁶ mengambil sempena sudah diterimaNya, kemudian ia pergi sembahyang Zohor. Demikianlah dikerjakan pada hari yang kedua belas dan yang ketiga belas jika tiada ia *nafar* pada hari yang kedua belas. Dan wajib ia bermalam pada malam Hari *Tasyriq*. Maka dikehendak[i] bermalam itu hendaklah ada ia di dalam Minā lebih daripada setengah

[Halaman 35]

malam sedikit sama ada ia pada awal malam atau pada akhir malamnya. Maka masuk waktu melo[n]tar Hari *Tasyriq* itu [ialah] pada tiap-tiap harinya dengan gelincir matahari. Dan satu riwayat dan telah me[n]jazamkan[nya] Imām [al-]Rāfi'i, harus melo[n]tar tiap-tiap hari dahulu daripada gelincir matahari seperti Imām [al-]Haramayn,⁵¹⁷ [pendapat ini adalah] daif dan jika me[ng]i'timadkan dia oleh Imām [al-]Isnawi⁵¹⁸ dan menyangka bahwasanya daripada nas dan atas

⁵¹³ (mengirikan).

⁵¹⁴ (kerana).

⁵¹⁵ (meminta).

⁵¹⁶ (kerana).

⁵¹⁷ Beliau ialah Abū al-Ma'ālī, 'Abd al-Malik bin 'Abdullāh bin Yūsuf bin Muhammad al-Juwaynī. Digelar sebagai Imām al-Haramayn dan bermazhab al-Syāfi'i. Dilahiran di Juwayn, di daerah Naysābūr pada tahun 419H/1028M. Berpindah ke Baghdad dan ke Makkah dalam masa lebih kurang empat tahun. Seterusnya beliau berhijrah ke Madinah, memberi fatwa dan mengajar sambil mengumpul jalan mazhab-mazhab. Kemudian kembali ke Naysābūr, lalu Menteri (Nizām al-Muluk) membina untuknya al-Madrasah al-Niżāmiyyah. Ramai tokoh ulamak datang menimba ilmu daripadanya. Beliau meninggal dunia di Naysābūr pada tahun 478H/1085M. Lihat al-Zirkli (1989), *op. cit.*, j. 4, h. 160.

⁵¹⁸ Beliau ialah Abū Muḥammad, Jamāl al-Dīn, 'Abd al-Raḥīm bin al-Ḥasan bin 'Alī al-Isnawi al-Syāfi'i. Faqih dalam Uṣūl dan Bahasa Arab. Dilahirkan di Isnā pada tahun 704H/1305M. Datang ke Kaherah pada tahun 721H, lalu kepimpinan Mazhab al-Syāfi'i berpindah kepadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 772H/1370M. Lihat *Ibid.*, j. 3, h. 344.

katanya, maka seyogianya⁵¹⁹ diharuskan daripada fajar seperti bandingan pada mandinya.⁵²⁰ Demikianlah disebut[kan] pada *Tuhfah* [oleh al-Nawawi] dan pada *Hāsyiyat [al-]Idāh* [oleh Ibn Hajar al-Haytami]. Maka berkekalan waktu *ikhtiyār* hingga jatuh matahari dan berkekalan waktu *jawāznya* sekeliannya itu hingga jatuh matahari akhir Hari *Tasyriq*. Maka jika meninggalkan melo[n]tar Hari *Nahr* maka dilo[n]tarnya pada Hari *Tasyriq*, maka dinamakan *adā'*.⁵²¹ Maka harus dilo[n]tarnya pada malam dan siang selama belum habis Hari *Tasyriq*. Maka sah lo[n]tar[an]nya tetapi tiada sah lo[n]taran hari yang kemudian selama belum lagi ia [me]lo[n]tar hari dahulunya. Maka jadilah lo[n]tar[an] hari yang *hādir* itu kepada hari dahulunya sama ada [di]qasad[kan] baginya atau diqasadkan bagi hari yang *hāqir* sekalipun jatuh ia bagi hari yang dahulunya jua. Demikian lagi jika ia me[ng]ganti[kan] akan orang maka tiada sah melainkan kemudian daripada selesai ia melo[n]tar pada hari itu bagi dirinya. Demikian lagi jika ia melo[n]tar bagi anaknya yang kecil atau lainnya, maka tiada harus yang membawak⁵²² lo[n]tarkan dia hingga selesai ia melo[n]ntar bagi dirinya karana⁵²³ tertib melo[n]tar tiap-tiap hari itu syarat pada sahnya, dan demikian lagi tertib pada Jamrahnya itu pun. Demikian jua maka jikalau ia bawak⁵²⁴ batu pelo[n]tar dua puluh satu [biji], maka dilo[n]tarnya ketiga[-tiga] Jamrah, kemudian maka didapat[i]nya satu ada padanya, maka wajib ia lo[n]tarkan satu batu itu kepada

⁵¹⁹ (seelok-eloknya).

⁵²⁰ وَالْمُسْتَحِبُ أَنْ لَا يَرْمِي إِلَّا بَعْدَ طَلُوعِ الشَّمْسِ، لِمَا رَوَى أَبْنُ عَثَّابٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ بِضَعْفَةِ أَهْلِهِ فَأَمْرَهُمْ أَنْ لَا يَرْمِمُوا الْحَمْرَةَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ. Lihat Al-Bayhaqi (t.t.), *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hajj, Bāb al-Waqt al-Mukhtār li Ramy Jamrat al-‘Aqabah, (t.no.), h. 132; Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 139.

⁵²¹ (tunai). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 37.

⁵²² (membawa).

⁵²³ (kerana).

⁵²⁴ (membawa).

Jamrah al-Ūlā, kemudian diulangi melo[n]tar Jamrah al-Wusṭā dan Jamrah al-‘Aqabah karana⁵²⁵ *iḥtiyāt* yakni memeliharkan ibadat, maka diambilnya yang terlebih jahatnya⁵²⁶ iaitu bahawa dijadikan yang ia [ter]tinggal itu [di] Jamrah al-Ūlā, demikianlah dikerjakannya. Dan disyaratkan bagi sah melo[n]tar Jamrah itu bahawa adalah tujuh batu dilo[n]tarkan satu-satu, maka jika dilo[n]tarkan dua [biji] sekali lo[n]tar dan jatuh bertertib sekalipun maka dihisabkan sekali lo[n]tar juga. Dan jika dilo[n]tarkan satu biji dengan tangan kanan dan satu dengan tangan kiri sekali lo[n]tar maka jika jatuh berturut-turut sekalipun maka dihisabkan sekali juga. Dan disyarat[kan] hendak[lah] adalah lontar[an]nya itu tertertib

[Halaman 36]

lo[n]tarnya akan Jamrah yang tiga itu. Hendaklah dimula[i] pada Jamrah yang pertama, kemudian yang kedua, kepada Wusṭā dan yang ketiganya kepada Jamrah al-‘Aqabah. Dan disyaratkan bahawa adalah yang dilo[n]tarnya itu batu dan jika daripada batu permata, jika dengan cincinnya sekalipun, sama ada yāqūt atau zamrūd atau fayrūz atau ‘aqiq atau lainnya sekalipun, memada[i]lah lontara[n]nya. Maka tiada memada[i] ia jika lontara[n]nya dengan kaca dan artal⁵²⁷ dan kapur yang keras dan tanah dan emas dan perak dan timah. Dan disyaratkan lo[n]tar itu dinamakan lo[n]tar, maka tiada memadai dihantarkan kepadanya dengan tiada dinamakan lo[n]tar dan su[m]pit dan bedil dan dilo[n]tar[kan] dengan kaki dan lainnya yang tiada dinamakan lo[n]tar. Dan disyaratkan bahawa adalah tujuh [biji] batu pada tiap-tiap Jamrah itu dengan jatuhnya kepada tempat pelo[n]tar, maka iaitu kadar tiga hasta daripada sekelian

⁵²⁵ (kerana).

⁵²⁶ (yang terlebih berat).

⁵²⁷ (kristal).

pihak yang lain daripada Jamrah al-'Aqabah. Lagi disyaratkan jatuh kepadanya itu dengan *qaṣad* dilo[n]tar[kan] kepadanya, jangan menengahi⁵²⁸ dengan sesuatu yang lain, maka jika dilo[n]tar[kan] maka [ter]kena sesuatu, kemudian jatuh kepada tempat pelo[n]tar, maka tiada dihisabkan lotar[an]nya. Maka 'alam⁵²⁹ yang terdiri itu bukan tempat pelo[n]tar. Maka jika dilo[n]tar[kan] kepadanya atau [di]tanggal[kan] 'alam maka dilo[n]tar[kan] kepada tempatnya, tiada sah lo[n]tar[an]nya. Maka tiada disyaratkan tinggal batu pelo[n]tar itu pada tempat pelo[n]tar, maka jika jatuh kepadanya kemudian maka melo[m]pat ia ke [tempat] lain atau bergulung⁵³⁰ ia keluar daripada tempat pelo[n]tar, tiada [me]ngapa. Dan tiada [di]syarat[kan] bahawa ia [me]lo[n]tar ia dalam tempat pelo[n]tar, maka memada[i] ia berdiri di keluar [di luar], maka dilo[n]tar[kan] kepada tempat pelo[n]tar atau ia di dalamnya tempat pelo[n]tar maka barangkali ada jatuh lo[n]tar[an]nya itu pada tempat pelo[n]tar, maka memada[i]lah lotar[an]nya. Dan sunat bahawa adalah batu pelo[n]tar itu dibasuh jikalau yakin sucinya sekalipun dan bahawa ia ambil pada Wādī al-Muḥassir atau di Muzdalifah atau di Minā. Dan sunat dijadikan batu pelo[n]tar itu antara tiga anak jari, telunjuk dan jari tengah dan ibu tangan.⁵³¹ Maka jangan ambil daripada tempat najis dan daripada masjid dan jangan dipecahkan daripada batu yang besar-besar. Dan sunat bahawa ada[lah] ia [se]kadar *haṣy al-khadhaf* iaitu kadar kacang *ful* iaitu kadar seruas jari. Dan adalah lo[n]tar[an] itu dengan tangan kanan, maka diangkat akan tangannya hingga kelihatan ketiaknya. Dan sunat pula ia melo[n]tar dengan berṭahārah lagi suci daripada hadath besar dan kecil dan daripada najis dan di atas

⁵²⁸ (dihalangi).

⁵²⁹ (bendera). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 277.

⁵³⁰ (bergolek).

⁵³¹ (ibu jari).

kenderaan, jika pada Hari *Najr* atau hari *nafarnya* jika ia berkenderaan, lagi mengadap ke kiblat,

[Halaman 37]

dahulu daripada Sembahyang Zohor dan pada ketika sunyi daripada bersesak-sesak jikalau boleh. Dan makruh ia melo[n]tar dengan batu yang terlebih besar dan kecil daripada *hasy al-khadhaf*⁵³² atau diambil daripada tempat yang najis jika ia basuh sekalipun. Dan haram jika ia ambil daripada masjid dan hak orang dengan tiada reda empunya dia. Dan demikian lagi dilo[n]tarnya dengan tangan kiri serta [ber]kuasa ia dengan kanan, maka iaitu makruh. Dan sunat ia membaca takbir pada tiap-tiap biji batu pada ketika [me]lo[n]tar dan yang *akmal*:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ . لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ . اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

seperti yang tersebut dahulu dan sekurang[-kurang]nya:

بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ .

Demikian lagi sunat ia berhenti kemudian daripada melo[n]tar Jamrah al-Úlā dan Wustā [se]kadar [membaca] Sūrah al-Baqarah atau [se]kadar kuasanya, mintak⁵³³ doa seperti yang telah tersebut dahulu.

MASAELAH:⁵³⁴ Barang siapa tiada kuasa melo[n]tar dengan sendirinya sebab tuha⁵³⁵ atau sakit, maka kadar sakit atau lemah itu iaitu dengan barang yang gugur berdiri pada sembahyang fardu iaitu *masyaqqah* yang apabila dikerjakan sembahyang berdiri nescaya hilang khusyuknya sebab tiada kuasa menonggeng

⁵³² (batu kecil atau anak batu). Saiznya sebesar kacang *ful* atau seruas jari. Lihat manuskrip, h. 36.

⁵³³ (meminta).

⁵³⁴ (Masalah).

⁵³⁵ (tua).

atau tiada tetap duduk di atas kenderaan atau sakit yang sangat, yang tiada diizinkan⁵³⁶ pada adat, maka wajib ia ganti akan seorang melo[n]tar gantinya jikalau dengan upah *mithli*⁵³⁷ jika ada ia dapat mengupahnya dengan syarat diizinkan [se]scorang kemudian daripada sudah masuk waktu melo[n]tar. Tiada harus diizinkan dahulu daripada waktunya. Lagi ada orang itu telah selesai ia daripada melo[n]tar bagi dirinya. Maka manakala dilo[n]tar[kan] oleh orang yang me[ng]ganti[kannya] itu, kemudian baik,⁵³⁸ [ber]kuasa ia pergi melo[n]tar dengan sendirinya, jika masa ada waktunya sekalipun maka tiada [perlu] [di]ulang[kan] melo[n]tar lagi, tetapi sunat jua ia melo[n]tar lain dengan diulangkan melo[n]tar sendirinya.

SYAHIDAN: Maka manakala telah selesai ia melo[n]tar pada hari yang kedua belas, maka berkehendak[kan] *nafar*, maka harus ia *nafar* yakni berkehendak[kan] turun ke Makkah, maka harus ia *nafar al-awwal* dengan syarat jika sudah ia bermalam dua malam dahulunya atau tiada, jika ada orang itu diuzur[kan] meninggal[kan] bermalam dan adalah *nafar* itu kemudian daripada Zohor dan kemudian daripada selesai melo[n]tar hari itu. Dan disyaratkan pula jangan ada ia sudah masuk matahari, bahkan jika ia tengah berikat akan kenderaannya, maka jatuh matahari atau jatuh matahari kemudian daripada sudah ia berjalan, belum lagi keluar dari Minā sekalipun sahlah *nafar*. Lagi disyaratkan hendak[lah]

[Halaman 38]

ada *nafarnya* itu dengan niat hendak *nafar*, di dalam had Minā, maka jika diniatkan sebelum melo[n]tar ia niat *nafar* atau [se]sudah ia melo[n]tar dua

⁵³⁶ (kemungkinan [sembuh]).

⁵³⁷ (yang setimpal dengannya).

⁵³⁸ (sembuh).

Jamrah, maka ia berniat *nafar* dahulu daripada melo[n]tar Jamrah al-'Aqabah maka lalu ia turun ke Makkah dengan tiada [di]niatkan tatkala selesai daripada melo[n]tar Jamrah al-'Aqabah atau ia berniat kemudian daripada melo[n]tar tetapi tiada kembali meniat[kannya] di dalam Minā, lalu ia turun ke Makkah, maka wajib ia kembali [untuk] meniat lain di dalam had Minā. Maka jika tiada ia kembali atau kembali kemudian daripada jatuh matahari maka wajib ia bermalam dan melo[n]tar harinya. Maka manakala diperoleh[i] segala syarat *nafar* maka ia *nafar*, gugur atasnya itu bermalam akan malam tiga belas dan melo[n]tar harinya. Kata *qīl*, sah ia berniat *nafar* itu kemudian daripada melo[n]tar pada Jamrah al-'Aqabah dan pada jalannya selama belum lagi sampai ke Makkah. Maka Jamrah al-'Aqabah itu bukan daripada had Minā, demikian lagi bukit yang berhubung dengan Jamrah al-'Aqabah dan bukit yang di hadapannya. Maka had Minā [ialah] akhir rumah yang di Minā, atas sedikit daripada tempat *sayl*.⁵³⁹

TATIMMAH:⁵⁴⁰ Sunat bagi Imam ia membaca khutbah pada hari yang kedua belas kemudian daripada Sembahyang Zohor satu khutbah jua, menyatakan padanya hukum *nafar awwal* dan *afḍal* ia menanti akan *nafar al-thānī*. Dan sunat pada Imam jangan ia *nafar* pada hari yang kedua belas dan duduk bermalam pada malam yang ketiga belas dan melo[n]tar pada harinya. Dan sunat lagi disebut[kan] di dalam khutbah hukum turun berhenti di Muhaṣṣab dan *tawāfi widā'*.

⁵³⁹ (tempat laluan air).

⁵⁴⁰ (Penutup).

TAR : ... ini suatu juz : Maka melo[n]tar tu wajib haji. Maka wajib juga... juz...
[di]tinggal[kan] melo[n]tar tiga biji batu. Demikian lagi jika ia tinggal[kan] melo[n]tar sekelian Hari *Tasyriq* dan Hari *Nahr*, maka [diwajibkan] satu *dam* ju karana⁵⁴² satu jenisnya seperti bercukur kepala. Dan satu biji batu [diwajibkan] satu *mudd*⁵⁴³ atau satu hari puasa. Maka *taṣawwar*,⁵⁴⁴ meninggalkan satu biji batu itu ia [ter]tinggal melo[n]tar [di] Jamrah al-‘Aqabah pada akhir Hari *Tasyriq* karana⁵⁴⁵ jika ia [ter]tinggal pada yang lain daripada Jamrah al-‘Aqabah atau pada Jamrah al-‘Aqabah tetapi bukan akhir Hari *Tasyriq*, maka tiada sah lo[n]tar[an] hari yang kemudiannya. Demikian lagi jika [ter]tinggal pada hari *nafar al-awwal* maka tiada sah *nafarnya*, maka jadi pada hakikatnya yang tinggal itu banyak. Dan pada dua batu [diwajibkan] dua *mudd* dan pada satu malam [diwajibkan] satu *mudd* dan dua malam [diwajibkan] dua *mudd*. Maka jika tiga malam maka wajib *fidyah*. Maka *fidyah* bermalam dan melo[n]tar itu satu [ekor] kambing yang memadai

[Halaman 39]

pada korban. Maka jika tiada kuasa maka puasa tiga hari di Makkah dan tujuh hari di negerinya. Maka dinamakan *dam tartīb* dan *taqdīr*. Maka apabila ia berkehendak[kan] turun ke Makkah itu, sunat ia tatkala ia hendak berpindah daripada Jamrah al-‘Aqabah ia berkenderaan, lagi membanyakkan takbir dan tahlil. Dan manakala sampai kepada Muhaṣṣab dan iaitu yang antara dua bukit hingga kepada Kubur Ma'lā, maka dinamakan sekarang Ma'ābidah, maka

⁵⁴¹ (Cabang). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 314.

⁵⁴² (kerana):

⁵⁴³ 1½ kati atau 675gm. atau 0.688 liter. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 1, h. 75.

⁵⁴⁴ (bayangkan). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 223.

⁵⁴⁵ (kerana).

dinamakan pula Abṭah,⁵⁴⁶ maka sunat ia turun berhenti, maka ia sembahyang Zohor dan ‘Asar dan Maghrib dan ‘Isyak di sana. Kemudian ia bermalam [malam] yang keempat belas atau malam yang ketiga belas, maka ia tidur sedikit di sana, kemudian ia turun ke Makkah. *Tawāf widā'* apabila ia hendak keluar daripada Makkah ke negerinya atau kepada dua *marḥalah* daripada Makkah. Maka *tawāf widā'* itu wajib dijabarkan⁵⁴⁷ dengan *dam*. Maka jika keluar dengan tiada [*tawāf*] *widā'* maka tiada kembali sekali-kali atau kembali kemudian daripada sampai dua *marḥalah*, maka wajib *dam* dan jikalau kembali belum lagi sampai dua *marḥalah* maka *tawāf* ia, gugur *dam*nya. Maka *ikhtilāf* ulamak pada *tawāf widā'*, adalah [adakah] daripada wajib haji atau bukan ia daripadanya. Maka yang dii'timād[kan] oleh Syeikh Ibn Hajar [al-Haytamī][ia adalah] daripada *tawābi*⁵⁴⁸ haji, maka ia jatuh mengiringi haji, maka tiada berkehendak[kan] kepada niat.⁵⁴⁹ Dan wajib bagi orang yang mengambil upah haji diniatkan bagi *maḥyūj*nya. Dan yang dii'timād[kan] [oleh] [al-]Khaṭīb [al-]Syarbīnī⁵⁵⁰ dan [al-]Baghawī⁵⁵¹ dan [al-]Mutawallī⁵⁵² bukan ia daripada wajib haji, maka tak dapat

⁵⁴⁶ Lihat kedudukannya pada lampiran 20.

⁵⁴⁷ (ditampalkan atau ditampung). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 83.

⁵⁴⁸ *Tawābi*' berasal dari perkataan tunggal *tabi'*, bererti "yang mengikut atau yang mengiringi". Maksudnya ialah *tawāf widā'* merupakan sebahagian daripada amalan-amalan ibadat haji atau diistilahkan sebagai wajib-wajib haji.

⁵⁴⁹ Ibn Hajar al-Haytamī berpendapat: "لَمْ تَحِبْ لَهُ نِيَّةً ظَرِراً لِلْتَّعْبُورِ...". Bermaksud, tidak wajib niat ketika mengerjakan *tawāf widā'* kerana ia adalah sebahagian daripada ibadat haji. Lihat Al-Syarawānī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 140.

⁵⁵⁰ Al-Khaṭīb al-Syarbīnī mengatakan: "فَإِنَّ الرَّغْفَةَ وَطَوَافَ الْوَدَاعَ لَا يَدْلِي بِهِ مِنْ نِيَّةٍ لِأَنَّهُ يَقْعُدُ بَعْدَهُ وَالْمُعْتَمَدُ أَنَّهُ لَيْسَ مِنْ مَنَاسِكِ الْحَجَّ". Beliau berkata lagi: "الثَّحْلُلُ، وَلَا هُوَ لَيْسَ مِنْ الْمَنَاسِكِ عِنْدَ الشَّيْخَيْنِ". Lihat al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1958), *op. cit.*, j. 1, h. 487 dan 510.

⁵⁵¹ Al-Baghawī dan al-Mutawallī berkata bahawa *tawāf widā'* bukan daripada wajib-wajib haji, bahkan ia merupakan ibadat yang berasingan, diperintahkan kepada orang yang hendak meninggalkan Makkah kepada perjalanan yang diharuskan *qasār* sembahyang supaya melakukannya, sama ada dia penduduk Makkah atau bukan. Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 189.

⁵⁵² Beliau ialah Abū Sa'd, 'Abd Rahmān bin Ma'mūn al-Naysābūrī. Dikenali dengan nama al-

tiada daripada niatnya dan tiada diniatkan bagi orang yang dihajikan. Maka manakala selesai ia daripada *tawāf widā'* maka jangan ia berhenti kemudian daripadanya melainkan [untuk] sembahyang berjama'ah yang berdiri atau *masyghūl*⁵⁵³ dengan pekerjaan *safar*. Maka jika berhenti ia yang lain daripadanya maka wajib ia mengulangi *tawāf* lain. Demikian lagi jika ia berhenti karana⁵⁵⁴ membayar [h]utang] atau ziarah orang sakit, maka wajib mengulangi *tawāf*. Maka hukum *tawāf widā'* itu *mawqūf* yakni terhenti ia, jika ia musafir dengan segera, kemudiannya [ter]nyata ia daripada *tawāf widā'* dan jika tiada nyata, bukan *tawāf widā'*. Dan harus bagi orang yang haid atau nifas ia keluar keduanya dari Makkah dengan tiada *tawāf widā'*, tetapi sunat ia berhenti di pintu Masjid, ia berdoa dengan doa yang lagi akan datang. Kemudian ia berjalan, maka jika suci keduanya sebelum lagi ia keluar daripada Makkah maka wajib ia kembali *tawāf* dan jika sudah keluar daripada had Makkah, maka tiada wajib ia kembali [untuk melakukan] *tawāf widā'* lagi. Kata setengah [ulamak] iaitu Syeikh Muhibb al-Tabari,⁵⁵⁵ harus

[Halaman 40]

pula bagi orang yang takut daripada orang yang hendak me[n]zalim[i] akan dia atau takut bercerai dengan taulannya ia keluar dengan tiada *tawāf widā'* dan tiada [diwajidkan] *dam* [ke] atasnya.⁵⁵⁶ Dan sunat apabila selesai ia daripada *tawāf* dan

Mutawalli. Seorang ahli Fiqh dan sangat 'ālim dalam Ilmu Usūl. Dilahirkan di Naysābūr pada tahun 426H/1035M dan belajar di Marw. Beliau berpeluang mengajar di al-Madrasah al-Nizāmiyyah, Baghdād dan akhirnya beliau meninggal dunia di sana pada tahun 478H/1087M. Lihat al-Ziriklī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 323.

⁵⁵³ (sibuk). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 200.

⁵⁵⁴ (kerana).

⁵⁵⁵ Beliau ialah Abū al-'Abbās, Muhibb al-Dīn, Ahmad bin 'Abdullāh bin Muhammād al-Tabārī. Seorang hafiz dan ahli Fiqh bermazhab Syāfi'i. Dilahirkan di Makkah pada tahun 615H/1218M. Beliau merupakan seorang Syeikh di Tanah Ḥarām. Meninggal dunia di sana pada tahun 694H/1295M. Lihat *ibid.*, j. 3, h. 159.

⁵⁵⁶ Muhibb al-Tabārī mengqiyaskan kedua-dua golongan itu kepada perempuan haid, maka harus keluar dari Makkah tanpa *tawāf widā'* dan tidak dikenakan *dam*. Lihat keterangannya dalam al-

sembahyang sunat *tawâf* di belakang Maqâm Ibrâhim bahawa ia pergi ke Multazam iaitu antara Ḥajar Aswad dan Bâb al-Kâ'bah [se]kadar empat *dhirâ'*.⁵⁵⁷ Maka adalah ia daripada tempat yang *mustajâb* doa padanya. Dan *kayfiyyatnya* sunat bahawa ia melekapkan perutnya dan dadanya dengan Jidâr Bayt Allâh dan dihampir[kan] dua tangannya kepada tirainya, maka dijadikan tangan kanan kepada pihak Pintu *bayt Allâh* dan kirinya kepada mengiringi Ḥajar Aswad dan dibacanya:

اللَّهُمَّ إِنَّ الْبَيْتَ يَبْتَلِكَ وَالْعَبْدُ عَبْدُكَ وَأَنْتَ عَبْدِكَ وَأَنْتَ أَمِينُكَ. حَمَلْتِنِي عَلَى مَا سَخَرْتَ لِي مِنْ خَلْقِكَ حَتَّى سَيَرْتِنِي إِلَى بِلَادِكَ وَبَلَغْتِنِي عَلَى قَصَاءِ مَنَاسِكِكَ، فَإِنْ كُنْتَ رَاضِيًّا عَنِي فَارْزُدْهُ عَنِي رِضًا وَإِلَّا فَمِنَ الآنَ قَبْلَ أَنْ تُبَاعِدَنِي عَنْ بَيْتِكَ دَارِي وَيَبْعَدَ عَنْهُ مَزَارِي هَذَا أَوْ أَنْ الصُّرُونِي إِنْ أَذِلتَ لِي غَيْرَ مُسْتَبِدِيلٍ بِكَ وَلَا بَيْتَكَ وَلَا رَاغِبٌ عَنْكَ وَلَا عَنْ بَيْتِكَ. اللَّهُمَّ اصْحِحْنِي الْعَافِيَةَ فِي بَدِينِي وَالْعَصْسَةَ فِي دِينِي وَأَحْسِنْ مُنْقَلَبِي وَارْزُقْنِي طَاعَتَكَ أَبَدًا مَا أَنْتَبَتِنِي وَاجْمَعْ لِي خَيْرَ الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، إِنَّكَ قَادِرٌ عَلَى كُلِّ قَادِرٍ عَلَى ذَلِكَ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِهِ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَبِهِ وَسَلَّمَ. سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Ramlî (1967), *op. cit.*, j. 3, h. 317.

⁵⁵⁷ (hasta). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 134.

⁵⁵⁸ Al-Ghazzâlî (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 469; Al-Nawawî (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 191 – 192.

Kata Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Abbās: “Maka tiada [me]minta doa orang yang mempunyai dukacita dan kepicikan⁵⁵⁹ dan kesusahan pada Multazam melainkan dibukakan Allah Ta’ala daripadanya.”⁵⁶⁰ Dan tersebut pada hadith bahawasanya ada di sana Malaikat me[ng]amin[kan] tiap-tiap orang yang mintak⁵⁶¹ doa.⁵⁶²

FAEDAH: Sunat membanyakkan melihat akan *bayt Allāh* dan *fawāf* dan sembahyang. Maka bahawasanya Allah S.W.T. turunkan rahmat atas *bayt Allāh* pada tiap-tiap hari seratus dua puluh rahmat, enam puluh bagi orang yang *fawāf* dan empat puluh bagi orang yang sembahyang dan dua puluh bagi orang yang memandang.⁵⁶³ Dan sunat bahawa adalah akhir kesudahan itu ia memandang akan Ka’bat Allāh hingga lenyap daripada matanya kerana⁵⁶⁴ memandangkan membesar dia dan jangan ia berjalan keluar daripada Masjid dengan undur belakang, maka makruh lagi bid’ah, seperti yang dikerjakan [se]setengah daripada orang yang jahil. Dan sunat ia [men]ziarah[i] akan tempat yang masyhur kelebihannya pada Makkah dan iaitu amat banyak seperti *Mawlūd Nabi*⁵⁶⁵ dan *Mawlūd Siti Fātimah*⁵⁶⁶ iaitu Rumah Siti Khadījah dan Masjid

⁵⁵⁹ (kepicikan).

⁵⁶⁰ Ibn ‘Abbās berkata: “لَا يَلْرِمُ مَا يَتَهْمِسُ أَحَدٌ يَسْأَلُ اللَّهَ عَنْ وَحْلٍ شَيْئًا إِلَّا أَعْطَاهُ إِيمَانًا.” Lihat al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 193.

⁵⁶¹ (meminta).

⁵⁶² Penulis tidak menemui ḥadīth itu setelah penelitian yang lama.

⁵⁶³ إِنَّ لِلَّهِ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ عِشْرِينَ وَمِائَةً رَحْمَةً تَنْزِلُ عَلَى هَذَا الْبَيْتِ، سُتُونَ لِلطَّافِيفَيْنِ وَارْبَعُونَ لِلنَّصْلَيْنِ وَعِشْرُونَ لِلنَّاظِرَيْنِ.” Lihat Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 192; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 483; al-Ramli (1967), *op. cit.*, j. 3, h. 318.

⁵⁶⁴ (kerana).

⁵⁶⁵ Bekas tapak rumah tempat lahirnya Junjungan, Rasulullah S.A.W. Ia terletak di Syi'b 'Alī, di Perkampungan Sūq al-Layl di Jalan al-Malik. Rumah yang asal telah dirobohkan dan diganti dengan bangunan baru oleh dermawan al-Syeikh ‘Abdullāh Qātān. Bangunan baru ini pula diwakafkan untuk Perpustakaan Awam yang dikenali sebagai “Maktabah Makkah.” Perpustakaan ini berada di bawah jagaan Kementerian Haji dan Wakaf. Lihat Misbaha (1994), *op. cit.*, h. 88.

⁵⁶⁶ Beliau ialah Umm al-Ḥusayn, Fātimah bint Rasūlillāh S.A.W., Abi al-Qāsim Muhammad bin ‘Abdillāh bin ‘Abd al-Muṭalib bin Hāsyim bin ‘Abd Manāf, al-Qurasyiyyah al-Hāsyimiyyah.

[Halaman 41]

Där al-Arqam⁵⁶⁷ pada Şafâ dan Bukit Hira' iaitu Jabal Nûr⁵⁶⁸ dan Jabal Thawr.⁵⁶⁹

Kata [al-]Hasan [al-]Başri Rahimahullâh Ta'âlâ⁵⁷⁰ “[Me]minta doa disunatkan

Ketua wanita sejagat pada zamannya. Dilahirkan sekejap sebelum Nabi S.A.W. menjadi Rasul. Sayyidunâ 'Alî telah mengahwini beliau pada tahun ke 2H, iaitu selepas berlakunya Perang Badar dan bersatu selepas Perang Uhud. Hasil dari perkahwinan itu beliau melahirkan al-Hasan, al-Husayn, Muhsin, Umm Kulthûm dan Zaynab. Beliau meriwayatkan hadith daripada Ayahandanya, manakala anaknya, al-Husayn, 'Â'isyah, Umm Salamah, Anas bin Mâlik dan lain-lain meriwayatkan hadith daripada beliau pula. Lihat al-Dhahabî (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 54.

⁵⁶⁷ Bekas tapak rumah al-Arqam bin 'Abd al-Manâf al-Makhzûmî, orang ketujuh memeluk Islam daripada kalangan Sahabat Rasulullah S.A.W. Rumah itu dahulunya dinamakan juga “Där al-Khayzarân.” Letaknya berhampiran dengan Şafâ. Di rumah itulah Rasulullah S.A.W. bersembunyi pada permulaan dakwah Baginda dan mendirikan sembahyang fardu secara sulit bersama mereka yang beriman sehingga 'Umar al-Khaṭṭâb r.a. memeluk Islam. Ketika itu barulah mereka yang beriman itu keluar ke Masjid Harâm untuk sembahyang beramai-ramai dengan berterang-terangan. Ia merupakan tempat berhimpun pemeluk-pemeluk Islam pada zaman permulaan perkembangan Islam. Di situ pernah juga dijadikan sekolah tâhâfîz al-Qur'ân, tetapi sekarang tidak kelihatan lagi rumah tersebut kerana telah dirobohkan dalam rancangan pembesaran kawasan Masjid Harâm. Lihat Wahbah al-Zuhaylî (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 332; Misbahâ (1994), *op. cit.*, h. 89 – 90.

⁵⁶⁸ Terletak lebih kurang 3 km. dari Masjid Harâm di kawasan sebelah kiri jalan menuju ke 'Arafah, tingginya 200 meter. Di atasnya ada sebuah gua yang dinamakan Ghâr Hirâ'. Di sinilah Rasulullah S.A.W. sering berkhalwat, bertafakkur kepada Allah dan memikirkan nasib kaumnya yang bergelumang dengan maksiat serta kekufturan, seterusnya menerima wahu pertama, permulaan Surah al-'Alaq, daripada Allah S.W.T. melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s. Dengan turunnya wahu itu mulailah cahaya Islam menyinari kegelapan, membasmikan syirk dan kejahilan dengan mendatangkan petunjuk dan pengetahuan yang sejati.

Sebelum turunnya wahu yang pertama, bukit ini terkenal dengan nama Jabal Hirâ', tetapi setelah turunnya wahu, ditukar namanya kepada Jabal Nûr yang bererti “Bukit Cahaya” kerana dari sivilah cahaya Islam mula memancarkan sinarnya ke seluruh penjuru alam dan gua tempat Nabi S.A.W. mengasingkan diri itu digelar Gua Hirâ'. Untuk sampai ke puncak bukit itu, perlu mendaki selama lebih kurang satu jam. Lihat Wahbah al-Zuhaylî (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 332; Misbahâ (1994), *op. cit.*, h. 88; Suhaimee Yassin (1995), *op. cit.*, h. 328.

⁵⁶⁹ Sebuah bukit di Makkah, tingginya 500 meter dan merupakan bukit yang tertinggi di antara bukit-bukit di sekitar Makkah. Di sanalah terdapatnya gua yang Nabi S.A.W. bersembunyi di dalamnya bersama Sahabat Baginda, Abû Bakr al-Šiddîq r.a., berlindung diri selama tiga hari daripada ancaman kaum kafir Quraysy semasa Baginda berhijrah ke Madinah. Ia terletak di sebelah selatan Makkah, di Perkampungan al-Maslahah iaitu pada jalan menuju ke Yaman. Jauhnya dari Masjid Haram lebih kurang 5 km. dan untuk sampai ke gua tersebut, perlu mendaki selama lebih kurang dua jam.

Dalam sejarah dirakamkan bahawa kaum musyrikin Makkah telah bersepakat untuk membunuh Nabi Muhammad S.A.W. dengan menggunakan pemuda-pemuda pilihan dari tiap-tiap kabilah bagi menjalankan tugas penting itu. Pada suatu malam mereka mengepung rumah Nabi S.A.W., tetapi dengan khendak Allah S.W.T., Baginda telah mengetahui niat mereka. Baginda S.A.W. menyuruh 'Alî bin Abî Tâlib r.a. tidur di atas katil Baginda serta menggunakan selimut Baginda. Dengan perlahan-lahan Nabi S.A.W. keluar dari rumah dan terus menuju ke rumah Abû Bakr al-Šiddîq r.a. untuk memberitahunya bahawa Allah S.W.T. telah memerintahkan supaya berhijrah. Beliau sangat gembira mendengar berita itu kerana beliau telah lama mengumpulkan bekalan untuk berhijrah.

Pada malam itu juga Nabi Muhammad S.A.W. bersama-sama Abû Bakr al-Šiddîq r.a. keluar mencari tempat perlindungan dari musuh menuju ke Jabal Thawr. Ketika menjelang pagi, alangkah terperanjatnya pemuda-pemuda musyrikin yang bertugas untuk membunuh Muhammad S.A.W. kerana orang yang tidur di situ bukannya Nabi Muhammad S.A.W. tetapi 'Alî bin Abî Tâlib. Mereka pun segera melaporkan perkara itu kepada pembesar-pembesar kâfir Quraysy.

pada lima belas tempat di Makkah iaitu pada [ketika] *tawāf* dan pada Multazam dan di bawah Mizāb dan di dalam *bayt Allāh* dan di sisi [Telaga] Zamzam dan di atas Ṣafā dan di atas Marwah dan pada [ketika] *sa'ī* dan di belakang Maqām Ibrāhīm dan pada ‘Arafah dan di Muzdalifah [iaitu] pada Masy’ar al-Harām dan pada Minā dan pada Jamrah yang tiga.⁵⁷¹

SYAH DAN: Sunat membanyakkan meminum air Zamzam. Sabda Nabi S.A.W.:

إِنَّهَا مُبَارَكَةٌ إِنَّهَا طَعْمٌ وَشَفَاءٌ سَقَمٌ.⁵⁷²

[Maksudnya]: Bahwasanya air Zamzam berkat dan bahwasanya ia makanan [yang] mengenyangkan dan penawar bagi penyakit. Riwayat Muslim dan Abī Dāwūd⁵⁷³ dan al-Tayālisi.⁵⁷⁴ Dan pada satu riwayat yang lain:

Mereka segera mengejar dan mencari tempat persembunyian Nabi Muḥammad S.A.W. ke segenap penjuru, tetapi gagal.

Sebagai langkah terakhir, mereka telah menawarkan hadiah 100 ekor unta bagi sesiapa yang dapat menawan Nabi Muḥammad S.A.W. sama ada hidup atau mati. Bagaimanapun ada sebahagian dari mereka yang mencari hingga ke arah Jabal Thawr dan secara kebetulan mereka berjumpa dengan seorang pengembala kambing yang memberitahu ada dua orang yang bersembunyi di atas Jabal Thawr itu. Mereka pun segera mendaki Jabal Thawr hingga ke kemuncaknya. Sesampainya di depan Gua Thawr itu mereka melihat lubang gua itu ada jaring labah-labah dan burung merpati sedang bertelur, manakala lubang yang lain pula terdapat kayu yang bercabang-cabang menutupi lubang gua itu.

Oleh yang demikian mereka berkeyakinan bahawa tidak mungkin ada orang di dalam gua itu kerana manusia tidak mungkin dapat masuk tanpa mengerat cabang-cabang kayu yang menutupi gua itu dan burung merpati itu sudah tentu lari jika ada orang di dalamnya. Ini adalah merupakan mukjizat Nabi Muḥammad S.A.W. kerana burung merpati, jaring labah-labah dan kayu itu tidak ada sebelum itu. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Bağhdādī (1957), *op. cit.*, j. 2, h. 86; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 332; Misbāha (1994), *op. cit.*, h. 89; Suhaimee Yassin (1995), *op. cit.*, h. 329 – 331.

⁵⁷⁰ Beliau ialah Abū Sa’īd, Al-Hasan bin Yassār al-Baṣrī. Seorang ‘ālim di peringkat *Tābi’īn*, pemimpin penduduk Baṣrah pada zamannya. Beliau seorang ahli Fiqh dan kuat beribadat. Dilahirkan di Madinah pada tahun 21H/642 dan beliau dewasa di sisi ‘Alī bin Abi Tālib. Al-Rabi’ Ibn Ziyād telah melantik beliau menjadi Gabenor Khurāsān pada zaman pemerintahan Mu’āwiyah dan tinggal di Baṣrah. Kehebatannya tersemat di dalam jiwa masyarakat. Beliau sentiasa pergi berjumrah pemerintah bertujuan menyuruh mereka melakukan sesuatu atau menegah dari melakukannya dan beliau tidak sekali-kali takut kepada sebarang celaan dalam mempertahankan kebenaran. Bapanya adalah penduduk Maysān dan merupakan *mawlā* kepada setengah golongan Anṣār. Beliau meninggal dunia di Baṣrah pada tahun 110H/728M. Lihat al-Ziriklī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. h. 226.

⁵⁷¹ Lihat al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 192 – 193.

⁵⁷² Al-Bayhaqī (t.t.), *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hajj, Bāb Siqāyat al-Hajj wa al-Syurb minha wa min Mā’ Zamzam, (t.no.), h. 147; Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 201.

⁵⁷³ Beliau ialah Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Asy’ath bin Ishāq bin Basyīr bin Syidād bin ‘Amru

[Maksudnya]: Air Zamzam bagi barang yang diminumkan baginya. Dan sunat ia minum itu tiada tertentu kemudian daripada *fawāf* dan tentu barang ketika. Dan sunat tatkala hendak minum itu ia mengadap ke kiblat dan ia minum seraya ia duduk dengan tiga nafas dan memuaskan daripadanya. Sabda Nabi S.A.W.:

عَلَيْهِ بَيْنَ وَيْنَ الْمُتَافِقِينَ أَنَّهُمْ لَا يَتَحَلَّوْنَ مِنْ زَمْزَمَ.⁵⁷⁶

[Maksudnya]: Tanda antara kami dan antara orang munafik itu bahwasanya mereka itu tiada memuaskan daripada air Zamzam. Dan sunat mintak⁵⁷⁷ barang sekehendaknya, dunia dan akhirat tatkala meminum. Kata setengah ulamak: “Telah meminum beberapa jamaah daripada ulamak bagi tuntutannya maka sekeliannya tercapai mereka itu akan segala yang dituntutnya.”⁵⁷⁸ Dan sunat dibacanya tatkala hendak minum iaitu:

bin ‘Imrān al-Azdī al-Sajastānī. Ahli hadīth di Baṣrah, penghafaz hadīth dan pengkritiknya. Beliau mencapai darjat yang tinggi dari segi keperibadian yang baik, warak dan mendalam dalam Ilmu Fiqh. Dilahirkan pada tahun 202H dan sentiasa mengembara kerana menuntut ilmu. Beliau mengumpul, menyusun dan mengarang serta sangat mahir dalam kegiatan-kegiatan sedemikian. Dalam mencari hadīth, beliau berpindah ke Baṣrah dan tinggal di sana. Kemudian pergi ke Syām, Mesir dan seterusnya ke ‘Irāq. Berikutnya berpindah bersama anaknya Abī Bakr ke Naysābūr. Keluar lagi ke Sajastan dan berterusan dengan kegiatan ilmiahnya. Akhirnya beliau kembali ke Baṣrah dan menetap di sana. Lihat *al-Kutub al-Sittah wa Syurūhuhā* (1992), j. 7, c. 2. İstanbul: Dār Sahnūn, h. 11.

⁵⁷⁴ Beliau ialah Sulaymān bin Dāwūd bin al-Jārūd, Mawlā Quraysy, Abū Dāwūd al-Tayālī. Penghafaz hadīth yang masyhur. Berasal daripada Parsī, dilahirkan pada 133H./750M. Tinggal di Baṣrah dan meninggal dunia di sana pada tahun 204H./ 819M. Beliau mengumpulkan 30,000 hadīth dan mempunyai sebuah *Musnad* yang disusun oleh sebahagian penghafaz-penghafaz hadīth di Khurāsān. Lihat al-Zirkli (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 125.

⁵⁷⁵ Al-Bayhaqī (t.t.), *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hajj, Bāb Siqāyat al-Hājj wa al-Syurb minha wa min Mā’ Zamzam, (t.no.), h. 148.

⁵⁷⁶ *Ibid.*

⁵⁷⁷ (meminta).

⁵⁷⁸ فَقَدْ شَرِبَ جَمَاعَةٌ وَمِنَ الْعُلَمَاءِ فَتَالُوا مَطْلُوبَهُمْ. Lihat Al-Ramlī (1967), *op. cit.*, j. 3, h. 319.

اللَّهُمَّ إِنَّمَا يَعْنِي عَنْ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: مَاءُ زَمْرَدٍ لِمَنْ شَرِبَ لَهُ وَإِنِّي أَشْرِبُهُ لِتَغْفِرْ لِي وَتَرْحَمْنِي وَتَعْفُ عَنِي.⁵⁷⁹ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا تَأْفِعُوا وَرِزْقًا وَاسِعًا وَشَفَاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ. اللَّهُمَّ فَاقْعُلْ، بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.⁵⁸⁰

Dan sunat ia mengambil *tabarruk* membawakan⁵⁸¹ ke negerinya dan me[ng]hadiahkan akan orang yang di keluar [di luar] Makkah. Maka tiada harus memindah[kan] sesuatu yang di dalam Ḥarām Makkah kepada [tanah] halal dan wajib [di]kembalikan ke Makkah akan barang yang diambilnya. Dan sunat ia masuk ke Telaga Zamzam dan melihat kepadanya dan menarut⁵⁸² akan timbanya. Dan sunat manakala sudah minum maka ia percikkan di atas kepalanya dan mukanya dan dadanya. Dan sunat meminumkan orang sakit dan mempercikkan tubuhnya. Dan demikian lagi sunat ia bagi orang yang di Makkah membanyakkan masuk [ke dalam] *bayt Allāh* jika tiada menyakiti dirinya dan menyakitkan orang lain dan membanyakkan sembahyang di dalamnya dan doa dan sekurang[-kurang]nya dua rak'at. Maka jadikan matanya itu tetap memandangkan ke bawah, jangan

[Halaman 42]

ia memandang kepada atapnya dan ke kanan dan ke kiri dan melazimkan adab dan membesarkan kadarnya, lagi ia merendahkan diri dan me[ng]khusyuk dan jangan memakai kaus.⁵⁸³ Dan hendaklah masuknya itu berjalan kaki dan ia

⁵⁷⁹ Al-Rāmil^ī (1967), *op. cit.*, j. 3, h. 318; Al-Nawawī (1413H), *op. cit.*, j. 1, h. 520; ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī^ī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 670.

⁵⁸⁰ Al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 39; Al-Mundhīrī^ī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 210; ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī^ī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 658.

⁵⁸¹ (membawa).

⁵⁸² (mencedok).

⁵⁸³ (kasut).

mengqasad[kan] akan tempat Nabi sembahyang, maka iaitu adalah antara Bāb, enam hasta pada berbetulan dengan pintu di sisi tiang. Dan jika sukar masuk ke dalam Ka'bah maka hendaklah ia masuk ke dalam Ḥiqr kerana ia sepotong daripada Ka'bah, [se]kadar enam hasta. Dan ia sembahyang padanya. Dan sunat bagi orang yang [mengerjakan] haji itu membanyakkan *tawāf* dan sembahyang di dalam Masjid al- Ḥarām dan membanyakkan 'umrah dan sedekah dan segala bagai⁵⁸⁴ kebajikan dan membanyakkan membaca [al-]Qur'ān karana⁵⁸⁵ [ia] diturun[kan] di Makkah setengahnya dan [meng]khatam[kan] padanya dengan menderas.⁵⁸⁶ Dan haram membawak⁵⁸⁷ keluar daripada *bukhūr*⁵⁸⁸ Ka'bah dan lilinya. Maka jika ia berkehendak[kan] *tabarruk* ditaruh⁵⁸⁹ bau-bauan pada Ka'bah, kemudian ia ambil lebihnya.

MASAELAH:⁵⁹⁰ Harus bagi Syaybi⁵⁹¹ itu menjual *Kiswah* yang di luarnya atau lainnya dan harus bagi orang *ḥujjāj* membeli daripadanya dan harus dipindahkan kepada negeri mereka itu. Dan harus bagi segala perempuan yang haid atau nifas memakai akan dia. Adapun daripada perak yang ditatahkan pada u[m]pama pintunya atau tiang atau tirai yang di dalamnya maka tiada harus dijual[kan]nya, tetapi ditinggal[kan] kepadanya dan yang dijual[nya] itu yang diganti[kan] pada tiap-tiap tahun. *وَاللَّهُ أَعْلَمُ*.

⁵⁸⁴ (jenis).

⁵⁸⁵ (kerana).

⁵⁸⁶ (bertadarrus).

⁵⁸⁷ (membawa).

⁵⁸⁸ (kemenyan). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 58.

⁵⁸⁹ (diletakkan).

⁵⁹⁰ (Masalah).

⁵⁹¹ Syaybi bermaksud Bani Syaybah iaitu pihak yang diberi hak menyimpan Kelambu Ka'bah dan diberi amanah sebagai Penjaga Ka'bah sejak turun temurun. Bani Syaybah adalah suku kaum dari keturunan keluarga Nabi Muhammad S.A.W. yang bersambung kepada Ismā'īl dan Nabi Ibrāhim a.h.m.s. Lihat Mustaffa Suhaimi (1996), *op. cit.*, h. 40 – 41.

[2.12] Perkara-Perkara Yang Diharamkan Kerana Ber*ihrām*

Ini suatu bab pada menyatakan barang yang haram dengan *ihrām*. Bermula asal padanya *khabar [al-]Sahīḥayn*⁵⁹² daripada Ibn ‘Umar bahawasanya seorang laki-laki bertanya akan Nabi S.A.W. dengan katanya:

مَا يَلْبِسُ الْمُحْرِمُ مِنَ الشَّيْبِ؟ فَقَالَ: لَا يَلْبِسُ الْقَمِيصَ وَلَا الْعَمَامَةَ وَلَا السَّرَّأْوِيلَاتِ وَلَا الْبَرَائِيسَ

وَلَا الْعِفَافَ إِلَّا أَحَدٌ لَا يَجِدُ تَعْلِيْنِ فَلَيْلِسِ الْخُفْفِينِ وَلَيَقْطَعُهُمَا أَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنِ وَلَا يَلْبِسُ مِنَ

الشَّيْبِ شَيْئًا مَسْأَةً الرَّعْفَرَانِ وَلَا الْوَرْسُ وَلَا تَنْتَقُبُ الْمَرْأَةُ وَلَا تَلْبِسُ الْقَفَازَيْنِ.⁵⁹³

Ertinya: Apa[kah] yang dipakai oleh orang yang [ber]*ihrām* daripada kain?⁵⁹⁴

Maka sabdanya [Baginda]: “Tiada dipakainya baju dan tiada sirwāl⁵⁹⁵ dan tiada barnis⁵⁹⁶ iaitu seperti telekung kepala dan tiada *khuff* melainkan [se]seorang yang tiada didapat[i]nya dua kaus, maka dipakainya dua *khuff* dan dikeratnya akan kedua[-dua] di bawah dua tumitnya dan tiada dipakainya daripada kain yang calupnya [celup[an]nya *kumkum* atau *wars* iaitu sesuatu pencalupan [penclupan] yang pada negeri Yaman dan tiada ditudung[kan] mukanya perempuan dan tiada ia memakai sarung tangan.

Dan haram bagi orang yang [ber]*ihrām* itu enam perkara:

⁵⁹² (Bukhari dan Muslim).

⁵⁹³ Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 7. Kitāb al-Hajj, Bāb Mā lā Yalbis al-Muhrim min al-Thiyāb, no. hadith 1542, hlm. 178 – 181; Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8. Kitāb al-Hajj, Bāb Mā Yubāḥ Lubshū li al-Muhrim bi ḥajj aw ‘Umrah, (t.no.), hlm. 73.

⁵⁹⁴ (pakaian).

⁵⁹⁵ (seluar). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 169.

⁵⁹⁶ (kupiah). *Ibid.*, h. 62.

Pertama: Haram [ke] atas

[Halaman 43]

laki-laki menutup setengah kepala dengan sesuatu yang dinamakan menutup, jikalau sedikit seperti *fūtah*⁵⁹⁷ yang di belakang dua telinga jikalau dengan u[m]pama hinai⁵⁹⁸ yang pakit⁵⁹⁹ atau minyak yang beku dan luper.⁶⁰⁰ Tetapi tiada mengapa ia menyelam di dalam air atau dibalut[kan] dengan benang atau ditaruh⁶⁰¹ tangannya atau tangan orang lain atau diju[n]jung u[m]pama bekal atau ia bernaung di bawah u[m]pama sekedup⁶⁰² atau payung. Demikian lagi haram atas orang yang [ber]*iḥrām* itu memakai sesuatu yang meliputi⁶⁰³ dengan barang yang dinamakan memakai pada adat sama ada ia meliputi⁶⁰⁴ itu dengan berja[h]it atau dengan diseratnya⁶⁰⁵ atau ditanunnya⁶⁰⁶ atau lainnya pada segala badannya seperti dipakai kendi-kendi⁶⁰⁷ akan cangkutnya atau zikirnya⁶⁰⁸ atau lainnya melainkan ia tiada dapat kain, maka harus ia memakai *sirwāl*⁶⁰⁹ jika tiada dapat dibelahkan sebab jadi binasa dan jadi kurang harganya. Demikian lagi harus memakai kaus⁶¹⁰ Istanbul yang tiada tertutup dua matanya, maka tiada wajib dikerat supaya terbuka anak jarinya. Maka manakala terbuka tumitnya atau

⁵⁹⁷ (sehelai kain atau tuala). *Ibid.*, h. 326.

⁵⁹⁸ (inai).

⁵⁹⁹ (pekat).

⁶⁰⁰ (Dalam *Kamus Dewan* terdapat perkataan “lepar,” bermaksud penahan).

⁶⁰¹ (diletakkan).

⁶⁰² Tempat duduk di atas belakang unta, pelana atau sela. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 1211.

⁶⁰³ (bersarung).

⁶⁰⁴ (bersarung).

⁶⁰⁵ Serabut yang seperti benang (terdapat pada daun nanas, batang pisang dan sebagainya) yang boleh dijadikan tali dan lain-lain. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 1257.

⁶⁰⁶ (ditenunnya).

⁶⁰⁷ (kendit). Ikat pinggang, tali pinggang (daripada kain, benang dan lain-lain). *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 635.

⁶⁰⁸ (tasbih).

⁶⁰⁹ (seluar).

⁶¹⁰ (kasut).

jarinya maka harus ia memakai jika tiada didapat[i]nya *ni'āl*⁶¹¹ dengan yang terbuka salah suatu daripada dua itu. Maka jika ada *ni'āl*⁶¹²nya maka tiada harus ia memakai *khuff* melainkan dengan dibukakan dua itu yakni dikerat di tumitnya dan pada anak jarinya. Dan demikian lagi harus ia ikat pinggangnya dengan dibalutnya atau disimpulnya dengan tiada [di]matikan, tetapi tiada harus disimpul[kan] punca dua selendangnya dengan simpul mati atau dicermatnya (disamatnya)⁶¹³ dengan u[m]pama jarum. Dan harus ia memakai pending⁶¹⁴ dan disangkut[kan] u[m]pama *mushaf*⁶¹⁵ dan pedang atau dimasukkan tangan di dalam pundi-pundi jika besar ia sekira-kira jangan lekat⁶¹⁶ tangannya tatkala ia angkat dan jinjin[g]. Dan harus bagi perempuan itu memakai sekelian yang tersebut itu, maka tiada ada yang haram bagi perempuan itu melainkan menutup mukanya dan tangannya. Maka wajib [ke] atas perempuan itu membuka mukanya dan dua tangannya yakni jangan ia memakai sarung tangan, tetapi wajib ia menutup kepalanya karana⁶¹⁷ [menunaikan] sembahyang. Maka tiada didapat ia menutup sekelian kepala itu melainkan dibolehkan sedikit dengan diambil daripada had mukanya, maka tiada mengapa yang demikian itu. Dan harus bagi perempuan itu perempuan itu taruh⁶¹⁸ sesuatu yang merangkung⁶¹⁹ tudung mukanya yakni harus ia tudung [menudung] muka jika tiada sampai kain tudung muka kepada mukanya. Maka haram atas *khuntha* menutup kepala serta ia tutup mukanya.

⁶¹¹ (kasut). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 459.

⁶¹² (kasut).

⁶¹³ (disamatnya).

⁶¹⁴ Sejenis perhiasan pada dada atau tali pinggang yang dibuat daripada emas atau perak dan berkerawang. Kerawang ialah ukiran, tenunan atau sulaman yang berlubang-lubang. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 648 dan 1006.

⁶¹⁵ (al-Qur'an yang berjilid). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 212.

⁶¹⁶ (lekat).

⁶¹⁷ (kerana).

⁶¹⁸ (mengenakan atau memakai).

⁶¹⁹ (menyelubungi).

Maka jika ia memakai seperti laki-laki atau dipakainya seperti perempuan maka tiada haram lagi tiada [diwajibkan] *fidyah*. Demikian lagi harus bagi laki-laki menutup kepala dan memakai

[Halaman 44]

kain yang meliputi⁶²⁰ karana⁶²¹ uzur sebab sakit atau sangat sejuk atau lainnya, tetapi wajib *fidyah*, tetapi wajib berbilang-bilang *fidyah* jika ia berulang-ulang memakai[nya], pada mazhab kita Syāfi'i.⁶²² Kata Imām Mālikī: "Manakala ia berniat tatkala hendak memakai itu berbilang-bilang, tiada berbilang[-bilang] *fidyahnya*.

Kedua: Memakai bau-bauan pada kainnya atau pada badannya, pada zahirnya atau pada batinnya seperti dimakannya atau dipakainya di bawah kausnya.⁶²³ Jikalau ia tiada mencium sebab tupat⁶²⁴ hidungnya sekalipun dengan bau-bauan yang *dīqāṣad*[kan]nya akan sebagai pakai pada 'uruf seperti segala minyak yang harum-harum dan segala bunga-bunga[an] yang harum, maka tiada mengapa ia memakai akan sesuatu yang tiada *dīqāṣad*[kan] akan harumannya dan hanya *dīqāṣad*[kan]nya berkehendak[kan] [untuk] membaikkan makanan seperti

⁶²⁰ (bersarung).

⁶²¹ (kerana).

⁶²² Beliau ialah Muḥammad bin Idrīs bin al-'Abbās bin 'Uthmān bin Syāfi'i bin al-Sā'ib bin 'Ubayd bin 'Abd Yazid bin Hāsyim bin al-Muṭṭalib bin 'Abd Manāf. Dilahirkan pada tahun 150H di Ghazzah, pada tahun kematian Imām Abū Ḥanīfah. Bapa beliau berketurunan Quraysy dan ibu beliau berketurunan Azd, berasal dari Yaman. Hidup miskin setelah peninggalan bapa beliau ketika beliau masih kecil. Menghafaz al-Qur'an sejak kanak-kanak lagi di Ghazzah. Berpindah ke Makkah untuk mempelajari hadith. Pergi ke kampung untuk mempelajari Bahasa Arab dan tinggal bersama Qabilah Hudhayl di samping belajar menunggang kuda dan memanah. Ketika berusia 20 tahun, berguru kepada Imām Mālik di Madīnah dan pernah mengunjungi Iraq dalam rehlah ilmiahnya. Berpindah ke Mesir pada tahun 199H dan meninggal dunia di sana pada tahun 204H. Lihat Muḥammad Abū Zahrah (t.t.), *Tārīkh al-Madhahib al-Islāmīyah*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabi, hlm. 407 – 418.

⁶²³ (kasut).

⁶²⁴ (tersumbat).

cengkik dan buah pala dan bunga pelaga dan *muṣṭakā*⁶²⁵ dan halia dan jintan [h]itam dan adas manis dan sekelian bagi rempah-rempah, maka tiada mengapa dan tiada *fidyah* padanya. Bermula dikehendak[i] dengan memakai bau-bauan itu bahawa dilakatkan⁶²⁶ bau-bauan itu pada tubuhnya atau kainnya atas jalan adat memakai seperti ia ukup dengan perasapan⁶²⁷ yang ada bukhūr⁶²⁸ di dalamnya atau ditonggeng undang kesturi yang terbuka atau kaca⁶²⁹ yang ada minyak yang harum terbuka mulutnya atau ia duduk di atas bau-bauan yang ada pada hamparannya atau memakai perempuan akan pakaian yang disimpul[kan] bau-bauan di dalamnya, maka haram ia segala perkara yang tersebut itu sebab dinamakan memakai pada adat. Dan demikian lagi jika ia jinjaknya⁶³⁰ akan bau-bauan dengan kausnya⁶³¹ maka lakat⁶³² pada kausnya, haram lagi [di]kena[kan] *fidyah*. Bersalahan [jika] ia menonggeng[kan]⁶³³ kaca⁶³⁴ yang ada bau-bauan yang ditutup mulutnya atau dibawak⁶³⁵ ia di dalam kain yang terbu[ng]kus atau dija[h]it[kan] gaharu⁶³⁶ [di dalamnya] atau ditonggengnya akan dia, maka tiada haram dan tiada *fidyah*. Demikian lagi haram atas orang yang [ber]iḥrām itu memakai minyak jikalau tiada harum sekalipun akan rambut kepalanya atau janggut atau misai dan tali tudung dan bulu kening dan kemahnya⁶³⁷ dan segala

⁶²⁵ Pokok yang buahnya terasa pahit sedikit dan dikeluarkan daripadanya sejenis gam yang boleh dikunyah.

⁶²⁶ (dilekatkan).

⁶²⁷ Barang-barang harum seperti kemenyan, setanggi dan lain-lain yang dibakar untuk mengasapi pakaian supaya berbau harum. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 1511.

⁶²⁸ (kemenyan).

⁶²⁹ (botol).

⁶³⁰ Jejak atau pijak. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 525.

⁶³¹ (kasut).

⁶³² (lekat).

⁶³³ Tulisan jawinya .(منوڠكچي)

⁶³⁴ (botol).

⁶³⁵ (dibawa).

⁶³⁶ Kayu yang harum, berasal daripada pokok tengkaras. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 361.

⁶³⁷ (misai). *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 727.

bulu yang [tumbuh] pada muka, tetapi harus [di]sapu[kan] kepala orang yang botak atau dagu orang yang belum tumbuh [janggut] dan sekelian badannya dan dimakannya, maka sekelian itu tiada mengapa. Dan harus membasuh kepalanya dengan daun bidara dan u[m]pamanya dan membasuh segala tubuhnya dan mandi jika tiada ia takut akan tercabut bulunya dan makruh memakai celak. Maka disyaratkan menutup kepala dan memakai yang meliputi tubuh dan memakai minyak yang harum atau dipakai [se]barang minyak pada kepala itu dengan senghaja⁶³⁸ lagi dengan *ikhtiyār*nya, lagi mengetahui akan haramnya. Maka jika lupa ia atau jahil akan haramnya atau lupa atau

[Halaman 45]

digagahi⁶³⁹ akan dia, tiada mengapa lagi tiada *fidyah* pula.

Ketiga: Menghilangkan rambut atau kuku dengan senghaja,⁶⁴⁰ maka jika dikerat kedua[-dua]nya dengan [ter]lupa atau jahil atau digagahi⁶⁴¹ orang akan dia, maka tiada haram dan wajib *fidyah*nya sama ada senghaja⁶⁴² atau [ter]lupa atau jahil atau digagahi⁶⁴³ akan dia karana⁶⁴⁴ ia sudah membinasakan yang dituntut memelihara dia, tetapi harus ia [men]cabut atau dikerat rambut yang tumbuh di dalam mata atau bulu keping yang menutup matanya atau kuku yang sudah terbuka setengahnya, maka dihilangkan segala[nya], maka tiada *fidyah*nya. Demikian lagi jika terkupas kulit, maka ada di atasnya beberapa [helai] bulu sekalipun atau kuku, maka tiada [dikenakan] *fidyah* [ke] atasnya atau dihiriskan

⁶³⁸ (sengaja).

⁶³⁹ (dipaksa). *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 360.

⁶⁴⁰ (sengaja).

⁶⁴¹ (dipaksa).

⁶⁴² (sengaja).

⁶⁴³ (dipaksa).

⁶⁴⁴ (kerana).

kulit kakinya, demikian juga. Demikian lagi jika tercabut bulu, maka [merasa] syak ia, adakah ia tercabut sendirinya atau dengan sebab sisir [sikat] atau dibuangkan tahi hidungnya, maka [merasa] syak ia, tiada [dikenakan] *fidyah* [ke] atasnya. Dan harus pula orang [yang] [ber]*iḥrām* mencukur kepala orang halal, tetapi haram akan kepala orang *muḥrim*. Maka mencukur kepalanya dengan dikeras [dipaksa] [ke] atasnya atau tercabut sebab tidur, tiada diketahuinya, digarunya yang sangat tatkala ia tidur, maka tiada haram atasnya dan tetapi [dikenakan] *fidyah* [ke] atasnya, tetapi wajib *fidyah* [ke] atas yang bercukur, maka wajib yang kena cukur menuntut akan yang bercukur memberi *fidyah* [di]sebab[kan] kurang *iḥrām*nya. Dan [di]sempurnakan jika ia [meng]hilang[kan] tiga urat rambut *fidyah*[nya] jika dengan sekali cabut dan jika bercerai-cerai sebab berlain-lain ketika atau berlain-lain tempat, maka wajib [ke] atasnya tiga cupak atau tiga hari puasa. Dan pada satu helai [rambut] atau satu kuku [diwajibkan] satu cupak atau sehari puasa dan dua helai [rambut] atau dua kuku [diwajibkan] dua cupak atau dua hari puasa.

Dan keempat: Jimak, sama ada pada qubul atau dubur, sama ada halal atau haram atau pada binatang, jimak yang mewajibkan mandi dan membinasakan ia akan haji dan ‘umrahnya jika belum [melakukan] *tahallul awwal* pada haji dan wajib [ke] atasnya *fidyah* jika dengan senghajanya⁶⁴⁵ lagi mengetahui akan haram, lagi dengan *ikhtiyār*nya. Maka tiada wajib *fidyah* lagi tiada berdosa dengan lupa atau jahil akan haramnya atau digagahi⁶⁴⁶ orang akan dia dan tiada binasa pula hajinya, maka *fidyah*nya itu [ialah] satu [ekor] unta yang memadai pada korban, maka jika lemah maka satu [ekor] lembu, maka jika lemah ia maka tujuh [ekor]

⁶⁴⁵ (sengaja).

⁶⁴⁶ (dipaksa).

kambing, maka jika lemah maka dibeli harga [seekor] unta akan makanan, maka jika lemah ia maka dikira-kira[kan] makanan yang daripada harga [seekor] unta akan *muddnya*, dipuasa[kan] sebilang-bilangnya. Dan [ter]masuk di dalam *dam* jimak bergurau-gurau yang dahulu daripada jimak tetapi tiada dimasuk[kan] [zakar]. Jika ia jimak yang keduanya maka wajib memberi satu [ekor] kambing lain daripada *fidyah* [seekor] unta itu dan wajib pula [ke] atasnya me[n]*tamāmkan*⁶⁴⁷

[Halaman 46]

hajinya atau ‘umrahnya dan tiada wajib mengqada’[kannya] pada tahun hadapan dengan bersegera jika ada haji itu sunat sekalipun. Demikian lagi haram lagi wajib *fidyah* karana⁶⁴⁸ mengeluarkan maninya dan haram [ke] atas perempuan yang halal menyerahkan dirinya bagi [suami] yang [ber]*iibrām* seperti haram pula yang halal menjimak akan perempuan yang [ber]*iibrām* karana⁶⁴⁹ menolong atas maksiat.

Dan kelima: Berkahawin [berkahwin], sama ada ia sendirinya atau diwakilkan [kepada] orang yang halal, sama ada bagi dirinya atau ia [me]nikah[kan] akan orang lain, sama ada ia walinya atau wakil walinya atau wakil pada *qabūl* bagi mempelai, maka tiada sah ia berkahawin⁶⁵⁰ atau ia kahawinkan⁶⁵¹ orang lain, tetapi harus bagi raja yang [ber]*iibrām* ia me[ng]izinkan orang halal me[ng]kahawinkan⁶⁵² orang yang berwali kepadanya. Maka harus pula orang [ber]*iibrām* itu [men]jadi saksi atau ia [me]rujuk akan isterinya [yang] tertalak

⁶⁴⁷ Sempurna, selesai atau tamat. *Kamus Dewan* (1998), op. cit., h. 1355.

⁶⁴⁸ (kerana).

⁶⁴⁹ (kerana).

⁶⁵⁰ (berkahwin).

⁶⁵¹ (kahawinkan).

⁶⁵² (mengahwinkan).

karana⁶⁵³ bukan dinamakan berkahawin.⁶⁵⁴ Maka adalah perbuatan segala perkara itu haram bagi orang yang [ber]*ihrām* lagi tiada sah tetapi tiada *fidyah* [ke atas]nya.

Keenam: Berburu-buru akan binatang perburuan yang dimakan, yang daratan, yang liar yakni tiada dapat diambil melainkan dengan tipu daya, tetapi tiada haram ia memburu binatang yang tiada dimakan melainkan yang sudah dinaskan [oleh] Syarak akan haramnya seperti kelelawar, maka wajib *fidyah* lagi haram ia memburu. Dan tiada haram [ke atasnya] jika ada binatang laut atau binatang yang jinak. Dan demikian lagi haram pula anak yang antara binatang yang halal dengan binatang yang haram seperti kucing⁶⁵⁵ dengan harimau akar atau himar negeri⁶⁵⁶ dengan himar [h]utan atau kucing dengan kambing. Dan haram pula ia mengambil akan susu atau bulunya, bahkan melainkan kesuran⁶⁵⁷ berjalan sebab banyak ia pada jalan seperti belalang yang sukar berjalan⁶⁵⁸ maka tiada mengapa jika terpijak⁶⁵⁹ [di] atasnya atau diambilnya daripada kucing akan perburuan yang dita[ng]kapnya karana⁶⁶⁰ hendak diubatkan dia, maka mati tiada mengapa dan tiada *fidyah*. Dan wajib orang yang [ber]*ihrām* melepaskan segala [binatang] perburuan yang ada pada miliknya, maka jika tiada dilepas[kan] maka [ter]lepas[lah] miliknya daripada [binatang] perburuan itu. Maka barang siapa mengambil akan dia, jadi miliknya, maka jika selesai daripada *ihrām*[nya], maka

⁶⁵³ (kerana).

⁶⁵⁴ (berkahwin).

⁶⁵⁵ Ejaan jawinya . (كُوْنْجُعُ)

⁶⁵⁶ (kaldai).

⁶⁵⁷ (kesukaran).

⁶⁵⁸ (menyukarkan perjalanan).

⁶⁵⁹ (terpijak).

⁶⁶⁰ (kerana).

tiada dikembali[kan], jadi miliknya segala [binatang] perburuan itu jika tiada dilepaskan tatkala ia hendak [ber]*iḥrām* dahulu. Dan demikian lagi haram atas orang yang halal memburu segala [binatang] perburuan yang [berada] di dalam Tanah Ḥarām Makkah dan Ḥarām Madinah dan Ḥarām yang pada Tā'if, yang dinamakan tempatnya Wajj al-Tā'if⁶⁶¹ tetapi tiada wajib pada kedua[-dua]nya itu *fidyah*. Dan yang wajib *ḍamān*⁶⁶² itu pada Ḥarām Makkah juga

[Halaman 47]

Bersalahnya jika ia berburu pada tanah halal, kemudian dibawakan⁶⁶³ masuk [binatang] perburuan itu kepada Tanah Ḥarām, harus baginya memerintahkan⁶⁶⁴ di dalamnya barang sekehendaknya, disembelih atau dijual atau lainnya dan harus orang yang di dalam Tanah Ḥarām membeli akan dia. Maka yang haram itu manakala ada ia di Tanah Ḥarām salah suatu daripadanya iaitu yang memburu atau [binatang] pemburuannya atau alatnya atau lalu anak panahnya ke dalam Tanah Ḥarām, dikenakan [binatang] perburuan yang di tanah halal, yang memburu pun di tanah halal sekalipun, nescaya haramlah. Misal[nya], jika ada ia di Tanah Ḥarām, dipanah[nya] akan binatang yang [berada] pada tanah halal atau ia [berada] di tanah halal, [binatang] perburuannya di Tanah Ḥarām atau ada ia di tanah halal dan pukatnya [berada] di Tanah Ḥarām atau ia [berada] di tanah halal

⁶⁶¹ Ibn Ruslān berkata: "Ia adalah satu kawasan di Tā'if iaitu mengikut pandangan Ahli Bahasa." Ada yang mengatakannya sebuah wādi di Tā'if dan pendapat yang lain pula mengatakan keseluruhan Tā'if. Manakala pendapat lain mengatakan, ia merupakan nama bagi benteng-benteng pertahanan di sana. Lihat Al-Syawkānī (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 34.

Wādi Wajj merupakan tempat tinggal Banī Thaqīf, jaraknya dari Makkah sejauh 12 *farsakh*. Dinamakan Tā'if kerana ketika Nabi Ibrāhīm a.s. membawa keluarga baginda untuk tinggal di Makkah, bermohon kepada Allah supaya memberi rezeki kepada mereka dengan berbagai-bagai jenis buah-buahan. Maka Allah 'Azza wa Jalla memerintahkan sekeping tanah supaya menunjukkan pokoknya sehingga kepingan tanah itu berada di tempat Tā'if, maka ia datang dan *fawāfi* mengelilingi Baytullāh. Kemudian Allāh telah menempatkan kepingan tanah itu di tempat Tā'if, maka dinamakan Tā'if sempena ia *fawāfi* mengelilingi Baytullāh. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 4, h. 9.

⁶⁶² (ganti). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 231.

⁶⁶³ (dibawa).

⁶⁶⁴ (melakukan).

dan [binatang] perburuannya pun [berada] di tanah halal tetapi lalu anak panah pada Tanah Ḥarām, dikenakan kepada [binatang] perburuan yang [berada] di tanah halal atau ada ia yang [ber]*iḥrām* itu ia memasang jaringnya tatkala ia [ber]*iḥrām*, kena jaringnya tatkala ia sudah [ber]*tahallul* atau ia memasang jaringnya tatkala ia halal, maka kena jaringnya pada hal ia [ber]*iḥrām* atau ada[lah] [orang] yang [ber]*iḥrām* menolong akan [orang] yang halal atau dengan [meny]juruh orang [yang ber]*iḥrām*, maka sekelian *sūrah*⁶⁶⁵ yang tersebut itu [adalah] haram, lagi [di]kena[kan] *fidyah*, lagi tiada dapat memakan akan [binatang] perburuannya. Demikian lagi jika ada [binatang] perburuan itu duduk sebelah kakinya pada Tanah Ḥarām dan sebelahnya pada tanah halal, haram seperti itu.

Masaelah:⁶⁶⁶ Manakala menyembelih orang [yang ber]*iḥrām* akan [binatang] perburuan atau orang halal akan [binatang] perburuan yang [berada] di Tanah Ḥarām, tiada harus dimakannya akan [binatang] perburuan itu, maka dihukum[kan] bangkai. Tetapi harus dimakan belalang dan telur karana⁶⁶⁷ adalah kedua[-dua]nya itu tiada berkehendak[kan] kepada sembelihan. Maka wajib denda jika ia [mem]bunuh suari⁶⁶⁸ itu unta dan pada lembu [h]utan dan hemarnya itu lembu dan kijang, dendanya [ialah] '*anz* iaitu kambing betina yang sampai umurnya setahun. Dan arnab iaitu seperti kucing, melainkan adalah dua kaki belakang[nya] panjang, maka dendanya [ialah] '*unāq* iaitu kambing betina yang sudah kuat yang belum sampai umur setahun. Dan *yarbū'* iaitu binatang seperti tikus, maka dendanya [ialah] *jafrāh* iaitu kambing betina umurnya empat bulan.

⁶⁶⁵ (keadaan).

⁶⁶⁶ (Masalah).

⁶⁶⁷ (kerana).

⁶⁶⁸ (burung kasawari).

Dan barang yang tiada bagi mithalnya⁶⁶⁹ maka dendanya itu barang yang dihukumkan seu[m]pamanya [oleh] dua orang [yang] adil, maka dibayarkan dendanya [binatang] besar dengan dendanya besar, jika [binatang] kecil maka [dendanya] kecil. Dan pada barang yang tiada bandingannya maka dibayarkan dendanya dengan harga jua, melainkan merpati dan yang seu[m]pamanya ketitir,⁶⁷⁰ maka dendanya *syāḥ*, [iaitu] kambing kerana⁶⁷¹ telah me[ng]hukumkan[nya oleh] beberapa [orang] Sahabat. Demikian lagi kelelawar, maka wajib dendanya itu dikira-kirakan harganya

[Halaman 48]

kerana⁶⁷² kata Imām [al-]Syāfi'i: "Bermula kelelawar jika dimakan maka dibayarkan harganya."⁶⁷³

Masaelah:⁶⁷⁴ Jika bersekutu membunuh orang [yang ber]*iḥrām* dengan orang halal pada [binatang] perburuan maka wajib [ke] atas orang yang [ber]*iḥram* setengah *diyat*⁶⁷⁵ jua atau bersekutu seorang [yang ber]*iḥram* dengan beberapa orang yang halal atau beberapa orang yang ber]*iḥram* dan seorang orang halal maka *diyat*⁶⁷⁶ itu wajib [ke] atas orang yang [ber]*iḥrām* jua [di] atas kadar bahagiannya. Atau bersekutu orang yang [ber]*iḥrām* atau orang yang halal membunuh [binatang] perburuan yang [berada] di Tanah Ḥarām maka wajib satu denda jua.

⁶⁶⁹ (bandingannya).

⁶⁷⁰ Sejenis burung merbuk. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 669.

⁶⁷¹ (kerana).

⁶⁷² (kerana).

⁶⁷³ Penulis tidak menemui kata-kata itu setelah penelitian yang lama.

⁶⁷⁴ (Masalah).

⁶⁷⁵ Denda atau pampasan yang mesti dibayar kerana melukai atau membunuh orang dan lain-lain. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 303.

⁶⁷⁶ (denda).

Faedah: Segala binatang yang tiada dimakan daripada [binatang] perburuan, setengahnya barang yang sunat dibunuh akan dia seperti ular dan kala⁶⁷⁷ dan tikus dan anjing yang menggigit dan babi dan [h]elang dan siwah dan harimau akar dan harimau besar dan harimau belang dan badak dan kutu anjing dan kuman dan [pe]pijat dan kutu *jamal*⁶⁷⁸ dan [se]setengah barang yang makruh [di]bunuh dia iaitu *khanāfis* iaitu kabur [kumbang] hitam dan ketam batu dan [h]elang yang bernama *rakhmah* dan bayan dan nuri dan ulat dan lalat dan lipas dan semut yang besar dan madu⁶⁷⁹ dan pelatuk⁶⁸⁰ dan ce[ng]kerit. Adapun semut yang kecil maka harus dibunuh, tetapi sunat pula. Adapun anjing yang memberi manfaat itu haram [di]bunuhnya dan jika tiada manfaat yang harus maka harus membunuh akan dia. Maka segala perkara yang tersebut itu sama ada di Tanah Ḥarām atau di tanah halal. Dan demikian lagi haram [meng]kerat tumbuh-tumbuh[an] yang [berada] di Tanah Ḥarām sama ada orang [yang ber]*iḥrām* atau orang halal, sama ada pohon kayunya atau tumbuh-tumbuhan yang tiada ditanam akan dia seperti ia tumbuh sendiri atau ditanamkan dia, bahkan harus ia cabut atau kerat segala sayur-sayuran atau perhumaan karana⁶⁸¹ dimakannya atau diberikan makan binatangnya atau dijual. Dan wajib dendanya, maka jika ada kayu yang besar pada '*uruf*'⁶⁸² orang banyak dendanya satu [ekor] lembu dan pada [pokok] yang kecil jika ada sepertujuh [pokok] yang besar maka satu [ekor] kambing dan [pokok] yang kecil atau rumput maka dibayar harganya. Dibelikan makanan, disedekahkan [kepada] fakir miskin, melainkan kayu *idhhīr* iaitu rumput yang

⁶⁷⁷ (jengking).

⁶⁷⁸ (unta).

⁶⁷⁹ (burung kelicap yang menghisap madu).

⁶⁸⁰ (belatuk).

⁶⁸¹ (kerana).

⁶⁸² (kebiasaan).

keras [yang dibuat] akan atap rumah dan segala kayu yang berduri seperti kayu *salam* dan *'awsaj*,⁶⁸³ maka harus dikerat dan dicabut. Dan harus ia mengambil tumbuh-tumbuhan seperti rumput karana⁶⁸⁴ memberi makan binatang dan karana⁶⁸⁵ [dibuat] ubat, maka jika karana⁶⁸⁶ dijual maka haram ia kerat[kannya] dan mencabut[nya]. Demikian lagi haram memindah[kan] Tanah Ḥarām dan batunya kepada tanah halal melainkan [untuk dijadikan] ubat yang sudah ada *mawjud* sakitnya. **وَاللَّهُ الْمُوفَقُ بِالسَّدَادِ .**

[Halaman 49]

[2.13] Fasal *Dam*

Ini suatu fasal pada menyatakan beberapa *dam*. Adapun *dam* yang di dalam haji dan 'umrah itu terbahagi [ke] atas empat bahagi[an].

Pertama: *Dam tartīb* dan *taqdir* yakni beratur. Maka tiada harus ia turun kepada martabat yang di bawah melainkan kemudian daripada lemah⁶⁸⁷ yang pertama. Maka dikehendak[i] lemah itu [ialah] ketiadaan ia pada *hissi* seperti tiada *mawjud* segala-gala[nya] atau ada tetapi pada hukum[nya] tiada seperti ada ia mahal daripada harga *mithl*⁶⁸⁸ atau tiada ada ia harga yang dapat ia belikan dia sebab tiada pada tangannya segala-gala[nya] atau ada tetapi berkehendak[kan] ia [untuk per]belanja[an] dirinya atau [per]belanja[an] yang wajib [ke] atasnya nafkah pergi

⁶⁸³ Pokok *salam* dan *'awsaj* adalah spesis pokok berduri. Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 285. Pokok *'awsaj* apabila besar dinamakan *gharqad*. Lihat al-Baghdādī (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 82.

⁶⁸⁴ (kerana).

⁶⁸⁵ (kerana).

⁶⁸⁶ (tidak mampu).

⁶⁸⁸ (harga biasa).

[dan] datang⁶⁸⁹ kepada tempatnya daripada makanan dan pakaian dan kenderaan. Dan makna *taqdīr* itu iaitu yang dikira-kirakan oleh Syarak akan kadar yang tertentu, tiada lebih dan tiada kurang. Maka adalah yang wajib *dam tartīb* [dan] *taqdīr* itu iaitu *dem tamattu'* dan *dam qirān* dan *dam* luput *wuqūf* dan *dam* melo[n]tar Jamarāt dan *dam* bermalam di Muzdalifah dan *dam* bermalam di Minā dan *dam* meninggalkan Miqāt iaitu wajib [ke] atas mereka itu sembelih satu [ekor] kambing yang memadai pada korban. Maka jika tiada [ber]kuasa maka wajib ia [ber]puasa sepuluh hari di Makkah dan tujuh hari di negerinya tempat kediamannya. Maka jika *dam tamattu'* maka wajib ia sembelih tatkala ia [ber]*iḥrām* akan haji tetapi harus ia sembelih dahulu daripada haji apabila sudah ia [ber]*iḥrām* ‘umrah, bahkan jika berkehendak[kan] [ber]puasa [ke] atasnya maka tiada harus ia [ber]puasa melainkan kemudian daripada ia [ber]*iḥrām* haji. Maka hendaklah ia [ber]*iḥrām* pada hari yang kelimanya [bulan Dhū al-Hijjah] akan haji, kemudian maka ia [ber]puasa pada hari yang keenam dan yang ketujuh dan yang kedelapan.⁶⁹⁰ Maka [hari] yang [ke] tujuh, jika ia orang Makkah maka dipuasa[nya] kemudian daripada Hari *Tasyriq* dan jika orang yang lain, hingga kepada negerinya. Maka jika luput ia tiada dipuasanya tiga hari di dalam bulan haji pada *dam tamattu'* dan *dam qirān* maka diqada'kan tiga hari, kemudian diceraikan [di] antaranya dan antara tujuh hari itu kadar empat hari, Hari Raya dan Hari *Tasyriq* dan kadar perjalanannya ke negerinya. Maka jika dipuaskan sepuluh [hari] sekali [berturut-turut] maka dihisabkan tiga hari juga.

Kedua: Dam *takhyīr* dan *taqdīr*. Dan erti *takhyīr* itu [ialah] dikhiyārkan [oleh] Syarak akan perkara yang diwajib[kan] [ke] atasnya daripada beberapa martabat

⁶⁸⁹ (pulang).

⁶⁹⁰ (kelapan).

dengan sekehendaknya. Dan iaitu *dam* wajib sebab bercukur dan mengerat⁶⁹¹ kuku dan memakai segala pakaian yang haram

[Halaman 50]

dan memakai bau-bauan dan *dam* jimak kemudian daripada *taħallul awwal*, maka segala perkara ini wajib [ke] atasnya satu [ekor] kambing atau tiga *kaylān*⁶⁹² makanan yang memadai pada [zakat] fitrah atau ia [ber]puasa tiga hari. Dan jika tercabut satu [helai] bulu atau satu kuku [diwajibkan] satu cupak atau satu hari puasa dan jika dua [helai] bulu atau dua kuku [diwajibkan] dua cupak atau dua hari puasa.

Dan ketiga: *Dam ta'dil* dan *tartīb*. Maka erti *ta'dil* itu [ialah] dipalingkan kepada harga jika lemah ia dan erti *tartīb* itu seperti yang telah tersebut dahulu. Maka iaitu *dam* jimak yang membinasakan haji atau ‘umrah dan *dam hasr*⁶⁹³ itu iaitu ditahan orang akan me[n]*tamāmkan*⁶⁹⁴ hajinya atau ‘umrahnya. Maka wajib ia menyembelih serta ia bercukur. Dan jika lemah ia maka dikira-kira[kan] akan harganya, dibelikan makanan maka disedekahkan [kepada] fakir miskin, maka jika lemah ia dikira-kirakan harga kambing, dibelikan makanan beberapa cupaknya maka ia [ber]puasa sebilang-bilang cupaknya. Maka *dam* jimak itu maka iaitu menyembelih satu [ekor] unta yang memadai pada korban. Maka jika tiada [ber]kuasa maka [satu ekor] lembu, maka jika tiada [ber]kuasa maka tujuh [ekor] kambing yang memadai pada korban. Maka jika tiada [ber]kuasa, dikira-kirakan harga [sekor] unta, dibelikan makanan, maka jika tiada kuasa maka ia

⁶⁹¹ (memotong).

⁶⁹² (cupak).

⁶⁹³ Bermaksud “dikepung atau ditahan pada kesemua jalan dari mengerjakan haji atau ‘umrah”. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 286.

⁶⁹⁴ (menyempurnakan). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 79.

[ber]puasa sebilang-bilang cupak makanan yang [dapat dibeli] daripada harga [sekor] unta itu.

Dan keempat: *Dam takhyir* dan *ta'dil*. Dan makna kedua[-dua]nya itu sudah terdahulu sebutnya. Maka adalah yang wajib *dam* ini iaitu *dam* perburuan dan *dam* kerat kayu di Tanah Ḥarām. Maka iaitu wajib bagi orang yang memburu [binatang] perburuan itu ia menyembelih akan u[m]pama perburuan daripada unta dan lembu dan kambing. Jika binatang itu besar, [maka] besar[lah] balas[an]nya dan jika [binatang] perburuan itu kecil, maka kecil[lah] balas[an]nya dan antara ia beli harga u[m]pama [binatang] perburuan akan makanan dan antara ia [ber]puasa tiap-tiap cupaknya seperti yang telah dahulu sebutnya dan demikian lagi *dam* kerat kayu di Tanah Ḥarām. Bermula *dam* luput *wuqūf* di ‘Arafah itu [ialah] disembelih pada haji qada’ dan *dam* meninggalkan yang wajib atau mengerjakan yang haram, tiada tertentu dengan masa, [se]barang ketika [boleh] dikerjanya, maka memada[i]lah, tetapi tertentu dengan Tanah Ḥarām. Jika menyembelih yakni wajib disembelih pada Tanah Ḥarām dan diberi[kan] dagingnya kepada segala [orang] miskin yang diam padanya sama ada orang Makkah atau orang dagang sekurang-kurangnya tiga orang dan tiada harus ia memakan daripadanya sesuatu.

Masaelah:⁶⁹⁵ Jika menyembelih pada Tanah Ḥarām, kemudian dicuri orang atau dirampasnya

⁶⁹⁵ (Masalah).

[Halaman 51]

maka gugur sembelih[an]nya dan wajib ia mensedekahkan dengan daging sama ada ia sembelih ganti atau ia membeli daging yang sudah disembelih dan wajib ia berniat tatkala membahagi daging kepada fakir miskin jua, tiada wajib niat itu pada ketika menyembelih. Maka wajib bagi orang yang *dihadarkan*⁶⁹⁶ itu menyembelih pada tempat yang *dihadarkan* sama ada pada Tanah Ḥarām atau lainnya dan disedekahkan kepada fakir yang di sana jua. Dan tiada tertentu bagi puasa itu tempat [ber]puasa sama ada [ber]puasa pada Tanah Ḥarām atau di tanah halal memada[i]lah. Bermula tempat *afḍal* menyembelih bagi orang yang [mengerjakan] ‘umrah itu di Marwah dan bagi orang [yang mengerjakan] haji di Minā. Demikian lagi hukum barang yang dibawaknya⁶⁹⁷ daripada *hadyah*, jika bagi ‘umrah di Marwah dan jika bagi haji di Minā. Maka waktunya itu waktu *udhīyyah*.⁶⁹⁸ Maka jika luput Hari *Tasyriq* maka diqada’kan [pada se]barang ketika jika ia [ber]nazar dan jika tiada [ber]nazar maka tiada dituntut lagi.

[2.14] Bab *Ihsār* (Kepungan) Dan Luput *Wuqūf*

Ini satu bab pada menyatakan ditahan [daripada] me[n]*tamānkan*⁶⁹⁹ haji dan ‘umrah dan menyatakan luput *wuqūf* di ‘Arafah. Maka adalah orang yang tertegah daripada me[n]*tamānkan*⁷⁰⁰ haji dan ‘umrah itu beberapa ba[ha]gi[an], setengahnya ditegah oleh seteru sama ada kafir atau Islam. Maka wajib ia [ber]*taḥallul* daripada hajinya atau ‘umrahnya jika tiada jalan yang lain dan tiada

⁶⁹⁶ (dikepung atau ditahan).

⁶⁹⁷ (dibawanya).

⁶⁹⁸ (waktu korban). Bermula dengan masuk waktu Sembahyang Duhā pada Hari Naḥr (Hari Raya Korban) dan berterusan siang dan malam sehingga akhir Hari *Tasyriq*. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 609.

⁶⁹⁹ (menyempurnakan).

⁷⁰⁰ (menyempurnakan).

diharap[kan] dapat *wuqūf* jika ia nanti.⁷⁰¹ Demikian lagi jika ia berkehendak[kan] mengambil [h]artanya atau hendak dicukainya maka makruh ia memberi akan dia karana⁷⁰² menolong [di] atas kuat⁷⁰³ ia me[n]zalim[i] [ke] atas orang Islam atau ada[lah orang] yang menahan itu orang kafir dan kuasa ia melawan akan dia, sunat ia berperang dengan mereka itu supaya didapat[i]nya dua fadilat, satu perang [*Fi Sabillah*] dan kedua fadilat haji. Maka jika diharap[kan] akan hilang tegah[an] itu [dalam masa] tiga hari dan diharapkan dapat *wuqūfnya* maka tiada harus ia [ber]*tahallul*. Maka tegah[an] daripada me[n]tamāmkan⁷⁰⁴ haji sama ada 'ām atau setengahnya⁷⁰⁵ jua sekalipun. Dan [ter]hasillah *tahallulnya* itu [dengan] menyembelih satu [ekor] kambing yang memadai ia pada korban pada tempat yang ditegahkan itu dan diniat[kan] *tahallul* pada ketika menyembelih dan bercukur. Dan jika tiada kambing terhenti *tahallul* itu [di] atas gantinya iaitu dibelikan dengan harga [seekor] kambing akan makanan dan jika tiada, ia [ber]puasa sebilang-bilang cupaknya. Dan harus ia [ber]*tahallul* [se]belum ia [ber]puasa yakni dahulu daripada mengerjakan dia karana⁷⁰⁶ *masyaqqa*⁷⁰⁷ menanti akan selesaiannya. Setengahnya [dengan] sebab [h]utang dan harus orang yang mempunyai [h]utang menegahkan orang yang

[Halaman 52]

ber[h]utang daripada musafir pergi [menunaikan] haji jika sudah sampai ketika pembayar[an]nya, lagi ada ia mempunyai [wang] pembayar[an]nya. Dan setengahnya, suami, harus ia [men]egah akan isterinya daripada

⁷⁰¹ (menunggu).

⁷⁰² (kerana).

⁷⁰³ (menguatkan).

⁷⁰⁴ (menyempurnakan).

⁷⁰⁵ (sebahagiannya).

⁷⁰⁶ (kerana).

⁷⁰⁷ (kepayahan).

me[n]*tamāmkan*⁷⁰⁸ [pekerjaan] haji jika [ber]*iḥrām* ia dengan tiada izinnya, harus ia [men]*taḥallul*[kan] akan dia. Dan setengahnya, tuannya, maka harus ia [men]*taḥallul*[kan] akan sahaya⁷⁰⁹ yang *iḥrāmnya* dengan tiada izinnya. Setengahnya, anak atau cucu, maka harus bagi dua ibubapa atau neneknya manakala [ber]*iḥrām* anak atau cucu menegahkan daripada ia [ber]*iḥrām* dan me[n]*taḥallul* kan kedua[-dua]nya jika ia [ber]*iḥrām* kedua[-dua]nya dengan tiada izin, jika ada haji itu sunat, bersalahnya jika ada haji itu fardu, maka tiada dapat ditegahnya. Maka syaratnya pula harus ia tegah⁷¹⁰ daripada [mengerjakan] haji itu yang lain daripada orang Makkah, maka jika ada ia daripada orang Makkah, tiada [harus] ditegahkan karana⁷¹¹ hampir perjalannya. Maka manakala disuruh orang yang tersebut itu [ber]*taḥallul* yakni suami dan penghulu⁷¹² dan ibubapa, maka wajib [ke] atas mereka itu [ber]*taḥallul* dengan mengerjakan yang telah tersebut dahulu, daripada menyembelih [*dam*] serta [ber]niyat *taḥallul* dan bercukur melainkan sahaya,⁷¹³ maka tiada disembelih [*dam*] dan [tiada] makanan [ke] atasnya dan hanya [wajib ber]puasa juga. Setengah[nya] disyarat[kan] akan [ber]*taḥallul* jika ada sakit atau ketiadaan bekal atau sesat jalannya. Maka harus [se]seorang mensyaratkan [ber]*taḥallul* jika [ter]hasil *masyruṭnya* iaitu sakit atau ketiadaan bekal atau sesat, maka jika disyaratkan dengan menyembelih [*dam*], maka wajib ia menyembelih [*dam*] dan bercukur atau disyarat[kan] dengan ketiadaan *hadyah* atau ia *iflāq* juga, maka ia [ber]*taḥallul* dengan niat dan bercukur.

⁷⁰⁸ (menyempurnakan).

⁷⁰⁹ (hamba).

⁷¹⁰ (menegah).

⁷¹¹ (kerana).

⁷¹² Penghulu di sini bermaksud Kadi atau Sultan. Mereka bertindak sebagai wali kepada individu yang tidak mempunyai wali. Hadith riwayat Ibn 'Abbās: "الْسُّلْطَانُ وَكَيْ مَنْ لَا وَكَيْ لَمْ . . ." Lihat al-Kahlānī (1965), *Subul al-Salām*, j. 3, c. 4. Kaherah: Muṣṭafā al-Ḥalabī, Kitāb al-Nikāḥ, (t. Bāb), no. hadith 12, h. 118.

⁷¹³ (hamba).

Dan jika syarat pada niatnya jika hasil uzur maka jadi halal ia dengan ketiadaan berkehendak *taḥallul* lagi. Adapun hukum orang yang luput *wuqīf* di ‘Arafah maka wajib [ke] atasnya [ber]*taḥallul* ia dengan amal ‘umrah iaitu *tawāfi* dan *sa’i* dan bercukur dan tiada memadai ia daripada ‘umrah Islamnya dan wajib [ke] atasnya *dam* dan *qada*’, disebelih [*dam*] pada haji *qada*’ dan tiada harus ia [ber]sabar hingga haji di hadapan karana⁷¹⁴ *iḥrām* pada satu[-satu] tahun tiada harus dikerjakan pada tahun yang lain dan karana⁷¹⁵ jangan jadi ia *muhrim* dengan haji yang lain daripada bulannya.

[2.15] Penutup: Adab-Adab Menggerjakan Haji, Amalan-Amalan Yang Batin Dan Rahsia-rahsia Ibadat Haji

Ini suatu **khātimah**⁷¹⁶ pada menyatakan adab yang halus dan menyatakan segala amal yang batin dan menyatakan rahsia makna yakni hikmat yang dituntut pada haji. Ketahui

[Halaman 53]

olehmu adalah bagi haji beberapa adab yang halus-halus. Maka tak dapat tiada bagi orang yang berkehendak[kan] kesempurnaan hajinya pada Allah S.W.T. ia memeliharkan beberapa adab ini. Pertama: Bahawa adalah bekal[an]nya itu halal atau yang kurang *syubhahnya* dan sunyi ia daripada membawak⁷¹⁷ [barang-barang untuk tujuan] perniagaan karana⁷¹⁸ perniagaan itu membi[m]bangkan hati

⁷¹⁴ (kerana).

⁷¹⁵ (kerana).

⁷¹⁶ (penutup).

⁷¹⁷ (membawa).

⁷¹⁸ (kerana).

dan [me]masyghūl[kan]⁷¹⁹ ia daripada berhadap kepada Allah Ta'ala, lagi berpaling hati itu kepada *dhikrullāh* dan membesarkan segala *masyā'irullāh*. Maka perniagaan itu menegahkan berhadap hati kepada Allah dan tiada dapat ia hendak mendirikan *dhikrullāh* pada kebanyakan makhluk. Maka diceritera[kan]⁷²⁰ daripada hadith dengan sabdanya:

إِذَا كَانَ آخِرُ الزَّمَانِ خَرَجَ النَّاسُ إِلَى الْحَجَّ أَرْبَعَةَ أَصْنَافٍ، سَلَاطِينُهُمْ لِلنُّزُفَةِ وَأَغْنِيَاهُمْ لِلتَّجَارَةِ

وَقَرْأَتِهِمْ لِلْمَسَالِةِ وَفَقَرْأَتِهِمْ لِلسَّمَعَةِ.⁷²¹

[Maksudnya]: Apabila adalah pada akhir zaman keluar manusia kepada haji itu empat bahagi[an], raja-raja karana⁷²² bersuka-suka dan [ber]senang-senang dan orang kaya mereka itu karana⁷²³ bernesiga dan segala *fuqarā'* karana⁷²⁴ memintak-mintak⁷²⁵ dan *qāri'*⁷²⁶ mereka itu karana⁷²⁷ *riyā'* dan karana⁷²⁸ dipuji orang akan dia [*sum'ah*]. Dan pada khabar ini me[ng]isyaratkan perhimpun[an]nya yang tersebut itu daripada *gharaḍ*⁷²⁹ berkehendak[kan] akan dunia. Maka yang demikian itu menegahkan daripada mendapat akan *fadīlat* haji. Istimewa pula ia bernesiga dengan diri hajinya seperti ia mengambil upah haji, maka jadilah ia

⁷¹⁹ (menyibukkan). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 200.

⁷²⁰ (diriwayatkan).

⁷²¹ Al-Zubaydi (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 433; Al-Ghazzali (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 475.

⁷²² (kerana).

⁷²³ (kerana).

⁷²⁴ (kerana).

⁷²⁵ (meminta-minta).

⁷²⁶ (pembaca al-Qur'an). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 335.

⁷²⁷ (kerana).

⁷²⁸ (kerana).

⁷²⁹ (tujuan). *Ibid.*, h. 293.

menuntut dunia dengan amal akhirat, melainkan ada ia *qasad* karana⁷³⁰ ia duduk di Makkah dan diambil upah haji akan [men]jadi bekal[an]nya, maka tiada mengapa dengan *qasad* itu. Dan mengqasadkan tatkala itu ia hendak duduk [men]ziarah[i] *bayt Allāh* dan menolongkan saudaranya yang [se]sama Islam dengan me[ng]gugur[kan] fardu [haji] daripadanya, tetapi seyogianya⁷³¹ jangan ia mengambil akan adat.

Kedua: Jangan ia menolong akan seteru Allah dengan memberi cukai dan mereka itu yang menahankan manusia daripada Masjid al-Harām, maka memberi akan mereka itu menolong [ke] atas [ke]zalim[an] mereka itu. Maka hendaklah [ber]lemah lembut dengan tipu daya dan helah supaya [ter]lepas daripada [ke]zalim[an]nya. Maka jika tiada boleh [me]lepas[i] daripadanya, maka kata kebanyakan ulamak tiada mengapa ia kembali dan jangan diberi[kan] [h]arta kepada mereka itu.

Ketiga: Membanyak[kan] akan bekal[an] serta menolong akan orang yang keputusan [bekalan] dan orang yang lapar dan berbuat kebajikan dengan baik hatinya dan suka ia kepada mengerjakan dia. Dan jangan karana⁷³²

[Halaman 54]

bersedap-sedap pada makanan dan pakaian dan kenderaan bagi dirinya. Sabda Nabi S.A.W. tatkala ditanyakan haji *mabrūr*:

طَيِّبُ الْكَلَامُ وَإِطْعَامُ الطَّعَامِ.⁷³³

⁷³⁰ (kerana).

⁷³¹ (sebaik-baiknya).

⁷³² (kerana).

Ertinya: Makna haji *mabrūr* itu [ialah] membaikkan perkataan dan memberi makan akan makanan.

Keempat: Meninggalkan sia-sia perkataan dan meninggalkan daripada mengerjakan bagi maksiat dan meninggalkan berbantah-bantah[an] daripada memaki orang dan mengu[m]pat-ngu[m]pat dan mengadu [domba] dan meninggalkan berbantah-bantah[an] dan lain[-lain]nya. Dan seyogianya⁷³⁴ menolongkan menasihat[i] akan hamba Allah atau ia berlajar⁷³⁵ pada jalannya ilmu yang memberi manfaat jika ada ia orang itu jahil.

Kelima: Bahawa ia [menunaikan] haji itu jika [ber]kuasa ia dan tiada [men]jadi kesusahan dan kesakitan dan picit⁷³⁶ hati, dan jika tiada [ber]kuasa atau membawak⁷³⁷ akan picit⁷³⁸ hati dan keluh kesah maka berkenderaan itu *af'āl*. Maka dengan karana⁷³⁹ inilah wasiat Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Abbās r.a. akan anaknya dengan katanya: “Hai anakku! Haji[lah] kamu [dengan] berjalan kaki. Maka bahwasanya bagi orang [yang menunaikan] haji [dengan] berjalan itu bagi tiap-tiap langkah yang ia langkah, [balasannya] tujuh ratus kebajikan daripada kebajikan Tanah Ḥarām.” Maka ditanya orang: “Apa[kah] kebajikan Tanah

⁷³³ *Al-Kutub al-Sittah* (1981), *Musnad Aḥmad Ibn Ḥanbal*, op. cit., j. 4, h. 385 dan 387; Al-Zubaydī (t.t.), op. cit., j. 4, h. 434; Al-Ghazzālī (t.t.), op. cit., j. 3, h. 477.

⁷³⁴ (sebaik-baiknya).

⁷³⁵ (belajar).

⁷³⁶ (picik).

⁷³⁷ (membawa).

⁷³⁸ (picik).

⁷³⁹ (kerana).

Harām [itu]?" Katanya: "Satu kebajikan [dibalas] dengan seratus ribu."⁷⁴⁰ Kata setengah ulamak: "Berkenderaan itu *afdal* karana⁷⁴¹ adalah padanya itu daripada membuangkan [h]arta dan membelanjakan kebajikan dan lagi jauh daripada picit⁷⁴² hati.⁷⁴³

Keenam: Bahawa ia menu[ng]gang itu di atas belakang unta, jangan dengan *muḥmil*⁷⁴⁴ iaitu u[m]pama sekedup dan *syibrīyyah*.⁷⁴⁵ Maka yang demikian tiada menyakiti akan binatang dan menyerupa[i] ia pula daripada orang yang mengambil kesedapan dan kemegahan. Maka adalah Nabi S.A.W., ia menu[ng]gang [di] atas kenderaan adalah pelapitnya⁷⁴⁶ buruk lutuk-lutuk,⁷⁴⁷ harganya [cuma] empat *dirham*.⁷⁴⁸

"يَا أَيُّهَا الْمُشْرِقُ، فَإِنَّ لِلْحَاجَ الْمُأْشِيِّ يَكُلُّ حَطْوَةً يَخْطُوْهَا سَبْعَةَ حَسَنَةٍ مِّنْ حَسَنَاتِ الْحَرَمِ، قَالَ: وَمَا حَسَنَاتُ الْحَرَمِ؟ قَالَ: الْحَسَنَةُ بِمَا تَهْدِي أَنْفَكَ". Lihat Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 477.

⁷⁴¹ (kerana).

⁷⁴² (picik).

⁷⁴³ Lihat kenyataannya dalam *ibid.*, j. 3, h. 478. 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. berkata: "شُلُّوا الرَّحَالَ فِي الحَجَّ فَإِنَّمَا يَرْجُوا أَنْ يَكُونُ مُؤْمِنًا". Lihat Ibn Hajar al-'Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 7. Kitāb al-Hājj, Bāb al-Hājj 'alā al-Rāḥl, no. ḥadīth 1516, h. 153. Dalam riwayat lain, 'Abdullāh bin Anas berkata: "حج أنس على رحل ولم يكن شحيحا". Lihat *ibid.*, no. ḥadīth 1517. Tersebut dalam riwayat Hisyām bin 'Urwah bahawa 'Uthmān bin 'Affān merupakan orang pertama mengerjakan haji dengan menunggang unta yang mana tempat duduknya tidak berlapik. Beliau bukan seorang yang kedekut, tetapi menggambarkan sifat merendah diri dan mengikut perbuatan Nabi S.A.W., bukan kerana kekurangan harta atau bakhil. *Ibid.*, h. 153.

⁷⁴⁴ (pengangkut). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 109.

⁷⁴⁵ Penulis tidak menemui maksudnya.

⁷⁴⁶ (pelapiknya).

⁷⁴⁷ (sangat usang).

⁷⁴⁸ Riwayat Ibn Mājah: "وَحَدَّثَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَجَّ عَلَى رَحْلٍ رَثٍ وَقَطْبِيَّةٌ تُسَاوِيْ أَرْبَعَةَ ذَرَاهِمَ، ثُمَّ قَالَ: اللَّهُمَّ حَجَّةٌ لَا رِيَاءَ فِيهَا وَلَا سُمعَةَ". Ibn Hajar al-'Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 7. Kitāb al-Hājj, Bāb al-Hājj 'alā al-Rāḥl, no. ḥadīth 1517, h. 153.

Ketujuh: Bahawa adalah dengan kelakuan lutuk-lutuk,⁷⁴⁹ kusut rambut, berdebu-debu tubuh, jangan membanyakkan perhiasan dan cenderung kepada kemegahan. Dan seyogianya⁷⁵⁰ taulan⁷⁵¹ itu orang *fugara'* dan *masākin*.

Kedulapan:⁷⁵² ia melemah lembut dan kasih sayang akan binatang. Maka jangan ia tengking akan dia akan yang tiada kuasa ia menengking. Dan lagi jangan ia membanyakkan tidur di atasnya melainkan sedikit, yang tiada dapat tiada daripadanya. Dan sunat ia turun berjalan pada pagi-pagi dan petang-petang dan jangan ia memuatkan sesuatu yang tiada dimasuk[kan] di dalam sewanya. Maka hendaklah ia [me]lihat[kan] akan empunya binatang segala barang-barang yang ia hendak

[Halaman 55]

dimuat[kan]nya seperti yang dihikayat[kan] daripada Ibn al-Mubārak,⁷⁵³ ada seorang laki-laki hendak berkirim kepadanya [melaluinya sepucuk] surat, maka katanya: “Hingga aku khabarkan empunya jamal⁷⁵⁴ dahulu.” Demikian orang yang salih-salih pekerjaan mereka itu menyungguhkan waraknya.⁷⁵⁵

⁷⁴⁹ (usang).

⁷⁵⁰ (sebaik-baiknya).

⁷⁵¹ (kawan atau rakan).

⁷⁵² (Kelapan).

⁷⁵³ Beliau ialah Abū ‘Abd al-Rahmān, ‘Abdullāh bin al-Mubārak bin Wadih al-Hanzalī al-Tamimī al-Mirwāzī. Dilahirkan pada tahun 118H/736M. Seorang hāfiẓ, Syeikh al-Islām, pejuang, peniaga, seorang pengarang dan pengembara. Beliau mengumpul Ḥadīth, Fiqh, Bahasa Arab dan Sejarah. Beliau adalah penduduk Khurasān dan meninggal dunia pada tahun 181H/797M. di Hayt iaitu ditebing sungai Furāt. Lihat al-Ziriklī (1989), *op. cit.*, j. 4, h. 115.

⁷⁵⁴ (unta).

⁷⁵⁵ Lihat keterangannya dalam Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 480.

Kesembilan: Bahawa hendak[lah] menda[m]pingkan dirinya kepada Allah dengan menyembelih *hadyah*⁷⁵⁶ dan jikalau tiada wajib [ke] atasnya sekalipun.⁷⁵⁷ Maka seyogianya⁷⁵⁸ ada[lah binatang] yang terlebih baik, lagi yang ia kasih[i], lagi *thamīn*⁷⁵⁹ seperti yang diceritera[kan]⁷⁶⁰ daripada Sayyidinā ‘Abdullāh bin ‘Umar, adalah ia hendak menyembelih satu [ekor] unta, maka ditawar orang [dengan harga] tiga ratus *dīnār*.⁷⁶¹ Maka katanya: “Hingga aku tanyakan Nabi S.A.W.” Maka ditanya[nya], maka katanya: “Aku jual[kan] unta ini [dan] aku belikan beberapa [ekor unta yang lain sebagai] gantinya.” Maka ditegahnya, maka bersabdanya [Nabi S.A.W.]: “Tetapi engkau *hadyahkan*⁷⁶² dengan [unta] ini.” Maka diketahui daripadanya bukan [disembelihnya] banyak ekor dan hanya [unta] yang dikasih[i] itu *awlād*⁷⁶³ [disembelih] daripada [unta] yang tiada dikasih[i]nya.⁷⁶⁴

Dan kesepuluh: Hendaklah baik hatinya daripada barang yang ada ia nafkahkan dan daripada *hadyah*⁷⁶⁵ dan barang yang [ter]hasil daripada kerugian dan kehilangan dan lain[-lain]nya pada dirinya dan pada [h]artanya jika ada [ter]hasil baginya sesuatu daripada yang demikian itu. Maka adalah segala perkara itu

⁷⁵⁶ (penyembelihan).

⁷⁵⁷ Rasulullah S.A.W. ditanya mengenai haji yang paling afdal, Baginda menjawab: أَفْضَلُ الْحَجَّ أَعْجَزُ الْعَجْزِ وَالثَّلِاثَةُ. "Al-'ajj bermaksud mengangkat suara ketika bertalbiyyah, manakala maksud *al-thajj* pula ialah mengalirkan darah dengan menyembelih binatang dan berkurban. Lihat al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2. Kitāb al-Hajj, Bāb al-Targhib fī al-Iḥrām wa al-Talbiyyah wa Raf' al-Šawt bihā, no. hadith 6, h. 189; Ibn Qudāmah (1972), *op. cit.*, j. 3, h. 254.

⁷⁵⁸ (sebaik-baiknya)

⁷⁵⁹ (berharga tinggi atau mahal). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 82.

⁷⁶⁰ (diriwayatkan).

⁷⁶¹ Wang emas seberat 4.25gm. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 1, h. 75.

⁷⁶² (korbankan).

⁷⁶³ (lebih utama).

⁷⁶⁴ Lihat keterangannya dalam al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 480.

⁷⁶⁵ (korbankan).

tanda haji *magbūl*.⁷⁶⁶ Dan tiap-tiap yang [ter]hasil daripada [pem]bela[an] pada jalan haji itu seperti membelanja[kan] [untuk] [pe]perang[an] [*Fi*] *Sabillillāh*, satu *dirhām*⁷⁶⁷ dengan tujuh ratus *dirhām*, maka sekelian itu adalah sia-sia pada Allah Ta'ala. Dan [di antara] tanda[-tanda] haji *magbūl* itu [ialah] meninggalkan barang yang ada daripada maksiat dan ditukarkan dengan segala taulan⁷⁶⁸ yang sia-sia dengan taulan⁷⁶⁹ yang salih-salih dan kedudukan tempat lalai dengan tempat zikir dan jaga.⁷⁷⁰ Adapun amal[an] yang batin itu, seyogianya⁷⁷¹ ia faham[i] akan erti haji daripada awal perbuatan hingga akhirnya serta ia mengambil fikir dan peringatan bagi dirinya akan pekerjaan haji dengan pekerjaan perjalanan ia ke Akhirat. Maka iaitu awal yang jatuh bagi orang yang hendak haji itu ia rindu kepada [mengerjakan] haji. Kemudian maka [ber]cita[-cita] ia atasnya, kemudian maka diputuskan⁷⁷² akan segala yang menegah daripada [mengerjakan] haji. Kemudian ia membeli kain *iḥrām*, kemudian maka ia membeli bekal[an] dan menyewa kenderaan, kemudian berjalan keluar daripada negerinya, masuk di dalam padang, kemudian [ber]*iḥrām* daripada *Miqāt* dengan [ber]*talbiyyah*. Kemudian masuk [ke] Makkah, kemudian ia me[n]*tamāmkan*⁷⁷³ segala perbuatan haji. Maka adalah tiap-tiap satu itu ada yang mengingatkan bagi orang yang mengambil iktibar dan menjaga bagi *muriid*⁷⁷⁴ yang benar dan memberi isyarat bagi orang yang

⁷⁶⁶ (haji yang diterima).

⁷⁶⁷ Wang perak beratnya 3.17gm. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 1, h. 75.

⁷⁶⁸ (rakan atau kawan).

⁷⁶⁹ (rakan atau kawan).

⁷⁷⁰ Lihat al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 481.

⁷⁷¹ (sebaik-baiknya).

⁷⁷² (diatasi).

⁷⁷³ (menyempurnakan).

⁷⁷⁴ (orang yang mencari kebenaran).

cerdik, maka hendaklah kita fahamkan baik-baik.⁷⁷⁵ Maka ketahui olehmu, tiada dapat sampai kepada Allah sekali-kali melainkan ia menyucikan daripada segala keinginan dan ia menegahkan daripada segala yang lazat-lazat yang ia jinak⁷⁷⁶ dengan dia. Dan hendaklah menyimpulkan atas yang tak dapat tiada padanya dan bersuni dirinya bagi Allah S.W.T. dengan bertetapi⁷⁷⁷ kepada bukit-bukit supaya liar⁷⁷⁸ dengan makhluk. Maka didapat[i]nya jinak⁷⁷⁹ dengan Tuhan⁷⁸⁰. Dan ketahui[lah] pula bahwasanya Allah S.W.T. menjadikan *bayt Allāh* tempat *qaṣad* segala manusia karana⁷⁸¹ Ia [me]muliakan dia. Maka sebab itulah diidāfatkan⁷⁸² bagi diriNya hingga dikata[kan] Bayt Allāh, sebab [Dia] membesarlu kadarnya. Maka dijadikan dia tempat *qaṣad* hamba[Nya] mengerjakan ibadat dan dijadikan kelilingnya itu halaman RumahNya, membesarlu bagi pekerjaannya dan [men]jadikan ‘Arafah itu seperti tempat bertembung pada halaman KolamNya [Hawd]. Dan ditegahkan kemuliaan tempat dengan diharamkan berburu dan mekerat⁷⁸³ kayu. Dan dihantarkan atas u[m]pama hadrat raja-raja. Maka menyahaja⁷⁸⁴ segala orang yang [ber]ziarah daripada pihak jalan yang jauh, kusut lagi berdebu-debu karana⁷⁸⁵ merendahkan bagi empunya Rumah dan menetapkan kehinaan bagi kebesaranNya yakni mengaku segala hamba-hambaNya akan

⁷⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁷⁶ (suka atau hampir).

⁷⁷⁷ Berada di sesuatu tempat atau bertapa. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 1438. Ejaan jawinya ialah (برْتَقَى).

⁷⁷⁸ (terasing atau jauh).

⁷⁷⁹ (hampir).

⁷⁸⁰ Lihat al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 482.

⁷⁸¹ (kerana).

⁷⁸² (disandarkan atau dihubungkan). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 232.

⁷⁸³ (mengerat).

⁷⁸⁴ (sengaja atau dengan penuh kerelaan).

⁷⁸⁵ (kerana).

keadaan Allah Ta'ala itu Maha Suci daripada diliputi oleh tempat dan diliputi oleh negeri dan hanya diu[m]pamakan banding[an] supaya mengetahui oleh orang yang [menunaikan] haji akan hikmat Ilahi, maka [ter]hasil[lah] dengan dia [perasaan] hebat dan takut dan me[ng]ihtirāmkan *bayt Allāh*, serta mengaku dengan Maha Suci daripada meliputi Allah Ta'ala oleh tempat. Dan masuk di dalam negeri, maka yang demikian sehingga-hingga pada menyatakan kehambaan dan karana⁷⁸⁶ inilah disuruh ia mengerjakan akan beberapa amal[an] yang tiada berjinak⁷⁸⁷ hati dengan dia oleh nafsu dan tiada dapat penu[n]juk oleh akal seperti melo[n]tar batu kepada Jamrah dan berulang-ulang antara Ṣafā dan Marwah. Maka ia menuju[n]jung titahNya memberi ketahui akan kesempurnaan kehambaan itu menuju[n]jungkan titah dan memjumūdkan⁷⁸⁸ bagi hawa nafsunya menuntut keredaan TuhanYa. Maka adapun rindu itu hanya yang membangkitkan dia sebab diketahui bahawasanya Ka'bah itu *bayt Allāh*, dihantarkan atas u[m]pama *mithāl* hadrat raja-raja. Maka orang yang menyahajakan⁷⁸⁹ dia menyahajakan⁷⁹⁰ Allah dan me[n]ziarah[i] akan dia dan bahawasanya barang siapa me[n]ziarahkan RumahNya di dalam dunia [ini] maka sebenarnya pula diharap[kan] akan me[n]ziarah[i] akan Dia pada [hari] Akhirat dan ia memandang akan Dia pada Syurga [nanti], negeri yang kekal sebab didindingkan melihat akan Dia dengan mata kepala di dalam dunia [ini] karana⁷⁹¹ bahawasanya mata kepala yang binasa, singkat lagi diaf memandang kepadaNya, tiada [ber]kuasa pada dunia ini, maka lagi akan dikuatkan dia hingga dapat memandang kepada[Nya]

⁷⁸⁶ (kerana).

⁷⁸⁷ (tidak menarik hati).

⁷⁸⁸ Beku atau kaku. *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 548.

⁷⁸⁹ (rela dan ikhlas).

⁷⁹⁰ (diterima oleh Allah).

⁷⁹¹ (kerana).

[Halaman 57]

[di] Akhirat. Adapun cita-cita itu maka diketahuinya bahwasanya diputuskan cita[-cita] ia menyahaja⁷⁹² hendak bercerai dengan ahlinya dan negerinya dan berpindah ia daripada segala keinginannya, pada hal ia berhadap[kan] kepada [men]ziarah[i] *bayt Allāh* karana⁷⁹³ membesar[kan] akan Dia dan diketahuinya bahwasanya ia [berada] [di] atas pekerjaan yang tinggi kelakuannya. Maka hendaklah menjadikan *qaṣadnya* itu putus lagi *khāliṣ* bagi Allah, jangan dicampurkan *riyā'* dan *sum'ah*. Maka bahwasanya Allah S.W.T. tiada diterima[Nya] daripada [sesuatu] amal[an] melainkan yang *khāliṣ* bagiNya juga dan sejaht-jahat orang itu bahawa ia me[ng]*qaṣad*[kan] rumah raja-raja dan halaman raja-raja dan *qaṣadnya* akan yang lain daripada raja. Dan adapun memutuskan segala yang menegahkan itu iaitu maknanya ia kembalikan segala yang ia [men]zalimkan orang dan hendak[lah] ia [ber]taubat daripada segala dosanya. Maka tiap-tiap yang menegahkan itu u[m]pama orang yang ber[h]utang yang hadir padanya yang bergantung akan dia dan bertarik dengan katanya: "Ke mana engkau hendak berhadap? Ke rumah raja-raja dan engkau mensia-siakan suruhannya pada rumahmu dan meringan-ringankan pekerjaannya, maka tiada malu-malu engkau datang masuk kepada raja seperti masuk hamba yang berdosa. Maka ditolak akan dikau dan tiada diterimanya. Maka jika engkau gemar akan diterima ziarah engkau maka ju[n]jung[lah] titahNya dan kembalikan segala yang engkau zalim[i] dan [ber]taubat kepadaNya daripada segala maksiat. Maka jika tiada ia mengerjakan seperti itu tiada ada perjalan[an] engkau itu melainkan

⁷⁹² (rela).

⁷⁹³ (kerana).

panat⁷⁹⁴ jua. Adapun bekal[an] itu maka hendak[lah] engkau tuntut yang halal lagi yang dapat akan [men]jadi bekal[an] akan perjalanan yang tiada takut binasa pada pertengahan jalan jua sebelum lagi ia sampai kepada tempat yang *dīqāṣad*[kan]nya. Maka hendaklah ia ingatkan bahawa perjalanan Akhirat itu sangat jauhnya dan adalah bekal[an]nya itu [ialah] takut akan Allah Ta'ala dan barang yang lain yang ia sangka akan bekal[an] itu sekeliannya ketinggalan daripadanya, maka apabila mati maka tiada dapat akan dia sesuatu. Demikian lagi bekal[an]nya yang basah⁷⁹⁵ binasa setengah jalannya, maka apabila sampai kepada tempat yang hendak *dīqāṣad*nya maka tiada didapat[i]nya sesuatu. Maka duduk menyesal akan sebagai sesal. Adapun kenderaan, maka apabila ia hadirkan dia maka hendaklah ia [ber]syukur kepada Allah Ta'ala banyak-banyak dengan hatinya sebab dimudahkan Allah 'Azza wa Jalla,

[Halaman 58]

dapat ia menanggung bekal[an]nya dan meringankan daripadanya segala kesukaran. Maka hendaklah ia ingat kenderaan yang lagi akan ia kendera kepada negeri Akhirat. Dan iaitu pengusung, maka hendaklah ia tilik akan bekal[an] dan kenderaan yang patut ia buat bekal dan kenderaan bagi matinya. Barangkali adalah kenderaan Akhirat terlebih hampir daripada kenderaan dunia. Adapun membeli dua kain *iḥrām* itu maka ia ingatkan kain kapan dan balut[an]nya tatkala dikapankan dia, maka bahwasanya lagi akan ia memakai dan berselendang tatkala hampir [dengan] *bayt Allāh*, demikian lagi tatkala hampir ia berhadap kepada Allah dibalut seperti itu jua. Adapun keluar ia daripada negeri itu maka diketahui bahwasanya ia bercerai dengan ahlinya dan tempat kediamannya,

⁷⁹⁴ (penat).

⁷⁹⁵ (rosak atau busuk).

berhadap ia kepada Allah 'Azza wa Jalla pada musafir yang tiada dapat dibanding[kan] dengan *safar* [di] dunia ini. Maka ia hadir[kan] pada hatinya bahawasanya apa yang ia kehendak[i] dan ke mana ia berhadap. Dan [men]ziarah[i] akan orang yang *digaśad*[kan]nya bahawasanya ia berhadap kepada Raja bagi segala raja di dalam jamaah orang yang ziarah, yang adalah mereka itu apabila diseruNya maka [mereka] menjawab. Maka jika [mereka] rindukan maka ia rindu. Maka adalah mereka itu memutuskan segala yang menegahkan perjalanan dan berhadap mereka itu kepada *bayt Allāh* yang dibesarkan kadarnya, hal keadaannya me[ng]hiburkan hatinya dengan melihat *bayt Allāh*. Dan lagi akan berjumpa akan Tuhan Yang Empunya *bayt Allāh* dan dilihatnya Wajah Yang Mulia. Dan adapun masuk kepada padang dan dusun itu hingga sampai kepada Miqāt dan dilihat[nya] akan beberapa bukit maka hendaklah ia ingatkan padanya antara keluarnya daripada dunia dengan [ke]mati[an] kepada Miqāt Hari Kiamat dan barang yang antara keduanya daripada haru⁷⁹⁶ hara. Dan tuntutan maka diingatkan daripada haru [huru] hara yang memutuskan jalan iaitu Munkar dan Nakīr dan daripada binatang yang buas pada padang, akan kala [jengking] yang di dalam kubur dan ulat yang padanya dan barang yang ada di dalamnya daripada ular yang padanya dan daripada seorang [diri] dan [ter]asing daripada *ahlī*⁷⁹⁷nya dan segala kerabatnya akan liar⁷⁹⁷ [dari] kubur dan [ke]seorangan. Dan adapun *iḥrām*nya dan *talbīyah*nya pada Miqāt itu maka hendaklah diketahuinya akan maknanya itu, menjawab ia akan seru[an] Allah 'Azza wa Jalla. Maka engkau [meng]harap[kan] akan *qabūl*Nya dan engkau takut akan dikataNya bagimu:

⁷⁹⁶ (huru).

⁷⁹⁷ (lari).

Maka jadikan dirimu antara takut dan harap dan membuangkan daya dan upaya dan

[Halaman 59]

berpagang⁷⁹⁹ [di] atas kurnia[an] Allah Ta'ala dan kemurahannya karana⁸⁰⁰ adalah waktu *talbiyyah* itu awal pekerjaan dan tempat kebinasaannya. Karana⁸⁰¹ inilah tatkala haji Sayyidinā Ḥasan anak [Ibn] ‘Alī⁸⁰² maka tatkala [ber]*ihrām* dan menu[ng]gang ia [di] atas kenderaannya, kuning warna tubuhnya dan gementar tubuhnya dan jatuh ia terkejut dan tiada [ber]kuasa ia [mengucapkan] *talbiyyah*. Maka dikata orang: “Apa sebab tiada engkau [ber]*talbiyyah*?” Maka jawabnya: “Aku takut bahawa dikata[kan] bagiku:

لَا تَبِعْكَ وَلَا سَعْدَيْكَ.

Maka tatkala [ber]*talbiyyah* ia maka pengsan [di] atasnya dan jatuh ia daripada kenderaannya, maka sentiasa demikian itu hingga selesai hajinya.⁸⁰³ Adapun masuk [ke] Makkah itu maka [di]ingatkan padanya bahawasanya sampai ia kepada Ḥarām Allah dan umatNya dan engkau [meng]harap[kan] [ke]padanya

⁷⁹⁸ مَنْ حَجَّ بِتَمَالٍ حَرَامٌ فَقَالَ: لَيْكَ اللَّهُمَّ لَيْكَ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: لَا تَبِعْكَ وَلَا سَعْدَيْكَ وَحَمْدُكَ مَرْدُودٌ عَلَيْكَ. Lihat al-Hindī (1985), *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Ḥajj, Bāb Fī Ādāb al-Ḥajj wa Maḥzūrātih, no. hadith 11900, hlm. 27; Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 181.

⁷⁹⁹ (berpegang).

⁸⁰⁰ (kerana).

⁸⁰¹ (Kerana).

⁸⁰² Beliau ialah Al-Imām, Al-Hasan bin ‘Alī bin Abī Tālib bin ‘Abd al-Muṭalib bin Hāsyim bin ‘Abd Manāf. Cucu kesayangan Rasūlullāh S.A.W dan ketua pemuda-pemuda penghuni Syurga. Digelar Abū Muḥammad al-Hāsyimi al-Madani al-Syahid. Dilahirkan pada bulan Sya'bān, tahun ke 3H. Menghafaz hadith daripada datuk, bapa dan emaknya. Lihat al-Dhahabi (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 97.

⁸⁰³ Lihat keterangannya dalam al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 486.

bahawa diamankan dengan masuk ke Makkah daripada syeksa⁸⁰⁴ Allah dan takut bahawa tiada ada engkau itu ahli bagi menda[m]pingkan dirinya. Maka adalah masuk ia ke Tanah Ḥarām itu sia-sia lagi jahat jua dan sebenar[nya] [mendapat] [ke]murka[an]Nya, maka jadikan harap[an]mu itu pada segala waktumu. Maka kemurahanNya itu amat meliputi dan kemuliaan *bayt Allāh* itu amat besar, bahawa tiada disia-siakan perjalanamu. Adapun tatkala melihat akan *bayt Allāh* maka seyogianya⁸⁰⁵ bahawa ia hadir[kan] padanya kebesaran *bayt Allāh* pada hatinya dan dikira-kirakan seu[m]pama ia melihat bagi Tuhan yang mempunyai *bayt Allāh* dengan sangat ia membesarkan Dia dan [meng]harap[kan] bahawa ia, memberi [diberi] rezeki [oleh] Allah Ta'ālā melihat kepada MukaNya Yang Mulia seperti dilihatkan kamu di dalam dunia kepada RumahNya. Dan [ber]syukur akan Allah Ta'ala [di] atas bahawa disampaikan kamu akan martabat ini dan dihubungkan kamu daripada perhimpunan orang yang [ber]ziarah. Dan engkau ingat[kan] pula tatkala di Padang *Maḥsyar*, setengahnya diizinkan kepada Syurga, kemudian maka terbahagi mereka itu setengahnya diizinkan pada [me]masuk[inya] dan setengahnya dipalingkan [darinya] seperti terbahagi orang haji kepada *maqbūl*⁸⁰⁶ dan *mardūd*.⁸⁰⁷ Adapun *tawāf* pada *bayt Allāh*, maka ketahui[lah] olehmu bahwasanya ia sembahyang yakni seperti sembahyang, maka engkau hadir[kan] pada hatimu di dalamnya daripada membesarkan Dia dan takut [kepadaNya] dan [meng]harap[kan] [rahmatNya] dan kasih [kepadaNya]. Dan ketahui[lah] olehmu bahawa engkau *tawāf* itu diserupakan dengan Malaikat yang *muqarrabīn*, yang berkeliling pada 'Arasy. Dan jangan engkau sangka[kan] bahwasanya maksud kamu *tawāf* dengan tubuhmu pada *bayt Allāh* dan tetapi maksud *tawāf*.

⁸⁰⁴ (Azab atau denda). *Kamus Dewan* (1998), *op. cit.*, h. 958.

⁸⁰⁵ (sebaik-baiknya).

⁸⁰⁶ (diterima). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 330.

⁸⁰⁷ (ditolak). *Ibid.*, h. 140.

hatimu dengan menyebut Tuhan yang mempunyai Rumah ini hingga tiada engkau memulai zikir melainkan daripadanya dan engkau sudahi pun kepadanya seperti engkau mulai *tawaf* daripada *bayt Allāh* dan engkau sudahi

[Halaman 60]

dengan *bayt Allāh*. Dan ketahui[lah] olehmu bahawasanya *tawāf* itu [ialah] *tawāf* [dengan] hati, dengan hadrat *rubūbīyyah*[Nya] dan bahawasanya *bayt* ini zahirnya pada *ālam Malak* yang ia pada hadrat *ālam Musyāhadah* dan Ia pada *ālam Ghā'ib*, *ālam Malakūt*, yang Ia memandang dengan *Bašīrah*. Dan adapun *istilām* Hajar Aswad itu maka iktikadkan dengan dia padanya itu engkau mengambil janji bagi Allah 'Azza wa Jalla [di] atas mengerjakan [ke]taat[an], maka memajamkan⁸⁰⁸ cita[-cita]mu itu [di] atas menyempurnakan janjimu itu. Maka barang siapa membuangkan janji, sebenarnya disyeksa⁸⁰⁹ dan dimurka[i] dan orang yang menyempurnakan dia sebenarnya [men]dapat pujian dan diampun[kan] dan [akan mendapat] pahalanya. Adapun bergantung pada tirai *bayt Allāh* itu, maka jadikan[lah] niatmu pada bergantung itu menuntut hampir dan kasih dan rindu bagi *bayt Allāh* dan bagi Tuhan yang empunya *bayt* dan karana⁸¹⁰ mengambil *tabarruk* bersentuh dengan dia dan [meng]harap[kan] bahawa dipelihara[kan] akan dia daripada api neraka tiap-tiap juzuk yang bersentuh dengan dia. Dan jadikan pula niatmu itu menyungguh-nyungguh pada menuntut ampun dan memohonkan ampun dan [ke]aman[an] seperti orang yang berdosa bergantung kepada kain orang yang dikerjakan dosa serta merendahkan diri, diharapkan [ke]ampunannya. Adapun *sa'i* berulang-ulang antara Ṣafā dan Marwah di hadapan halaman *bayt Allāh* iaitu menyerupa[i] dengan hamba, berulang-ulang

⁸⁰⁸ (memajangkan). Bermaksud “menjazamkan”.

⁸⁰⁹ (akan disyeksa).

⁸¹⁰ (kerana).

pada halaman raja, pergi [dan] datang sekali kemudian daripada sekali me[n]zahirkan [ke]jiklas[an] pada [memberi] khidmat. Dan me[ng]harapkan bahawa [Allah Ta'ala] memandangkan dia dengan rahmatNya seperti orang [yang] masuk kepada raja dan keluar ia tiada mengetahui apa yang dihukumkan oleh raja pada haknya, diterima atau ditolak. U[m]pamakan pula berulang-ulang engkau kepada dua daun neraca *Ṣafā* itu seperti daun kebajikan dan Marwah itu seperti daun kejahatan, pergi [dan] datang melihatkan adalah berat daun kebajikannya, maka diharap[kan] akan [ke]ampun[an] atau berat kejahatan, maka ia daripada [golongan yang] kena syeksa.⁸¹¹ Dan adapun *wuqūf* di 'Arafah, maka sebut[lah] olehmu dengan barang yang bersesak-sesak makhluk antaranya dan terangkat suara dan bersalah-salahan bahasa.⁸¹² Dan mengikut setengah-setengah jamaah akan imamnya, pergi kepada tempat ibadat, ingatkan[lah] pula akan berhimpun segala manusia di Padang *Maḥsyar* dan berhimpun segala umat serta niatnya dan imamnya dan mengikut umat itu Nabinya dan tamak mereka itu akan syafa'atnya. Dan tercengang mereka itu pada demikian padang itu tiap-tiap seorang, adakah daripada yang ditolak atau yang [di]terima. Maka apabila engkau [meng]hadir[kan] demikian itu pada hatinya, [ter]hasillah kehinaan diri

[Halaman 61]

dan merendahkan diri kepada Allah Ta'ala, maka dihimpun[kan] di dalam perhimpunan orang yang [men]dapat kemenangan, maka sebenarnya harap[an]mu akan [di]perkenanNya. Dan adapun melo[n]tar Jamrah al-'Aqabah itu maka *gaṣadkan* olehmu dengan dia menerima dan menuj[u]njang bagi suruhan dan

⁸¹¹ (seksa).

⁸¹² (pelbagai bahasa).

menyatakan bagi kehambaan dan semata-mata karana⁸¹³ menuju[n]jung titah[Nya], maka tiadalah masuk bagi akal ber[bi]cara kemudian. Maka engkau *qasad*kan pula menyerupa[i] dengan Nabi Ibrāhīm a.s., sekira-kira melintang[i] baginya iblis *laknatullāh* pada demikian tempat itu supaya hendak memasukkan [ke]pada hajinya *syubhah* dan hendak me[m]fitnah[kan] akan dia dengan maksiat. Maka menyuruh Allah S.W.T. melo[n]tar akan dia dengan batu supaya tertolak ia dan memutuskan bagi cita[-cita] syaitan, maka jika dikhāfirkan⁸¹⁴ kamu. Adalah Nabi Ibrāhīm dilintang[i] oleh syaitan dan melihat akan dia maka disuruhNya melo[n]tar[kannya] dengan batu. Adapun aku tiada ada padanya sesuatu yang demikian, maka ketahui olehmu adalah lintas[an] hatimu daripada syaitan dan ialah yang menjatuhkan pada hatimu supaya melimpah cita[-cita]mu daripada bersungguh-sungguh, maka bersungguh-sungguh[lah] olehmu menolakkan dia dengan melo[n]tar[kan] akan dia supaya [ter]hina dan [menjadi] rendah hidung syaitan. Dan [hendaklah] engkau ketahui [bahawa] [me]lo[n]tar pada Jamrah [al-]’Aqabah itu pada zahir jua dan pada hakikatnya hanya yang engkau lo[n]tar[kan] itu [ialah] kepada muka syaitan dan belakangnya karana⁸¹⁵ tiada [akan] [ter]hasil [ke]hina[an] [ke atas] [h]idung syaitan melainkan engkau mengerjakan suruhan[Nya]. Adapun menyembelih *hadyah* itu maka ketahui[lah] olehmu bahwasanya engkau menuntut [per]damping[an] kepada Allah dengan menuju[n]jung titahNya dan adalah padanya melawankan nafsu yang bakhil dengan membuangkan [h]artanya karana⁸¹⁶ menyempurnakan *hadyah*⁸¹⁷ dan

⁸¹³ (kerana).

⁸¹⁴ (buah fikiran. Maksud di sini ialah bisikan). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 118.

⁸¹⁵ (kerana).

⁸¹⁶ (kerana).

⁸¹⁷ (penyembelihan atau korban).

dituntut [supaya] [mem]banyakkan harganya karana⁸¹⁸ [mem]besarkan harap[an] akan dimerdehekakan⁸¹⁹ suku-sukumu daripada api neraka.

وَاللَّهُ الْهَادِيُّ إِلَى سَوَاءِ السَّبِيلِ وَبِهِ التَّوْفِيقُ إِلَى صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ.

[Maksudnya: Allah adalah Petunjuk kepada jalan yang betul dan Dialah yang memberi taufik kepada jalan yang lurus].

[2.16] Fasal Adab-Adab Ziarah, Adab-Adab Kembali Ke Tanah Air Dan Perkara-Perkara Yang Berkaitan

Ini suatu fasal pada menyatakan adab[-adab] ziarah dan adab[-adab] kembali kepada negeri tempat kediamannya dan barang yang bergantung dengan kedua[-dua]nya. Maka apabila selesai ia daripada mengerjakan haji dan ‘umrah maka sunat *mu’akkadah* ia pergi [men]ziarah[i] kepada *Madīmat al-Rasūl*. Maka ziarah itu tiada tertentu bagi orang yang [menunaikan] haji tetapi terlebih *mu’akkad* kepada orang yang [menunaikan] haji, seperti sabda Nabi S.A.W.:

مَنْ حَجَّ وَلَمْ يَزُرْنِيْ فَقَدْ جَفَانِيْ.⁸²⁰

[Maksudnya]: Barang siapa [mengerjakan] haji dan tiada ia [men]ziarah[i] kepadaku maka [se]sungguhnya ia benci[kan] akan daku. Karana⁸²¹ itulah kata setengah ulamak,

⁸¹⁸ (kerana).

⁸¹⁹ (dimerdekakan).

⁸²⁰ Al-Hindi (1985), *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hajj, Bāb Ziyārah Qabr al-Nabi S.A.W., no. ḥadīth 12369, h. 135; Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 235.

⁸²¹ (Kerana).

[Halaman 62]

wajib [ber]ziarah bagi orang haji, ia mengambil [dalil] daripada hadith ini, tetapi adalah *ikhtilāf* ulamak, adakah [ber]ziarah dahulu daripada haji [itu] *afḍal* atau kemudian daripadanya. Maka *qawl* yang muktamadnya tilik,⁸²² jika ada ketika itu jauh dan sempat ia [ber]ziarah, maka [ber]ziarah itu terlebih *afḍal* dahulu daripada haji dan mudah-mudahan dengan *wāsiṭah* ziarah, jadi [di]*qabūlkan* hajinya. Dan jika waktu tiada sempat daripada [ber]ziarah maka haji dahulu itu *afḍal* daripada [ber]ziarah. Maka adalah bagi *Madīnat al-Rasūl ‘alayh Afḍal al-Ṣalāt wa al-Salām* beberapa namanya, setengahnya *Madīnah, wa Tā’ibah, wa Tayyibah, wa al-Dār, wa al-Sakīnah, wa Jābirah, wa al-Majbūrah, wa al-Raḥūmah, wa al-‘Adhrā’, wa al-Maḥabbah, wa al-Maḥbūbah wa al-‘Iṣābah*. Maka adalah ziarah [itu] *afḍal* ibadat dan terlebih baik perniagaan yang ia bermiaga hamba dengan Tuhananya. Maka segala *dirhām* yang dinafkah itu menepati ia [mengeluarkan] nafkah *fī Sabillillāh*, seperti sabda Nabi S.A.W.:

مَنْ زَارَنِيْ بَعْدَ وَفَاتِيْ فَكَلَّمًا زَارَنِيْ فِي حَيَاتِيْ.⁸²³

[Maksudnya]: Barang siapa [men]ziarah[i] akan daku kemudian daripada wafatku maka sesungguhnya seu[m]pama ia [men]ziarah[i] akan daku pada hidupku. Dan lagi sabda Nabi S.A.W.:

مَنْ زَارَ قَبْرِيْ وَجَبَتْ لَهُ شَفَاعَتِيْ.⁸²⁴

[Maksudnya]: Barang siapa [men]ziarah[i] kuburku wajib baginya [mendapat] syafa’atku. Dan lagi sabda Nabi S.A.W.:

⁸²² (perhatikan betul-betul).

⁸²³ Lihat al-Bayhaqī (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 245; Al-Hindi (1985): *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hajj, Bāb Ziyārah Qabr al-Nabī S.A.W., no. ḥadīth 12,368, h. 135; Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 235; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 469.

⁸²⁴ Al-Zubaydī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 417; Al-Hindi (1985): *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hajj, Bāb Ziyārah Qabr al-Nabī S.A.W., no. ḥadīth 12,371, h. 135; Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 177.

مَنْ وَجَدَ سَعَةً وَلَمْ يَعُدْ لِيْ فَقَدْ جَهَانِيْ⁸²⁵:

[Maksudnya]: Barang siapa dapat keluasan dan tiada berpagi-pagi [datang] kepadaku maka [se]sungguhnya [dia] telah benci[kan] akan daku. Dan lagi sabda Nabi S.A.W.:

مَنْ جَاهَنِيْ زَارًا لَا يُهْمِهُ إِلَّا زِيَارَتِيْ كَانَ حَقًا عَلَى اللَّهِ سُبْحَانَهُ أَنْ أَكُونَ لَهُ شَفِيعًا.⁸²⁶

[Maksudnya]: Barang siapa datang akan daku, tiada mencita⁸²⁷ akan dia melainkan [men]ziarah[i]ku, adalah sebenarnya atas Allah S.W.T. bahawa adalah aku baginya me[n]syafa'atkan[nya]. Dan sunat pula ia berniat serta demikian itu bahawa ia [ber]niyat me[n]ziarah[i] akan Masjid Nabi S.A.W. dan [ber]qasad hendak sembahyang padanya. Sabda Nabi S.A.W.:

لَا تَشْدُو الرَّحْلَ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدِ، الْمَسَاجِدِ الْحَرَامُ وَالْمَسَاجِدِ الْأَقْصَى وَمَسْجِدِيْ هَذَا.⁸²⁸

[Maksudnya]: Jangan [kamu] [meng]ikat akan kenderaan melainkan [ke] atas tiga masjid, Masjid al-Harām dan Masjid al-Aqṣā dan Masjidku ini [Masjid Nabawī]. Dan sunat ia membanyakkan [ber]selawat akan Nabi S.A.W., yakni sunat orang yang me[ng]qasadkan [ber]ziarah itu membanyakkan selawat dan salam pada jalannya dan memeliharkan segala *farā'iḍ maktūbah*⁸²⁹ dan memeliharkan segala [perkara yang] disuruh [oleh] Allah daripada *taqṣīrkan*⁸³⁰ dan

⁸²⁵ Al-Hindi (1985): *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hajj, Bāb Ziyārah Qabr al-Nabī S.A.W., no. hadīth 12,369, h. 135; Al-Zubaydī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 416; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 470.

⁸²⁶ Al-Zubaydī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 416; Al-Haythamī (1994), *Majma' al-Zawā'id*, *op. cit.*, j. 4. Kitāb al-Hajj, Bāb Ziyārah Sayyidinā Rasūlillāh S.A.W., (t.no.), hlm. 2; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 470.

⁸²⁷ (bercita-cita).

⁸²⁸ Ibn Hajar al-'Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 6. Kitāb al-Tahajjud, Bāb Masjid Bayt al-Maqdis, no. hadīth 1197, h. 85; j. 8. Kitāb al-Hajj, Bāb Hajj al-Nisā', no. hadīth 1864, h. 205; Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 9. Kitāb al-Hajj, Bāb Safr al-Mar'ah ma'a Mahram ilā Hajj aw ghayrih, (t. no.), h. 105.

⁸²⁹ Kewajipan-kewajipan yang telah difardukan.

⁸³⁰ (dicuaikan atau dilalaikan). Lihat Mahmud Unnus (1991), *op. cit.*, h. 344.

memudahkan, maka yang demikian [itu] amat kerugian yang amat besar. Dan sunat *muakkad*⁸³¹ pula membanyakkan selawat dan

[Halaman 63]

salam [ke] atas Nabi [S.A.W.] tatkala [di]lihatnya pagarnya dan pohon kayunya. Dan hendaklah membanyakkan doa bahawa diberi[kan] [oleh] Allah S.W.T. manfa'at dengan ziarahnya. Dan sunat ia membaca:

اللَّهُمَّ هَذَا حَرَمٌ رَسُولُكَ فَاجْعِلْهُ لِي وِقَائِيَةً مِنَ النَّارِ وَأَمْانًا مِنَ الْعَذَابِ وَسُوءِ الْحِسَابِ。 اللَّهُمَّ افْتُحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ وَارْزُقْنِي فِي زِيَارَةِ رَسُولِكَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا رَزَقْتَهُ أُولِيَّاً نَكَ وَأَهْلَ طَاعَتِكَ وَاغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي يَا خَيْرَ مَسْؤُولٍ⁸³²

Dan sunat bahawa ia turun daripada kenderaannya apabila kelihatan Negeri Madinah hingga ia masuk ke Masjid. Dan sunat ia mandi dahulu daripada ia masuk pada Bi'r Aris al-Hurrah⁸³³ dan memakai kain yang terlebih bersih dan memakai bau-bauan yang ada padanya. Dan hendaklah ia me[ng]hadirkan pada hatinya kemuliaan Madinah dan bahawasanya ia terlebih *afdal* daripada dunia sekeliannya [di] atas kata Imām Mālik Rahimahullāh⁸³⁴ atau ia terlebih *afdal* yang lain daripada Makkah atas kata Imām [al-]Syāfi'i Rahimahullāhu Ta'ālā.⁸³⁵

⁸³¹ (sunat yang sangat digalakkan supaya dilakukan). *Ibid.*, h. 46

⁸³² Al-Bayhaqī (t.t.), *op. cit.*, j. 2. Kitāb al-Šalāh, Bāb Mā Yaqūl idhā Dakhal al-Masjid, (t.no.), h. 441 – 442; Al-Hindi (1985), *op. cit.*, j. 7. Kitāb al-Šalāh, Bāb al-Adab, no. hadith 20773, h. 656; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 470.

⁸³³ Sebuah telaga di Madinah, tempatnya berhadapan dengan Masjid Qubā'. Diriwayatkan bahawa Nabi S.A.W. telah berludah ke dalamnya lalu Baginda minum airnya dan berwuduk dengannya. Nama "Aris" adalah dinisbahkan kepada "Aris" iaitu seorang lelaki di Madinah daripada kaum Yahudi. Pada bahasa penduduk Syam, aris bererti "peladang." Lihat Yaqtūn al-Ḥamawi al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 1, h. 298; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 343.

⁸³⁴ Beliau ialah Abū 'Abdillāh, Mālik bin Anas bin Mālik al-Asbahī al-Ḥimyārī. Imām Dār al-Hijrah dan salah seorang daripada Imam-Imam Fiqh yang empat di kalangan Ahl al-Sunnah. Kepada beliaulah dinasabkan Mazhab Mālikī. Kelahiran dan kewafatian beliau di Madinah (93 – 179H / 712 – 795M). Beliau sentiasa bersikap tegas dalam agama dan tidak suka berdamping dengan pemerintah dan raja-raja. Lihat al-Dhahabī (1991), *op. cit.*, j. 5, h. 257.

⁸³⁵ 'Umar, Mālik dan kebanyakan ulamak Madinah mengatakan Madinah lebih *afdal*, manakala

Dan [hendaklah] ia memberi sedekah [di] atas sekuasa-kuasanya dan diberikan bagi *ahl al-Madīnah* itu *awlā*. Dan sunat ia membaca:

بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضَ مُدْخِلَ صِدْقٍ وَآخِرِ حِينٍ مُخْرَجٌ صِدْقٍ وَاجْعَلْ لِيْ مِنْ لَدُنْكَ سُلْطَانًا

⁸³⁶ تَصْبِيرًا.

Dan hendak[lah] [di]jadikan daripada awal masuknya hingga kembalinya pada hatinya itu membesarkan Nabi S.A.W. dan memenuhkan hatinya daripada [ke]hebat[an] seperti seu[m]pama ia melihat akan dia dan memuliakan segala jirannya. Maka apabila hendak masuk ia ke [dalam] Masjid maka menggasad[kan] pintu *Bāb al-Salām*,⁸³⁷ dibacanya:

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَبِّ الْأَرْضَ مُدْخِلَ صِدْقٍ وَآخِرِ حِينٍ

مُخْرَجٌ صِدْقٍ وَاجْعَلْ لِيْ مِنْ لَدُنْكَ سُلْطَانًا تَصْبِيرًا.⁸³⁸

Dan hendaklah ia sembahyang dua rak'at, maka hendaklah ia memilih pada tempat Nabi sembahyang iaitu di sisi minbar dan dijadikan tiang berbetulan dengan bahu kanan dan me[ng]hadapkan tiang yang kepada tepinya peti. Dan adalah daerah yang pada hadapan Masjid itu berbetulan [dengan] dua matanya, ia [adalah] tempat sembahyang Nabi S.A.W. Maka inilah pada zaman dahulu,

ulamak Makkah, Kufah, al-Syāfi'i⁸³⁶, Ibn Wahab dan Ibn Ḥabīb, kedua-duanya bermazhab Maliki berpendapat Makkah lebih afdal. Lihat keterangannya dalam al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 9, h. 164; al-Mundhiri⁸³⁷ (t.t.), *op. cit.*, h. 214.

⁸³⁶ Al-Ghazzālī⁸³⁷ (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 470.

⁸³⁷ Pintu ini terletak di bahagian hadapan sebelah sisi kanan Masjid Nabawi. Lihat Abdul Aziz Hussin (1997), *op. cit.*, h. 45.

⁸³⁸ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 470.

adapun sekarang ini iaitu *Mihrāb*⁸³⁹ yang *mawjūd*⁸⁴⁰ sekarang. Dikanankan sedikit, maka ia sembahyang dua rak'at *tahiyat al-Masjid*, demikian lafaznya:

اَصْلَى رَكْعَتَيْنِ سُنَّةً تَحْيَةِ الْمَسْجِدِ الشَّرِيفِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Kemudian maka ia mengucap[kan] syukur akan Allah Ta'ala banyak-banyak [di] atas nikmat yang amat besar dan memohonkan akan Dia bahawa ditamānkan barang yang *dīqāṣad*[kan]nya, maka dibaca padanya:

اللَّهُمَّ إِنْ هَذِهِ رَوْضَةٌ مِّنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ الَّتِي شَرَفْتَهَا وَكَرَّمْتَهَا وَمَجَّدْتَهَا وَعَظَّمْتَهَا وَبَوَرَّتَهَا بِنُورٍ

بَيْكَ وَحَبِّيكَ مُحَمَّدُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Kemudian maka ia *qasad*[kan] [ber]ziarah

[Halaman 64]

kepada kubur Nabi S.A.W., ia berhadap kepada Nabi dan memalingkan akan kiblat dan jauhnya kira-kira [se]kadar empat hasta dan ia duduk berbetulan dengan paku perak yang dipaku pada batu yang [berwarna] putih. Maka di sanalah tempat berbetulan dengan mukanya S.A.W. dan ia pandangkan ke bawah daripada pagar kubur dan hendaklah ia pejamkan dua matanya. Maka ia berdiri di dalam *maqām al-haybah* dan membesarluan dia dan selesai hati daripada yang bergantung daripada pekerjaan dunia dan dijadikan pada hatinya seu[m]pama ia hendak ia berdiri pada hadapannya. Dan hendaklah [dengan] pertengahan suaranya pada memberi salam itu, demikianlah diucapkan:

⁸³⁹ (Bahagian hadapan di dalam masjid yang menunjukkan arah kiblat). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 100.

⁸⁴⁰ (ada). *Ibid.*, h. 492.

⁸⁴¹ Lihat Abu Bakar Yacub (1980), *Selok-Belok Agama*, j. 1. Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa, hlm. 232.

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا خَيْرَةَ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَبِيبَ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدَ الْمُرْسَلِينَ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَاتَمَ النَّبِيِّنَ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا خَيْرَ الْعَالَمِينَ أَجْمَعِينَ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا قَائِمَ الْعَرَقِ الْمُخْجِلِينَ. السَّلَامُ عَلَيْكَ وَعَلَى
 إِلَكَ وَأَهْلِ بَيْتِكَ وَأَصْحَابِكَ وَأَزْوَاجِكَ أَجْمَعِينَ. السَّلَامُ عَلَيْكَ وَعَلَى سَافِرِ الْأَكْبَارِ وَالْمُرْسَلِينَ وَجَمِيعِ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ. جَزَّاكَ اللَّهُ عَنَّا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفْضَلَ مَا جَزاَنَا يَبِيَا وَرَسُولًا عَنْ أَمْيَهِ.
 وَحَتَّىَ اللَّهُ عَلَيْكَ كُلُّمَا ذَكَرْتَكَ ذَاكِرًا وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِكَ غَافِلًا أَفْضَلَ وَأَكْمَلَ وَأَنْتَ مَا صَنَّىَ عَلَى
 أَحَدٍ مِنْ خَلْقِكَ أَجْمَعِينَ. وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهُدُ أَنَّكَ عَبْدُهُ
 وَرَسُولُهُ وَخَيْرُهُ مِنْ خَلْقِهِ. وَأَشْهُدُ أَنَّكَ بَلَغْتَ الرِّسَالَةَ وَأَذَّيْتَ الْأُمَّةَ وَنَصَّحْتَ الْأُمَّةَ وَجَاهَدْتَ
 فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ. اللَّهُمَّ آتِهِ الْوَسِيلَةَ وَالْفَضْيَلَةَ وَابْعُثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدْتُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
 عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ وَرَسُولِكَ التَّيْيَّبِ الْأَمِيِّ وَعَلَى عَالِيِّ مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذَرْبِيِّهِ كَمَا صَلَّيْتَ
 عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى عَالِيِّ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالِيِّ مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذَرْبِيِّهِ كَمَا
 بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى عَالِيِّ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.⁸⁴³

Maka jika tiada [ber]kuasa atau picit⁸⁴⁴ waktunya maka [hendaklah] dibaca barang yang dapat, sekurangnya *akmalnya*:

⁸⁴² Al-Kutub al-Sittah (1981), *Sunan Abi Dāwūd*, op. cit., j. 5, Kitāb al-Adab, Bāb Fi al-Rajul Yufāriq al-Rajul thumma Yalqāhu a Yusallim ‘alayh, no. ḥadīth 5201, h. 382.

⁸⁴³ Al-Ghazzālī (t.t.), op. cit., j. 3, h. 470 – 471.

⁸⁴⁴ (picik).

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَبِيبَ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا صَفُوَّةَ اللَّهِ. السَّلَامُ

عَلَيْكَ وَعَلَى أَهْلِ بَيْتِكَ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

[Halaman 65]

وَبَرَكَاتُهُ.⁸⁴⁵

Kemudian jika ada orang berkirim salam kepada Nabi S.A.W. maka dikatanya:

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ.

dari pada Si anu anak Si anu. Maka disebutkan nama orang itu atau dikatanya:

Sia nu anak Si anu

يُسَلِّمُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ.⁸⁴⁶

Kemudian ia pergi ke pintu kanannya, yakni kanan dirinya [se]kadar satu hasta, maka memberi salam ia kepada Sayyidinā Abū Bakar:⁸⁴⁷

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَبَا بَكْرٍ الصَّدِيقَ. يَا صَفِيَّ رَسُولِ اللَّهِ وَثَانِيَّةِ فِي الْعَارِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا وَزِيرَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْمُعَاوِنُ لَهُ عَلَى الْقِيَامِ بِالدِّينِ مَادَامَ حَيًّا وَالْقَائِمُ فِي أُمَّتِهِ بَعْدَهُ يَأْمُورُ الدِّينَ تَشْيُعُ فِي ذَلِكَ آثَارَهُ وَتَعْمَلُ سُنْنَتُهُ فَجَزَّاكَ اللَّهُ خَيْرًا مَا حَرَى وُزْرَاءَ كَيْبِيْ عنْ دِينِهِ.⁸⁴⁸

⁸⁴⁵ Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 240; Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 205.

⁸⁴⁶ Lihat Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h.471.

⁸⁴⁷ Beliau ialah Abū Bakr al-Šiddīq r.a., ‘Abdullāh bin ‘Uthmān Abī Quhāfah bin ‘Āmir bin ‘Amru bin Ka’b bin Sa’d bin Taym bin Murrah bin Ka’b bin Luay bin Ghālib al-Qurasyī al-Taymī. Nasabnya bersatu dengan nasab Rasulullah S.A.W. pada Murrah. Orang yang pertama sekali digelar al-Šiddīq dalam Islam. Gelaran itu diberikan kepadanya kerana beliau segera membenarkan Nabi S.A.W. mengenai peristiwa *Isrā*’ dan *Mi’raj*. Telah memeluk agama Islam tanpa sebarang keraguan setelah diajak oleh Nabi S.A.W. Lelaki merdeka yang baligh pertama memeluk Islam. Beliau meninggal dunia pada tahun ke 13H ketika berusia 63 tahun dan dikebumikan di sebelah Kubur Nabi S.A.W. Lihat al-Šiddīqī (1977), *op. cit.*, j. 1, h. 175 – 176.

⁸⁴⁸ Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 240; Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 205.

Kemudian maka hundur⁸⁴⁹ ke pihak kanannya kadar sehasta, maka [hendaklah] memberi salam kepada Sayyidina ‘Umar,⁸⁵⁰ demikian bunyinya:

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ الَّذِي أَعْزَ اللَّهَ بِالإِسْلَامِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا وَزِيرَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْمُعَاوِنُونَ لَهُ عَلَى الْقِيَامِ بِالدِّينِ وَالْقَائِمُ فِي أُمَّةِهِ بَعْدَهُ بِأُمُورِ دِينِهِ وَعَمَلِهِ سَتَّةٌ. حَرَّاكَ اللَّهُ عَنْ أُمَّةِ بَيْهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْراً.

Maka adalah kepala Sayyidinā Abū Bakar pada berbetulan [dengan] bahu Nabi [S.A.W.] dan kepala Sayyidinā ‘Umar berbetulan [dengan] bahu Sayyidinā Abū Bakar. Kemudian maka ia kembali kepada hadapan Nabi S.A.W., kemudian berhadap ke kiblat maka mengucap[kan] *tahmīd* dan *tamjīd* dan membanyakkan selawat akan Nabi S.A.W., kemudian maka ia membaca:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ قَدْ قُلْتَ وَقَوْلُكَ الْحَقُّ " وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ حَازُوا كَمَا سَعَوْا وَلَا فَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ وَأَسْتَغْفِرُ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوْ جَدُوا اللَّهَ تَوَآبِياً رَّحِيمًا. 852 اللَّهُمَّ قَدْ سَمِعْنَا قَوْلَكَ وَأَطْعَنْنَا أَمْرَكَ وَقَصَدْنَا بَيْكَ مُسْتَشْفِعِينَ بِهِ إِلَيْكَ فِي ذُنُوبِنَا وَمَا نَقْلَ طُهُورَنَا مِنْ أُوزَارِنَا تَائِبِينَ مِنْ زُلْلَنَا مُعْتَرِفِينَ بِخَطَايَانَا وَنَقْصِيرِنَا فَكِبِ اللَّهُمَّ عَلَيْنَا وَشَفِعْ بَيْكَ هَذَا فِينَا وَارْفَعْنَا بِمَنْزِلَتِهِ عِنْدَكَ وَحْقَهِ عَلَيْكَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ

⁸⁴⁹ (mengundur).

⁸⁵⁰ Beliau ialah Abū Ḥafṣ ‘Umar bin Nufayl Ibn ‘Abd al-‘Uzzā Ibn Riyāḥ Ibn ‘Abdullāh Ibn Qurṭ Ibn ‘Adiy Ibn Ka’b Ibn Luay al-Qurasyī al-Hāsyimī. Pada Ka’b, bertemu keturunannya dengan Rasulullah S.A.W. Beliau merupakan Khalifah yang pertama bergelar *Amīr al-Mu’mīnīn*. Rasulullah S.A.W. menggelarkannya sebagai “Singa” kerana keberanian dan kecekalannya. Lihat Muhammad bin ‘Allān al-Šiddīqī al-Asy’ārī (1977), *op. cit.*, j. 1, h. 39 – 40.

⁸⁵¹ Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 240; Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 206.

⁸⁵² Surah al-Nisā’ (4): 64.

لِلْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ . وَاغْفِرْ لَنَا وَلِاَخْوَانَنَا الَّذِينَ سَيَقُوتُنَا بِالْإِيمَانِ . اللَّهُمَّ لَا تَجْعَلْ آخِرَ الْعَهْدِ

مِنْ قَبْرِيْكَ وَمِنْ حَرَمَكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .⁸⁵³

Kemudian maka ia pergi ke Rawdah⁸⁵⁴

[Halaman 66]

maka sembahyang dua rak'at dan membanyakkan doa barang sekuasanya bagi dirinya dan bagi orang yang dikasihnya. Sabda Nabi S.A.W.:

مَا بَيْنَ قَبْرِيْ وَمِنْبَرِيْ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْحَسَنَةِ .⁸⁵⁵

[Maksudnya]: Barang yang antara kuburku dan minbarku [adalah] satu kebun daripada kebun[-kebun] Syurga. Dan lagi sabda Nabi S.A.W.:

وَمِنْبَرِيْ عَلَى حَوْضِيْ .⁸⁵⁶

[Maksudnya]: Dan mimbarku itu [di] atas *ḥawḍku*. Yakni adalah pada Hari Kiamat *ḥawḍ* itu pada mimbar atau ada maknanya:⁸⁵⁷ Barang siapa beramat

⁸⁵³ Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 471 – 472; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 341.

⁸⁵⁴ Perkataan Rawdah bermaksud "Taman." Al-Rawdah berada di antara Minbar dan Kubur Nabi S.A.W. Ditandakan dengan tiang-tiang bulat yang mempunyai dua warna, warna merah di bahagian atas dan warna putih di bahagian bawahnya, sementara tiang-tiang lain berwarna merah dari lantai ke bumbung. Lebar kawasan Rawdah itu dari Mimbar ke Makam Nabi S.A.W. berukuran 22 meter panjang dan 15 meter lebar dan tiang-tiang putih yang dijadikan tandanya berjumlah 16 batang semuanya. Di antara tiang-tiang tersebut ialah: Tiang 'Alī, Tiang Jibrā'il, Tiang Tawbah, Tiang Tahajjud, Tiang Wufūd, Tiang Mukallaqah, Tiang Sarir dan Tiang Ā'isyah.

Para Sahabat Rasulullah S.A.W. banyak melakukan ibadat sembahyang di kawasan Rawdah ini. Oleh kerana ada ḥadīth yang menyebut tentang keutamaan kawasan yang dipanggil Rawdah itu, para jamaah biasanya berebut-rebut untuk memenuhi kawasan itu sejak pintu masjid dibuka sebelum waktu Subuh. Walaupun bangunan Masjid Nabawi itu bertambah besar dari masa ke masa, tetapi ruang Rawdah itu kekal seperti ukurannya asalnya. Maka perebutan untuk duduk dan mendirikan sembahyang di Rawdah telah menjadi perkara biasa sepanjang waktu hingga para jama'ah terpaksa bersempit-sempit ketika mendirikan sembahyang di sana. Lihat Mustaffa Suhaimi (1996), *op. cit.*, h. 181 – 183; Abdul Aziz Hussin (1998), *op. cit.*, h. 53 – 59.

⁸⁵⁵ Dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* "مَا بَيْنَ يَتَّيْ" Lihat Ibn Hajar al-'Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 8. Kitāb al-Hajj, Bāb Fadl mā bayna Qabrihi wa Minbarih S.A.W., no. ḥadīth 1888, h. 230; Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 9. Kitāb al-Hājj, Bāb Fadl mā bayna Qabrihi wa Minbarih S.A.W., (t. no.), h. 161; *Al-Adhkār*, *op. cit.*, j. 1, h. 522; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 472.

⁸⁵⁶ Lihat Ibn Hajar al-'Asqalānī (1978), *op. cit.*, j. 8. Kitāb al-Hājj, Bāb Fadl mā bayna Qabrihi wa Minbarih S.A.W., no. ḥadīth 1888, h. 231; Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 9. Kitāb al-Hājj, Bāb Fadl mā bayna Qabrihi wa Minbarih S.A.W., (t. no.), h. 162; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 472.

dengan kebijakan padanya nescaya mempusakai meminum⁸⁵⁸ daripada *ḥawd* Nabi S.A.W. pada Hari Kiamat. Dan sunat ia [men]ziarah[i] kepada kubur Siti Fātimah, kata setengah ulamak di belakang Nabi S.A.W. dan kata setengah [ulamak yang lain] di Baqī'. Maka sunat pergi [men]ziarah[i] kedua[-dua] tempatnya. Dan tiada harus *tawāf* pada kubur Nabi dan ia melekapkan perutnya kepada *syubbāknya*⁸⁵⁹ dan dibelakangnya kepada *syubbāk* dan menyapu dengan tangannya dan mengucup kepadanya, tetapi sunat ia jauhkan daripadanya seperti seu[m]pama ada ia pada hadratnya hal hidupnya S.A.W.. Dan jangan ia tertipu daya dengan [perbuatan] yang dikerjakan oleh orang yang jahil dan awam.⁸⁶⁰ Dan seyogianya⁸⁶¹ ia memeliharkan [se]masa ia [ber]mukim padanya sembahyang berjamaah pada Masjid Nabi S.A.W. karana⁸⁶² adalah fadilat mengiringi Masjid al-Ḥarām, Sabda Nabi S.A.W.:

الصَّلَاةُ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ مِائَةُ أَلْفٍ صَلَاةٌ وَالصَّلَاةُ فِي مَسْجِدِي عَشْرَةُ أَلْفٍ صَلَاةٌ.⁸⁶³

[Maksudnya]: Bermula [satu] sembahyang pada Masjid al-Ḥarām [menyamai] seratus ribu sembahyang [di tempat lain dan satu sembahyang] pada Masjidku [menyamai] sepuluh ribu sembahyang [di tempat lain]. Dan ia meniatkan iktikaf padanya. Dan sunat ia keluar ke Baqī', istimewa pula pada Hari Juma'at kemudian daripada [men]ziarah[i] Nabi S.A.W.. Maka apabila sampai kepadanya maka ia berhadap kepada kubur serta dikatanya:

⁸⁵⁷ (atau maknanya). Sepatutnya perkataan "ada" dibuangkan.

⁸⁵⁸ (akan meminum air daripada ḥawd Nabi S.A.W. pada Hari Kiamat).

⁸⁵⁹ (jendela). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 189.

⁸⁶⁰ Unsur-unsur bid'ah yang dilakukan oleh orang awam atau orang yang jahil ialah melekapkan perut dan belakang kepada jendela atau pagar makam Nabi S.A.W., menyapu dengan tangan dan mengucupnya.

⁸⁶¹ (seeloknya).

⁸⁶² (kerana).

⁸⁶³ Lihat Al-Haythamī (1994), *op. cit.*, j. 4. Kitāb al-Hajj, Bāb al-Ṣalāh fī al-Masjid al-Ḥarām wa Masjid al-Nabi S.A.W. wa Bayt al-Maqdis, (t. no.), hlm. 7; Al-Zubaydī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 285; Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j.2, h. 213; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 444.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٌ مُؤْمِنِينَ وَأَتُكُمْ مَا تُوعَدُونَ غَدًا مُؤْجَلُونَ وَإِنَّ إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَا يَحِقُّونَ.

864 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَهْلِ بَقِيعِ الْعَرَقَدِ. 865

Atau dikatanya:

866 السَّلَامُ عَلَى أَهْلِ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ وَبِرَحْمَةِ اللَّهِ الْمُسْتَقْدِمِينَ مِنَ وَالْمُسْتَأْخِرِينَ.

Dan sunat ia [men]ziarah[i] kubur Sayyidinā ‘Uthmān r.a.⁸⁶⁷ dan kubur Sayyidinā Ibrāhīm anak Nabi S.A.W. dan kubur Sayyidinā Ḥasan anak Sayyidinā ‘Alī⁸⁶⁸ dan kubur Sayyidinā ‘Alī anak Sayyidinā Ḥusayn⁸⁶⁹ dan Muḥammad anak Sayyidinā ‘Alī dan Ja’afar

⁸⁶⁴ *Al-Kutub al-Sittah* (1981), *Sahīḥ Muslim*, j. 1. Kitāb al-Janā’iz, Bāb Mā Yuqāl ‘ind Dukhūl al-Qubūr wa al-Du’ā’ li Ahliha, no. ḥadīth 102, h. 669; Al-Bayhaqī (t.t.), *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hājj, Bāb Ziyārat al-Qubūr Allatī fī Baqī’ al-Gharqad, (t. no.), h. 249; Ahmad ibn Ḥanbal (1982), *op. cit.*, j 2, h. 375.

⁸⁶⁵ Al-Bayhaqī (t.t.), *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Hājj, Bāb Ziyārat al-Qubūr Allatī fī Baqī’ al-Gharqad, (t. no.), h. 249; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 343. Ia terletak di sebelah Timur Madinah. Baqī’ pada bahasa bererti tempat yang ditumbuhinya berbagai-bagai pokok yang berbau harum. Sebab itu dinamakan Baqī’ al-Gharqad. Al-Gharqad ialah pokok ‘awsaj yang bersaiz besar. Ia merupakan kubur penduduk Madinah dan dikatakan berada di dalam Madinah. Lihat al-Baghdādī (t.t.), *op. cit.*, j 1, h. 473; J. 5, h. 82

⁸⁶⁶ *Al-Kutub al-Sittah* (1981), *Sahīḥ Muslim*, j. 1. Kitāb al-Janā’iz, Bāb al-Šalāh ‘alā al-Janāzah fī al-Masjid, no. ḥadīth 104, h. 671; Al-Bayhaqī (t.t.), *op. cit.*, j. 4. Kitāb al-Janā’iz, Bāb Mā Yaqūl idhā Dakhala Maqbarah, (t.no.), h. 79.

⁸⁶⁷ ‘Uthmān bin ‘Affān bin Abī al-Āṣ bin Umayyah bin ‘Abd Syams bin ‘Abd Manāf bin Quṣayy bin Kilāb bin Murrah bin Ka’b bin Lu’ayy bin Ghālib al-Qurasyī al-Umawī al-Makkī al-Madani, Abū Amrū, Abū ‘Abdillāh dan Abū Lailā. Dilahirkan pada tahun ke-6 selepas Tahun Gajah. Menyertai kedua-dua hijrah. Berkahwin dengan Ruqayyah, puteri Rasulullah S.A.W. Setelah Ruqayyah meninggal, berkahwin pula dengan Ummu Kalthūm, juga puteri Baginda S.A.W. dan sebab itulah digelar Dhū al-Nūrayn. Satu daripada 10 orang yang dijanjikan masuk Syurga. Jasanya yang paling besar ialah mengumpulkan al-Qur’ān pada zaman pemerintahannya. Beliau mati dibunuh pada tahun 35H. Lihat al-Suyūṭī (1976), *Tārīkh al-Khulafā’*, Kaherah: Dār Nahdat Misr, h. 238 – 251.

⁸⁶⁸ ‘Alī bin Abī Tālib bin ‘Abd al-Muṭtalib bin Hāsyim bin ‘Abd Manāf al-Qurasyī al-Hāsyimi, Abū al-Hasan. Dilahirkan sepuluh tahun sebelum Nabi S.A.W. menjadi Rasul dan dididik oleh Nabi S.A.W. sejak kecil. Di antara orang yang mula-mula memeluk Islam dan sentiasa berdampingan dengan Rasulullah S.A.W. serta sentiasa menyertai perperangan bersama Baginda kecuali Peperangan Tabuk. Isteri beliau ialah puteri Rasulullah S.A.W., Fāṭimah. Dalam kebanyakan perperangan, beliaulah yang memegang bendera. Beliau terkenal dengan kemahiran menunggang kuda, keberanian dan kecekapan memerangi musuh. Seorang ahli ilmu dan Fiqh. Beliau mati dibunuh pada Bulan Ramaḍān, tahun 40H. Memegang jawatan Khalifah selepas ‘Uthmān dibunuh pada tahun 35H. Lihat Mannā’ Qaṭṭān (1993), *Tārīkh al-Tasyrī* al-Islāmī, c. 11. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 181 – 182.

⁸⁶⁹ Zayn al-‘Abidin, ‘Alī bin al-Ḥusayn bin Amir al-Mu’mīn ‘Alī bin Abī Tālib al-Hāsyimi al-Madani. Meninggal dunia pada tahun 94H. Lihat Ibn ‘Abd al-Barr (1982), *al-Tamhīd*, j. 2, c. 2.

[Halaman 67]

anak Muḥammad.⁸⁷⁰ Dan sunat ia pergi sembahyang pada Masjid Sittinā⁸⁷¹ Fātimah r.a.h. dan kubur Ṣafīyyah,⁸⁷² ma muda⁸⁷³ Nabi S.A.W. dan kubur ‘Uqayl anak Abū Tālib⁸⁷⁴ dan ‘Abd al-Jawwād anak Ja’afar al-Tayyār.⁸⁷⁵ Maka [ber]doa di sana padanya *mustajāb* dan kubur bonda Sayyidinā ‘Alī, Fātimah⁸⁷⁶ bint Asad⁸⁷⁷ bin Hāsyim Ibn ‘Abd al-Manāf. Sunat [men]ziarah[i] pula segala kubur *Ummahāt al-mu'minīn* isteri Nabi S.A.W. pada suatu kubah [yang] sudah runtuh-runtuh yang dibinakan dengan batu hitam di hadapan kubur Sayyidinā ‘Uqayl

Al-Maghrib: Maṭba’ah al-Muhammadiyyah, h. 114.

⁸⁷⁰ Beliau ialah Abū ‘Abdillāh, Ja’far bin Muḥammad al-Bāqir bin ‘Alī Zayn al-‘Ābidīn bin al-Ḥusayn, al-Hāsyimī, al-Qurasyī. Digelar al-Ṣādiq kerana beliau tidak pernah menipu. Merupakan Imam keenam di kalangan Mazhab Syī’ah Imāmiyyah. Beliau adalah seorang ulamak yang masyhur pada zaman Tābi’īn. Ramai tokoh ulamak mengambil ḥadīth daripadanya termasuk Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Mālik. Dilahirkan dan meninggal dunia di Madinah (80 – 148H/699 – 765M). Lihat al-Ziriklī (1989), *op. cit.*, j. 2, h. 126.

⁸⁷¹ (Sayyidatinā).

⁸⁷² Beliau ialah Ṣafīyyah bint ‘Abd al-Muṭalib bin Hāsyim. Seorang wanita sejati. Beliau di antara individu-individu yang awal memeluk Islam. Beliau telah membay’at Nabi S.A.W. dan berhijrah ke Madinah. Pada zaman jahiliyah, beliau telah berkahwin dengan al-Ḥārith bin Ḥarb bin Umayyah. Kemudian beliau telah dikahwini oleh al-‘Awwām bin Khuwaylid bin Asad. Mereka dikurniakan tiga orang anak, al-Zubayr, al-Sā’ib dan ‘Abd al-Ka’bah. Beliau menyertai Peperangan Uhud dan Khandaq. Beliau meriwayatkan ḥadīth daripada Nabi S.A.W. dan seterusnya ‘Umar bin al-Khaṭṭāb sering meriwayatkan ḥadīth daripada beliau. Ṣafīyyah merupakan seorang Penyair Arab yang handal dalam bentuk tangisan atau ratapan kematian. Beliau meninggal dunia pada zaman pemerintahan ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, iaitu pada tahun 20H ketika berusia 73 tahun dan dikebumikan di Baqī’. Lihat ‘Umar Riḍā Kahhālah (1977), *A lām al-Nisā’*, j. 2, c. 3. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 341 – 345.

⁸⁷³ (emak saudara).

⁸⁷⁴ ‘Uqayl bin Abī Tālib al-Hāsyimī. Beliau adalah anak sulung dan orang yang paling lewat sekali meninggal dunia di kalangan saudara-saudaranya. Datuk kepada ahli ḥadīth, ‘Abdullāh bin Muḥammad bin ‘Uqayl. Semasa menyertai Peperangan Badar beliau masih lagi belum memeluk Islam dan penyertaannya adalah dipaksa oleh kaum Quraysy. Beliau telah ditawan dan tidak mempunyai harta, lalu ditebus oleh bapa saudaranya al-‘Ajbās. Lihat al-Dhahabī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 25.

⁸⁷⁵ Beliau ialah Abū ‘Abdillāh, sepupu Rasulullah S.A.W., al-Syahīd, Ja’far bin Abī Tālib bin ‘Abd Manāf bin ‘Abd al-Muṭalib bin Hāsyim bin ‘Abd Manāf bin Quṣay al-Hāsyimī. Beliau lebih tua 10 tahun dari ‘Alī. Menyertai dalam kedua-dua Hijrah dan telah berhijrah dari Ḥabasyah ke Madinah. Setelah beberapa bulan tinggal di Madinah, beliau diperintahkan oleh Rasulullah S.A.W. mengepalai angkatan tentera dalam Peperangan Mu’tah dan beliau telah mati syahid dalam peperangan itu. *Ibid.*

⁸⁷⁶ Fātimah bint Asad bin Hāsyim bin ‘Abd Manāf bin Quṣay, al-Hāsyimīyyah. Ibu ‘Alī bin Abī Tālib dan ibu mertua Fātimah bint Rasūlillāh S.A.W. Beliau adalah di antara wanita-wanita pertama berhijrah ke Madinah dan wanita Bani Hāsyim yang pertama melahirkan lelaki Bani Hāsyim. Lihat al-Dhahabī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 54.

⁸⁷⁷ Asad al-Dīn Syīrikūh, bapa saudara Sultān Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī. Kubur beliau terletak di Timur Masjid Nabi. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 343 - 344.

tetapi sudah dibaharukan sekarang dan kubur Sittinā⁸⁷⁸ ‘Ā’isyah, pun di sana yakni di Baqī’ dan kubur Imām Mālik r.a. *ajma’īn* dan beberapa lagi kubur Sahabat dan *Tābi’īn*. Dan sunat ia pergi [men]ziarah[i] kepada Jabal Uhud,⁸⁷⁹ kepada Sayyidinā Ḥamzah⁸⁸⁰ dan beberapa *Syuhadā’* di sana pada pagi-pagi Hari Khamis. Maka hendaklah ia sembahyang dua rak’at pada Masjid Nabi S.A.W., kemudian ia kembali ke Madinah, sembahyang Zohor di Masjid Nabi S.A.W..⁸⁸¹ Dan sunat ia pergi kepada Masjid Qubā’⁸⁸² pada pagi-pagi Hari Sabtu, ia berniat

⁸⁷⁸ Asad al-Dīn Syirkūh, bapa saudara Sultān Salāh al-Dīn al-Ayyūbī. Kubur beliau terletak di Timur Masjid Nabi. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 343 - 344.

⁸⁷⁹ Nama bukit yang berlakunya Peperangan Uhud. Peperangan Uhud adalah bersempena dengan nama bukit ini dan dikenali juga dengan nama “Bukit Merah.” Terletak lebih kurang 4 k.m. di Utara Madinah dan merupakan bukit yang paling dekat dengan Madinah. Merentang dari Timur ke Barat sepanjang 6 k.m. dan tingginya 1,200 meter.

Jabal Uhud merupakan satu medan peperangan yang hebat lagi dahsyat antara tentera Islam pimpinan Rasulullah S.A.W. dengan tentera musyrikin di bawah pimpinan Abū Sufyān. Setelah tentera musyrikin berjaya diusir dengan meninggalkan banyak harta rampasan, sebahagian tentera Islām telah mulai gelap mata untuk memungut harta-harta tersebut dengan meninggalkan kubu pertahanan, walaupun telah diberi amaran oleh Rasulullah S.A.W. supaya jangan sesiapa pun meninggalkan kubu pertahanan, terutamanya di atas Bukit ‘Aynayn, di mana ditempatkan 50 orang ahli panah yang dipimpin oleh ‘Abdullāh bin Jubayr. Panglima Khalid ibn al-Walid yang terkenal dengan gagah perkasa lagi bijak, baik sebelum Islam mahupun sesudah Islam, ketika melihat tentera Islam sedang leka dan larai disebabkan harta rampasan, dengan pantas menyusun bala tenteranya dan menyerbu di segenap penjurusan menyebabkan tentera Islam kelam-kabut dan kacau-bilau.

Peperangan Uhud yang dahsyat itu telah mengurbankan Sayyid al-Syuhadā’ - Ḥamzah - bapa saudara Nabi S.A.W. bersama 5 orang Muhibirin dan 70 orang Ansar, mereka dimakamkan di kaki bukit ini. Di antara mereka ialah anak saudara Ḥamzah iaitu ‘Abdullāh bin Jahsy dan Muṣ’ab bin ‘Umayr. Rasulullah S.A.W. berikrar menjadi saksi kepada mereka dengan sabda Baginda: أَنْ شَهِيدَ عَلَى هُؤُلَاءِ.

Lihat *al-Kutub al-Sittah* (1981), *Saḥīḥ al-Bukhārī*, *op. cit.*, j. 2. Kitāb al-Janā’iz, Bāb Man Yuqaddam fī al-Lahd, (t.no.), h. 94.

Mengenai kelebihan Uhud pula, Baginda S.A.W. bersabda: أَخْدُ رُكْنٍ مِّنْ أَرْكَانِ الْحَجَّةِ. Lihat al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 219 dan 231. Baginda S.A.W. sendiri telah luka di lutut, muka, pecah bibir dan patah gigi hadapan. Puteri Baginda sendiri, Fāṭimah menolong mengubati luka-luka Baginda hingga dapat meneruskan pertempuran semula. Peperangan itu berlaku pada tahun ke 3H. Lihat Yāqūt al-Ḥamawī al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 1, h. 109; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 344; Mustaffā Suhaimi (1996), *op. cit.*, h. 195; Lembaga Tabung Haji (1995), *op. cit.*, h. 271; Suhaimee Yassin (1995), *op. cit.*, h. 382.

⁸⁸⁰ Beliau ialah Abū ‘Umārah, Abū Ya’lā, Ḥamzah bin ‘Abd al-Muṭṭalib bin Ḥāsyim bin ‘Abd Manāf bin Quṣay bin Kilāb al-Qurasyī al-Ḥāsyimī al-Makkī al-Madāni al-Badārī al-Syahid. Seorang imam dan pahlawan yang terbilang. Digelar “Singa Allah.” Beliau adalah bapa saudara Nabi S.A.W. dan adik beradik sesusu dengan Baginda. Lihat al-Dhahabī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 21.

⁸⁸¹ Lihat keterangannya dalam Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 472.

⁸⁸² Berasal dari nama sebuah telaga di sana, lalu kampung itu dikenali dengan nama tersebut. Terletak sejauh dua batu dari Madinah iaitu di sebelah kiri jalan menuju ke Makkah. Di sana terdiri Masjid al-Taqwā dan disebut juga Masjid al-Rasūl. Merupakan masjid pertama diasaskan di Madinah dan tempat Sembahyang Juma’at yang pertama dalam Islam.

menda[m]pingkan dengan ziarahnya dan sembahyang padanya karana⁸⁸³ sembahyang dua rak'at padanya menepati 'umrah sekali⁸⁸⁴ dan ada padanya beberapa masjid di sana, setengahnya masjid *saghîr* yakni kecil, berhubung dengan dia, dikatakan bahawasanya Nabi S.A.W. sembahyang Zohor dan 'Asar pada Hari Uhud tatkala sudah bercerai⁸⁸⁵ daripada berperang. Dan adalah pada pihak kiblatnya satu tempat yang dikorek batunya, [di] atas kubur kepala manusia. Dikatakan bahawasanya Nabi S.A.W. duduk [di] atas batu yang terhampar di sana yang di bawahnya. Dan setengahnya Masjid al-Jumu'ah dan Masjid Bani Qurayzah⁸⁸⁶ dan Masjid al-Bughlah dan Masjid [al-]Ijâbah dan Masjid [al-]Muşâllâ⁸⁸⁷ dan Masjid Abî Bakr dan Masjid 'Alî dan Masjid Abî Dharr dan Masjid Thaniyyat al-Wadâ'⁸⁸⁸ dan beberapa banyak lagi ada padanya. Maka

Menceritakan tentang kelebihan masjid ini, Rasulullah S.A.W. pernah bersabda: "صَلَّةٌ فِي مَسْجِدٍ فُضَّلٌ كَعْرَةٌ". Lihat al-Bayhaqî (t.t.), *op. cit.*, j. 5. Kitâb al-Hajj, Bâb Ityân Masjid Qubâ' wa al-Şâlî fih, (t.no.), h. 248.

Satu kesan sejarah yang unik dalam Masjid Qubâ' ini tidak terdapat di mana-mana masjid dalam dunia kerana di masjid ini ada dua mihrâb. Satu mihrâb terletak di tengah masjid, bahagian hadapan yang biasanya untuk kegunaan imam atau sebagai tanda arah kiblat. Yang satu lagi ialah mihrâb yang terletak di sebelah kiri di mana menurut sejarah, dari mihrâb itulah Rasulullah S.A.W. dengan tunjukan Jibril a.s., dapat melihat secara langsung bangunan Ka'bah yang beratus-ratus kilometer jauhnya, walaupun dilindungi oleh gunung-ganang dan sebagainya bagi menentukan arah kiblat Masjid Qubâ'.

Masjid Qubâ' dikenali sebagai masjid keempat termasyur selepas Masjid Ḥarâm, Masjid Nabawi dan Masjid Aqṣâ. Lihat Al-Mundhîrî (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 217 - 218; Yâqût al-Ḥamawî al-Baghdâdî (1957), *op. cit.*, j. 4, h. 301; Wahbah al-Zuhaylî (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 342; Suhaimee Yassin (1995), *op. cit.*, h. 366 - 367; Md. Daud Che Ngah (1999), *op. cit.*, h. 227.

⁸⁸³ (kerana).

⁸⁸⁴ "مَنْ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ حَتَّى يَأْتِي مَسْجِدَ قُبَّةَ وَيُصْلِي فِيهِ كَانَ لَهُ عَدْلٌ عَمِرَةٌ". Hadith riwayat al-Nâsâ'i dan Ibn Majah daripada hadith Sahl bin Hunayf dengan sanad yang sahih. Lihat Al-Ghazzâlî (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 472.

⁸⁸⁵ (bersurai).

⁸⁸⁶ Masjid ini terletak berhampiran dengan Masjid Qubâ'. Tempatnya dikenali sebagai kebun buah-buahan. Bani Qurayzah adalah suatu suku kaum Yahudi yang telah dikenakan kepungan atas perintah Rasulullah S.A.W. Baginda sendiri pernah singgah di tempat yang kini menjadi tapak Masjid Bani Qurayzah. Lihat Md. Daud Che Ngah (1999), *op. cit.*, h. 228.

⁸⁸⁷ Nabi S.A.W. menunaikan sembahyang dua hari raya di situ. Lihat Wahbah al-Zuhaylî (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 343.

⁸⁸⁸ Al-thâniyyah pada bahasa bererti jalan yang tinggi di atas bukit. Lihat al-Mundhîrî (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 184. Tempat untuk mengucapkan selamat tinggal ketika musafir. Ia merupakan sebatang jalan di atas bukit yang menghadap ke arah Madinah dan dilalui oleh orang yang hendak pergi ke Makkah. Ia adalah satu nama yang klasik sejak zaman jahiliyah lagi. Jalan itu dinamakan Thaniyyat al-Wadâ' kerana untuk mengucapkan selamat jalan kepada musafir. Lihat Yâqût al-

sunat ia pergi sembahyang di sana dan dikehendak[i] dengan masjid itu iaitu tempat Nabi S.A.W.. Dan sunat ia pergi kepada Masjid Qiblatayn⁸⁸⁹ dan sunat pula ia pergi

[Halaman 68]

[men]ziarah[i] akan telaga yang tujuh iaitu Bi'r Arīs iaitu [ber]hampir[an] dengan Masjid Qubā'. Maka hendaklah ia meminum daripadanya karana⁸⁹⁰ bahawasanya Nabi S.A.W. mengambil air sembahyang dan mandi dan minum daripadanya, hal keadaannya mengambil *tabarruk*⁸⁹¹ dan karana⁸⁹² *syifā*⁸⁹³ dan adalah tempatnya *ma'rūf*⁸⁹⁴ pada *ahl al-Madīnah*. Dan sunat memberi sedekah [ke]pada [penduduk] Madinah barang sedapatnya karana⁸⁹⁵ berbuat kebajikan bagi jiran Nabi S.A.W. [sangat] dituntut . Dan sunat ia berbanyak-banyak puasa dan mengerjakan bagi kebajikan dan me[ng]khatamkan [al-]Qur'ān. Bermula mukim di Madinah seperti mukim di Makkah dan haram memindah[kan] Tanah Ḥarām Madinah dan sunat ia [men]ziarah[i] pada kubur Nabi [S.A.W.] pada tiap-tiap masuk ke Masjid dan tiap-tiap keluar daripadanya jika tiada takut membawak⁸⁹⁶ kepada [men]cedera[kan] dengan adabnya. Maka jika [di]takut[i] membawak⁸⁹⁷

Hamawi al-Baghdādī (1957), *op. cit.*, j. 2, h. 86.

⁸⁸⁹ Sebuah masjid yang terletak di Wādī al-'Aqīq, Barat Laut Madinah. Dinamakan demikian kerana ia mempunyai dua kiblat, pertama menghalau ke Utara iaitu ke Bayt al-Maqdis dan kedua mengadap ke arah Selatan iaitu Makkah. Kedua-dua mihrāb ini dipelihara dengan baik. Pada masa turunnya wahyu yang mengarahkan Rasulullah S.A.W. mengubah arah kiblat, Baginda sedang mendirikan Sembahyang Zohor bersama para Sahabat. Lantas Baginda mengubah iblat sembahyang mengarah ke Masjid Harām di Makkah. Arah kiblat yang baru itu ditunjukkan oleh Malaikat Jibril sesudah menyampaikan wahyu itu kepada Rasulullah S.A.W. Peristiwa itu berlaku pada Hari Ithnīn, 15 Rajab tahun ke 2H ketika Rasulullah S.A.W. datang ke kampung Bani Sālimah untuk menziarahi seorang perempuan bernama Ummu Basyar bint al-Barā'ah. Perempuan itu menyediakan jamuan makan tengahari untuk Rasulullah S.A.W. Setelah masuk Waktu Zohor, Baginda menunaikan sembahyang di masjid kampung itu yang bertempat di Masjid al-Qiblatayn sekarang ini. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 343; Suhaimee Yassin (1995), *op. cit.*, h. 371.

⁸⁹⁰ (kerana).

⁸⁹¹ (mengambil berkat). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 63.

⁸⁹² (kerana).

⁸⁹³ (memohon kepada Allah supaya menyembuhkan penyakit). *Ibid.*, h. 200.

⁸⁹⁴ (diketahui umum). *Ibid.*, h. 263.

⁸⁹⁵ (kerana).

⁸⁹⁶ (membawa).

[men]cedera[kan] dengan adabnya. Maka jika [di]takut[i] membawakan⁸⁹⁷ kepada [men]cedera[kan] adab sertanya maka tiada dituntut. Sabda Nabi S.A.W.:

لَا يَصِيرُ عَلَى لَأْوَانِهَا وَشَدَّتْهَا أَحَدٌ إِلَّا كُنْتُ لَهُ شَفِيعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.⁸⁹⁸

[Maksudnya]: Tiada[lah] [se]seorang [itu] [ber]sabar [di] atas kepicikannya⁸⁹⁹ dan kepayahannya [se]seorang melainkan adalah aku baginya me[n]syafa'atkan[nya] pada Hari Kiamat. Dan lagi sabda Nabi S.A.W.:

مَنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَمُوتَ بِالْمَدِينَةِ فَلَيْمُتْ فَإِنَّ لَنْ يَمُوتَ أَحَدٌ إِلَّا كُنْتُ لَهُ شَفِيعًا أَوْ شَهِيدًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.⁹⁰⁰

[Maksudnya]: Barang siapa [ber]kuasa bahawa ia mati di Madinah maka hendaklah ia mati, maka bahawasanya tiada mati dengan dia seorang melainkan [aku] adalah me[n]syafa'atkan[nya] atau menaik saksi [kepadanya] pada Hari Kiamat. Dan sunat apabila ia hendak kembali kepada negerinya ia sembahyang dua rak'at pada Rawḍah, demikian lafaz niatnya:

أَصْلَى سَنَةَ الْوَدَاعِ تَحِيَّةَ الْمَسْجِدِ الشَّرِيفِ رَكْعَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Kemudian ia pergi kepada kubur Nabi [S.A.W.], ia memberi salam seperti dahulu. Kemudian ia mintak⁹⁰¹ doa banyak-banyak bagi dirinya dan bagi orang yang dikasih[inya]. Kemudian maka [hendaklah] dibaca:

⁸⁹⁷ (membawa).

⁸⁹⁸ Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 9. Kitāb al-Hajj, Bāb al-Targhib fī Suknā al-Madīnah wa Faḍl al-Šabr ‘alā La’wā’ihā wa Syiddatihā, (t.no.), h. 152; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 444; Al-Mundhiri (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 219.

⁸⁹⁹ (kepicikannya).

⁹⁰⁰ Lihat *al-Kutub al-Sittah* (1981), *Sunan Al-Turmudī*, *op. cit.*, j. 5. Kitāb al-Manāqib, Bāb Fī Faḍl al-Madīnah, no. ḥadīth 3917, h. 719; Ibn Mājah, *Sunan*, *op. cit.*, j. 2. Kitāb al-Manāsik, Bāb Faḍl al-Madīnah, no. ḥadīth 3112, h. 104; Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 444.

⁹⁰¹ (meminta).

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالِيٍّ مُحَمَّدٍ. اللَّهُمَّ لَا تَجْعَلْ أَخْرَى الْعَهْدِ بِيَسِّيكَ وَحْكُمُ أَوْزَارِي
بِرِّيَارِتِهِ وَأَصْبِحْنِي فِي مَفْرَقِ السَّلَامَةِ وَيُسِّرْ رُجُوعِي إِلَى أَهْلِي وَوَطَنِي سَالِمًا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

902

Atau dibacanya :

اللَّهُمَّ لَا تَجْعَلْ هَذَا أَخْرَى الْعَهْدِ مِنْ حَرَمِ رَسُولِكَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيُسِّرْ لِي الْعُودَةِ إِلَى
الْحَرَمَيْنِ سَهْلاً سَهْلاً وَأَرْزُقْنِي

[Halaman 69]

الْعَفْوُ وَالْغَافِيَةِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَرُدْنَا إِلَى أَهْلِنَا سَالِمِينَ غَانِمِينَ.⁹⁰³

Dan ia berpaling ke pihak hadapannya dan jangan ia berjalan [meng]undur [ke] belakang. [Seterusnya berdoa]:

نَسْأَلُ اللَّهَ تَعَالَى بِمُنْهُ وَسَكَمِهِ أَنْ يَرْزُقَنَا الزِّيَارَةَ فِي كُلِّ سَنَةٍ

dan

وَفِي الْآخِرَةِ شَفَاعَتَهُ، عَامِينَ.⁹⁰⁴

Maka apabila kembali ke negerinya atau kepada barang yang dikehendak[i]nya sama ada ia orang haji atau orang ziarah maka sunat ia [ber]takbir tiga kali, demikian bunyinya:

⁹⁰² Al-Ghazzālī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 474; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 342.

⁹⁰³ Al-Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 209; *Al-Adhkār* (1413H), *op. cit.*, j. 1, h. 524; Ibn Qudāmah (1972), *op. cit.*, j. 3, h. 492.

⁹⁰⁴ Penulis tidak menemui doa ini setelah penelitian yang lama.

اللَّهُ أَكْبَرُ . اللَّهُ أَكْبَرُ . لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ . لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْمِنُ
وَيُمْسِطُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ . آيُونَ تَائِبُونَ غَابِدُونَ سَاجِدُونَ لِرَبِّنَا حَامِدُونَ . صَدَقَ اللَّهُ
وَعْدَهُ وَتَصَرَّ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ . كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ .

Maka apabila hampir [ke] negeri[nya] maka [hendaklah] dibacanya:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا وَخَيْرَ أَهْلِهَا وَخَيْرَ مَا فِيهَا . وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ أَهْلِهَا وَشَرِّ مَا
فِيهَا .

Maka manakala sampai kepada negerinya maka hendaklah dibacanya:

اللَّهُمَّ اجْعَلْ لَنَا بِهَا فَرَارًا وَرِزْقًا حَسَنًا . اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا حَيَاةً وَأَعِذْنَا مِنْ وَيْناهَا وَحَبَّتِنَا إِلَى أَهْلِهَا
وَحَبَّبْ صَالِحِي أَهْلِهَا إِلَيْنَا .

[Untuk] mencari *tabarruk*⁹⁰⁸ [hendaklah] ia bawak⁹⁰⁹ kepada ahlinya - jangan ia datang dengan kosong dua tangannya - barang sekuasanya dan barang sedapatnya, jikalau batu sekalipun supaya diberikan kepada *ahl'mya*⁹¹⁰ tatkala ia sampai kepadanya [mereka]. Dan jangan ia masuk dengan terkejut tetapi sunat ia berhenti di luar negeri. Maka [hendaklah] ia menyuruh orang [supaya] sampaikan khabar kepadanya, maka jangan ia masuk melainkan ia [mereka] datang

⁹⁰⁵ Ibn Hajar al-'Asqalani (1978), *op. cit.*, j. 8. Kitab al-Hajj, Bab Ma Yaqul idha Raja'a min al-Hajj aw al-'Umrah aw al-Ghazw, no. hadith 1797, h. 108; Al-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, j. 9. Kitab al-Hajj, Bab Ma Yuqul idha Raja'a min Safar al-Hajj wa Ghayrih, (t.no.), h. 112 – 113.

⁹⁰⁶ Al-Bayhaqi (t.t.), *op. cit.*, j. 3. Kitab Shalat al-Istisqa', Bab Ma Kana Yaqul 'ind hubub al-Rih wa Yunhah 'an Sabbihah, (t.no.), h. 360; Wahbah al-Zuhayli (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 354.

⁹⁰⁷ Al-Hindi (1985), *op. cit.*, j. 14. Kitab al-Hajj, Bab al-Madinah al-Munawwarah 'alā Sakinihā Afdal al-Shalāh wa al-Salām, no. hadith 38157, h. 135; Al-Zubaydi (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 431; Al-Ghazzali (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 475; Wahbah al-Zuhayli (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 354. (mengambil berkat).

⁹⁰⁹ (membawa).

⁹¹⁰ (keluarganya). *Ibid.*, h. 52.

menyambut[nya] supaya jangan [menyebabkan] kesakitan bagi *ahl̄īya*⁹¹¹ dengan yang demikian itu. Maka apabila [dia] [me]masuk[i] [tempat kediamannya] maka sunat ia *qasad* ke masjid, sembahyang dua rak'at sunat *qudūm*, demikian lafaznya:

اَصْلَى رَكْعَتَيْنِ سُنَّةَ الْقُدُومِ تَحِيَّةً لِلْمَسْجِدِ لِلَّهِ تَعَالَى .

Kemudian maka sunat ia mintak⁹¹² doa dan [ber]syukur akan Allah Ta'ala [di]atas beberapa nikmat, bahawa ia selamat sejahtera sampai ke negerinya dengan *'āfiyat*⁹¹³ dan dapat berjumpa dengan kaum keluarganya. Dan sunat bagi orang yang berjumpa dengan orang haji itu bahawa berkata ia baginya:

تَبَّعَ اللَّهُ حَجَّكَ وَغَفَرَ ذَنْبَكَ وَأَخْلَفَ نَفْقَتَكَ .⁹¹⁴

[Halaman 70]

Ertinya: Telah diterima Allah akan haji kamu dan diampun[kan] akan dosa kamu dan digantiNya segala belanja kamu. Dan sunat bagi orang haji itu ia mintak⁹¹⁵ ampun bagi orang yang memberi salam [ke] atasnya dan [ke] atas orang yang dikehendak[inya] karana⁹¹⁶ sabda Nabi S.A.W.:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْحُجَّاجِ وَلِمَنِ اسْتَغْفِرَ لَهُ الْحَاجُ .

⁹¹¹ (keluarganya).

⁹¹² (meminta).

⁹¹³ (selamat). Lihat *al-Munjid* (1986), *op. cit.*, h. 517.

⁹¹⁴ Lihat Al-Nawawi (1413H), *op. cit.*, j. 1, h. 576; Wahbah al-Zuhayli (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 354.

⁹¹⁵ (meminta).

⁹¹⁶ (kerana).

[Maksudnya]: Hai Tuhanmu! Ampun[ilah] olehMu bagi segala orang yang [telah mengerjakan] haji dan bagi orang yang dimintak⁹¹⁷ ampun oleh orang yang [telah mengerjakan] haji. Dan apabila sampai ke rumahnya maka sunat dibacanya:

ثُبَّنْ ثُبَّنْ لِرَبِّنَا أَوْ بِالْيَعْدَادِ عَيْنَتْ حَوْنَا.⁹¹⁸

Maka apabila [telah] tetap [menetap] ia pada tempat kediamannya maka tiada seyogianya⁹¹⁹ ia lupa daripada barang yang telah diberi nikmat [oleh] Allah Ta'ala [ke] atasnya daripada haji dan ziarah daripada mendirikan segala yang disuruhNya dan menjauhkan barang yang ditegahNya, maka jadilah ia me[ng]kufurkan nikmat seperti ia kembali kepada [ke]lalai[an] dan bermain-main dan suka kepada *ma'āshi*,⁹²⁰ maka tiadalah yang demikian daripada alamat haji yang *maqbūl*. Tetapi adalah alamat haji yang *maqbūl* itu bahawa kembali ia benci akan dunia dan gemar akan Akhirat. Bersedia ia bagi melihat akan Tuhan, empunya *bayt Allāh*, kemudian daripada itu melihat *bayt Allāh*. Kata setengah [ulamak], alamat haji yang *maqbūl* itu bahawa adalah kemudian daripada kembali daripada haji itu baik ia perangainya dan bertambah kebajikannya daripada barang dahulu daripada hajinya dan adalah kebajikannya itu berkekalan dan bertambah.⁹²¹ Inilah akhir risalah yang bernama:

غَایةُ الْمَرَامِ فِي كِيفِيَّةِ اَدَاءِ حَجَّ الْإِسْلَامِ.

Dan aku pohonkan [kepada] Allah bahawa '*umām* [me]manfaat[kan]nya dan aku pohonkan pula pahalanya bahawa ku hadiahkan لِرُوحِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ dan telah ku

⁹¹⁷ (diminta).

⁹¹⁸ *Al-Kutub al-Sittah* (1981), *Musnad Almad Ibn Hanbal*, op. cit., j. 1, h. 256; *Al-Ghazzālī* (t.t.), op. cit., j. 3, h. 475; Wahbah al-Zuhaylī (1989), op. cit., j. 3, h. 355.

⁹¹⁹ (eloknya).

⁹²⁰ (Kata jamak bagi *ma'syāyah*). Bermaksud "melanggar perintah Syarak atau dosa". Lihat Mahmud Yunus (1991), op. cit., h. 269.

⁹²¹ *Al-Ghazzālī*, *Iḥyā' 'Ulām al-Dīn*, op. cit., Jld. 3, hlm. 475.

[ber]ikrar bahawa adalah cederanya dan kekurangannya [di]sebab[kan] barang yang dijadikan daripada *tabī'at basyariyyah*.⁹²² Dan lagi adalah masanya pun sedikit, dengan bersegera pada kira-kira sepuluh hari dan banyak pekerjaan, tetapi aku [ber]harap kepada Allah S.W.T. me[ng]ilhamkan bagi *sawāb*.⁹²³ Hai saudaraku! Barang yang adalah salahnya, baiki[lah] akan dia dengan jalan insaf jika sudah menyalahi *ittifāq*⁹²⁴ ulamak padanya karana⁹²⁵ orang yang

[Halaman 71]

menu[n]ukkan kebajikan itu seperti ia [meng]usaha[kan] akan dia. Maka aku sudahkan dengan dua kalimah yang ringan pada lidah dan berat pada timbangan dan dikasih oleh Tuhan yang bersifat Rahmān⁹²⁶ iaitu:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ . وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ . وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كُلُّمَا ذَكَرَهُ النَّذَكِرُونَ وَكُلُّمَا غَفَلَ عَنْ ذِكْرِهِ الْغَافِلُونَ . سُبْحَانَ رَبِّنَا رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

⁹²² (*tabī'at manusia*). Lihat Mahmud Yunus (1991), *op. cit.*, h. 65.

⁹²³ (betul). *Ibid.*, h. 223.

⁹²⁴ (persejuaan atau persepakatan). *Ibid.*, h. 503.

⁹²⁵ (kerana).

⁹²⁶ (Maha Pemurah). *Ibid.*, h. 139.

Dan telah selesai daripada me[n]taswid[kan]⁹²⁷ akan kertas ini pada malam *Rubu'*
[Rabu], lima hari Bulan Dhū al-Qā'idah pada Hijrah Nabi

عَلَيْهِ أَفْضَلُ الصَّلَاةِ وَأَرْكَى التَّسْلِيمِ

scribu dua ratus dua puluh sembilan tahun [1229H]
di dalam Makkah al-Musyarrafah.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

⁹²⁷ (menghitamkan). Maksudnya ialah menulis, mengarang atau berkarya.